

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KUALITI
SIFAT PERIBADI KEPIMPINAN KEPALA DAERAH
DI KABUPATEN KAMPAR RIAU INDONESIA**

ABU SAMAH



UUM
Universiti Utara Malaysia

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2016**

**PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KUALITI
SIFAT PERIBADI KEPIMPINAN KEPALA DAERAH
DI KABUPATEN KAMPAR RIAU INDONESIA**



**Oleh:
ABU SAMAH**

UUM
Universiti Utara Malaysia

**Tesis Diserahkan kepada Ghazali Shafie Graduate School of
Government, Universiti Utara Malaysia
bagi memenuhi syarat Ijazah Doktor Falsafah
2016**

KEBENARAN PENGGUNAAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Doktor Falsafah Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Saya dengan ini bersetuju memberikan kebenaran kepada penyelia saya atau Dekan Pascasiswazah dan Penyelidikan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa (jika tanpa kehadiran saya) membuat salinan sebahagian atau sepenuhnya tesis dalam apa jua bagi tujuan kesarjanaan. Sebarang penyalinan atau penerbitan tesis ini bagi memperoleh faedah kewangan mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Penghargaan yang sewajarnya juga hendaklah diberikan kepada Universiti Utara Malaysia untuk sebarang penggunaan bahan yang terdapat dalam tesis ini bagi tujuan ilmiah.

Permohonan untuk membuat salinan atau penggunaan bahan dalam tesis ini sama ada sepenuhnya ataupun sebahagian, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Pascasiswazah dan Penyelidikan
Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
MALAYSIA

ABSTRAK

Berdasarkan Undang-Undang Autonomi Daerah No. 32 Tahun 2004, Kepala Daerah di Indonesia disyaratkan memiliki kualiti peribadi yang tinggi seperti kualiti sosial, agama dan teknikal. Namun pada realitinya, kualiti sifat peribadi yang disyaratkan tersebut kurang diamalkan sehingga menyebabkan berlakunya korupsi seperti pecah amanah, rasuah dan penipuan. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis persepsi masyarakat Kabupaten Kampar terhadap kualiti sifat peribadi sosial, agama, dan teknikal yang diamalkan oleh Kepala Daerah di Kabupaten Kampar, Riau. Kepentingan utama kajian ini adalah untuk memberi kesedaran tentang betapa pentingnya kualiti sifat peribadi Kepala Daerah dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran daerah. Kajian ini berbentuk kajian lapangan yang melibatkan penggunaan soalselidik dan temubual. Responden kajian ini iaitu seramai 510 orang telah dipilih daripada tiga buah mukim iaitu Kampar Kiri Hulu, Kampar Kiri Hilir dan Bangkinang Barat. Manakala temubual telah diadakan dengan 205 orang responden yang dipilih daripada kalangan tokoh masyarakat, tokoh pemuda dan tokoh agama. Hasil kajian ini mendapati majoriti masyarakat iaitu 56% menyatakan kualiti peribadi Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau, Indonesia adalah rendah. Manakala ciri-ciri kualiti peribadi yang paling rendah adalah ciri kualiti peribadi agama iaitu 56%, diikuti kualiti peribadi sosial, 50% dan kualiti peribadi teknikal, 43%. Akibat daripada kelemahan ini, Kepala Daerah tidak dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik dan ia menjadi salah satu faktor yang menjejaskan pembangunan di Kabupaten Kampar Riau, Indonesia. Sumbangan kajian ini diharapkan menjadi panduan kepada Kepala Daerah untuk meningkatkan kualiti peribadi mereka dalam aspek-aspek seperti kualiti peribadi sosial, agama dan teknikal.

Kata kunci: *Kepala Daerah, Kabupaten Kampar, Kualiti Peribadi Sosial, Kualiti Peribadi Agama, Kualiti Peribadi Teknikal.*

ABSTRACT

Based on the Regional Autonomy Law No. 32 Year 2004, the District head in Indonesia are required to possess high personal qualities such as social, religious, and technical qualities. However, in reality, the required natures of personal qualities are rarely practiced and consequently lead to corruptions such as breach of trust, bribery, and fraud. The main objective of this research is to analyze the society's perceptions towards the Kepala Daerah social, religious, and technical nature of their personal qualities in Kabupaten Kampar, Riau. The main interest of this study is to create awareness on the importance of Kepala Daerah personal qualities in performing administrative tasks in their respective district. This field study involved the use of questionnaires and interviews. For the distribution of questionnaires, 510 respondents are chosen from three sub-districts namely Kampar Kiri Hulu, Kampar Kiri Hilir and Bangkinang Barat. While for interviews, 205 interviewees are chosen among the community leaders, youth leaders, and religious leaders. The outcome of this research found 56% or majority of the respondents stated that the personal qualities of the Kepala Daerah in Kabupaten Kampar are low. Whereas the lowest personal qualities characteristics are religious personal qualities (56%), follows by social personal qualities (50%), and technical personal qualities (43%). As a result of these weaknesses, the Kepala Daerah are unable to carry out their responsibilities well and hence occurs as one of the factors that affect the development at Kabupaten Kampar, Riau, Indonesia. This research contributes by providing guidelines for the Kepala Daerah in order for them to increase their personal qualities in aspects such as social, religious and technical personal qualities.

Keywords: *Kepala Daerah, Kabupaten Kampar, Social Personal Qualities, Religious Personal Qualities, Technical Personal Qualities.*

PENGHARGAAN

Dengan menyatukan hati kepada zat yang maha Agung yakni Allah S.W.T atas limpahan taufik hidayahnya, kerana wajarlah kira saya panjatkan kesyukuran ini ke hadrat Allah S.W.T yang telah melindungi saya selama penyelesaian disertasi ini. Selawat beserta salam atas junjungan kita Nabi Muhamad S.A.W. yang telah membuka ilmunan. Disepanjang tempoh saya mengikuti pengajian Doktor Falsafah ini, berbagai pihak individu maupun kumpulan terlibat dalam memberikan kerjasama dan sokongan yang saya rasakan perlu diberikan setinggi-tinggi penghargaan. Pertamanya, setinggi-tingginya ucapan terimakasih saya tujukan kepada yang amat berbahagia penyelia saya, Profesor Dr. Muhamad Ali Bin Embi atas segala bimbingan dan dorongan beliau sehingga penyelidikan ini siap dengan jayanya.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terimakasih kepada yang berbahagia Prof Dr. Ir Hj Hasan Basri Jumin, MS, MSc, selaku bekas Rektor Universiti Islam Riau yang telah memberikan izin dan kesempatan kepada saya untuk mengikuti pengajian Doktor Falsafah ini. Tidak ketinggalan, ucapan yang berbahagia Profesor Dr. Hj. Detri Karya, SE, MA selaku Rektor university Islam Riau atas perhatian yang diberikan sepanjang tempoh saya melanjutkan pengajian ini. Tidak ketinggalan buat Dr. Ir. Hj Agusnimar, MSc selaku sekretaris jawatankuasa kerjasama program Doktor UUM-UIR dan Dr. Zul Akrial SH, M.HUM selaku setiausaha kerjasama program Doktor UUM-UIR. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada Almarhuma Ibunda saya Niamin binti Seepam yang tidak

sempat menikmati kejayaan anakmu ini, semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas pengorbanan beliau dalam mendidik dan membesarkan kami adik beradik, Allah S.W.T juga yang akan membalasnya.

Penghargaan juga saya tujukan khas buat Suswati binti Daroma Taksia atas dorongan serta semangat yang diberikan, kesabaran dan yang ditujukan menguat semangat saya untuk menempuh masa-masa yang sukar. Tidak ketinggalan buat Puan Suharsimi Absus, Nurkhalis Absus, Elvi Rahmi Absus, Arrahmi, dan Nurul Huda yang moga-moga suatu hari nanti mengikuti gerak langkah ayahnda, amin ya Allah S.W.T.

Kepada yang sama-sama mengharungi pahit manis pengajian Ph.D dari Universiti Islam Riau, saya ucapkan terus semangat. Kebaikan dan jasa mereka semua tetap saya kenang. Wassalam dan Terimakasih.

Sintok, Kedah Darul Aman,

Juni 2016

Penulis

Abu Samah

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN TAJUK	i
KEBENARAN PENGGUNAAN	iii
PERAKUAN KERJA TESIS/ DISERTASI	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI ILUSTRASI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Masalah	5
1.2 Persoalan Kajian	16
1.3 Objek Kajian	16
1.4 Definisi Konsep	17
1.5 Definisi Operasional	17
1.6 Model Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	20
1.8 Penyusunan Bab	20
1.9 Rumusan	23

BAB 2 : ULASAN KARYA TEORI KUALITI PERIBADI KEPEMIMPINAN	24
2.0 Pengenalan	24
2.1 Teori Kualiti Sifat Peribadi Kepimpinan Menurut Prospektif Tradisional Indonesia	25
2.2 Teori Kualiti Sifat Peribadi Kepimpinan Menurut Perspektif Barat.	30
2.2.1 Kualiti Sifat Peribadi Kepimpinan Menurut Ordway Tead	31
2.2.2 Kualiti Sifat Peribadi Kepimpinan Menurut John D. Millet	32
2.2.3 Kualiti Sifat Peribadi Kepimpinan Menurut Keith Davis	32
2.2.4 Kualiti Sifat Peribadi Kepimpinan Menurut Chester I Barnard	32
2.2.5 Kualiti Sifat Peribadi Kepimpinan Menurut Raph Stogdill	33
2.3 Teori Perilaku	36
2.4 Teori Humanistik	41
2.5 Teori Kualiti Sifat Peribadi Kepimpinan Menurut Perspektif Islam	42
2.6 Sifat Peribadi Kepemimpinan Nabi Muhammad S.A.W	47
2.7 Sifat Peribadi Kepemimpinan Khulafa al-Rasyidin (Abu Bakar al-Shidiq, Umar bin Khattab, Usman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib)	58
2.8 Sifat Peribadi Kepemimpinan Khalifah Umar bin Abdul Aziz	71
2.9 Hasil Perbincangan Teori	72
2.10 Teori-Teori Yang Digunakan Dalam Kajian	90
2.11 Rumusan	93
 BAB 3 : TRANSFORMASI PERANAN KEPALA DAERAH DI INDONESIA	 95
3.0 Pengenalan	95
3.1 Masa Orde Lama	95

3.1.1	Undang-undang No. 1 Tahun 1945 Tentang Komite Daerah	96
3.1.2	Undang-undang No. 22 Tahun 1948 Tentang Pemerintahan Daerah	98
3.1.3	Undang-undang No. 1 Tahun 1957 Tentang Pemerintahan Daerah	99
3.1.4	Penetapan Presiden No. 6 Tahun 1959 Tentang Pemerintahan Daerah	100
3.1.5	Undang-undang No. 18 Tahun 1965 Tentang Pemerintahan Daerah	103
3.2	Semasa Orde Baru	107
3.3	Semasa Reformasi	121
3.3.1	Undang-undang No. 22 Tahun 1999 Tentang Pemerintahan Daerah	121
3.3.2	Undang-undang No. 32 Tahun 2004 Tentang Pemerintahan Daerah	124
3.4	Rumusan	131
BAB 4 : METODOLOGI		141
4.0	Pengenalan	141
4.1	Profil Responden	142
4.2	Reka Bentuk Kajian	145
4.3	Instrumen Kajian	147
4.4	Jenis Data	148
4.5	Pengumpulan Data dan Lokasi Kajian	149
4.5.1	Pemerhatian	152
4.5.2	Soal Selidik	154
4.5.3	Temu Bual secara mendalam (<i>in depth interview</i>)	155
4.5.4	Dokumentasi	155
4.6	Analisa Data	156

4.7	Rumusan	157
BAB 5 :	DAPATAN KAJIAN DAN ANALISA DATA	158
5.0	Pengenalan	158
5.1	Kualiti Peribadi Kepala Daerah Kabupaten Kampar	158
5.1.1	Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Sifat Peribadi Sosial Kepala Daerah Kampar	158
5.2.	Kualiti Sifat Peribadi Keagamaan	172
5.2.1	Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Sifat Peribadi Sidik Kepala Daerah Kabupaten Kampar	172
5.2.2	Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Sifat Peribadi Amanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar	182
5.2.3	Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Sifat Peribadi Fathanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar.	189
5.2.4	Persepsi Masyarakat Terhadap Sifat Peribadi Tabligh Kepala Daerah Kampar	197
5.3	Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Sifat Peribadi Teknikal Kepala Daerah Kabupaten Kampar	204
5.4	Kualiti Sifat Peribadi Kepala Daerah Dalam Pencapaian Kesejahteraan Rakyat	212
5.5	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Tidak Tercapainya Kesejahteraan Rakyat Di Kabupaten Kampar.	215
5.6	Rumusan	218
BAB 6:	PERBINCANGAN KUALITI SIFAT PERIBADI KEPALA DAERAH KABUPATEN KAMPAR	221
6.0	Pengenalan	221
6.1	Kualiti Sifat Peribadi Kepala Daerah Kabupaten Kampar	221

6.1.1 Kualiti Sifat Peribadi Sosial Kepala Daerah	234
6.1.2 Kualiti Sifat Peribadi Keagamaan	234
6.1.2.1 Kualiti Sifat Peribadi Sidiq Kepala Daerah Kabupaten Kampar	248
6.1.2.2 Kualiti Sifat Peribadi Amanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar	250
6.1.2.3 Kualiti Sifat Peribadi Fathanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar	251
6.1.2.4 Kualiti Sifat Peribadi Tabligh Kepala Daerah Kabupaten Kampar	266
6.1.2.5 Kualiti Teknik / Kepengurusan Kepala Daerah Kabupaten Kampar	272
6.2 Kualiti Sifat Peribadi Kepala Daerah Dalam Pencapaian Kesejahteraan Rakyat	275
6.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tidak Tercapainya Kesejahteraan Rakyat di Kabupaten Kampar	281
6.4 Rumusan	
BAB 7: KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	288
7.1 Kesimpulan Kajian	288
7.2 Implikasi Kajian Kepala Teori	291
7.3 Implikasi Kajian Kepala Polisi	300
7.4 Cadangan Penambahbaikan Kualiti Sifat Peribadi Kepala Daerah	302
7.5 Cadangan Kajian	303
7.6 Rumusan	304
BIBLIOGRAFI	307
PERATURAN-PERATURAN DAN PERUNDANG-UNDANG TENTANG PEMERINTAHAN DAERAH	334
LAMPIRAN	335

SENARAI JADUAL

No.Jadual		Halaman
Jadual 1.1	Data Korupsi Bupati Kepala Daerah di Indonesia	10
Jadual 1.2	Korupsi dan Dugaan Korupsi di Kabupaten Kampar	12
Jadual 3.1	Tingkatan Daerah	112
Jadual 3.2	Daftar Mantan Pejabat Orde Baru Yang Sedang Diproses Hukum	119
Jadual 3.3	Daftar Pejabat dan Kepala Korupsi Masa Reformasi	129
Jadual 4.1	Bil Responden mengikut kecamatan	142
Jadual 4.2	Jantina Responden	143
Jadual 4.3	Taraf Perkahwinan	143
Jadual 4.4	Umur Responden	144
Jadual 4.5	Tahap Pendidikan	145
Jadual 4.6	Peta Kabupaten Kampar	151
Jadual 4.7	Profil Informan/Pemberi Maklumat	153
Jadual 4.8	Penerangan Kriteria Informan/pemberi Maklumat	153
Jadual 5.1	Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Sosial Kepala Daerah Kabupaten Kampar	160
Jadual 5.2	Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Sidiq Kepala Daerah Kabupaten Kampar	173
Jadual 5.3	Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Amanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar	182
Jadual 5.4	Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Fathanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar	190

Jadual 5.5	Persepsi Rakyat Kampar terhadap Sifat Peribadi Tabligh Kepala Daerah Kabupaten Kampar	198
Jadual 5.6	Persepsi Rakyat Kampar terhadap Sifat Peribadi Teknikal Kepala Daerah Kabupaten Kampar	205
Jadual 5.7	Pencapaian Kesejahteraan Rakyat oleh Kepala Daerah Kampar	213



SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah	Halaman
1.1 Rajah Model Kajian	19
4.1.1 Perumusan Kajian	141



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI SINGKATAN

BKN	Badan Kepegawaian Negara
DPRD	Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
DOM	Daerah Operasi Meliter
DPP	Dewan Pimpinan Pusat
DPA	Dewan Pertimbangan Agung
DPAS	Dewan Pimpinan Agung Sementara
HKTI	Himpunan Kelompok Tani Indonesia
HAM	Hak Asasi Manusia
KPK	Komisi Pemberantasan Korupsi
KADIN	Kamar Dagang Industri
Korpri	Korp Pegawai Republik Indonesia
LAN	Lembaga Administrasi Negara
LPC	<i>Least Preferred Cowoker</i>
MPR	Majelis Permusyawaratan Rakyat
MPRS	Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara
NKRI	Negara Kesatuan Republik Indonesia
PWI	Persatuan Wartawan Indonesia
SPSI	Serikat Pekerja Indonesia
UUD	Undang-Undang Dasar
UUDS	Undang-Undang Dasar Sementara



UUM

Universiti Utara Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0.Pengenalan

Peranan Kepala Daerah (Bupati) sangat penting di Indonesia kerana pimpinan Kepala Daerah merupakan komponen yang signifikan terhadap kejayaan pembangunan masyarakat secara menyeluruh. Keberkesanan negara bergantung kepada keberkesanan pentadbiran pemerintahan di daerah. Kejayaan peranan kepimpinan Kepala Daerah menentukan kejayaan kepimpinan kerajaan. Ketidakmampuan Kepala Daerah dalam menjayakan pembangunan kesejahteraan masyarakat daerah memberikan implikasi kepada rendah atau kurangnya prestasi dan keberkesanan pentadbiran pembangunan kesejahteraan masyarakat secara nasional. Oleh itu, Kepala Daerah mesti mempunyai kualiti sifat peribadi yang dapat membawa kejayaan seperti peningkatan pendapatan rakyat, pencapaian pendidikan rakyat, terjaminnya kesihatan dan perkhidmatan kesihatan rakyat, perumahan rakyat yang terjamin dan angka kemiskinan rakyat yang menurun demi kejayaan kepimpinannya.

Dari sudut pengurusan organisasi, Kepala Daerah merupakan tokoh yang menentukan keberkesanan pencapaian matlamat organisasi pemerintahan daerah. Proses pemerintahan di daerah ditentukan oleh sejauh mana keberkesanan peranan yang

dimainkan oleh Kepala Daerah. Dalam erti kata yang lain, arah dan matlamat organisasi pemerintahan daerah ditentukan oleh kualiti sifat peribadi Kepala Daerah dalam melaksanakan fungsi-fungsi pentadbiran, kepimpinan dan perkhidmatan, serta tugas-tugas lain yang menjadi kewajiban dan tanggungjawab Kepala Daerah. Oleh yang demikian, peranan Kepala Daerah yang utama ialah melaksanakan tugas-tugas daerah, khususnya pada masa autonomi yang bersifat desentralisasi. Kesan pelaksanaan desentralisasi tersebut ialah seorang Kepala Daerah mesti memiliki sifat peribadi yang berkualiti (David O. Porter dan Eugene A.Olsen, 1976 , Pamuji ,1999 dan Farook Awang, 2010).

Dalam ruang lingkup sistem pemerintahan semasa autonomi di Indonesia, pimpinan Kepala Daerah mesti merupakan seorang yang mempunyai kualiti sifat peribadi yang tinggi seperti yang dinyatakan dalam Undang-undang Nomor 32 tahun 2004 tentang autonomi daerah. Menurut undang-undang ini, Kepala Daerah yang berkualiti mempunyai kepemimpinan yang baik, bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, setia dan taat kepada Pancasila dan Undang-undang Dasar 1945 serta setia dan taat kepada negara kesatuan Republik Indonesia dan pemerintahan yang sah. Walau bagaimanapun kejayaan pencapaian matlamat organisasi itu ditentukan oleh kemampuan Kepala Daerah dalam membimbing, mengarahkan dan mengendalikan dari kegiatan organisasi ke arah pencapaian matlamat pembangunan, sehingga Kepala Daerah dapat dikatakan sebagai seorang pemimpin (Stogdill, 1974 dan Erni Kusuma *et al*, 2013).

Menurut Tjokroamidjojo (1974), pelaksanaan pemerintahan daerah oleh Kepala Daerah yang berkualiti mengambil kira beberapa hal yang penting terutama dalam menentukan dasar organisasi, menentukan hala dan pelaksanaan dasar organisasi, menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh organisasi pemerintahan, menilai matlamat organisasi dengan mengambil kira terjadinya perubahan sosial dalam masyarakat dan mengatur unit-unit kerja dan mengambil keputusan yang tepat.

Ateng Syafrudin (1994) pula menyatakan bahawa pelaksanaan pemerintahan oleh Kepala Daerah yang berkualiti berperanan untuk memenuhi harapan masyarakat supaya menimbulkan rasa selesa dan sistematik agar masyarakat berada dalam suasana dan semangat kekeluargaan demi mencapai kesejahteraan yang mengandungi keadilan sosial dan keutuhan kesatuan dan persatuan bangsa.

Seterusnya Kepala Daerah juga berperanan untuk merealisasikan tugas dan fungsi yang telah diatur oleh Undang-undang yang mana terdapat dua kriteria tugas dan kewajiban, iaitu tugas praktikal (*manajerial*) dan tugas Kepala Daerah. Dalam menjalankan peranannya sebagai pemimpin, Kepala Daerah mesti dapat menggerakkan dan berkerjasama dengan masyarakat, membimbing dan membina kehidupan bermasyarakat sehingga terciptanya kebersamaan masyarakat dalam pembangunan. Bagi melaksanakan tugas tersebut, aktiviti yang dilakukan adalah

dalam bentuk membina rasa selesa di kawasan yang sesuai dengan dasar yang ditetapkan oleh pemerintah.

Bukhari Zainun (1982) menyatakan bahawa peranan seorang pemimpin dalam melaksanakan tugas-tugas institusi pemerintahan dapat diukur dengan beberapa ketentuan, iaitu kejayaan program kerja yang telah ditetapkan, terdapat semangat yang kuat dari bawahannya dalam bekerja serta semua peralatan dan orang bawahannya dapat bergerak dengan baik sesuai dengan bidang masing-masing.

Selari dengan itu, suatu kawalan yang baik dari seorang pimpinan perlu ada sebab kawalan dapat diertikan sebagai suatu proses untuk menetapkan aktiviti yang sudah dilaksanakan, menilai dengan maksud supaya pelaksanaan pekerjaan sesuai dengan rancangan semula (M. Manullang, 1973: 67), (Winardi, 2000: 5). Kawalan yang baik merupakan suatu usaha untuk meningkatkan pelaksanaan pemerintahan hingga dapat mewujudkan matlamat pembangunan untuk kesejahteraan rakyat.

Segala usaha yang telah dinyatakan tersebut adalah untuk mendapatkan Kepala Daerah yang berkualiti. Namun realitinya menunjukkan pada masa ini, menurut Wakil Ketua Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Farhan Hamid (2012) bahawa kualiti pimpinan Kepala Daerah masih kurang atau rendah dalam mengamalkan nilai

pancasila (keagamaan, ketakwaan dan sosial) yang dapat dilihat apabila ramai Kepala Daerah yang terlibat dalam kes rasuah dan dijatuhkan hukuman. Manakala Musni Umar (2013) pula menyatakan bahawa pengamalan pancasila yang kurang menyebabkan keadilan sosial yang kurang juga seperti (1) Dalam bidang ekonomi golongan yang kaya semakin kaya manakala golongan yang miskin terpinggir dan bertambah susah kerana sembilan bahan makanan utama diletakkan harga yang tinggi; (2) Dalam bidang pendidikan, peningkatan anggaran pendidikan tidak menjadikan pendidikan anak-anak daripada golongan masyarakat bawah semakin meningkat; (3) Dalam bidang undang-undang, belum ada penambahbaikan yang signifikan kerana undang-undang masih seperti pisau tajam kebawah tumpul keatas; (4) Dalam bidang politik, mereka yang mempunyai wang dapat terlibat dalam bidang politik. Politik dilihat sangat mahal akibatnya rasuah semakin meningkat dalam pelbagai bidang yang dilakukan di pejabat dan parti politik kerana untuk terlibat dalam bidang politik memerlukan jumlah wang yang sangat besar. Walaupun kualiti Kepala Daerah yang ditetapkan kerajaan oleh Indonesia seperti itu telah lama ditetapkan, namun hasil yang diharapkan masih belum lagi tercapai. Andaian-andaian tersebut mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian bagi menganalisis persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi pimpinan Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau Indonesia.

1.1 Pernyataan Masalah

Dalam menjalankan kepemimpinan Kepala Daerah disyaratkan memiliki dan mengamalkan sifat-sifat peribadi yang berkualiti. Hal ini selari dengan pendapat Mitchell (seperti yang dipetik dalam Awang Farook Ishak, 2010) yang menyatakan bahawa seorang pimpinan disyaratkan memiliki sifat-sifat seperti keperibadian (*personality*), kemampuan (*ability*) dan kesanggupan (*capability*) untuk merealisasikan idea menjadi serangkaian kegiatan (*activity*) untuk mencapai matlamat kepimpinan yang berkesan.

Hasil kajian Stoghdill (1974) menyatakan kepimpinan yang cekap dan berkesan akan dapat meningkatkan kemajuan dan kejayaan sesuatu organisasi. Hal ini disebabkan oleh kualiti sifat peribadi kepimpinan yang diamalkan oleh seseorang pemimpin itu akan mempengaruhi suasana dan semangat kerja pekerja-pekerja dibawahnya.

Selari dengan pernyataan itu, Bennis *et al* (1985) menyatakan bahawa pemimpin yang berkesan dikatakan dapat mengubah organisasi mereka daripada keadaan yang sedia ada kepada satu keadaan yang dinamik serta mempunyai matlamat pencapaian. Hal ini bererti kepimpinan yang cekap, berwibawa dan berkualiti adalah mudah untuk menggerakkan sesuatu organisasi atau kumpulan untuk melaksanakan tugas bagi mencapai objektif dan matlamat. Menggerakkan tersebut boleh melibatkan dimensi

nilai seperti agama, budaya, ekonomi, politik, estetika, teknologi, sosial dan psikologi dalam diri seseorang pemimpin dan orang yang dipimpin.

Manakala kepemimpinan menurut Kartini Kartono (1990), Burhanuddin (1994), Veithzal Rivai (2003), Ivancevich dan Matteson (seperti yang dipetik dalam Wahyuningsih, 2001), Musselman dan Jackson (1990), Terry (1997), Griffin W. Ricky dan Ebert J. Ronal (1999), Lindsay M. William dan Patrick A. Joseph (1997:), Peterson W. Marvin, *et. al* (1997) ialah kemampuan mempengaruhi individu atau sesuatu kumpulan mencapai matlamat kumpulan atau organisasi. Menurut Yukl (2002), perkara yang selalu dikaitkan dengan proses struktur, kuasa, mendorong, merangsang, sumber ilham, menentu matlamat, mencipta wawasan dan tanggungjawab memberikan motivasi kepada mereka yang berada di bawah pimpinannya.

Oleh itu, sifat peribadi Kepala Daerah seperti yang telah ditetapkan kerajaan Indonesia dalam Undang-undang No.32 Tahun 2004 yang memuatkan bentuk sifat peribadi yang wajib menjadi amalan Kepala Daerah yang berkhidmat di organisasi sektor awam menjadi isu penting bagi melicinkan seperti pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan rakyat di setiap kerajaan tempatan.

Namun realitinya, kualiti sifat peribadi yang disyaratkan dalam Undang-undang tersebut seperti nilai-nilai sosial, keagamaan, pengetahuan atau pendidikan dan teknikal khususnya tentang pemerintahan kurang diamalkan oleh Bupati selaku pemimpin di daerah. Berdasarkan beberapa kajian yang pernah dijalankan oleh para pakar dalam bidang pentadbiran awam oleh Ima Mayasari (2011) mengenai “Sengketa izin pertambangan di era otonomi” di Kabupaten Konawe Utara dan Kabupaten Halmahera selatan (2007-2011). Hasil kajian tersebut mendapati bahawa keputusan Kepala Daerah Konawe utara dan keputusan Kepala Daerah Halmahera selatan bertentangan dengan peraturan perundangan dan asas-asas umum pemerintahan yang baik. Menurut penyelidikan tersebut, antara faktor yang menyebabkan Bupati Kepala Daerah mengambil keputusan yang salah dan melanggar asas-asas umum pemerintahan yang baik seperti pengalihan kuasa pengeluaran izin perlombongan dari pemerintah pusat kepada pemerintahan daerah. Bupati menganggap memiliki kuasa yang mutlak dalam mengeluarkan dan membatalkan izin perlombongan. Bupati Kepala Daerah tersebut kurang pendidikan dan pengetahuan tentang pentadbiran negara terutama dalam memberi izin bagi aktiviti perlombongan.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Gunawan (1970), Jurusan Pemerintahan Fakultas Sosial dan Politik Universiti Gajah Mada yang bertajuk: “Peranan Bupati Kepala Daerah Sebagai Pemimpin Pemerintahan Daerah Tingkat II (Kabupaten)” di daerah Jawa Tengah mendapati pula bahawa Bupati Kepala Daerah Jawa Tengah kurang

memiliki pendidikan dan pengetahuan serta kemampuan dalam pemerintahan sehingga menyebabkan aspirasi masyarakat kurang dihayati dan hubungan dengan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah tempatan kurang serasi sehingga menimbulkan ketegangan (konflik) antara kedua-dua belah pihak.

Selari dengan itu, penyelidikan yang dilakukan oleh M. Zikri Ks (1970), Jurusan pemerintahan Fakultas sosial dan politik Universiti Gajah Mada Yogyakarta yang bertajuk: “Pengaruh Akhlak Pejabat Pemerintahan Terhadap Jalannya Pemerintahan”, di daerah Sumatra Selatan mendapati bahawa mentaliti pegawai pemerintah memainkan peranan yang sangat besar dalam menentukan kejayaan pemerintah daerah menjalankan fungsi dan tugasnya.

Berdasarkan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Imaya sari (2011), Gunawan (1970, dan M. Zikri Ks (1970), Kepala Daerah yang kurang memiliki kualiti sifat peribadi pengetahuan tentang ilmu pemerintahan atau Undang-undang pentadbiran negara dan akhlak yang rendah akan menyebabkannya gagal untuk memenuhi aspirasi masyarakat yang dipimpin. Malah mereka cenderung untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang.

Jadual 1.1. Data Rasuah Bupati Kepala Daerah di Indonesia

No	Nama	Jabatan	Keterangan
1	Totok Totok Ary Prabowo	Bupati Temanggung tahun 2004	Rasuah dana APBD, masa tahanan 7 tahun penjara (http://m.suaramerdeka.com/bb/bblauncher).
2	Zulkarnain Damanik	Bupati Simalungun tahun 2006	Rasuah anggaran pemerintahan daerah tahun 2006, masa tahanan 1 tahun 6 bulan penjara, denda 50 juta (http://beritasumut.com/view/hukum)
3	John Gluba Gebse	Bupati Merauke periode 2006-2011	Rasuah dana pemberian "suvenir" senilai 18 Miliar, masa tahanan 6 tahun penjara. (http://www.republika.co.id/berita/nasional/hukum/14/03/11/n29u07).
4	Yulius Nawawi	Bupati OKU, Sumtara Selatan, 2008	Rasuah terhadap dana bantuan sosial (Bansos) bernilai 13,5 Miliar, tahun 2008, dengan masa tahanan 4 tahun penjara (http://harianjayapos.com/detail-5793).
5	Untung Waluyo	Bupati Sragen tahun 2014	Rasuah APBD Rp 11,2 Miliar, masa tahanan 7 tahun penjara (http://www.solopos.com/2014/08/16)
6	Hidayat Batu Bara	Bupati Mandailing Natal (Madina), 2012	Rasuah dana Bantuan Daerah Bawahan (BDB) untuk pembangunan rumah sakit, dengan masa tahanan 5 tahun 6 bulan (http://www.waspada.co.id/index.php)
7	Rahmat Yasin	Bupati Bogor tahun 2014	Pemerasan dan grafikasi yang dilakukan terhadap Ry terhadap mereka kepala SKPD, masa tahanan 1 tahun penjara (http://nasional.sindonews.com/read/898031/13)
8	Thamsir Rachman	Bupati Indrigiri Hulu Riau	Rasuah APBD, divonis 30 agustus 2012, 8 tahun penjara, mengembalikan kerugian negara Rp 200 juta dan subsider Rp 28 miliar (http://riaukita.com/read-6-5337-2013-12-11)

9	Bambang Guritno	Bupati Semarang tahun 2004	Rasuah pengandaan buku pelajaran tingkat SD tahun 2004 bernilai 3,5 Miliar, terpidana 1 tahun penjara dan denda 50 juta (http://siarbatavianews.com/news/vie)
10	M. Salim	Bupati Rembang	Penyelewengan APBD tahun anggaran 2007 bernilai Rp 4,1 Miliar, dijatuhi tuntutan 2 tahun 6 bulan penjara (http://www.aktual.co/hukum).
11	Imam Muhadi	Mantan Bupati Belitar	Rasuah diponis penjara 15 tahun (http://www.tempointeraktif.com).
12	Ramlan Zas	Mantan Bupati Rokan Hulu Riau	Rasuah di vonis 3 tahun penjara (http://riauterkini.com/hukum).
13	Hadi siswono	Bupati Jember	Rasuah divonis 6 tahun penjara (http://www.antara.co.id)
14	Felix Fernandes	Mantan Bupati Flores	Rasuah di vonis 1 tahun penjara (www.suarakarya-online.com)
15	Sahara Tampubolon	Mantan Bupati Tabosa	Rasuah di vonis 6 bulan penjara (http://tobasamosirkab.go.id)
16	Soetrisno Rachmadi	Mantan Bupati Nganjuk	Rasuah divonis 2 tahun penjara (http://www.tempointeraktif.com)
17	Huzrin Hood Akib Fatta	Mantan Bupati Kepri	Rasuah di vonis 2 tahun penjara (http://www.riau.go.id).
18	Akib Fatta	Mantan Bupati Selayar	Rasuah di vonis 3 tahun penjara (http://www.detiknet.com).
19	Andi Azikin Sayuti	Mantan Bupati Bupati Poso	Rasuah dengan masa tahanan 2 tahun penjara (http://blog-Indonesia.com).
20	Syaukani	Mantan Bupati Kutai kartanegara	Rasuah dengan masa tahanan 1 tahun penjara (http://lacak.info/index2.php?)
21	Slamet Suryanto	Mantan Wali Kota	Rasuahwang negara dalam pembangunan kembali gedung balai kota Surakarta

		Surakarta	di vonis hukuman 1 tahun 3 bulan penjara (http://www.kapanlagi.com).
22	Gede Sumantara	Mantan Bupati Karangasem	Di vonis tahana 6 tahun penjara, kerana menggauli/berzina anak Sekolah Menengah Atas (SMA) (http://.detiknews.com/indek.php/detik.read)
23	Mutadin Sera'i	Mantan Bupati OKU Selatan	Dituntut penjara 6 bulan kerana pemaluan Ijazah (http://jkt.detiknews.com/indek)
24	Izul Islam	Mantan Wakil Bupati Lombok	Pemalsuan Ijazah, dituntut 8 bulan penjara (http://www.lomboknews.com/2007)
25	Odik Chudori Patma	Mantan Wakil Bupati Kabupaten Lebak	Di vonis hukuman penjara 1 tahun 4 bulan denda Rp 1 juta, kerana memiliki sabu-sabu (dada) (http://www.iprocwatch.org).

Rasuah dan cubaan rasuah juga terjadi di Kabupaten Kampar Riau Indonesia dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 1.2. Rasuah dan Cubaan Rasuah di Kabupaten Kampar

No	Nama	Jabatan	Keterangan
1	Saleh Djasit	Mantan Bupati Kampar periode April 1986-03 April 1996	Rasuah Rp 4,7 Miliar dalam pengadaan 20 mobil kebakaran dengan vonis 4 tahun penjara (http://news.detik.com/read)
2	Rusli Zainal	Mantan Bupati Kampar periode 25 Maret 2004-23 September 2005	Tersangka dalam kesrasuah anggaran projek pekan olahraga nasional XVII dan kehutanan (http://www.tempo.co).

3	Burhanuddin	Bupati Kampar periode 23 November 2006- 10 Desember 2011	KPK menghitung kerugian negara mencapai 265 Miliar (http://www.halloriau.com) Melakukan tindak jenayah rasuah secara bersama-sama dalam menerbit dan mengesahkan sebanyak 14 rencana kerja tahun (RKT) tentang izin usaha pemanfaatan hasil hutan kayu hutan tanaman, di vonis 2,5 tahun penjara (http://www.halloriau.com)
4	Jefri Noer	Bupati Kampar periode 11 Desember 2005 – sekarang	(1) Menyalahi prosedural perjalanan dinas. Bupati melamfirkan istrinya sebagai wakil ketua DPRD Kampar, kedua anaknya dilamfirkan sebagai ajudan Bupati agar dapat ikut dalam perjalanan dinas ke Eropa (2) Dugaan kasus rasuah penyimpangan APBD tahun anggaran 2011-2013 (3) Dugaan kasus rasuah penyediaan baju koko (http://infokorupsi.com)

Berdasarkan realiti hasil penyelidikan dan fakta yang dilakukan oleh Kepala Daerah dalam menjalankan fungsi dan tugasnya sebagai pemimpin membuktikan bahawa berlaku rasuah, gangguan seksual dan pemalsuan ijazah disebabkan tidak mengamalkan nilai-nilai sifat peribadi sosial, keagamaan dan teknikal yang berkualiti seperti yang ditetapkan dalam undang-undang tentang pemerintahan daerah seperti undang-undang (No. 1 Tahun 1945) ; (No. 22 Tahun 1948); (No. 1 Tahun 1957);

(Penetapan Presiden No. 6 Tahun 1959); (No. 18 Tahun 1965); (No.5 Tahun 1974); (No. 22 Tahun 1999); (No. 32 Tahun 2004); dan sudah direvisi dengan (No.12 Tahun 2008), dan Undang-undang No. 23 Tahun 2014 tentang Pemerintahan Daerah.

Pengamalan nilai-nilai sosial, keagamaan dan teknikal dalam Undang-undang pemerintahan daerah sangat penting kerana nilai yang diamalkan akan mewarnai fikiran dan cara hidup dalam situasi tertentu seperti yang dikatakan oleh Ali Muhtadi pensyarah Prodi Teknologi Pendidikan FIP UNY yang memetik pendapat Wiliam seperti yang dipetik dalam Maccionis (1970) yang menyatakan bahawa nilai merupakan “... *what is desirable, good or bad, beautiful or ugly*” (hlm.33). Manakala Ligh, Keller dan Calhoun (1989) memberikan batasan nilai seperti berikut: “*Value is general idea that people share about what is good or bad, desirable or undersirable. Value transcend any one particular situation. ...Value people hold tend to color their overall way of life*” (hlm.81).

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Ali Muhtadi (2014) di Yogyakarta menunjukkan bahawa pengamalan nilai agama, sosial dan teknikal mempengaruhi sikap dan perilaku seseorang pemimpin.

Pengamalan nilai-nilai keagamaan, sosial dan teknikal oleh Bupati memungkinkan mereka dapat melaksanakan tugas dan menjalankan kepemimpinannya dengan baik bagi memenuhi kepentingan aspirasi masyarakat. Namun sebaliknya menurut guru besar Syamsiah Badruddin (2009) bahawa birokrasi (seperti Kepala Daerah) yang tidak berkualiti (seperti sosial, keagamaan, dan teknikal) akan dapat menyebabkan terjadinya kemiskinan iaitu kekurangan pemukiman/perumahan rakyat, kekurangan pendidikan, kekurangan komunikatif, kekurangan fasilitas, kekurangan mendapatkan peluang pekerjaan, dan kekurangan perlindungan hukum.

Selari dengan itu, menurut hasil kajian Selo Sumarjan (1980) bahawa golongan kemiskinan terdiri dari: (1) Para petani yang tidak memiliki tanah sendiri; (2) Petani yang tanah miliknya begitu kecil sehingga hasilnya tidak cukup untuk memberi makan kepada dirinya sendiri dan keluarganya; (3) Kaum buruh yang tidak terpelajar dan tidak terlatih; dan (4) Para pengusaha tanpa modal dan tanpa fasilitas dari pemerintah (Kepala Daerah). Beberapa ciri kemiskinan tersebut menurut hasil kajian Alpian (1980) adalah (1) Tidak adanya atau lambannya mobilitas sosial (yang miskin akan tetap hidup dengan kemelaratanya dan yang kaya akan tetap menikmati kemewahannya); (2) Mereka terletak dalam lingkungan struktur sosial yang menyebabkan mereka kekurangan hasrat untuk meningkatkan taraf hidupnya; dan (3) Struktur sosial yang berlaku telah melahirkan berbagai corak rintangan yang menghalangi mereka (masyarakat) untuk maju. Menurut hasil kajian Susi Lenggogeni

dan Rita Yani (2012) bahawa masa sekarang ini kemiskinan di Kabupaten Kampar kemiskinan sudah mencapai 71.800 jiwa.

1.2. Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang yang telah diuraikan tersebut, maka persoalan umum kajian ini adalah untuk menjawab mengapa Kepala Daerah masih gagal berperanan.

Persoalan kajian secara khusus adalah seperti berikut:

- (1) Bagaimana tahap kualiti sifat peribadi sosial Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau Indonesia?
- (2) Bagaimana tahap kualiti sifat peribadi keagamaan Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau Indonesia?
- (3) Bagaimana tahap kualiti sifat peribadi teknikal Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau Indonesia?

1.3. Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan, maka objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi masyarakat Kabupaten Kampar dan secara khusus adalah seperti berikut:

- (1) Menganalisis persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi sosial yang di amalkan oleh Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau Indonesia.

- (2) Menganalisis persepsi masyarakat terhadap sifat peribadi keagamaan yang diamalkan oleh Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau Indonesia.
- (3) Menganalisis persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi teknikal yang diamalkan oleh Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau Indonesia.

1.4. Definisi Konsep

Bupati dalam konteks autonomi Daerah di Indonesia adalah Kepala Daerah untuk daerah kabupaten. Seorang bupati sejajar dengan wali kota, iaitu kepala daerah untuk daerah kota. Pada dasarnya, bupati memiliki tugas dan wewenang memimpin penyelenggaraan daerah berdasarkan kebijakan yang ditetapkan bersama Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) kabupaten. Bupati dipilih dalam dalam satu pasangan secara langsung oleh rakyat di kabupaten tempatan. Kajian ini menfokuskan daerah kabupaten, khususnya di kabupaten Kampar Riau Indonesia.

1.5. Definisi Operasi

Definisi konsep Kepala Daerah yang akan dikaji boleh dijelaskan seperti berikut:

- 1) Kualiti sifat keperibadian sosial, iaitu aspek yang berkaitan dengan karakteristik sifat iaitu sikap ramah, kesetiaan terhadap golongan bawahan dan rakyat, kematangan dan berpandangan luas, hubungan antara manusia, kebijaksanaan dalam menghadapi kesukaran, tidak mengkhianati rakyat dan negara, dapat menerima kritikan, saranan dan pendapat orang lain, bersifat penyayang dan

memberi perhatian terhadap rakyat (Empu Prapanca dan Ruslan Abdulgani, Ordway Tead (1935), Hadari Nawawi (1989:95-96).


- 2) Kualiti sifat peribadi keagamaan, iaitu siddiq mempunyai tekad yang kuat, persamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan bekerja keras; amanah, iaitu boleh dipercayai, mempunyai sifat-sifat peribadi yang terpuji, pendidikan tinggi dan pengalaman yang meyakinkan (kredibiliti); fatanah iaitu selalu mengasah kecerdasan, menyesuaikan dalam semua keadaan; tabligh, iaitu mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, boleh meningkatkan jaringan dengan kukuh dan mampu menyampaikan gagasan yang boleh difahami oleh orang lain (Trevino, 2000, A.N Ubaedy 2009 dan Bedjo Santoso, 2007).
- 3) Teknikal, iaitu melihat organisasi bersatu-padu, mengagihkan kuasa, mengambil keputusan, kecerdasan dalam bidang pemerintahan, menilai dan ketajaman berfikir dan persepsi (John D. Millet, 1979, Ngalem Purwanto, 1984, Raph Stogdill seperti yang dipetik dalam Nur Afifuddin 200), A.N Ubaedy 2009 dan Bedjo Santoso, 2007).
- 4) Peranan Kepala Daerah, iaitu meningkatkan pendapatan rakyat, pendidikan yang cemerlang, kesihatan dan perkhidmatan kesihatan rakyat yang terjamin, menjamin kediaman rakyat, dan mengurangkan angka kemiskinan (Poerwadarminta, 1995, Soerjono Soekanto, 2002).

5) Kesejahteraan rakyat, iaitu berkaitan dengan peningkatan pendapatan rakyat, pencapaian dalam pendidikan, kesihatan rakyat dan kediaman rakyat terjamin serta pengurangan angka kemiskinan dan pengangguran.

1.6. Model Kajian

Model kajian dibina sendiri oleh pengkaji untuk keperluan kajian terdapat pada Rajah 1.1 berikut:

Rajah 1.1. Model Kajian



Berdasarkan Rajah 1.1 kajian ini bertujuan untuk menganalisis persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi sosial, keagamaan dan teknikal yang diamalkan oleh Kepala Daerah dalam mewujudkan kesejahteraan rakyat di Kabupaten Kampar Riau Indonesia.

1.7. Kepentingan Kajian

Kepentingan utama kajian ini, iaitu untuk menambah ilmu dan pengembangan pengetahuan dalam mengetahui kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah di Kabupaten Kampar Riau Indonesia. Kajian mengenai kualiti peribadi Kepala Daerah di Indonesia ini juga dijangkakan boleh menjadi sumbangan teoritis terhadap pengembangan ilmu pentadbiran terutama yang berhubungkait dengan pentadbiran perkhidmatan awam. Kepentingan lain daripada kajian ini ialah boleh memberikan sumbangan pemikiran dan menjadi garis panduan kepada pihak-pihak berkenaan, terutama kepada pelbagai jabatan awam tempatan di Indonesia.

1.8. Pengorganisasian Bab Tesis

Secara keseluruhan, organisasi penulisan tesis ini boleh dibahagikan kepada tujuh bab seperti berikut:

Bab 1: Latar Belakang kajian. Bahagian ini mengandungi pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep, definisi operasional, model kajian, kepentingan kajian dan penyusunan bab tesis.

Bab 2: Ulasan Karya. Bahagian ini mengandungi pengenalan, teori kualiti sifat peribadi kepimpinan menurut perspektif tradisional Indonesia, teori kualiti sifat peribadi kepimpinan menurut perspektif barat (kualiti sifat peribadi Ordway Tead,

John D. Millet, Keith Davis, Chester I Barnard, dan Ralh Stogdill), teori perilaku, humanistik, teori kualiti sifat peribadi kepimpinan menurut perspektif Islam: sifat peribadi kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W, sifat peribadi kepimpinan khulafa al-Rasyidin; (Abu Bakar al-Siddiq, Umar bin Khattab, Usman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib), sifat peribadi kepimpinan khalifah Umar bin Abdul Aziz; Hasil Perbincangan Teori dan Rumusan.

Bab 3: Transformasi Peranan Kepala Daerah di Indonesia. Bahagian ini mengandungi pengenalan, masa orde lama (Undang-undang No.1 Tahun 1945, No. 22 Tahun 1948, No. 1 Tahun 1957, Penetapan Presiden No. 6 Tahun 1956 Tentang Pemerintahan Daerah, Undang-undang No. 18 Tahun 1965), masa orde baru, masa reformasi (Undang-undang No. 22 Tahun 1999, No. 32 Tahun 2004 dan direvisi dengan Undang-undang No. 12 Tahun 2008 dan Undang-undang No. 23 Tahun 2014).

Bab 4: Metodologi. Bahagian ini mengandungi pengenalan, profil responden, rekabentuk kajian, instrumen kajian, jenis data, pengutipan data dan lokasi kajian, pemerhatian, soal selidik, temu bual secara mendalam (*in depth interview*), dokumentasi, penganalisaan data serta rumusan.

Bab 5: Hasil kajian dan Analisis Data. Bahagian ini mengandungi penerangan ringkas mengenai lokasi kerajaan tempatan Kabupaten Kampar, kualiti peribadi Kepala Daerah Kampar, kualiti sifat peribadi sosial Kepala Daerah Kabupaten Kampar, kualiti keagamaan, kualiti sifat peribadi siddiq dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat, kualiti sifat peribadi amanah Kepala Daerah, kualiti sifat peribadi fatanah Kepala Daerah Kampar, kualiti sifat peribadi tabligh Kepala Daerah Kabupaten Kampar, kualiti sifat peribadi teknikal, kepengurusan Kepala Daerah Kabupaten Kampar, kualiti sifat peribadi Kepala Daerah dalam pencapaian, kesejahteraan rakyat, faktor-faktor yang mempengaruhi tidak tercapai kesejahteraan rakyat di Kabupaten Kampar serta rumusan.

Bab 6: Perbincangan Kualiti Sifat Peribadi Kepala Daerah Kabupaten Kampar dalam Mewujudkan Kesejahteraan Rakyat. Bahagian ini membincangkan mengenai kualiti sifat peribadi Kepala Daerah Kampar, kualiti sifat sosial Kepala Daerah Kabupaten Kampar, kualiti keagamaan, sifat peribadi siddiq Kepala Daerah Kampar, sifat peribadi amanah Kepala Daerah Kampar, sifat peribadi fatanah Kepala Daerah Kampar, sifat peribadi tabligh Kepala Daerah Kabupaten Kampar, kualiti teknikal kepengurusan Kepala Daerah Kabupaten Kampar, kualiti sifat peribadi Kepala Daerah dalam pencapaian kesejahteraan rakyat dan faktor-faktor yang mempengaruhi tidak tercapai kesejahteraan rakyat di Kabupaten Kampar.

Bab 7: Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan Kajian. Bahagian ini mengandungi kesimpulan kajian, implikasi kajian kepada teori, implikasi kajian kepada polisi, cadangan penambahbaikan kualiti sifat peribadi Kepala Daerah, cadangan kajian dan rumusan.

1.9. Rumusan

Bab ini yang merupakan bab pendahuluan untuk melakukan kajian telah menjelaskan sebab pentingnya kajian ini dijalankan di samping membuat penerangan berkaitan definisi yang digunakan supaya boleh difahami sebagaimana objektif kajian dalam menganalisis kualiti sifat peribadi Kepala Daerah dalam mewujudkan kesejahteraan rakyat di Kabupaten Kampar Riau Indonesia.

BAB 2

ULASAN KARYA

TEORI KUALITI SIFAT PERIBADI PEMIMPIN

2.0 Pengenalan

Kualiti sifat peribadi pemimpin dalam menjalankan tugas dan fungsinya memang tidak dapat dinafikan. Setiap rakyat memerlukan pemimpin yang berkualiti. Hal ini kerana untuk memimpin rakyat, orang yang mempunyai kelebihan fizikal, intelektual mahupun rohaniah diperlukan agar dapat membawa setiap unsur rakyat mencapai matlamat. Keputusan seorang pemimpin mempunyai kesan yang besar dan mengandungi kesan yang luas terutama jika pemimpin tersebut gagal untuk mengatur dan menguruskan rakyatnya. Oleh itu, pemimpin disyaratkan memiliki sifat peribadi yang berkualiti seperti sosial, agama dan teknikal dalam menjalankan kepemimpinannya.

Teori yang berkaitan dengan syarat-syarat kualiti sifat peribadi pemimpin tersebut dapat dilihat dari beberapa perspektif seperti dari perspektif teori tradisional Indonesia, barat dan Islam. Perspektif teori tersebut dibincangkan seperti berikut:

2.1 Teori Kualiti Sifat Peribadi Pemimpin Menurut Perspektif Tradisional Indonesia

Teori perspektif tradisional Indonesia Koentjaraningrat (guru besar Universiti Indonesia) dalam Mahsun Muhammad (2011) menyatakan bahawa:

Dalam masyarakat tradisional kesatuan-kesatuan sosialnya sudah lebih besar dan kompleks memerlukan seorang pemimpin formal yang tidak hanya ada atau muncul pada saat tertentu sahaja ketika ada sebuah aktiviti bersama, tetapi mereka memerlukan seorang pemimpin yang hadir dan dapat memberikan arahan dan pengaturan dalam seluruh aktiviti kehidupan. Hal ini biasanya terjadi pada komuniti yang hidup di daerah pegunungan di Iria Jaya, Papua Nugini. Kesatuan-kesatuan yang sudah relatif besar diperlukan satu bentuk kepemimpinan yang mantap dan tetap. Bagi memantapkan kepemimpinan itu diperlukan kekuasaan di samping kewibawaan. Untuk menjadi seorang pemimpin dan mempertahankan kekuasaan tidak hanya diperlukan kewibawaan dan kepandaian atau keterampilan dalam bidang tertentu sebagaimana dalam masyarakat komuniti sosialnya yang masih kecil, tetapi kekuasaan bagi mereka harus dipertahankan melalui pelbagai kemampuan dan sifat yang dimiliki. Kemampuan-kemampuan itu biasanya adalah kepandaian berkebun, kefasihan berpidato, ketrampilan dan keberanian dalam berperang. Suatu kemampuan lain yang sering kali disebut adalah kekayaan harta, yang memungkinkan para tokoh pemimpin itu untuk banyak memberi kepada orang lain, dengan memikat mereka dengan berbagai pemberian harta benda (hlm. 1-3).

Selari dengan itu, Empu Prapanca dan Ruslan Abdulgani (seperti yang dipetik dalam Nur Afifuddin, 2009) menyatakan bahawa Shri Mahapatih Gajah Mada telah menggariskan kualiti sifat peribadi pemimpin yang baik dan dikenali sebagai Panca Dasa, iaitu: (a) wijnana, iaitu sikap bijaksana; (b) mantrawira, iaitu sebagai pembela sejati berkeberanian mutlak dalam kebenaran dan kesetiaan tanpa syarat dalam menjunjung cita-cita negara; (c) wicaksanang naya, iaitu bijaksana, kemampuan menganalisis dan mengambil keputusan; (d) matanggawa, iaitu mendapat kepercayaan dari bawah; (e) satya bakti haprabhu, iaitu mengikut perintah atasan, taat setia dan

bakti kepada pemimpin atasan, terutama kepada negara dan pimpinannya dapat menghindarkan dari pengkhianatan terhadap negara dan rakyatnya kerana nasib negara itu adalah nasib dari dirinya sendiri juga; (f) wakjnana, iaitu pandai berpidato dan berdiplomasi; (g) sajjawopasama, iaitu tidak sombong, rendah diri dan manusiawi; (h) dhirottsaha, iaitu bersifat rajin dan kreatif; (i) tan lalana, iaitu bersifat gembira dan periang; (j) disyacitta, iaitu jujur dan terbuka; (k) tan satrisna, iaitu tidak egois; (i) masihi samastha bhuwana, iaitu bersifat penyayang dan mencintai alam; (m) ginong pratidina, iaitu berani menegakkan kebenaran; (n) sumantri, iaitu sebagai warganegara yang baik; (o) anayakan musuh, iaitu mampu membinasakan lawan.

Begitu juga yang dijelaskan oleh Ki Hajar Dewantara seperti yang dipetik dalam Ngalim Purwanto (1984) bahawa seorang pimpinan yang baik itu harus melaksanakan peranannya sebagai *Ing ngarso sung tulodo, ing madyo mangun karso, tut wuri handayani*. Teori ini juga disokong oleh Ngalim Purwanto (1984) yang menyatakan bahawa seorang pemimpin yang berkualiti merupakan pemimpin yang memiliki kualiti sifat peribadi rendah hati, sederhana, selalu mendorong yang baik, sabar dan memiliki kestabilan emosi, percaya pada diri sendiri, jujur, adil dan dapat dipercayai serta mempunyai kemahiran dalam jabatan.

Sifat-sifat peribadi tersebut menjadi syarat dalam pemilihan pemimpin dalam masyarakat tradisional di Indonesia seperti masyarakat Jawa Tengah, suku Mee di Papua barat dan masyarakat Sumatra Barat.

Magnis-Suseno (1985), Mulder (1981), Koentjaraningrat seperti yang dipetik dalam Sarjana Sigit Wahyudi dan Mulder dan Triyanto (2008) menyatakan bahawa masyarakat tradisional Jawa Tengah mengutamakan prinsip kerukunan, sikap hormat kepada alam, pencipta leluhur, guru, orang tua dan negara. Pandangan hidup dan pola fikir yang demikian sangat mempengaruhi masyarakat dalam meletakkan dasar kemasyarakatan dan kebudayaan. Oleh itu, seorang pemimpin yang memimpin Jawa Tengah disyaratkan memiliki ciri-ciri sifat peribadi, iaitu mampu memperlihatkan sikap hidup yang sederhana, jujur, adil, bertolak ansur, cermat, disiplin dan patuh kepada Undang-undang.

Manakala dalam penyelidikan Benedict. R.O.G Anderson (seperti yang dipetik dalam Mahsun Muhammad, 2011) di Jawa Tengah mendapati bahawa dalam masyarakat tradisional Jawa Tengah mesti memiliki kualiti sifat peribadi dengan kekuatan tenaga sakti dan keramat. Hal ini kerana masyarakat tradisional Jawa Tengah menurut Soemarsaid Moertono (1984) melihat pemimpinnya sebagai satu-satunya medium yang menghubungkan mikrokosmos manusia dan makrokosmos Tuhan terhadap seluruh alam semesta.

Menurut Koentjaraningrat (1980) pemilihan Kepala Daerah di Jawa Tengah sebahagian besar masih memperlihatkan faktor keturunan. Kepala-kepala daerah yang memerintah pada masa dahulu merupakan keturunan dari Kepala Daerah yang berkuasa sebelumnya. Hal ini dapat dilihat daripada salasilah keturunannya. Koentjaraningrat (1984) menyatakan secara praktikal para calon menjadi pemimpin (Kepala Daerah) yang dipilih bukan daripada orang-orang yang memiliki kemampuan tetapi terdiri daripada orang-orang kaya. Hal ini disebabkan oleh kebiasaan masyarakat tradisional Jawa dalam memilih pemimpin bukan berdasarkan kemampuan pemimpin, tetapi berdasarkan pemberian sumbangan yang banyak kepada masyarakat. Oleh itu, menurut Sartono Kartodirdjo (1982) dan Prasadjo (1982), latar belakang kepemimpinan dalam masyarakat tradisional dipengaruhi oleh faktor keturunan/kelahiran, kekayaan, status dan agama.

Berdasarkan penjelasan di atas didapati bahawa pemilihan kepimpinan dalam masyarakat tradisional Jawa Tengah dilakukan secara rasional dan tidak rasional. Secara tidak rasional pemimpin mesti memiliki ciri-ciri kualiti sifat peribadi seperti kuasa kesaktian atau keramat, keturunan, kekayaan dan pemberian harta kepada masyarakat. Secara rasional pemimpin mesti mempunyai ciri-ciri kualiti sifat peribadi seperti pandai berpidato atau berdiplomasi, adil, baik hati, sabar, bijak menangani dan menyelesaikan permasalahan-permasalahan sosial-politik yang dihadapi masyarakat. Sifat-sifat rasional ini diperkukuh oleh Drajat, Khusni Mustaqim, Syafrizal dan Catur Edi Gunawan (2014) yang menyatakan bahawa seorang pemimpin hendaklah

memiliki sifat peribadi seperti adil, jujur, benar, ikhlas, tegas, pemurah, alim, merendah diri dan ramah.

Begitu juga dalam masyarakat tradisional suku Mee di Papua barat Indonesia, iaitu menurut Kartini Kartono (2011), Mansoben (1995), Titus Crist Pekei (2008), Agus A. Alua (t.t.) dalam Mikael Tekege bahawa dalam masyarakat Papua barat (Sorong-Samarai) pemimpin disyaratkan memiliki kualiti sifat peribadi dengan memiliki ciri-ciri seperti fizikal yang kuat, cerdas, berani, kaya material, bijak berdiplomasi atau berpidato, berani memimpin perang dan bermurah hati.

Kualiti sifat peribadi yang disyaratkan bagi pemimpin di masyarakat tradisional Papua Barat juga menjadi penentu bagi kepemimpinan di Sumatra Barat. Menurut Taufik Abdullah (1984), George R. Terry (1987), Azyumardi Azra (1999), Nurdi Ya'cub B (seperti yang dipetik dalam Muhammad Ilham dan Rusydi Ramli mengatakan bahawa pemimpin dalam masyarakat tradisional Sumatra Barat disyaratkan memiliki kualiti sifat peribadi dengan ciri-ciri seperti baligh, berakal sihat, sopan-santun, ramah-tamah, rendah hati, mempunyaiteladan, berkarisma, berharta dan sudah teruji dalam memimpin mulai pengalaman dalam memimpin lingkungan mamak rumah (adik-kakak-kemanakan), sesuku dan juga dihormati oleh suku lain di negeri.

Hal tersebut bermaksud bahawa seorang pemimpin harus mempunyai kelebihan dari yang dipimpin. Hal ini kerana dengan kelebihan, kewibawaan seseorang akan selalu dapat dipertahankan sehingga ketaatan dari bawahan dapat dipelihara. Kelebihan tersebut meliputi moral dan akhlak, jiwa dan semangat, ketajaman intelek, kesungguhan dan ketekunan serta kekuatan jasmani.

Dengan demikian teori sifat peribadi kepemimpinan secara tradisional Indonesia tersebut telah memberikan landasan dalam menentukan kualiti sifat peribadi pemimpin, iaitu memiliki fizikal yang kuat, bijaksana, jujur, setia, berani dalam menegakkan kebenaran, kemampuan menganalisis dan mengambil keputusan, mendapat kepercayaan, taat terhadap perintah atasan, tidak mengkhianati negara dan rakyat, pandai berpidato dan berdiplomasi, tidak sombong, rendah diri dan berperikemanusiaan, rajin dan kreatif, gembira dan periang, terbuka, tidak egois, penyayang dan mencintai alam, tekun menegakkan kebenaran, mahir dalam jabatan, sederhana, rendah hati serta adil. Apabila kualiti sifat peribadi diamalkan pemimpin akan mampu berperanan dalam kepemimpinannya dengan membawa yang dipimpinnya ke matlamat yang dituju.

2.2 Teori Kualiti Sifat Peribadi Pemimpin Menurut Perspektif Barat

Teori sifat peribadi kepemimpinan perspektif barat berkembang kali pertama di Yunani Kuno dan Rumawi. Antara teorinya mengatakan bahawa kejayaan seorang

pemimpin dapat ditentukan oleh sifat-sifat, perangai atau ciri-ciri yang dimiliki oleh pemimpin seperti ciri fizikal dan psikologi. Oleh itu menjadi seorang pemimpin yang berjaya sangat ditentukan oleh kemampuan sifat peribadi pemimpin yang kemudiannya teori ini dikenali sebagai “*trait theory of leadership*” yang bermaksud ciri sifat keperibadian pemimpin, iaitu keseluruhan cara seseorang pemimpin memimpin dan berinteraksi dengan yang dipimpinnya (Robin *et al*, 2008, hlm. 126).

Menurut Nur Afifuddin (2009) teori sifat peribadi itu didukung oleh beberapa orang tokoh barat, antaranya Barnard, Ordway, Tead, Millet, Stogdill, Davis, G.R. Terry dengan memiliki orientasi yang sama, namun pendapat yang berbeza-beza.

2.2.1 Kualiti sifat peribadi pemimpin menurut Ordway Tead

Menurut Odway Tead dipetik Nur Afifuddin (2009), 10 ciri kualiti sifat peribadi yang harus dimiliki oleh seorang pemimpin ialah kekuatan jasmani dan rohani; kepastian terhadap maksud dan arah tujuan; antusiasme atau perhatian yang besar; ramah-tamah, memenuhi rasa persahabatan dan ketulusan hati; integriti atau peribadi yang amanah; kecekapan teknikal; mudah mengambil keputusan; cerdas; kecekapan mengajar; dan kesetiaan.

Menurut Ordway sifat-sifat tersebut secara praktikalnya tidak semuanya harus dimiliki oleh seorang pemimpin melainkan sangat bergantung kepada keadaan pengikut atau masyarakat yang dipimpinnya.

2.2.2 Kualiti sifat peribadi pemimpin menurut John D. Millet

Menurut John D. Millet, dipetik Nur Afifuddin (2009) terdapat empat ciri kualiti sifat peribadi yang perlu dimiliki oleh setiap pemimpin, iaitu kemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan; kemampuan membuat keputusan; kemampuan membahagikan kuasa dan kemampuan menanamkan kesetiaan.

2.2.3 Kualiti sifat peribadi pemimpin menurut Keith Davis

Menurut Keith Davis, dipetik Nur Afifuddin (2009) terdapat empat jenis ciri kualiti sifat peribadi yang perlu dimiliki oleh pemimpin, iaitu kepintaran; kematangan dan keluasan pandangan sosial; mempunyai motivasi dan keinginan berprestasi yang datang dari dalam dan mempunyai kemampuan menjalinkan hubungan antara manusia.

2.2.4 Kualiti sifat peribadi pemimpin menurut Chester I Barnard

Menurut Chester I Barnard, dipetik Nur Afifuddin (2009) terdapat dua ciri kualiti sifat peribadi yang perlu dimiliki oleh pemimpin, iaitu ciri fizikal yang berkaitan dengan kecekapan, teknologi, daya pemerhatian, pengetahuan, daya ingatan dan imaginasi

sertasifat-sifat yang mempunyai watak yang lebih subjektif, iaitu keunggulan seorang pemimpin dari segi keyakinan, ketekunan, daya tahan, dan keberanian.

2.2.5 Kualiti sifat peribadi kepimpinan menurut Raph Stogdill

Berdasarkan penelitian Raph Stogdill dipetik Nur Afifuddin (2009), terdapat dua tempoh penelitian, iaitu tempoh 1904-1947 dan tempoh 1948-1970.

Pada tempoh 1904-1947, kepemimpinan ditandai dengan pelbagai ciri kualiti sifat yang meliputi usia, ketinggian, berat badan, ciri fizikal, tenaga, kesihatan, penampilan, kemampuan berucap, pengetahuan, kemampuan menilai dan mengambil keputusan, kawasan, keaslian, kemampuan menyesuaikan diri, pelbagai keunggulan, inisiatif, tekun, semangat, bertanggungjawab, harga diri dan keyakinan, percaya pada diri sendiri, pengendalian diri, optimis, pengendalian emosi, aktiviti sosial dan mobiliti, kegiatan olahraga, kecekapan bergaul, dikenali, berwibawa dan berkerjasama.

Sifat-sifat tersebut dikelompokkan seperti (a) *Capacity* meliputi kecerdasan, berwaspada, kemampuan berbicara, keaslian, dan kemampuan menilai; (b) *Achievement* meliputi gelaran kesarjanaan, pengetahuan, kejayaan dan olahraga; (c) *Responsibility* meliputi berdikari, inisiatif, ketekunan, agresif, percaya pada diri

sendiri dan keinginan untuk unggul; (d) *Participation* meliputi aktif, kemampuan bergaul, berkerjasama, mudah menyesuaikan diri, dan humor; (e) *Status* meliputi kedudukan sosial ekonomi dan dikenali.

Pada tempoh 1948-1970, kepemimpinan ditandai dengan pelbagai sifat, iaitu (a) Ciri-ciri fizikal, iaitu aktiviti dan kekuatan, usia, penampilan dan kekemasan diri, ketinggian dan berat badan; (b) Latar belakang sosial seperti pendidikan dan status sosial; (c) Kecerdasan dan kecekapan seperti kemampuan menilai dan membuat keputusan; (d) Keperibadian seperti penyesuaian diri, pengaruh, keunggulan, pengawalan emosi, kebebasan, ketidakserasian, banyak akal budinya dan teguh pendirian; (e) Ciri-ciri berorientasi pada tugas antaranya dorongan berprestasi dan unggul, dorongan bertanggungjawab, dan inisiatif, bijak menghadapi halangan, bertanggungjawab dalam mencapai tujuan dan berorientasi pada tugas; (f) Semangat kerjasama seperti kesanggupan untuk memperoleh kerjasama, daya tarikan, berjiwa mengasuh, kemampuan bekerjasama dan kecekapan saling berhubungan.

Selari dengan itu Wahjosumidjo (1984) menyatakan bahawa sifat-sifat atau ciri-ciri yang harus dimiliki oleh seorang pemimpin dirumuskan seperti (a) Ciri-ciri fizikal seperti aktiviti, kekuatan, usia, penampilan, kekemasan, tinggi dan berat badan; (b) Latar belakang sosial seperti pendidikan, status sosial, dan mobiliti; (c) Kecerdasan dan kecekapan seperti kemampuan menilai, kemampuan mengambil keputusan dan

pengetahuan yang luas; (d) Keperibadian seperti penyesuaian diri, ketekunan, agresif, pengaruh, keunggulan, penguasaan dan pengendalian emosi, banyak akal budinya dan kuat pendirian; (e) Ciri-ciri yang berorientasi pada tugas seperti dorongan berprestasi, unggul, dorongan bertanggung jawab, inisiatif, bijak menghadapi halangan dan bertanggungjawab dalam mencapai tujuan; (f) Semangat kerjasama seperti kesungguhan untuk memperolehi kerjasama, daya tarikan, kemampuan bekerjasama dan kecekapan saling berhubungan.

Sifat-sifat peribadi yang dimiliki oleh pemimpin akan dapat dilihat dalam kepemimpinannya. Menurut Abraham Maslow (1993) seseorang pemimpin yang sudah sanggup menyerlahkan potensinya atau dirinya (*self-actualization*) mempunyai sifat-sifat iaitu (a) mereka mempunyai persepsi yang sederhana tentang dunia (orang dan keadaan); (b) dapat menerima sifat dirinya dan orang lain atau memiliki kemampuan mengharmonikan hubungan kedalam dan keluar; (c) tidak menganuti budaya hidup yang lemah; (d) lebih mementingkan keinginan yang berprestasi; (e) mempunyai privasi tetapi tidak berasa kesepian; (f) mempunyai autonomi atas dirinya, iaitu boleh memerintah dan melarang dirinya untuk berkembang; (g) mempunyai kemampuan yang baik dalam menghargai kehidupan dan alam; (h) mempunyai pengalaman ketuhanan atau spiritual (*mystic experience*) yang berkualiti (mencerahkan); (i) boleh menempatkan orang lain menurut tatakrama kesopanan; (j) mempunyai hubungan peribadi yang unik; (k) mempunyai sifat yang demokratik; (l) boleh membezakan antara jalan dan tujuan (*means dan ends*); (m) menyukai humor

yang tinggi; (n) mempunyai hidup yang baik; (o) mempunyai corak hidup yang kreatif dan; (p) menghormati budaya tetapi bukan kerancuan budaya (warisan/tradisi).

2.3 Teori Perilaku

Teori ini cuba menjelaskan berkenaan perkara-perkara yang dilakukan oleh pemimpin yang berkesan. Menurut Robbins, S. P. Dan Decenzo, D. A. (2006), teori Gelagat mempercayai bahawa pemimpin yang berkesan dan tidak berkesan mungkin boleh dibezakan melalui pola kelakuan mereka dalam menjalankan tugas masing-masing.

Kajian yang dilakukan oleh Kurt Lewin di University of Iowa (seperti yang dipetik dalam Robbins, S. P. Dan Decenzo, D. A., 2006), iaitu mengenal pasti tiga gelagat atau gaya kepimpinan, iaitu gaya kepimpinan autokratik, gaya kepimpinan demokratik dan gaya kepimpinan *laissez-faire*.

Pertama autokratik, menurut kajian Winardi (2000) gaya kepimpinan autokratik, iaitu kepimpinan berdasarkan perintah-perintah yang memaksa kakitangan. Pimpinan lebih cenderung mencurahkan perhatian sepenuhnya kepada pekerjaan dengan melaksanakan pengawasan secara ketat agar perkerjaan yang dilaksanakan sesuai dengan perancangan. Pemimpin autokratik menggunakan perintah-perintah yang diperkuat dengan hukuman.

Kedua, gaya kepemimpinan demokratik. Menurut kajian Hadari Nawawi (1989) gaya kepemimpinan demokratik, iaitu pemimpin yang menempatkan manusia sebagai faktor utama dan terpenting. Hubungan antara pemimpin dan orang-orang yang dipimpin diwujudkan dalam bentuk *human relationship* yang didasari oleh prinsip saling menghargai dan saling menghormati. Pemimpin memandang orang lain sebagai subjek yang memiliki sifat-sifat manusiawi yang memiliki kemampuan, kemahuan, kehendak, fikiran, minat atau perhatian, pendapat dan lain-lain. Hal ini kerana setiap orang harus dimanfaatkan dengan terlibat dalam semua kegiatan organisasi. Keterlibatan itu disesuaikan dengan kedudukan masing-masing yang memiliki kuasa dan tanggungjawab yang sama pentingnya bagi mencapai tujuan bersama. Kegiatan kepemimpinan dilaksanakan untuk mengembangkan sikap dan kemampuan kepemimpinan pada setiap anggota kelompok sesuai dengan peranan dan kedudukannya. Kepemimpinan demokratik ialah kepemimpinan yang aktif, dinamik dan terarah yang berusaha memanfaatkan setiap orang untuk kepentingan kemajuan dan perkembangan organisasi. Saranan, pendapat dan kritikan setiap anggota disalurkan dengan sebaik-baiknya dan diusahakan memanfaatkannya bagi kejayaan organisasi untuk mewujudkan tanggungjawab bersama.

Ketiga, *laissez-faire*. Menurut teori ini, seorang pemimpin memberikan kebebasan seluas-luasnya kepada para pengikut atau kakitangan dalam menentukan aktiviti mereka. Ia tidak berperanan atau apabila hal itu dilakukannya, maka penglibatan tersebut hampir tidak beerti. Pendekatan ini merupakan kebalikan langsung dari teori

autokratik. Menurut Winardi (2000), kelompok-kelompok *laissez-faire* cenderung membentuk pemimpin-pemimpin yang tidak formal. Herabudin (2009) menyatakan bahawa pemimpin yang berpola pengabaian (*abrogation*) sehingga pemimpin berusaha menghindari tanggungjawab terhadap pengikutnya. Dalam proses membuat keputusan pula pemimpin tidak mengarahkan dan memberikan perintah kepada para kakitangan untuk menentukan sendiri. Beliau hanya mengamati dan memerhatikan tanpa berperanan langsung. Seorang pemimpin bebas atau liberal menyebabkan para pengikutnya menjadi manusia yang penuh kreatif dan dapat menentukan pilihannya masing-masing dalam mencapai tujuan. Menurut Herabudin (2009), interaksi dalam kelompok yang dipimpin oleh pemimpin *laissez faire* tidak ada sama sekali kerana ia menganut sikap yang tidak acuh terhadap kakitangan dan mengelakkan tanggungjawab terhadap mereka.

Kajian di University Michigan yang diketuai oleh Rensis Likert mengenalpasti ciri-ciri gelagat pemimpin yang berkaitan dengan keberkesanan prestasi. Menurut Gary Yulk (2006) kajian tersebut telah mengenalpasti dua bentuk gaya kepimpinan, iaitu pemimpin berorientasikan pekerja serta pemimpin berorientasikan kerja.

Dasar pemikiran teori tersebut ialah kepemimpinan merupakan perilaku seorang individu ketika melakukan kegiatan pengarahan suatu kelompok ke arah mencapai tujuan. Dalam hal ini, pemimpin mempunyai huraian perilaku seperti berikut:

- a. Pertimbangan dan Struktur Inisiatif : Perilaku seorang pemimpin yang cenderung mementingkan golongan bawahan memiliki ciri seperti ramah-tamah, boleh berbincang, membela, mendengar, menerima cadangan dan memikirkan kesejahteraan orang bawahan serta memperlakukannya sama dengan dirinya. Di samping itu, terdapat juga kecenderungan perilaku pemimpin yang lebih mementingkan tugas organisasi. Perkembangan pemimpin mesti berusaha menggunakan apa yang dinamakan "*Teamlearning*" untuk dijadikan jambatan antara perkembangan individu dan perkembangan organisasi secara menyeluruh. Kemahiran kepemimpinan dan sikap mesti diperluas hingga meliputi semua segmen organisasi yang berkaitan. Hal ini mencakupi perkara berikut, iaitu mengidentifikasi dan menganalisis situasi konflik antara kelompok; menyetujui dan menetapkan tujuan organisasi yang menanamkan suatu perasaan komitmen dan pengendalian diri sendiri; berusaha untuk mencapai tujuan yang menyebabkan timbulnya perbincangan tentang persoalan penting organisasi; mendukung perubahan yang diperlukan serta menilai seluruh program. Penilaian seluruh program dalam sebuah organisasi memerlukan tempoh masa tertentu untuk menjadi efektif, tetapi ada kemungkinan untuk mencapainya dalam masa yang singkat.
- b. Berorientasi Kepada Bawahan dan Produksi; perilaku pemimpin yang berorientasi kepada bawahan ditentukan oleh penekanan pada hubungan atasan bawahan, perhatian pemimpin pada keperluan bawahan serta menerima perbezaan keperibadian, kemampuan dan perilaku bawahan. Manakala

perilaku pemimpin yang berorientasi pada pengeluaran memiliki kecenderungan penekanan dari segi teknik pekerjaan, mengutamakan penyelenggaraan dan penyelesaian tugas serta pencapaian tujuan.

Berdasarkan penjelasan tersebut, terdapat dua perilaku pemimpin pada dasarnya, yaitu berorientasi kepada pemimpin dan bawahan. Manakala berdasarkan model grafik kepemimpinan, perilaku setiap pemimpin dapat diukur melalui dua dimensi, yaitu perhatiannya terhadap hasil atau tugas dan terhadap bawahan atau hubungan kerja. Menurut Stoner *et. al* (1996), kecenderungan perilaku pemimpin pada hakikatnya tidak terlepas daripada masalah fungsi dan gaya kepemimpinan.

Berdasarkan teori perilaku peribadi, kepemimpinan dapat pula dianalisis berdasarkan kualiti-kualiti peribadi atau pun pola-pola kelakuan para pemimpin. Teori ini menyatakan bahawa seorang pemimpin tidak berperilaku sama ataupun melakukan tindakan sama dalam setiap situasi yang dihadapinya. Terdapat situasi tertentu yang membuatkan beliau fleksibel kerana beranggapan bahawa beliau perlu mengambil langkah-langkah yang paling tepat untuk menghadapi sesuatu masalah tertentu. Hal ini memberikan gambaran tentang suatu fasa (proses) yang mana tindakan pihak pemimpin dan jumlah autoriti yang digunakan dihubungkan dengan kebebasan membuat keputusan atau penglibatan yang terbuka oleh pihak bawahan.

Berdasarkan keterangan tersebut menunjukkan bahawa seorang pemimpin harus memahami manusia dan mengetahui kekuatan serta kelemahan mereka. Beliau menyesuaikan diri dengan pelbagai kelompok dan memiliki kemampuan untuk berhadapan dengan masyarakat dari pelbagai kalangan serta boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai subjek.

2.4 Teori Humanistik

Teori kepemimpinan berikutnya ialah Teori Humanistik dengan para pengkaji seperti Argryris, Blake dan Mouton (1956), Rensis Likert, dan Douglas McGregor 1959). Teori ini secara umum berpendapat bahawa manusia secara natural merupakan "*motivated organism*". Organisasi memiliki struktur dan sistem pengawasan tertentu. Fungsi dari kepemimpinan adalah memodifikasi organisasi agar individu bebas untuk merealisasikan potensi motivasi dalam memenuhi kebutuhannya dan pada masa yang sama selari dengan arah tujuan kelompok.

Dalam Teori Humanistik, terdapat tiga pembolehubah pokok, iaitu: (a) kepemimpinan yang sesuai dan memerhatikan hati nurani anggota dengan segenap harapan, keperluan dan kemampuannya; (b) organisasi yang disusun dengan baik agar tetap sesuai dengan kepentingan anggota di samping kepentingan organisasi secara keseluruhan; (c) interaksi yang akrab dan harmoni antara pimpinan dengan anggota untuk membantu persatuan dan kesatuan serta kesejahteraan bersama.

Blanchard, Zigarmi dan Drea (1985) menyatakan bahawa kepemimpinan bukanlah sesuatu yang anda lakukan terhadap orang lain, melainkan sesuatu yang anda lakukan bersama dengan orang lain.

2.5 Teori Kualiti Sifat Peribadi Pemimpin Menurut Perspektif Islam

Perspektif Islam berdasarkan Al-Quran dan Hadis menyatakan kualiti sifat-sifat peribadi yang harus dimiliki bagi seorang pemimpin adalah seperti (a) Sifat adil dalam menjalankan fungsi kepemimpinan, iaitu “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya” (QS. Surah An-Nahl ayat 90); (b) Menjadi tauladan bagi pengikut, iaitu “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”(QS, Al-Ahzab ayat 21); (c) Jujur iaitu “Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat – benar (dalam segala perkara). Supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan”(QS, Al-Ahzab ayat

70-71); (d) Boleh dipercayai, iaitu “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan”(QS, Al-Ahzab ayat 72); (e) Bertanggungjawab sebagaimana Hadits Rasul yang bermaksud “Setiap kamu adalah pemimpin dan akan dimintai pertanggung jawaban (HR, Bukhari); (f) Berilmu pengetahuan, iaitu “Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk); Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah; Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya(Al-Alaq ayat 1-5); (g) Memiliki rasa kasih sayang, iaitu “Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan mohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-

orang yang bertawakal kepadaNya”(QS, Ali-Imran ayat 159); (h) Sabar, iaitu “Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar” (QS, Al-Baqarah ayat 153); (i) Bersifat optimis, iaitu “Wahai anak-anakku! Pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunjamin), dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir”(QS, Yusuf ayat 87); (j) Mampu memotivasi, iaitu “Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami”(QS, Al-Anbiya’ ayat 73)

Selari dengan itu, Bedjo Santoso (2007) menyatakan bahawa kualiti sifat peribadi yang harus dimiliki oleh pemimpin Islam ialah kepimpinan yang bersifat amanah kepada Tuhan; berfungsi membangkitkan dan mencurahkan iman dan hati nurani pengikut melalui kerja keras, cerdas, dan ikhlas; etosnya adalah mendedikasikan kepada Tuhan dan sesama manusia untuk ibadah tanpa mengharapkan balasan; pendekatannya adalah agama dan hati nurani; memberikan contoh yang mampu mengilhami dan membangkitkan serta menghidupkan semua elemen bangsa; cara mempengaruhi yang dipimpin bukan dengan pendekatan benda/wang tetapi

melainkan menyatukan jiwa, iman, dan kasih sayang dan; tujuannya adalah menghidupkan kasih, membuat amal kebajikan dan penyalur Rahmat Tuhan di muka bumi.

Sifat kualiti kepemimpinan berpijak kepada pandangan tentang kesempurnaan manusia sebagai sumber daya insan berdasarkan etika agama yang mampu membentuk karakter membuat sesuatu secara luar biasa. Jadi sifat kepimpinan menurut perspektif Islam ialah seorang pemimpin tidak mencari pangkat, jabatan, dan kekayaan peribadi melainkan bentuk yang lebih banyak berorientasi kepada cintakan Tuhan, menyayangi sesama manusia dan saling menyelamatkan untuk kesejahteraan bersama.

Pemimpin yang berkualiti memiliki kecerdasan yang holistik, antaranya ialah emosi, intelektual, dan spiritual. Tujuan kepemimpinan ialah etika agama, iaitu kejujuran sejati, pengenalan diri sendiri, fokus kepada amal soleh, agama yang tidak dogmatik, bekerja lebih efisien, membangkitkan yang terbaik dalam diri sendiri mahupun orang lain, terbuka dalam menerima perubahan, fokus kepada persoalan, melakukan yang benar, disiplin tetapi fleksibel, ramah, cerdas, dan rendah diri. Menurut Bedjo Santoso (2007), teori ini untuk menghidupkan budaya bangsa juga perlu melakukan penyatuan pasti dengan niat yang suci; mengembangkan persaudaraan dan kolaborasi serta semangat, membangun integriti dan membangkitkan rasa syukur serta sabar.

Kualiti sifat peribadi bagi pemimpin Islam juga diperkukuh oleh kajian Veithzal Rivai (2004) dan Muhadi Zainuddin dan Abd Mustaqim (2005) yang menyatakan bahawa beberapa ciri sifat peribadi penting yang menggambarkan kepemimpinan dalam Islam, iaitu (a) Setia, iaitu setiap pemimpin dan yang dipimpin terikat dengan kesetiaan kepada Allah SWT; (b) Terikat kepada tujuan, iaitu seorang pemimpin ketika diberikan amanah meliputi tujuan organisasi bukan sahaja berdasarkan kepada kepentingan kelompok tetapi juga ruang lingkup tujuan Islam yang lebih luas; (c) Menjunjung tinggi syari'ah dan akhlak Islam. Seorang pemimpin yang baik apabila merasa terikat dengan peraturan Islam dan boleh menjadi pemimpin selama tidak menyimpang daripada syari'ah. Apabila beliau menjalankan tugasnya harus patuh kepada adab-adab Islam, khususnya ketika berhadapan dengan pembangkang atau orang yang tidak sefahaman dengannya; (d) Memegang teguh kepada amanah. Seorang pemimpin ketika menerima kuasa dapat menganggapnya sebagai amanah daripada Allah SWT yang disertai tanggungjawab. Al-Quran memerintahkan pemimpin melaksanakan tugasnya untuk Allah dan selalu menunjukkan sikap baik kepada orang yang dipimpinnya. Dalam surah Al-Hajj ayat 41 yang bermaksud, “(iaitu) yang orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi niscaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah perbuatan mungkar, dan kepada Allah-lah kembali segala urusan’ (e) Tidak sombong. Hal ini berkaitan dengan menyedari bahawa diri kita adalah kecil kerana yang besar dan Maha Besar hanya Allah sehingga hanya Allah yang boleh sombong. Kerendahan hati dalam memimpin merupakan antara ciri

kepemimpinan yang patut dikembangkan; (f) Disiplin, konsisten dan keselarasan. Sifat ini merupakan ciri kepemimpinan dalam Islam, iaitu segala tindakan dan perbuatan seorang pemimpin yang profesional akan memegang teguh terhadap janji, ucapan dan perbuatan yang dilakukan kerana beliau menyedari bahawa Allah mengetahui semua yang dilakukan walaupun beliau berusaha untuk menyembunyikannya; (g) Cerdas (fatanah). Pemimpin yang cerdas akan dapat mengambil inisiatif secara cermat, tepat dan cepat ketika menghadapi persoalan-persoalan dalam kepemimpinannya; (h) Terbuka seperti bersedia dikritik dan mahu menerima saranan daripada orang lain. Sikap terbuka ini mencerminkan sifat tawaddu' (rendah hati); (i) Keikhlasan, iaitu tanpa keikhlasan amal perbuatan akan sia-sia pada pandangan Allah SWT.

Berdasarkan penjelasan di atas, pemimpin dalam Islam harus memiliki sifat-sifat peribadi seperti setia, terikat kepada tujuan, menjunjung tinggi syari'ah dan akhlak, memegang teguh amanah, tidak sombong, disiplin, cerdas, terbuka, jujur, sabar dan ikhlas. Memiliki dan mengamalkan sifat-sifat peribadi kepemimpinan Islam baik pemimpin formal dan tidak formal kepemimpinan sosial, negara, agama, akan berjaya dan diredhai oleh Allah SWT.

2.6 Sifat Peribadi Kepemimpinan Nabi Muhammad S.A.W

Selain daripada teori-teori yang telah diungkapkan di atas, teori agama pandangan Islam kepemimpinan Nabi Muhammad S.A.W mementingkan sifat dan etika (akhlak). Menurut Trevino (2000), kepemimpinan etika ialah kelakuan pemimpin yang bersandarkan nilai-nilai etika dan menghasilkan kebaikan untuk semua pihak berkepentingan (*stakeholders*). Trevino (2000) mencadangkan kepemimpinan etika terdiri daripada dua faktor utama, iaitu pemimpin sebagai manusia bermoral (*moral person*) dan pemimpin sebagai pengurus moral (*moral manager*).

Kajian Trevino (2000) mendapati bahawa ciri manusia bermoral dan pengurus moral telah wujud dalam diri Rasulullah S.A.W. Justeru, watak Rasulullah boleh dijadikan model terbaik dalam menguruskan konsep kepemimpinan beretika. Elemen manusia bermoral seperti ciri yang ada pada diri Rasulullah dapat memberikan implikasi positif dalam merealisasi kepemimpinan beretika. Sifat jujur dan amanah dalam diri seorang pemimpin akan menjadikan sesuatu autoriti dan sumber yang diamanahkan selamat daripada disalah gunakan atau diselewengkan. Sifat lemah lembut, pemaaf dan tidak pemaarah menjadikan pemimpin senang didekati, dihormati, berorientasikan mencari penyelesaian dan bukan mencari salah dalam menangani sesuatu isu berbangkit serta tidak berdendam dengan pekerja. Amalan seperti syura akan meningkatkan komitmen dan rasa penghargaan diri dalam diri pekerja. Justeru, seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan beretika perlu terlebih

dahulu menjadikan diri mereka sebagai seorang yang berakhlak dengan mencontohi akhlak Rasulullah yang sempurna. Elemen pengurus moral yang terdapat pada diri Rasulullah dapat dirumuskan sebagai peranan menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar maaruf nahi mungkar). Seorang pemimpin yang beretika perlu berusaha secara berterusan untuk menggalakkan dan membina budaya etika dalam kalangan ahli organisasi melalui program yang berasaskan pendidikan rohani. Hal ini kerana melalui iman yang teguh, seseorang dapat merasai kaitan hubungan dengan Pencipta dan mengubah persepsi melakukan sesuatu semata-mata kerana tuntutan pekerjaan. Sebaliknya, pekerja mampu mengaitkan setiap perbuatan dengan hubungan ketuhanan. Sehubungan dengan itu, mekanisme kawalan sendiri yang berteraskan sumber dalaman setiap individu dapat direalisasikan. Oleh yang demikian, seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan beretika perlu menggalakkan amalan nilai-nilai, seperti amanah atau jujur, lemah lembut, merendah diri, terbuka dan syura, adil, pemaaf pengurus moral - Amar maaruf nahi mungkar, mendidik melalui teladan, menyampaikan nasihat dan bimbingan serta berhikmah dalam mendidik dan mengendalikan pengikut (*Jurnal Hadhari*, 2011, hlm. 23 – 44).

Menurut kajian Trevino (2000), nilai murni dan menyediakan persekitaran yang merangsang kepada pilihan kelakuan yang beretika dalam kalangan ahli seperti merangka sistem penilaian prestasi dan imbuhan yang menggalakkan kelakuan etika ahli, program pendidikan jiwa yang berterusan dan kepimpinan melalui teladan. Berbeza dengan model Trevino *et al.* (2000), iaitu binaan kepemimpinan etika

berteraskan watak Rasulullah S.A.W telah mewujudkan elemen berkaitan *hablun min Allah* (hubungan dengan Allah). Model Trevino *et al.* (2000) hanya terhad kepada *hablun min al-nas* (hubungan dengan manusia) yang menuntut seorang pemimpin beretika untuk menjadi manusia bermoral dan pengurus moral. Elemen ubudiyah yang dilambangkan oleh sifat zuhud, tawaduk dan bertakwa kepada Allah menjadi faktor utama yang mendorong pemimpin berperanan sebagai manusia bermoral dan pengurus moral secara konsisten. Hal ini kerana bagi memotivasikan kemahuan bertindak sebagai manusia bermoral dan pengurus moral, satu penaakulan moral (*moral reasoning*) tertentu diperlukan. Penaakulan moral bermaksud memberi alasan (justifikasi) bagi memandu pilihan tindakan moral individu.

Menurut Kohlberg (seperti yang dipetik dalam Velasquez, 2002), kualiti alasan moral berkembang seiring dengan tahap pembangunan moral yang dialami oleh individu. Individu yang mencapai tahap pembangunan moral yang tinggi akan memilih perlakuan etika secara konsisten. Hal ini disebabkan oleh pilihan perlakuan tersebut disandarkan kepada 'alasan' yang matang dan tinggi kualitinya. Terdapat tiga tahap asas dalam pembangunan moral manusia, iaitu: (a) Prakonvensional. Pada tahap prakonvensional, motif moral individu berada pada tahap yang paling rendah. Pilihan untuk mengamalkan etika adalah semata-mata kerana takutkan hukuman daripada pihak atasan yang lebih berkuasa, contohnya takutkan ketua dan hukuman. Ia juga meliputi alasan alat, iaitu dengan membuat sesuatu perlakuan etika maka individu dapat mencapai sesuatu yang disukainya. Contohnya dengan mematuhi peraturan

maka individu berpeluang untuk dinaikkan pangkat. Dalam keadaan tersebut, tindakan etika dilakukan semata-mata untuk membolehkan individu dinaikkan pangkat; (b) Konvensional. Pada peringkat ini, individu mencapai tahap alasan yang lebih matang. Kelakuan etika dilakukan untuk menunjukkan kesetiaan dan kepatuhan terhadap *Model Kepemimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad S.A.W* kepada norma-norma yang dikehendaki oleh kumpulan. Contohnya melakukan sesuatu tindakan etika kerana ia merupakan norma yang diterima dalam organisasi; (c) Pasca konvensional. Pada peringkat ini individu mencapai tahap alasan yang paling tinggi nilai kematangan moralnya. Pilihan perlakuan etika dilakukan semata-mata kerana ia merupakan prinsip sejagat yang betul untuk dilakukan tanpa bersandar kepada sebarang alasan lain. Elemen ubudiyyah merupakan alasan yang melangkaui sempadan tahap pascakonvensional. Hal ini kerana ubudiyyah melibatkan perasaan sedar tentang kedudukan diri yang sangat rendah berbanding dengan satu kuasa yang lebih tinggi (Pencipta). Ia tidak hanya berdasarkan alasan sejagat sebaliknya ia adalah alasan berkaitan hubungan manusia dengan Tuhannya. Oleh yang demikian, ubudiyyah ialah satu alasan yang memiliki kualiti yang tinggi dan mendorong individu untuk beretika secara konsisten. Ubudiyyah menyediakan jawapan yang sempurna bagi persoalan seperti 'mengapa individu perlu beretika, apa yang individu dapat dengan beretika dan mengapa perlu mendorong orang lain beretika'. Motif tindakan moral individu akan dikaitkan secara langsung kepada tujuan mengekalkan hubungan baik dengan Tuhan. Sehubungan itu, kepemimpinan etika *syumul* yang merangkumi *hablun min Allah* dan *hablun min al-nas* dapat diwujudkan dan dikonsep

semula sebagai kepemimpinan amar-makruf nahi-mungkar berasaskan prinsip kehambaan kepada Tuhan. Kepemimpinan amar-makruf nahi-mungkar adalah kepemimpinan berasaskan rasa ubudiyah yang tinggi terhadap Pencipta dan mendidik manusia menjadi manusia (sama ada pihak yang memimpin atau dipimpin) yang baik. Pihak pemimpin perlu mengekalkan diri sebagai manusia berakhlak dan menjadi contoh pertama kepada setiap amalan mulia dalam organisasinya. Pemimpin juga perlu mendidik pengikut (ahlinya) secara berterusan untuk menjadi manusia yang baik serta menghindari kemungkaran (kejahatan). Pemimpin perlu sentiasa menjauhkan diri daripada kejahatan (mungkar) dan mewujudkan persekitaran (keadaan) organisasi yang dapat menghindar pengikut (ahlinya) daripada melakukan kejahatan. Seterusnya menghasilkan natijah (output) yang baik untuk semua pihak dan meliputi faedah di dunia dan akhirat (*Jurnal Hadhari*, 2011 hlm. 23 – 44).

Manakala kajian A.N Ubaedy (2009) menjelaskan bahawa seseorang akan berjaya dalam kepimpinannya apabila memiliki sifat-sifat peribadi iaitu (a) *Siddiq*, iaitu mempunyai tekad yang kuat, mempunyai persamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh serta bekerja keras; (b) *Amanah*, iaitu boleh dipercayai, mempunyai sifat-sifat peribadi yang terpuji, memiliki kemahiran atau keahlian yang meyakinkan (kredibiliti); (c) *Tabligh*, iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh menjalin hubungan dengan kukuh, mempunyai kemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami oleh orang

lain; (d) *Fatanah*, iaitu selalu mengasah kecerdasan, menjadi pelajar dan boleh membaca situasi.

Nabi Muhammad S.A.W dan kaum muslimin pada masa itu memiliki sifat peribadi yang sangat terpuji dan mesti dijadikan contoh teladan kepada setiap manusia. Kehidupan peribadi Nabi Muhammad yang baik itu dijadikan oleh Allah sebagai pola kehidupan yang baik. Rumah tangga yang dibangun adalah rumah tangga yang baik. Kepemimpinan yang dicontohkan ialah kepemimpinan yang berpola kepada ibadah. Fakta sejarah sehingga hari menyatakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W menunjukkan kebenaran, rendah hati, tegas, dapat dibuktikan dan tercatat. Konsep ini mencakupi baik cara-cara memimpin mahupun yang dipimpin demi terlaksananya ajaran Islam untuk menjamin kehidupan yang lebih baik di dunia dan di akhirat sebagai tujuannya.

Kepemimpinan Islam seperti yang dicontohkan oleh Rasulullah S.A.W merupakan fitrah bagi setiap manusia yang sekaligus memotivasi kepemimpinan yang Islamik. Manusia diamanahkan oleh Allah untuk menjadi *khalifah* Allah [wakil Allah] di muka bumi (Q.S.al-Baqarah ayat 30), yang bertugas untuk merealisasikan misi suci-Nya sebagai pembawa rahmat kepada alam semesta dan sekaligus sebagai *abdullah* [hamba Allah] yang sentiasa patuh dan terpanggil untuk mengabdikan segenap dedikasinya di jalan Allah. Sabda Rasulullah “Setiap kamu adalah pemimpin dan

tiap-tiap pemimpin dimintai pertanggungjawabannya [*tanggungjawab-nya*]”. Manusia yang diberi amanah dapat memelihara amanah tersebut dan Allah telah melengkapi manusia dengan kemampuan konsepsional atau potensi [fitrah] (Q.S.al-Baqarah ayat 31), serta kehendak bebas untuk menggunakan dan memaksimalkan potensi yang dimilikinya.

Konsep *amanah* yang diberikan kepada manusia sebagai *khalifal fil ardl*i menempati kedudukan penting dalam kepemimpinan Islam. Konsep amanah kekhalifahan yang diberikan kepada manusia menuntut terjalinnya hubungan atau interaksi yang sebaik-baiknya antara manusia dengan pemberi amanah (Allah), yaitu mengerjakan semua perintah Allah, menjauhi semua larangan-Nya, redha (*ikhlas*) menerima semua hukum-hukum atau ketentuan-Nya. Selain daripada hubungan dengan pemberi amanah (Allah), membangun hubungan baik dengan sesama manusia serta lingkungan yang diamanahkan kepadanya (Q.S.Ali Imran ayat 112). Tuntutannya, diperlukan kemampuan memimpin atau mengatur hubungan manusia dengan Sang Pemberi (Allah) amanah dan interaksi dengan sesama manusia.

Jika diperhatikan teori-teori tentang fungsi dan peranan seorang pemimpin yang dilontarkan oleh pemikir-pemikir dari dunia barat, aspek kepemimpinan itu ditemukan sebagai sebuah konsep interaksi, hubungan, proses autoriti mahupun kegiatan mempengaruhi, mengarahkan dan mengkoordinasi secara horizontal semata-

mata. Manakala berdasarkan konsep Islam, kepemimpinan sebagai sebuah konsep interaksi, hubungan, proses autoriti, kegiatan mempengaruhi, mengarahkan dan mengkoordinasi baik secara horizontal mahupun vertikal. Kemudian dalam teori-teori pengurusan, fungsi pemimpin adalah sebagai perancang dan pembuat keputusan (*planning and decision maker*), pengorganisasian (*organization*), kepemimpinan dan motivasi (*leading and motivation*), pengawasan (*controlling*) dan lain-lain (Aunur Rahim, dk., 2001 hlm. 3-4).

Berdasarkan huraian di atas, dapat ditegaskan bahawa kepemimpinan Islam adalah suatu proses atau kemampuan orang lain untuk mengarahkan dan memotivasi tingkah laku orang lain, serta ada usaha kerja sama sesuai dengan al-Qur'an dan Hadis untuk mencapai tujuan yang diinginkan bersama. Dalam Islam, pemimpin sering dikenali sebagai *khalifah* yang bermakna “wakil” (QS.al-Baqarah ayat 30). Mustafa al-Maraghi, mengatakan bahawa khalifah merupakan wakil Tuhan di muka bumi (*khalifah fil ardi*).

Rasyid Ridla al-Manar, menyatakan bahawa *khalifah* merupakan seorang manusia yang dibekalkan kelebihan akal, fikiran dan pengetahuan untuk mengatur. Istilah atau perkataan *khalifah* ini mulai popular dan digunakan setelah Rasulullah S.A.W wafat. Dalam istilah yang lain, kepemimpinan juga terkandung dalam pengertian “Imam”, yang bererti pemuka agama dan pemimpin spritual yang diteladani dan dilaksanakan

fatwanya. Terdapat juga istilah “*amir*”, iaitu pemimpin yang memiliki kuasa untuk mengatur masyarakat. Istilah “*ulil amir*” [jamaknya *umara*] yang disebutkan dalam surat al-Nisa (ayat 59) yang bermakna penguasa, pemerintah, ulama, cendekiawan, pemimpin atau tokoh masyarakat yang menjadi tumpuan umat. Istilah wali pula disebutkan dalam surat al-Maidah (ayat 55). Dalam hadis Nabi dikenali dengan istilah *ra'in* yang bermaksud pengelolaan dan pemimpin. Istilah-istilah tersebut memberi pengertian bahawa kepemimpinan adalah kegiatan menuntun, memandu dan menunjukkan jalan menuju tujuan yang direndahkan oleh Allah S.W.T.

Istilah *khalifah* dan “*amir*” dalam konteks bahasa Indonesia disebut sebagai pemimpin yang selalu berkonotasi pemimpin formal. Apabila kita merujuk dan meneliti firman Allah S.W.T dalam surat al-Baqarah ayat 30, bermaksud: “*Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, “Aku akan menciptakan khalifah di bumi. “Meraka bertanya [keheranan], Mengapa Engkau akan menciptakan makhluk yang akan selalu menimbulkan kerusakan dan pertumpahan darah, sementara kami senantiasa bertasbih memuji dan menyucikan Engkau?” Allah berfirman, “Aku Mahatahu segala hal yang tidak kemau ketahui”*”. Dalam pengertian tersebut dapat disimpulkan bahawa kepemimpinan Islam secara mutlak bersumber daripada Allah S.W.T yang telah menjadikan manusia sebagai *khalifah fil ardli*. Oleh itu dalam kaitan ini, dimensi kawalan tidak terbatas kepada interaksi antara yang memimpin [*umara*] dengan yang dipimpin [*umat*], tetapi baik pemimpin mahupun rakyat [*umat*] yang dipimpin harus sama-sama mempertanggungjawabkan amanah yang dipikulnya

sebagai seorang khalifah Allah , secara *komprehensif* (Aunur Rahim, dk., 2001, hlm.4-5).

Berdasarkan penjelasan di atas, kepemimpinan beretika (*ethical leadership*) wujud pada diri Nabi Muhammad S.A.W. Berbeza dengan model barat, kepemimpinan beretika nabi Muhammad merangkumi tiga faktor utama, iaitu manusia moral (*moral person*), pengurus moral (*moral manager*) dan hamba taat (*moral vicegerent*). Elemen *moralvicegerent* dapat memastikan elemen *moral person* dan *moral manager* dapat direalisasikan secara konsisten. Hal ini kerana melalui elemen kehambaan (*moralvicegerent*) justifikasi penaakulan moral yang melangkaui batas tiga tahap perkembangan kognitif moral dapat diwujudkan dalam kalangan pemimpin. Model perkembangan kognitif moral Kohlberg terhad kepada tahap prakonvensional, konvensional dan pascakonvensional. Namun begitu, melalui model kepemimpinan etika Rasulullah, hubungan manusia dan Pencipta dapat diwujudkan. Hubungan tersebut kemudiannya dapat mengawal manusia dalam melaksanakan peranan sebagai individu bermoral (*moral person*) dan pengurus moral (*moral manager*) dengan lebih sempurna. Sehubungan dengan itu, model kepemimpinan etika Rasulullah adalah lebih pragmatik berbanding dengan model Trevino yang hanya berteraskan dua sendi, iaitu manusia bermoral (*moral person*) dan pengurus moral (*moral manager*). Hal ini kerana dalam model kepemimpinan beretika Trevino, dorongan untuk mempamerkan diri sebagai manusia bermoral (*moral person*) dan mengajak pengikut ke arah mempraktikkan moral (*moral manager*) kekal sebagai pilihan sukarela yang tidak

mempunyai sebarang elemen penguatkuasaan yang tegas (*reinforcement*). Justeru, model kepemimpinan beretika berlandaskan Nabi Muhammad S.A.W merupakan satu model yang menepati prinsip Islam sejajar dengan konsep Islamisasi IlmuSains Sosial (*Islamization of Social Science*) serta menawarkan kerangka model yang berasaskan tokoh diri pemimpin yang khusus.

2.7 Sifat Peribadi Kepimpinan *Khulafa al-Rasyidin* (Abu Bakar al-Siddiq, Umar bin Khattab, Usman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib)

Kepemimpinan Islam di bawah *Khulafa al-Rasyidin* dimulai dan ditandai dengan terpilihnya Abu Bakar *al-Siddiq* sebagai Khalifah (pengganti Rasulullah S.A.W) atas pertimbangan-pertimbangan yang tertentu. Pertama, beliau sangat dekat dengan Rasulullah S.A.W baik dalam bidang agama mahupun kekeluargaan dan juga dalam soal persahabatan. Kedua, beliau merupakan sahabat yang sangat mempercayai Rasulullah S.A.W. Gelaran *al-Siddiq* adalah pemberian kepada beliau atas pbenarannya ketika Rasulullah S.A.W kembali dari Isra' Mi'raj. *Al-Siddiq* bermaksud orang yang benar dan dapat dipercayai. Ketiga, beliau seorang dermawan yang mendermakan seluruh harta bendanya untuk kepentingan Islam, hingga ketika ditanya oleh Rasulullah S.A.W “*Apakah yang engkau tinggalkan untuk keluargamu?*” Abu Bakar menjawab Allah dan Rasul. Keempat, isteri Rasulullah S.A.W setelah wafatnya Siti Khadijah ialah Siti Aisyah wanita yang cerdas, setia dan pandai, iaitu puteri Abu Bakar yang dinikahi oleh Rasulullah ketika umurnya masih belia. Kelima,

Abu Bakarlah yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW menjadi Imam solat jama'ah, sewaktu Rasulullah sakit. Keenam, Abu Bakar merupakan lelaki dewasa yang pertama sekali menganut Islam dan menjadi tiang dalam mempertahankan Islam. Menurut A.Hasjmy (1995), keteguhan pendirian Abu Bakar serta kekuatan iman kaum Muhajirin dan kaum Ansar merupakan faktor yang menentukan untuk meneguhkan tiang sendi Islam.

Zaman *Khulafa al-Rasyidin* berikutnya selepas kewafatan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq, umat Islam telah memilih Umar ibn al-Khattab seorang sahabat Nabi yang mendapat gelaran *al-Faruq*. Gelaran *al-Faruq* (*Sang Pembeza Hak dan Batil*) ini Rasulullah bersabda:

“Sungguh Allah telah meletakkan kebenaran pada ucapan Umar”. Hadis lain nabi bersabda, *“Sungguh sebelum kalian, telah ada orang-orang yang di beri ilham oleh Allah, di kalangan umatku Umarlah orangnya.”* (Yusuf Musa, 1999 hlm.12).

Pada zamannya seluruh suara umat Islam tercurah kepadanya. Umar telah meletakkan dasar musyawarah bagi umat Islam. Kemudian beliau memiliki anggota *majelis syura* di antara umat itu sendiri untuk mengatur kepentingan kaum muslim (Fuad Muhammad Fachruddin, 1985 , hlm.19-20).

Khalifah Umar bin Khattab al-Faruq merupakan seorang tokoh besar pada masa perang mahupun pada waktu damai. Tidak ramai tokoh dalam sejarah manusia yang telah menunjukkan kepintaran dan kebaikan yang melebihi Umar, baik sebagai pemimpin tentera di medan perang, mahupun dalam menjalankan tugas-tugas terhadap rakyat serta dalam hak ketaatan kepada keadilan. Kehebatannya terlihat juga dalam menyatukan negeri-negeri yang telah ditakluki. Islam sempat dituduh menyebarkan dirinya melalui hujung pedang. Walau bagaimanapun sejarah moden yang dilakukan kemudian membuktikan bahawa perang yang dilakukan oleh orang Islam selama kekhalifahan Khulafa al-Rasyidin adalah untuk mempertahankan diri.

Sejarawan Inggeris, iaitu Sir William Muir melalui bukunya yang termasyur, *Rise, Decline and Fall of the Caliphate*, mencatatkan bahawa setelah penaklukan Mesopotamia, seorang jenderal Arab bernama Zaid memohon izin Khalifah Umar untuk mengejar tentera Parsi yang melarikan diri ke Khurasan. Keinginan jenderalnya itu ditolak oleh Umar dengan berkata, "Saya ingin agar antara Mesopotamia dan negara-negara di sekitar pegunungan menjadi semacam batas penyekat, sehingga orang-orang Parsi tidak akan mungkin menyerang kita. Demikian pula kita, kita tidak boleh menyerang mereka. Dataran Irak sudah memenuhi keinginan kita. Saya lebih menyukai keselamatan bangsaku dari pada ribuan barang rampasan dan melebarkan wilayah penaklukan. Muir menyatakan bahawa: "*Pemikiran melakukan misi yang*

meliputi seluruh dunia masih merupakan suatu embrio, kewajiban untuk memaksakan agama Islam melalui peperangan belum lagi timbul dalam pikiran orang Muslimin."

Umar merupakan ahli strategi tentera yang besar. Beliau mengeluarkan perintah operasi ketenteraan secara terperinci. Ketika mengadakan operasi ketenteraan untuk menghadapi kejahatan orang-orang Parsi, beliau yang merancang strategi pasukan Islam dan mengeluarkan perintah dengan terperinci. Ketika beliau menerima khabar hasil pertempurannya beliau ingin segera menyampaikan berita gembira atas kemenangan tentara kaum Muslimin kepada penduduk, lalu Khalifah Umar berpidato di hadapan penduduk Madinah dengan berkata:

"Saudara-saudaraku! Aku bukanlah rajamu yang ingin menjadikan Anda budak. Aku adalah hamba Allah dan pengabdikan hamba-Nya. Kepadaku telah dipercayakan tanggung jawab yang berat untuk menjalankan pemerintahan khilafah. Adalah tugasku membuat Anda senang dalam segala hal, dan akan menjadi hari nahas bagiku jika timbul keinginan barang sekalipun agar Anda melayaniku. Aku berhasrat mendidik Anda bukan melalui perintah-perintah, tetapi melalui perbuatan."

Apabila diteliti kitab sejarah yang ditulis oleh al-Thabari, dapat diketahui bahawa Umar al-Faruq walaupun berada sangat jauh dari medan perang, berjaya mengarahkan pasukannya dan mengawasi gerakan pasukan musuh. Hal tersebut merupakan suatu kelebihan anugerah Allah yang luar biasa. Dalam menakluki musuhnya, khalifah banyak menekankan pada segi moral dengan menawarkan syarat-syarat yang mudah dan memberikan mereka pelbagai hak bahkan pada zaman yang maju juga tidak pernah ditawarkan kepada suatu bangsa yang kalah perang. Hal ini

sangat membantu memenangi simpati rakyat yang pada akhirnya membuka jalan musyawarah secara baik. Beliau melarang keras tenteranya membunuh orang yang lemah dan menodai kuil serta tempat ibadah yang lain. Apabila suatu perjanjian ditandatangani, ia harus ditaati sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat. Berbeza dengan tindakan penindasan dan kekejaman yang dilakukan oleh Alexander, Caesar, Atilla, Ghengiz Khan, dan Hulagu. Penaklukan model Umar bersifat jasmani dan rohani. Sejarawan Kristen Mesir, Jurji Zaidan member komen terhadap prestasi Umar dengan menyatakan bahawa:

"Pada zamannya, berbagai negara ia taklukkan, barang rampasan kian menumpuk, harta kekayaan raja-raja Parsi dan Romawi mengalir dengan deras di hadapan tenteranya, namun dia sendiri menunjukkan kemampuan menahan nafsu serakah, sehingga kesederhanaannya tidak pernah ada yang mampu menandingi. Dia berpidato di hadapan rakyatnya dengan pakaian bertambalkan kulit hewan. Dia mempraktekkan satunya kata dengan perbuatan. Dia mengawasi para gubernur dan jenderal dengan cermat dan dengan cermat pula menyelidiki perbuatan mereka. Bahkan Khalid bin Walid yang perkasa pun tidak terkecuali. Dia berlaku adil kepada semua orang, dan bahkan juga bagi orang non-Muslim. Selama masa pemerintahannya, disiplin baja diterapkan secara utuh."

Khalifah yang ketiga Khulafa al-Rasyidin kemudian dipegang oleh Usman bin Affan, antara sahabat Nabi yang berasal daripada golongan suku Amawi, iaitu lebih muda lima tahun daripada Rasulullah S.A.W. Di sebalik ketinggian ilmunya dalam bidang fiqih, Usman juga dikenal sebagai orang yang sangat pemalu dan pemurah. Dalam kalangan bangsanya, beliau terkenal sebagai seorang yang lemah lembut dan banyak menolong. Rasulullah S.A.W mengahwinkannya dengan puteri nabi bernama Ruqoyah. Setelah istrinya meninggal dunia, Rasulullah S.A.W mengahwinkan Usman

dengan adik Ruqoya, iaitu Ummu Kalsum. Oleh sebab itu Usman diberi gelaran *Zun Nuraian*, iaitu dua cahaya, sebab dua orang isterinya merupakan kedua-dua puteri Rasulullah. Usman merupakan seorang yang banyak menderma untuk kepentingan Islam. Sewaktu Rasulullah mempersiapkan tentera untuk menghadapi perang Tabuk, beliau yang membiayai keseluruhan keperluan penginapan perang. Beliau juga yang membeli *Sumur Romah* daripada seorang Yahudi dengan harga 20 ribu dirham untuk dihadiahkan bagi kepentingan kaum Muslimin.

Selama 14 tahun menjadi khalifah, banyak kemajuan yang ditempuh. Namun begitu, apabila ramai ahli keluarga Usman yang masuk kedalam kabinet pemerintahan Khalifah Usman, maka timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Islam. Akibatnya terjadilah rusuhan dan perpecahan. Akhirnya Usman mengakhiri kehalifahannya pada tahun 35 H / 656 M (Harun Nasution, 1998, hlm.58).

Khalifah yang keempat zaman Khulafa al-Rasyidin kemudian dipimpin oleh Ali bin Abu Thalib, iaitu seorang pemuda yang pertama menganut Islam. Beliau merupakan orang yang terdekat dengan Rasulullah S.A.W dan tinggal serumah dengan Nabi. Sebagai orang yang paling dekat dengan Rasulullah, Ali berasa mempunyai hak untuk meneruskan kepemimpinan Rasulullah S.A.W. Ini didasarkan kepada pandangan bahawa: Pertama, Ali tahu sifat hidup Rasulullah dari dekat kerana pergaulan hidup sehari-hari di rumah yang sama sehingga mengetahui segalanya yang berkaitan dengan Nabi secara terperinci yang berguna bagi kehidupan umat

Islam. Kedua, beliau mempunyai hubungan darah dengan Rasulullah S.A.W. Ketiga, beliau menantu Rasulullah S.A.W. Keempat, sebagai pemuda yang pertama memeluk Islam. Kelima, sejak kanak-kanak beliau lebih lama dalam Islam dan lebih berkesan Islam itu pada diri beliau. Keenam, beliau yang ditugaskan oleh Rasulullah S.A.W untuk tidur di tempat tidur Rasulullah, sewaktu Rasulullah melakukan hijrah ke Madinah.

Dalam kepemimpinannya, Saiyidina Ali memiliki sifat keperibadian yang Islamik. Hal ini dapat dilihat daripada sifat Kehidupan Imam Ali bin Abi Thalib, beriringan dengan masa pergerakan wahyu hingga terputusnya wahyu selepas kewafatan Nabi. Beliau memiliki kedudukan yang mulia di sisi Nabi. Kedudukan ini yang membuatkan beliau berusaha untuk membantu dan melindungi Rasulullah dan risalah selama dua puluh tiga tahun dengan perjuangan yang terus-menerus. Pembelaannya terhadap batasan-batasan Islam yang suci, dan keutamaan yang dimilikinya dengan indah dilukiskan oleh ayat-ayat Al-Quran dan teks-teks hadis.

Ibnu Abbas berkata, 'ada 300 ayat yang turun berkenaan dengan Ali', dan setiap turun ayat yang berbunyi *Yaa ayyuhal ladzina amanuu* (wahai orang-orang yang beriman) Ali bin Abi Thalib pasti disebutkan kerana beliau adalah pemimpin yang termulia dari orang-orang yang beriman. Allah dalam sebahagian ayat-Nya pernah memperingatkan para sahabat Nabi namun setiap kali menyebutkan tentang Ali pasti berkenaan dengan yang baik.

Terdapat banyak ayat yang turun berkenaan dengan Imam Ali bin Abi Thalib oleh ulama muta'addimin (yang terdahulu) mahupun muta'akhirin (yang terakhir) dikumpulkan dalam buku-buku mereka. Sebahagian daripada ayat-ayat yang memiliki sangkut paut dengan imam Ali bin Abi Thalib akan disebutkan sesuai juga dengan penjelasan para ahli hadis seperti berikut:

1. Riwayat dari Ibnu Abbas: Ali bin Abi Thalib pernah hanya memiliki wang sebanyak empat dirham. Dengan empat dirham itu beliau memberikan sedekah satu dirham pada waktu malam dan satu dirham lagi pada waktu siang. Dua dirham terakhir juga disedekahkan, iaitu satu dirham secara sembunyi-sembunyi sementara dirham terakhirnya disedekahkan secara terang-terangan. Setelah melakukan hal tersebut turun ayat yang berbunyi, 'Orang-orang yang menginfakkan hartanya di malam dan siang hari, secara sembunyi-sembunyi dan terang-terangan. Bagi mereka yang berbuat demikian pahalanya ada di sisi Tuhannya. Orang yang melakukan ini tidak memiliki rasa takut dan tidak pernah bersedih'.
2. Dari Ibnu Abbas: Ali bin Abi Thalib bersedekah dengan cincinnya sementara beliau dalam keadaan melakukan ruku'. Kemudian Nabi bertanya kepada pengemis, 'siapa yang memberimu cincin ini? Ia menunjuk sambil berkata, 'yang memberiku orang yang sedang melakukan ruku' itu'. Setelah itu turun ayat, 'Wali/pemimpin kalian hanyalah Allah dan Rasulnya dan orang-orang yang beriman, orang-orang yang menegakkan salat sembari memberikan sedekah dalam keadaan ruku'.

3. Ayat Tathir menunjukkan bahawa Ali termasuk dalam Ahli Bayt wahyu yang disucikan dari segala noda dan dosa. Sementara ayat Mubalahah mengatakan bahawa Ali adalah jiwa Nabi.
4. Surat Al-Insan menjadi bukti berkaitan keikhlasan Ali dan keluarganya dan kekhusyu'an mereka kepada Allah. Bukti dan persaksian ilahi ini menjadi penjamin bahawa mereka adalah ahli syurga.

Para tokoh ahli hadis menyiapkan bab khusus dan bahagian tersendiri berkenaan dengan keutamaan Ali yang berkaitan dengan riwayat-riwayat Rasulullah S.A.W. Sejarah panjang kemanusiaan belum pernah mengenal manusia yang lebih utama daripada Ali bin Abi Thalib setelah Rasul. Tidak pernah tercatat untuk orang lain keutamaan sebagaimana yang tertulis untuk Ali bin Abi Thalib sekalipun beliau banyak menerima caian dan makian di atas mimbar solat Jumat sepanjang kekuasaan bani Umayyah dan orang-orang yang membencinya. Mereka yang membencinya sentiasa berusaha untuk mengurangi keutamaan Ali sehingga tidak lagi ditemukan apa yang dapat dilakukan. Semua usaha menemui jalan buntu. Umar bin Al-Khatthab berkata bahawa Rasulullah sempat bersabda, tidak ada seorang pun yang dapat meraih keutamaan seperti keutamaan yang dimiliki oleh Ali. Keutamaan ini selalu menunjukkan pemiliknya ke jalan hidayah dan mencegahnya dari kehancuran.

Dikatakan kepada Ali bin Abi Thalib, 'bagaimana boleh engkau banyak meriwayatkan hadis dari Rasulullah S.A.W lebih dari sahabat yang lain? Ia

menjawab, 'bila aku bertanya niscaya Nabi memberi khabar kepadaku. Bila aku diam Nabi yang memulai memberitahukan kepadaku'.

Dari Ibnu Umar, 'pada hari penetapan persaudaran yang dilakukan Nabi kepada para sahabat, Ali bin Abi Thalib tiba dengan air mata berlinangan. Rasulullah S.A.W bersabda, 'engkau adalah saudaraku di dunia dan di akhirat'.

Dari Abi Laila Al-Ghiffari berkata, 'Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda, 'sepeninggalku akan terjadi fitnah. Apabila fitnah itu terjadi maka hendaklah kalian berpegangan dengan Ali bin Abi Thalib. Beliau orang yang pertama beriman kepadaku. Orang pertama yang menyalamiku di hari kiamat. Beliau adalah orang yang paling jujur (As-Siddiq Al-Akbar). Beliau adalah pemisah (Faruq) umat ini. Beliau merupakan pemimpin (lebah jantan) kaum mukminin sementara harta adalah pemimpin kaum munafikin'.

Seluruh khalifah mengatakan bahawa Ali adalah yang paling mengetahui dan paling tepat dalam mengadili, iaitu menjadi hakim. Selain itu, mereka sepakat mengatakan bahawa seandainya Ali tidak ada mereka pasti celaka. Ungkapan ini lebih terdapat dalam ucapan-ucapan Umar yang berbunyi, 'seandainya tidak ada Ali niscaya Umar telah celaka'.

Dari Jabir bin Abdilllah Al-Anshari berkata, 'kami tidak pernah mengenal orang-orang munafik kecuali lewat kebencian mereka terhadap Ali bin Abi Thalib'. Ketika Muawiyah tiba di tempat terbunuhnya Ali bin Abi Thalib, ia berkata, 'pemahaman yang terperinci dan ilmu telah lenyap dengan meninggalnya Ibnu Abi Thalib'.

As-Sya'bi berkata, 'kewujudan Ali bin Abi Thalib di tengah-tengah umat Islam sebagaimana kewujudan Isa bin Maryam di tengah-tengah bani Israel. Sebahagian daripada pengikutnya begitu mencintainya sehingga mereka sampai pada batasan kekafiran akibat kecintaan yang berlebihan. Sementara sebahagian yang lain begitu membencinya sehingga mereka sampai pada batasan kekafiran akibat kebencian yang berlebihan.

Ali merupakan manusia paling dermawan. Beliau sentiasa berakhlak sebagaimana yang diinginkan Allah; dermawan dan tangannya senantiasa terbuka. Beliau tidak pernah berkata 'tidak' seumur hidupnya untuk peminta sedekah. Sha'sha'ah bin Shuhan berkata kepada Ali bin Abi Thalib di hari ketika ia diba'at, 'demi Allah! wahai Amir Mukminin, engkau telah menghiasi khilafah sementara khilafah tidak pernah membuatmu terhiasi. Engkau telah meninggikan darjat khilafah sementara khilafah tidak pernah meninggikanmu. Kekhalifahan lebih memerlukanmu berbanding keperluanmu terhadapnya.

Hal ini bermaksud bahawa Imam Ali bin Abi Thalib merupakan orang yang teragung. Peribadi satu-satunya yang tidak akan pernah ada yang menyamainya, baik di barat mahupun di timur, tidak juga sebelum dan sesudahnya'. Ali bin Abi Thalib tetap tinggal sebagai rumusan dan kepemimpinan praktis yang tidak dapat dipisahkan. Beliau sentiasa berbincang bersama generasi sahabat-sahabat besar dengan pengertian pertama Islam sebagai petunjuk dan pengorbanan untuk memperbaiki alam dan membentengi Islam menuju ke jalan kebenaran dan keadilan. Dalam erti kata lain, sesuai dengan pengertian Islam sebagai revolusi yang tetap dan berterusan.

Muawiyah di tengah peperangannya dengan Imam Ali bin Abi Thalib menampakkan dirinya di hadapan generasi muda muslim sebagai orang yang berada di puncak kekuasaan dengan perkembangannya. Pada sisi yang lain beliau tidak ingin melepaskan ketamakannya atas kekayaan material yang telah dikumpulkannya. Sikap permusuhan yang sangat dalam dan kelam ini sangat merosak dan memiliki daya hancur yang kuat. Hal ini memberikan kesempatan kepada Muawiyah untuk mengukuhkan rasa cinta keduniaan yang mengakar. Rasa ini mengoyak-ngoyak persatuan kaum muslimin. Keadaan ini memberikan sebuah telahan baru tentang hak-hak milik agama yang lebih mencakupi politik pemerintahan dalam menghadapi semangat risalah dan revolusi.

Imam Ali bin Abi Thalib juga termasuk dalam fenomena sejarah yang tidak pernah diketahui oleh umat manusia dalam kehidupan mereka. Hal ini bermula dari

kelahirannya. Tempat lahirnya merupakan tempat yang sangat fenomenal dalam sejarah. Belum pernah ada seorang pun yang pernah dilahirkan di sana (Ka'bah), tidak sebelumnya dan tidak sesudahnya. Sebagaimana beliau dilahirkan di rumah Allah, saat menghadapi kematiannya oleh Allah beliau dikeluarkan dari rumahnya."

Selain itu: belum pernah terjadi dalam sejarah kemanusiaan seperti yang terjadi pada Ali bin Abi Thalib. Orang-orang yang tidak memiliki keimanan seperti para pecintanya menganggapnya sebagai pemimpin yang terdepan dan salah satu manusia terjenius yang pernah dilahirkan zaman. Orang-orang yang obyektif mencintainya, memandangnya sebagai pendamping kenabian dan kerasulan (http://www.alhassanain.com/indonesian/book/book/holy_prophet_and_ahlul_bayt_library/imam_ali/imam_ali/006.html).

Menurut Jalaluddin Rakhmat (1997) bahawa kepemimpinan Ali ibn Abi Thalib dalam Khulafa Al-Rasyidin sangat patut kita teladani. Tidak ada khalifah yang paling mencintai ukhuwwah ketika orang berusaha menghancurkannya seperti Ali ibn Abi Thalib. Semasa beliau baru sahaja memegang tampuk pemerintahan, beberapa orang tokoh sahabat melakukan pemberontakan. Dua orang pemimpin Muhajirin meminta izin untuk melakukan umrah. Ternyata mereka kemudian bergabung dengan pasukan pembangkang. Walaupun menurut hukum Islam pembangkang harus diperangi, Ali memilih pendekatan pemujukan. Beliau mengutuskan beberapa orang utusan untuk menyedarkan mereka. Beberapa pucuk surat dikirimkan. Namun, seluruh usaha ini

gagal. Jumlah pasukan pemberontak semakin bertambah. Mereka bergerak menuju Basra (<http://sufimuda.net/tag/ali-bin-abi-thalib>).

2.8. Sifat Peribadi Kepimpinan Khalifah Umar bin Abdul Aziz

Kajian Muknizar Sabri (2014) menyatakan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz merupakan seorang Khalifah Bani Umayyah yang memiliki sifat-sifat peribadi, iaitu: (a) *Siddiq* (benar). Seorang pemimpin memiliki nilai kebenaran, iaitu benar dari segi niat, sikap, perkataan dan perbuatan. Niatnya ditujukan untuk kepentingan bangsa dan negara, bukan untuk kepentingan diri sendiri, keluarga atau kelompok; (b) *Fatanah* (cerdas). Seorang pemimpin yang cerdas, memiliki idea, gagasan untuk memajukan masyarakat yang dipimpinnya. Idea dan gagasannya didukung oleh kecekapan kerana idea dan gagasan secemerlang manapun tidak akan bermakna apa-apa apabila hanya ada di atas kertas tanpa kemampuan untuk mewujudkan menjadi karya nyata yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat; (c) *Amanah* (dipercayai). Seorang pemimpin perlu boleh dipercayai, tidak ingkar janji dan khianat. Jabatan itu adalah amanah yang mesti ditunaikan. Rakyat sudah menyerahkan hak politik dan memberikan kuasa kepada pemimpin untuk melakukan yang terbaik untuk mereka. Pemimpin wajib untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat dalam bentuk pengambilan keputusan dan tindakan yang menguntungkan mereka dan bukan sebaliknya. Memotong anggaran untuk program pembangunan yang berkaitan dengan kepentingan rakyat kemudian mengubahnya untuk meningkatkan faedah dengan pelbagai istilah adalah pelanggaran serius dari amanah

yang diberikan rakyat; (d) *Tabligh* (menyampaikan/telus). Seorang pemimpin perlu mempunyai sifat suka menyampaikan apa yang mesti disampaikan kepada masyarakat. Sifat *tabligh* ini bermaksud pemimpin yang telus. Beliau akan menyampaikan apa yang menjadi hak masyarakat untuk mengetahuinya. Namun begitu beliau tetap merahsiakan apa yang seharusnya dirahsiakan, iaitu pertimbangannya pasti kepada kepentingan awam, bukan kepentingan peribadi. Sikap suka menyembunyikan atau menutupi sesuatu menunjukkan bahawa ada niat buruk di sebalik sikap itu sendiri (Muknizar Sabri dalam Opini 18 February 2014).

Menurut Muknizar Sabri (2014), keempat-empat sifat ini tidak boleh berdiri sendiri tetapi merupakan satu kesatuan yang tidak terpisah. Sifat *Fatanah* (cerdas) misalnya harus didukung oleh sifat *siddiq*, *amanah* dan *tabligh*. Ramai pemimpin yang cerdas dengan menyandang pelbagai gelaran akademik, dari depan hingga belakang namanya tetapi tidak membawa manfaat terhadap masyarakat, sebaliknya membawa mudarat. Kepiawan pemimpin melakukan jenayah rasuah merupakan contoh penyalahgunaan kecerdasan yang mereka miliki.

2.9 Hasil Perbincangan Teori

Berdasarkan teori-teori yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa dimensi kepemimpinan telah lama menjadi kajian yang menarik terutama terhadap kejayaan kepemimpinan dalam suatu organisasi. Kecekapan kepemimpinan dapat diketahui daripada kejayaan seseorang dalam kepemimpinannya bagi mencapai tujuan

organisasi. Seorang pemimpin pentadbiran dituntut untuk mampu membawa organisasi awam yang dipimpinnya dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Huges (1992) mengatakan bahawa "*government organization are created by the public, for the public, and need to be accountable to it.*" Organisasi awam dibuat oleh awam, untuk awam dan harus bertanggungjawab kepada awam. Bersandarkan pada pendapat ini, pemimpin organisasi awam diwajibkan berakuntabiliti atas prestasi yang dicapai oleh organisasinya. Tujuan utama organisasi awam adalah memberikan perkhidmatan dan mencapai kadar kepuasan masyarakat seoptimum mungkin.

Karakteristik kepengurusan perkhidmatan sektor awam sebagai suatu keseluruhan kegiatan pengelolaan perkhidmatan yang dilakukan oleh pemerintah, memiliki dasar undang-undang yang jelas dalam penyelenggaraannya, memiliki kelompok kepentingan yang luas termasuk kelompok sasaran yang ingin dilayani (*wide stakeholders*), memiliki tujuan sosial serta amanah terhadap orang awam. Selaras dengan perkembangan kepengurusan penyelenggaraan negara dan dalam usaha mewujudkan perkhidmatan yang baik, paradigma perkhidmatan awam berkembang dengan fokus pengelolaan yang berorientasi pada kepuasan pelanggan (*customer-driven government*) yang dicirikan dengan lebih memfokuskan diri pada fungsi pengaturan, pemberdayaan masyarakat serta menerapkan sistem persaingan dan pencapaian tujuan yang didasarkan pada visi, misi, tujuan dan sasaran.

Tuntutan masyarakat terhadap perkhidmatan awam yang berkualiti, mengharuskan pengemasan dalam kepengurusan awam. Apabila masih tingginya kadar aduan masyarakat pengguna perkhidmatan awam menunjukkan bahawa pemerintah sebagai organisasi awam masih belum sepenuhnya mampu menciptakan sistem perkhidmatan yang baik pada mata rakyat. Hal ini sedikit banyak telah membawa kesan menurunnya kepercayaan awam terhadap organisasi awam. Kadar kepercayaan masyarakat (*public trust*) kepada organisasi awam mulai menurun. Kebanyakan organisasi awam masih sering dijumpai fungsi pengaturan yang lebih dominan berbanding fungsi perkhidmatan.

Pelbagai hasil tinjauan juga memperlihatkan adanya kecenderungan penurunan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap organisasi awam. Misalnya, tinjauan "*Rethinking Government 2000*" di Kanada yang dilakukan oleh *Ekos Research Associates Inc* (2000). mendapati hanya 16% masyarakat yang percaya bahawa pemerintah membuat keputusan yang selari dengan kepentingan awam. Hal ini tentu harus diuruskan dengan bijaksana, iaitu dengan muhasabah dan seterusnya melakukan perubahan dan penambahbaikan yang signifikan.

Bagi mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti, pemerintah telah melakukan pelbagai agenda reformasi kepengurusan awam. Secara garis besar, terdapat 3 (tiga) kaedah reformasi kepengurusan awam, iaitu : (1) *Methods to improve Service*

Delivery, (2) *Methods to Increase Efficiency*, dan (3) *Methods to improve Governance*. Kaedah ini mengisyaratkan bahawa agenda peningkatan kualiti perkhidmatan awam, peningkatan keberkesanan dan peningkatan *governance* selalu menjadi agenda utama dalam reformasi kepengurusan awam di pelbagai negara. Di Indonesia, ketiga-tiganya menjadi agenda penting yang menjadi acuan dalam meningkatkan perkhidmatan awam.

Dalam melaksanakan agenda reformasi kepengurusan awam tersebut, terdapat dua pihak yang seharusnya dapat saling bekerjasama untuk mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti. Pada satu sisi, kita menghadapi masyarakat yang semakin kritis dan juga keadaan mereka yang terhimpit dengan keperluan dan ekonomi yang sebahagian besar berada pada golongan menengah ke bawah sehingga tuntutan mereka ingin segera diatasi dengan cepat, tepat dan murah. Sehingga ketika usaha reformasi kepengurusan awam yang dilakukan pemerintah belum secara optimum mampu memenuhi tuntutan masyarakat tersebut. Oleh itu, masyarakat selalu memberikan tanggapan negatif dan adakalanya berperilaku destruktif, tidak mendukung pelbagai agenda yang dilaungkan oleh pemerintah.

Pada sisi lain, kita harus menghargai bahawa ketika ini pemerintah terus bergerak dan berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Pelbagai dasar, strategi dan program baik secara nasional mahupun daerah diarahkan pada agenda-

agenda peningkatan kualiti perkhidmatan awam, penerapan konsep keberkesanan dalam sektor awam (kerana masalah keterbatasan anggaran) dan juga kolaborasi ketiga pilar *good governance* serta penerapan prinsip-prinsipnya. Usaha tersebut memerlukan waktu dan sokongan daripada masyarakat.

Dalam keadaan tersebut, satu tahap penting yang harus dilakukan pemerintah ketika ini adalah dengan membangunkan kepercayaan masyarakat terhadap prestasi pemerintah. Pada tahap inilah kita memerlukan suatu kepemimpinan yang berprestasi tinggi dan mampu melakukan pendekatan kepada masyarakat untuk memenuhi tuntutan keperluan dan permasalahan. Antara petunjuk kejayaan seorang pemimpin dalam mengembangkan '*truly citizen-centered*' adalah pendekatan kepada masyarakat yang mereka lakukan dilakukan dengan efektif dan juga terjamin kelangsungannya atau sebaliknya gagal untuk menjalinkan hubungan dengan masyarakat?

(1) Dimensi Agama

Kepemimpinan spiritual misalnya dipandang mampu mengefektifkan budaya bangsa kerana model itu bervisi, kerja keras, cerdas dan ikhlas, serta tidak hanya kerja betul tetapi juga kerja benar. Persoalan besar Indonesia sebagai suatu bangsa adalah teruk hampir di semua bidang kehidupan, iaitu bidang ekonomi, politik, undang-undang dan sosial budaya. Kesemuanya disebabkan dengan hilangnya nilai budaya yang

mempunyai nilai positif yang dibangun dan berakar pada bangsa ini. Nilai dan ciri itu mampu menjadi inspirasi, pendorong, dan penggerak kemajuan bangsa. Tidak ada bangsa yang maju tanpa nilai di dalamnya. Bangsa Jepun maju kerana digerakkan oleh nilai Bushido, bangsa China maju kerana nilai Confucianism dan bangsa Eropah maju kerana semangat Renaissance. Jadi, nilai mampu menggerakkan semangat dalam segala aktiviti bangsa.

Persoalannya ialah model kepemimpinan bangsa yang bagaimana yang sesuai dan mampu mengubah bangsa sebagai organisasi besar sehingga mampu mewujudkan keberkesanan budaya. Budaya organisasi bangsa ialah watak, ciri dan keperibadian yang dibangun oleh para anggota komuniti dari seluruh elemen bangsa. Budaya bangsa mengacu kepada sistem makna dan nilai yang dianuti oleh bangsa tersebut. Apabila bangsa itu ingin maju, maka nilai menjadi jawapannya.

Model kepemimpinan spiritual diyakini mampu menjadi penyelesaian terhadap krisis dan masalah bangsa. Model kepemimpinan spiritual merupakan puncak tertinggi evolusi model kepemimpinan yang ada, iaitu kepemimpinan transaksional dan kepemimpinan transformasional. Ciri utama model kepemimpinan spiritual iaitu (a) Hakikat kepemimpinan ialah amanah daripada Tuhan; (b) Berfungsi memberikan dan mencurahkan iman dan hati nurani pengikut melalui kerja keras, cerdas dan ikhlas; (c) Etosnya ialah mendedikasikan kepada Tuhan dan sesama manusia untuk ibadah

tanpa mementingkan diri sendiri; (d) Pendekatannya ialah spiritualitua dan hati nurani; (e) Memberikan teladan yang mampu mengilhami dan membangkitkan serta memberikan semua elemen bangsa; (f) Cara mempengaruhi yang dipimpin bukan dengan pendekatan material, tetapi memadukan jiwa, iman dan kasih sayang; (g) Sasarannya ialah membangunkan kasih sayang, mengembangkan kebajikan dan penyalur rahmat Tuhan di muka bumi (Bedjo Santoso, 2007).

Model pemimpin itu berdasarkan pandangan tentang kesempurnaan manusia sebagai sumber daya insan. Kepemimpinan spiritual adalah kepemimpinan yang sejati, iaitu dengan hati berdasarkan etika keagamaan yang mampu membentuk ciri teladan yang luar biasa. Beliau bukan seorang pemimpin yang mencari pangkat, jabatan dan kekayaan peribadi, tetapi pemimpin yang lebih banyak berorientasi kepada cinta Tuhan, menyayangi sesama insan dan saling menyelamatkan. Tentu sahaja pemimpin model itu mempunyai kecerdasan yang holistik, antaranya emosi, intelektual dan spiritual. Asas kepemimpinan ialah etika keagamaan, iaitu kejujuran sejati, pengenalan diri sendiri, fokus kepada amal saleh, spiritual yang tidak dogmatik, bekerja dengan lebih berkesan, membangkitkan yang terbaik dalam diri sendiri mahupun orang lain, terbuka dalam menerima perubahan, bervisi tetapi fokus kepada persoalan, melakukan yang benar, disiplin tetapi tidak kaku, santai, cerdas dan rendah diri (Bedjo Santoso, 2007).

Model kepemimpinan tersebut diyakini mampu mengefektifkan budaya bangsa kerana mempunyai pelbagai kemampuan, iaitu: (a) Melakukan penyatuan idea dengan niat yang suci; (b) Mengembangkan persaudaraan dan kolaborasi serta sinergi; (c) Membangunkan integrity; (d) Membangkitkan rasa syukur dan sabar.

Pada akhirnya perlu dikembangkan sebuah model kepemimpinan pada semua garis tengah dan elemen bangsa. Jika model kepemimpinan itu berjaya diterapkan pada lembaga eksekutif, perundangan, dan kehakiman dengan dikawal sistem yang kuat serta diteladani oleh pemimpin tertinggi bangsa ini, maka itulah cara sebahagian besar permasalahan bangsa. Hal itu dapat diselesaikan bersama dan merupakan tanggungjawab bersama. Tentu sahaja pemerintahlah yang harus memulainya.

(2)Dimensi Sosial

Kajian Ralph Stogdill (2006) mengemukakan bahawa kepemimpinan ditandai dengan pelbagai sifat peribadi yang meliputi usia (*chronological age*), ketinggian (*height*), berat (*weight*), ciri fizikal, tenaga, kesihatan, penampilan (*appearance*), kemampuan berbicara (*fluency of speak*), *scholarship*, pengetahuan (*knowledge*), kemampuan menilai dan mengambil keputusan (*judgement and decision*), kawasan (*insight*), keaslian, kemampuan menyesuaikan (*adaptability*), *introverts* dan *integlensia* (*introversion-extraversion*), pelbagai keunggulan (*dominance*), inisiatif, tekun, semangat (*initiative, persistence, ambition*); harga diri dan keyakinan (*integrity and*

conviction); percaya pada diri sendiri (*self confidence*); pengendalian diri, optimis (*mood controle, mood optimission*); pengendalian emosi (*emotional control*); sosial dan status ekonomi; aktiviti sosial dan mobiliti (*social activity*); kemahiran sosial (*social skill*); ketenaran, wibawa (*popularity, prestige*); kerjasama (*cooperation*).

Sifat-sifat yang dikemukakan tersebut dapat dikelompokkan ke dalam komponen-komponen pokok, iaitu: (a) *capacity*, meliputi kecerdasan (*intelligence*), kewaspadaan (*alertness*), kemampuan berbicara (*verbal facility*), keaslian (*originality*), dan kemampuan menilai (*judgement*); (b) *achievement*, meliputi gelaran keserjanaan (*scholarship*), pengetahuan (*knowledge*), kejayaan dalam olahraga (*athletic accomplishment*); (c) *responsibility*, meliputi berdikari (*independability, inisiatif, ketekunan (persistence), agresif (aggressiveness), percaya pada diri sendiri (self confidence), keinginan untuk unggul (desire to excel)*); (d) *participation*, meliputi aktif, kemampuan bergaul (*social ability*), kerjasama (*cooperation*), mudah menyesuaikan diri (*adaptability*), humor; (e) *status*, meliputi kedudukan sosial ekonomi (*social economic position*), popularity (*popularity*).

Selain daripada lima kelompok di atas, Stogdill juga mengemukakan kelompok yang lain, iaitu situasi (*situation*) yang meliputi *mental level, status, skill, needs, interest of followers, objectives to be achieved*. Dalam tahap ini terdapat banyak pembolehubah yang dikelompokkan menjadi komponen pokok, iaitu: (a) *physical characteristics*

(ciri-ciri fizikal), iaitu *activity*, *energy* (aktivitas, kekuatan), *age* (usia), *appearance*, *grooming* (penampilan, kerapihan), *height* (tinggi badan), *weight* (berat badan); (b) *social background* (latar belakang sosial), iaitu *education* (pendidikan), sosial status (status sosial), *mobility* (mobiliti); (c) *intelligence and ability* (kecerdasan dan kecekapan), iaitu *intelligence judgement*, *decisiveness* (kemampuan menilai, pengambilan keputusan), *knowledge*; (d) *personality* (keperibadian), *adaptability* (penyesuaian diri), *aggressiveness* (sikap agresif), *assertiveness* (ketegasan), *alertness* (ketekunan), *ascendancy* (naik/pengaruh), *dominance* (keunggulan), *emotional balance*, *control* (penguasaan emosi, pengendalian), *enthusiasm* (semangat), *extroversion*, *independence* (kemerdekaan), *nonconformity* (kebebasan, ketidakserasian), *objectivity*, *thought mindedness*, *originality*, *creativity*, *personal integrity*, *ethical conduct*, *resourcefulness* (banyak akal budinya), *self confidence*, *strength of conviction* (kuat pendirian), *tolerance of stress*; (e) *task related characteristic* (ciri-ciri yang berorientasi pada tugas), iaitu *achievement drive*, *desire to excel* (dorongan berprestasi, unggul), *drive for responsibility* (dorongan bertanggung jawab), *enterprize against* (tangguh menghadapi halangan), *responsible in pursuit of objectives* (bertanggung jawab dalam mencapai tujuan), *task orientation* (berorientasi pada tugas); (f) *social characteristic* (semangat kerjasama) iaitu *ability to enlist cooperative* (kesanggupan untuk memperoleh kerjasama), *administrative ability*, *attractiveness* (daya tarik), *cooperative nurturance* (berjiwa mengasuh), *popularity*, *prestige*, *sociability*, *interpersonal skills* (kemampuan bekerjasama, kecakapan saling berhubungan) *social participation*, *tact*, *diplomacy*.

(3) Dimensi Kepimpinan

Setiap pemimpin mempunyai sifat-sifat kepemimpinan dengan gaya tersendiri dan terdapat perbezaan yang sesuai dengan sifat-sifat dan ciri masing-masing. Seorang pemimpin dianggap baik dalam kepemimpinannya apabila beliau dapat memainkan peranan iaitu; (a) perencana (*Planner*); (b) pelaksana (*Executive*); (c) pakar (*expert*); (d) Mewakili kelompok dalam tindakannya di luar (*External Group*); (e) Mengawal hubungan antara anggota kelompok (*Controler up Internal Relationship*); (f) Bertindak sebagai pemberi ganjaran/pujian dan hukuman (*Pur veyar of Reward and punishments*); (g) Bertindak sebagai wasit dan penengah (*Arbiteratur and mediator*); (h) Merupakan bahagian dari kelompok (*Symbol of Group*); (i) Memegang tanggungjawab para anggota kelompok (*Surregate for Individual responsibility*); (j) pencipta / memiliki cita-cita (*Idiologis*); seorang ayah (*Father Figure*); (k) kambing hitam (*Scape Goat*), iaitu seorang pimpinan menyadari bahawa dirinya merupakan tempat melemparkan kesalahan atau keburukan yang terjadi dalam kelompoknya (Hendyat, 1988)

Ki Hajar Dewantara (seperti dipetik dalam Ngalem Purwanto, 1984) menyatakan bahawa seorang pimpinan yang baik harus melaksanakan peranannya sebagai *Ing ngarso sung tulodo, ing madyo mangun karso, tut wuri handayani*. Sementara Ngalem Purwanto (1984) menjelaskan bahawa syarat-syarat kepemimpinan yang baik itu adalah orang yang rendah diri, sederhana, bersifat selalu mendorong, sabar dan

memiliki kestabilan emosi, percaya pada diri sendiri, jujur, adil dan dapat dipercayai serta mempunyai keahlian dalam jabatan.

Berdasarkan keterangan tersebut dapat diketahui bahwa seorang pimpinan yang baik harus bersifat terbuka, tidak boleh memaksa kehendak sendiri tetapi harus memperhatikan kehendak dan keperluan orang bawahannya. Seorang pemimpin harus mempunyai keahlian dedikasi yang tinggi serta dapat membuat dan menyusun perencanaan dan program serta melaksanakan pemantauan yang baik terhadap program yang telah dibuat. Di samping itu seorang pemimpin harus bertanggungjawab terhadap perbuatan-perbuatan anggotanya dan yang paling penting beliaulah harus dapat dicontohi oleh orang bawahannya dalam pelbagai perkara. Hal ini tentu sahaja berlaku dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara.

Tidak ada bangsa yang maju tanpa nilai-nilai yang mendasarinya, maka nilai-nilai itu perlu dibangun. Sebenarnya bangsa Indonesia sudah mempunyai nilai yang berurat berakar dalam sanubari, namun sayangnya nilai tersebut semakin pudar. Bahkan ditunjukkan dengan ada pihak yang ingin menggantinya dengan nilai asing yang tidak sesuai dengan budaya masyarakat Indonesia. Apabila ada model kepemimpinan yang tepat, nilai-nilai tersebut boleh digerakkan dan dikembangkan. Kepemimpinan spiritual adalah jawabannya. Model itu mempunyai sekelompok ciri,

antara yang menonjol ialah "Cinta Tuhan, Menyayangi sesama, Selamat dan Menyelamatkan," (Bedjo Santoso, 2007).

(4) Dimensi pengurusan

Kecekapan ialah satu syarat yang penting bagi menjamin keberkesanan atau kejayaan pemimpin (kepemimpinan) dan pengurusan dalam mengembangkan peranan, tugas, fungsi, ataupun tanggungjawabnya masing-masing. Konsep mengenai kecekapan pertama kalinya dipopularkan oleh Boyatzis (1982) yang mendefinisikan kecekapan sebagai “kemampuan yang dimiliki seseorang yang nampak pada sikapnya yang sesuai dengan keperluan kerja dalam parameter lingkungan organisasi dan memberikan hasil yang diinginkan”. Sejarah perkembangan kecekapan dapat dilihat daripada beberapa definisi kecekapan yang dikembangkan oleh Burgoyne (1988), Woodruffe (1990), Spencer *et.al* (1990), Furnham (1990) dan Murphy (1993).

Menurut Spencer (1993) berpendapat bahawa kecekapan adalah “... *an underlying characteristic of an individual that is causally related to criterion referenced effective and/or superior performance in a job or situation*”. Dalam hal yang sama, Zwell (2000) berpendapat bahawa “*Competencies can be defined as the enduring traits and characteristics that determine performance. Examples of competencies are initiative, influence, teamwork, innovation, and strategic thinking.*”

Beberapa pandangan tersebut menunjukkan bahawa kecekapan merupakan ciri atau keperibadian (*traits*) individu yang bersifat kekal yang dapat mempengaruhi prestasi seseorang. Selain *traits* dari Spencer dan Zwell tersebut, terdapat ciri kecekapan yang lain, iaitu berupa *motives*, *self konsep* (Spencer, 1993), *knowledge*, dan *skill* (Spencer, 1993; Rothwell and Kazanas, 1993). Menurut *review* Asropi (2002), kecekapan tersebut mengandungi makna seperti berikut:

Traits merujuk ciri bawaan yang bersifat fizikal dan tanggapan yang konsisten terhadap pelbagai situasi atau informasi. *Motives* merupakan sesuatu yang selalu difikirkan atau diinginkan oleh seseorang yang dapat mengarahkan, mendorong atau menyebabkan orang melakukan suatu tindakan. Motivasi dapat mengarahkan seseorang untuk menetapkan tindakan-tindakan yang memastikan dirinya mencapai tujuan yang diharapkan (Amstrong, 1990).

Self concept merupakan sikap, nilai, atau citra yang dimiliki oleh seseorang tentang dirinya sendiri yang memberikan keyakinan pada seseorang siapa dirinya. *Knowledge* ialah informasi yang dimiliki oleh seseorang dalam suatu bidang tertentu. *Skill* ialah kemampuan untuk melaksanakan tugas tertentu baik mental ataupun fizikal.

Berbeza dengan keempat-empat ciri kecekapan yang lain bersifat *intention* dalam diri individu, *skill* bersifat *action*. Menurut Spencer (1993), *skill* menjelma sebagai perilaku yang di dalamnya terdapat *motives, traits, self concept*, dan *knowledge*. Dalam pada itu, menurut Spencer(1993) dan Kazanas(1993) terdapat kecekapan kepemimpinan secara umum yang dapat berlaku atau dipilih menurut tahap, fungsi, atau bidang, iaitu kecekapan berupa : *orientasi hasil, pengaruh, initiative, flexibility, keseimbangan forqualiti, kepakaran teknikal, pemikiran analitikal, pemikiran koseptual, kerja berpasukan, orientasi perkhidmatan, kesadaran interpersonal, pembinaan hubungan, sensitivi silang budaya, pemikiran strategic, orientasi keusahawan, membina komitmen organisasi, dan memberi kuasa kepada ingoder, membangun yang lain.*

Kecekapan-kecekapan tersebut pada umumnya merupakan kecekapan jabatan pengurusan yang diperlukan hampir dalam semua kedudukan kepengurusan. lapan belas kecekapan yang diidentifikasi oleh Spencer dan Kazanas tersebut dapat diturunkan ke dalam tingkat kepemimpinan berikut: pimpinan puncak, pimpinan menengah dan pimpinan pengendali operasi teknis (*supervisor*). Kecekapan pada pimpinan puncak ialah *result (achievement) orientation, relationship building, initiative, influence, strategic thinking, buildingorganizational commitment, entrepreneurial orientation, empowering others, developing others, and felexibilty.*

Kecekapan pada aras pimpinan menengah lebih berfokus pada *influence, result (achievement) orientation, team work, analytical thinking, initiative, empowering others, developing others, conceptual thinking, relationship building, service orientation, interpersonal awareness, cross cultural sensitivity*, dan *technical expertise*. Manakala pada aras penyelia, kecekapan kepengimpinannya lebih berfokus pada *technical expertise, developing others, empowering others, interpersonal understanding, service orientation, building organizational commitment, concern for order, influence, flexibility, relationship building, result (achievement) orientation, team work*, dan *cross cultural sensitivity*.

Dalam hubungan ini Kouzes dan Posner (1995) yakin bahawa suatu prestasi yang memiliki kualiti unggul berupa barang ataupun perkhidmatan hanya dapat dihasilkan oleh para pemimpin yang memiliki kualiti prima. Mereka menyatakan bahawa kualiti kepengimpinan kepengurusan ialah suatu cara hidup yang dihasilkan daripada "*mutu pribadi total*" ditambah "*kendali mutu total*" ditambah "*mutu kepengimpinan*". 5 (lima) praktik dasar pemimpin yang memiliki kualiti kepengimpinan unggul, iaitu; (1) pemimpin yang menentang proses, (2) memberikan inspirasi wawasan bersama, (3) memungkinkan orang lain dapat bertindak dan terlibat, (4) mampu menjadi penunjuk jalan dan (5) memotivasi bawahan.

Ciri khas kepengurusan yang dikagumi sehingga para bawahan bersedia mengikut perilakunya adalah apabila pengurus memiliki sifat jujur, memandang masa depan, memberikan inspirasi dan memiliki kecekapan teknikal mahupun pengurusan. Burwash (1996) dalam hubungannya dengan kualiti kepemimpinan pengurus mengemukakan bahawa kunci dari kualiti kepemimpinan yang unggul ialah kepemimpinan yang memiliki paling tidak 8 hingga 9 dari 25 kualiti kepemimpinan yang terbaik. Beliau menyatakan bahawa pemimpin yang berkualiti tidak puas dengan " *status quo*" dan memiliki keinginan untuk terus mengembangkan dirinya. Beberapa kriteria kualiti kepemimpinan pemimpin yang baik antaranya memiliki komitmen organisasi yang kuat, bervisi, disiplin diri yang tinggi, tidak melakukan kesalahan yang sama, antusias, berwawasan luas, kemampuan komunikasi yang berkesan, pengurusan waktu yang baik, mampu menangani setiap tekanan, mampu menjadi pendidik atau guru bagi bawahannya, empati, berfikir positif, memiliki dasar spiritual yang kuat dan selalu bersedia berkhidmat., Warren Bennis (1991) juga mengemukakan bahawa peranan pemimpin ialah "*empowering the collective effort of the organization toward meaningful goals*" dengan indikator keberhasilan sebagai berikut : *People feel important; Learning and competence are reinforced; People feel they part of the organization; dan Work is viewed as exciting, stimulating, and enjoyable.*

Soetjipto Wirosardjono (1993) pula menandai kualiti kepemimpinan sebagai "kepemimpinan yang kita kehendaki adalah kepemimpinan yang secara sejati

memancarkan wibawa, kerana memiliki komitmen, kredibilitas, dan integriti”. Sebelum itu, Bennis bersama Burt Nanus (1985) mengidentifikasi bentuk kecekapan kepemimpinan sebagai “*the ability to manage*” dalam empat hal : *attention (= vision)*, *meaning(= communication)*, *trust (= emotional glue)*, and *self (= commitment, willingness to take risk)*.

Kemudian pada tahun 1997, keempat-empat konsep tersebut diubah menjadi *the new rules of leadership* yang berupa (a) *Provide direction and meaning, a sense of purpose*; (b) *Generate and sustain trust, creating authentic relationships*; (c) *Display a bias towards action, risk taking and curiosity*; dan (d) *Are purveyors of hope, optimism and a psychological resilience that expects success* (Karol Kennedy, 1998, hlm.32). Rosabeth Moss Kanter (1994) menyatakan bahawa dalam menghadapi saingan masa hadapan yang semakin kompleks dan akan berkembang semakin dinamik, diperlukan kecekapan kepemimpinan berupa *conception* yang tepat, *competency* yang cukup, *connection* yang luas dan *confidence*.

Tokoh lain seperti Ken Shelton (1997) melihat kecekapan dalam aspek lain, iaitu menurut hubungan pemimpin dan pengikut dan jiwa kepemimpinan. Dalam hubungan pemimpin dan pengikut, beliau menekankan bagaimana keduanya sebaiknya berhubungan. Fenomena ini memerlukan kualiti kepemimpinan yang tidak mementingkan diri sendiri. Selain itu, pemimpin dan pengikut merupakan dua sisi

dari proses yang sama. Dalam hubungan jiwa kepemimpinan, sejumlah pemerhati memasuki wilayah “spiritual”. Rangkaian kualiti lain yang mewarnainya antaranya ialah hati, jiwa, dan moral.

Berdasarkan perbincangan sifat peribadi kepemimpinan *Khulafa al-Rasyidin* (Abu Bakar al-Siddiq, Umar bin Khattab, Usman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib) dan Umar bin Abdul Aziz bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- a. ciri-ciri sifat peribadi Abu Bakar al-Siddiq, iaitu mahir agama, Siddiq, dermawan, berpendirian teguh, imam solat, dasar musyawarah, pintar, baik hati, terperinci, fatanah, teladan, menyelidik, adil, berdisiplin dan berilmu.
- b. ciri-ciri sifat peribadi Usman bin Affan seperti pemurah, pemalu, berilmu, lemah lembut dan suka menolong.
- c. ciri-ciri sifat peribadi Ali bin Abi Thalib, iaitu berilmu, derwaman, terbuka, berakhlak mulia, adil, kuat agama, pemimpin terunggul, pintar, objektif dan mencintai ukhuwwah.
- d. ciri-ciri sifat peribadi Umar bin Abdul Aziz, iaitu *Siddiq* (benar), *fatanah* (cerdas), *amanah* (dipercayai) dan *tabligh* (menyampaikan/telus).

2.10 Teori- Teori Yang Digunakan Dalam Kajian

(1) Teori Perspektif Tradisional Indonesia, sebagaimana yang dikemukakan oleh: Koentjaraningrat (2011), Empu Prapanca, Ruslan Abdulgani dan Nur

Afifuddin, (2009), Ki Hajar Dewantara (1984), Ngalim Purwanto (1984) Magnis-Suseno (1985), Sarjana Sigit Wahyudi dan Triyanto (2008), Mahsun Muhammad, 2011, Drajat, Khusni Mustaqim, Syafrizal dan Catur Edi Gunawan (2014) bahawa Kualiti sifat peribadi pemimpin, yang mesti dimiliki dan diamalkan: fizikal yang kuat, bijaksana, jujur, setia, berani dalam menegakkan kebenaran, kemampuan menganalisis dan mengambil keputusan, mendapat kepercayaan, taat terhadap perintah atasan, tidak mengkhianati negara dan rakyat, pandai berpidato dan berdiplomasi, tidak sombong, rendah diri dan berperikemanusiaan, rajin dan kreatif, gembira dan periang, terbuka, tidak egois, penyayang dan mencintai alam, tekun menegakkan kebenaran, mahir dalam jabatan, sederhana, rendah hati serta adil. Apabila kualiti sifat peribadi diamalkan pemimpin akan mampu berperanan dalam kepemimpinannya dengan membawa yang dipimpinnya ke matlamat yang dituju.

(2) Teori Perspektif Islam (keagamaan), sebagaimana dikemukakan oleh Bedjo Santoso (2007), Veithzal Rivai (2004), Muhadi Zainuddin dan Abd Mustaqim (2005), Trevino (2000), A.N Ubaedy (2009), Aunur Rahim (2001), Fuad Muhammad Fachruddin (1985), Jalaluddin Rakhmat (1997), dan Muknizar Sabri (2014), bahawa Kualiti sifat peribadi yang harus dimiliki dan diamalkan pemimpin Islam, iaitu siddiq mempunyai tekad yang kuat, persamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan bekerja keras; amanah, iaitu boleh dipercayai, mempunyai sifat-sifat peribadi

yang terpuji, pendidikan tinggi dan pengalaman yang meyakinkan (kredibiliti); fatanah iaitu selalu mengasah kecerdasan, menyesuaikan dalam semua keadaan; tabligh, iaitu mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, boleh meningkatkan jaringan dengan kukuh dan mampu menyampaikan gagasan yang boleh difahami oleh orang lain.

(4) Teori perspektif Barat, sebagaimana yang dikemukakan oleh Ordway Tead, John D. Millet, Keith Davis, Chester I Barnard, Ralph Stogdill bahawa ciri kualiti sifat peribadi yang harus dimiliki oleh seorang pemimpin ialah kekuatan jasmani dan rohani; kepastian terhadap maksud dan arah tujuan; antusiasme atau perhatian yang besar; ramah-tamah, memenuhi rasa persahabatan dan ketulusan hati; integriti atau peribadi yang amanah; kecekapan teknikal; mudah mengambil keputusan; cerdas; kecekapan mengajar; dan kesetiaan. kemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan; kemampuan membahagikan kuasa; kematangan dan keluasan pandangan sosial; mempunyai motivasi dan keinginan berprestasi yang datang dari dalam dan mempunyai kemampuan menjalinkan hubungan antara manusia.

(5) Kualiti sifat peribadi sosial kepimpinan Kepala Daerah iaitu aspek yang berkaitan dengan karakteristik sifat iaitu sikap ramah, kesetiaan terhadap golongan bawahan dan rakyat, kematangan dan berpandangan luas, hubungan antara manusia, kebijaksanaan dalam menghadapi kesukaran, tidak

mengkhianati rakyat dan negara, dapat menerima kritikan, saranan dan pendapat orang lain, bersifat penyayang dan memberi perhatian terhadap rakyat (Empu Prapanca dan Ruslan Abdulgani, Ordway Tead (1935), Hadari Nawawi 1989:95-96).

(6) Kualiti sifat peribadi keagamaan kepimpinan kepala daerah iaitu siddiq mempunyai tekad yang kuat, persamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan bekerja keras; amanah, iaitu boleh dipercayai, mempunyai sifat-sifat peribadi yang terpuji, pendidikan tinggi dan pengalaman yang meyakinkan (kredibiliti); fatanah iaitu selalu mengasah kecerdasan, menyesuaikan dalam semua keadaan; tabligh, iaitu mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, boleh meningkatkan jaringan dengan kukuh dan mampu menyampaikan gagasan yang boleh difahami oleh orang lain (Trevino, 2000, A.N Ubaedy 2009 dan Bedjo Santoso, 2007).

(7) Kualiti sifat peribadi teknikal kepimpinan Kepala Daerah iaitu melihat organisasi bersatu-padu, mengagihkan kuasa, mengambil keputusan, kecerdasan dalam bidang pemerintahan, menilai dan ketajaman berfikir dan persepsi (John D. Millet, 1979, Ngalem Purwanto, 1984, Raph Stogdill seperti yang dipetik dalam Nur Afifuddin 200), A.N Ubaedy 2009 dan Bedjo Santoso, 2007).

2.11 Rumusan

Berdasarkan perbincangan sifat peribadi kepemimpinan *Khulafa al-Rasyidin* (Abu Bakar al-Siddiq, Umar bin Khattab, Usman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib) dan Umar bin Abdul Aziz bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- a. ciri-ciri sifat peribadi Abu Bakar al-Siddiq, iaitu mahir agama, Siddiq, dermawan, berpendirian teguh, imam solat, dasar musyawarah, pintar, baik hati, terperinci, fatanah, teladan, menyelidik, adil, berdisiplin dan berilmu.
- b. ciri-ciri sifat peribadi Usman bin Affan seperti pemurah, pemalu, berilmu, lemah lembut dan suka menolong.
- c. ciri-ciri sifat peribadi Ali bin Abi Thalib, iaitu berilmu, derwaman, terbuka, berakhlak mulia, adil, kuat agama, pemimpin terunggul, pintar, objektif dan mencintai ukhuwwah.
- d. ciri-ciri sifat peribadi Umar bin Abdul Aziz, iaitu *Siddiq* (benar), *fatanah* (cerdas), *amanah* (dipercayai) dan *tabligh* (menyampaikan/telus).

BAB III

TRANSFORMASI PERANAN KEPALA DAERAH DI INDONESIA

3.0 Pengenalan

Peranan Kepala Daerah di Indonesia sangat besar dalam melaksanakan tugas-tugas daerah, khususnya tugas-tugas autonomi. Keberhasilan tugas-tugas daerah ditentukan oleh Kepala Daerah sebagai pimpinan daerah yang bersangkutan (Manulang, 1973: 67). Maksudnya ialah Kepala Daerah memiliki peranan yang penting dalam masyarakat, sama ada era orde lama, orde baru dan reformasi. Namun, keberhasilan peranan juga ditentukan oleh kualiti sifat peribadi seperti sosial, keagamaan, teknikal dan perkembangan politik yang terjadi (Mahfudz MD, 1999).

3.1 Semasa Orde Lama

Semasa orde lama, peranan Kepala Daerah yang luas diatur dengan undang-undang yang berkaitan dengan pemerintahan daerah iaitu; (a) Undang-undang No. 1 tahun 1945; (b) Undang-undang No. 22 tahun 1948 tentang Pemerintah Daerah; (c) Undang-undang No. 1 tahun 1957; (d) Penetapan Presiden No. 6 tahun 1959 tentang Pemerintah Daerah; (e) Undang-Undang No. 18 tahun 1965.

Penjelasan yang lebih jelas boleh dilihat seperti berikut:

3.1.1 Undang-undang No.1 Tahun 1945

Setelah era pemerintahan Belanda dan Jepun di Indonesia, ia dapat dibahagikan kepada dua tempoh perkhidmatan pemerintah daerah, iaitu ketika berlakunya undang-undang No. 1 tahun 1945 dan Undang-undang 22 tahun 1948. Kedua-dua undang-undang tersebut merupakan hasil daripada proses politik pada era transformasi iaitu era pemerintah jajahan kepada pemerintah Indonesia. Walaupun pemerintah Indonesia telah menyatakan kemerdekaannya pada 17 Ogos 1945, namun demikian pemerintah Belanda masih belum mahu mengakui kedaulatan negara yang baru dibentuk. Oleh itu, bangsa Indonesia harus berjuang mempertahankan negara yang baru dibentuk daripada berlakunya kemungkinan pemerintahan Belanda dan juga kemelut politik dalam negeri.

Bagi menangani kemelut dalam negeri yang berkaitan dengan pemerintah daerah, maka Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia (PPKI) membentuk Komite Nasional Pusat (KNP) sebagai Kepala Daerah yang berperanan membantu tugas presiden. Peranan dan fungsi KNP iaitu (a) menyatakan kemahuan rakyat Indonesia untuk hidup sebagai bangsa yang merdeka; (b) menyatupadukan rakyat daripada semua lapisan dan jabatan supaya bersatupadu di seluruh Indonesia; (c) membantu mensejahterakan rakyat dan turut menjaga keselamatan am; (d) menyokong

pemimpin dalam perkhidmatan cita-cita bangsa Indonesia untuk memberi sokongan kepada pemerintah daerah (The Liang Gie, 1993).

Undang-undang No. 1 tahun 1945 iaitu tentang Pemerintah Daerah tidak mengandungi penjelasan, tetapi dalam pelaksanaannya menimbulkan pelbagai persoalan seperti peranan Badan Perwakilan Daerah (BPRD) selaku Pelaksanaan Pemerintah Daerah pengganti KND (Komite Nasional Daerah). Maka, penjelasan disampaikan oleh Menteri dalam negeri yang menegaskan bahawa peranan BPRD adalah seperti (a) kemerdekaan untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi kepentingan daerah (autonomi); (b) bantuan kepada pemerintah atasan untuk menjalankan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah itu; (c) membuat peraturan mengenai sesuatu hal yang diperintahkan oleh undang-undang, dengan ketentuan bahawa peraturan itu harus disahkan terlebih dahulu oleh pemerintah atasan (kekuasaan membuat keputusan di antara autonomi dan *self government*) (The Liang Gie, 1993).

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dimaklumkan bahawa hal pertama dalam undang-undang No. 1 tahun 1945 ialah sistem pemerintah yang berperingkat iaitu pemerintah yang lebih tinggi berperanan melakukan pemantauan ke atas pemerintah yang lebih rendah. Hal yang kedua ialah tentang semangat perkhidmatan pemerintah daerah dengan membentuk Komite Nasional Daerah (KND), seterusnya diganti

dengan Badan Perwakilan Rakyat Daerah (BPRD) yang mempunyai Badan Eksekutif seramai 5 orang dan dipilih daripada anggota DPRD. Ketua BPRD dan Badan Pekerjaanya adalah Kepala Daerah. Hal yang ketiga ialah terdapatnya dualisme dalam pemerintah daerah iaitu pihak Kepala Daerah yang memimpin sebuah badan eksekutif dan juga BPRD, memiliki Badan Eksekutif yang berperanan dalam perkhidmatan pemerintah walaupun menjadi ketua daripada Badan tersebut adalah Kepala Daerah.

3.1.2 Undang-undang No. 22 Tahun 1948 Tentang Pemerintah Daerah

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa undang-undang No. 1 tahun 1945 sangat bersifat sederhana kerana ia hanya untuk memenuhi keperluan sementara, terutama berkaitan perubahan kedudukan Komite Nasional Daerah (BKND). Oleh itu, undang-undang tersebut tidak memenuhi keperluan dalam perkhidmatan pemerintah daerah di negara yang baru sahaja dibentuk.

Pemerintah daerah mempunyai peranan sebagaimana diatur dalam undang-undang No. 22 tahun 1948 tentang pemerintah daerah yang memiliki dua peranan iaitu; (a) autonomi, iaitu hak untuk mengatur dan mengurus hal ehwal daerahnya; (b) medebewind, iaitu hak menjalankan peraturan-peraturan daripada pemerintah pusat atau daerah peringkat atasan berdasarkan perintah pihak atasan tersebut.

Penyerahan peranan daripada pemerintah pusat kepada pemerintah daerah diikuti dengan penyerahan sumber kewangan seperti yang berlaku di negara lain. Penyerahan kewangan adalah berasal daripada daerah itu sendiri dan subsidi daripada pemerintah pusat kerana ia seharusnya menjadi peranan pusat. Dalam pasal 37, undang-undang No. 22 tahun 1948 telah menetapkan bahawa peranan Kepala Daerah dapat berjalan dengan baik. Oleh itu, sumber kewangan daerah adalah pajak daerah, pajak negara yang diserahkan kepada daerah dan lain-lain sumber kewangan seperti pinjaman, subsidi, hasil-hasil penjualan dan penyewaan barang milik daerah.

Berdasarkan penjelasan di atas, penerapan undang-undang No. 22 tahun 1948 bahawa Kepala Daerah berperanan dalam memajukan rakyat yang dipimpinnya. Peranan ini telah meluas di seluruh Indonesia, sehingga Kepala Daerah dan rakyat yang dipimpin dapat bekerjasama untuk mencapai matlamat kesejahteraan rakyat.

3.1.3 Undang-undang No. 1 Tahun 1957

Undang-undang No. 1 tahun 1957, mempunyai karakteristik antara lain ialah autonomi yang memberi peluang kepada Kepala Daerah untuk mentadbir rakyatnya. Dalam undang-undang ini, konsep sistem autonomi yang nyata iaitu suatu sistem perkhidmatan desentralisasi berdasarkan faktor-faktor yang nyata, sesuai dengan keperluan dan kemampuan daripada daerah-daerah mahupun pusat, serta disesuaikan dengan perkembangan kehidupan masyarakat yang berlaku.

Perkhidmatan pemerintah di daerah dilaksanakan oleh Dewan Pemerintah Daerah (DPD) dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD), manakala DPD adalah Kepala Daerah. Oleh itu, pemerintahan daerah dijalankan secara sepekerjaan yang bermaksud kolegal. Ketua Daerah adalah sebahagian daripada DPD itu sendiri. Peranan daripada DPD adalah menjalankan pemerintahan seharian dengan melaksanakan peraturan daerah yang telah dibuat oleh DPRD. Selain itu, ia bertanggungjawab terhadap DPRD dalam menjalankan tugasnya sehari-hari.

Undang-undang tersebut juga mengatur tentang peranan dan pemerintahan Kepala Daerah bahawa setiap Kepala Daerah berperanan mengatur dan mengurus segala urusan hal ehwal daerahnya (pasal 31 ayat 1). Selain itu, undang-undang No. 1 tahun 1957 juga mengatur tentang kewangan daerah yang bersumberkan daripada pajakan, pungutan wang oleh pemerintah, ganjaran, subsidi dan sumbangan daripada pemerintah pusat. Ia bertujuan agar Kepala Daerah dapat menjalankan peranannya sebagai pemimpin di daerah pemerintahannya.

3.1.4 Penetapan Presiden No. 6 Tahun 1959 Tentang Pemerintah Daerah

Kebijaksanaan pemerintah pusat dalam autonomi daerah berdasarkan Penetapan Presiden No. 6 tahun 1959 telah menetapkan beberapa hal penting iaitu; (a) menghapuskan dualisme dalam perkhidmatan pemerintahan di daerah, seperti yang ada pada undang-undang No. 1 tahun 1957 tentang pemerintah daerah (terdiri

daripada DPD yang diketuai oleh Kepala Daerah dan DPRD). Sementara itu, anggota DPD dipilih daripada anggota DPRD dan jumlahnya bergantung kepada ketetapan di DPRD. Penpres No. 6 tahun 1959 menghapuskan kedudukan daripada DPD. Apabila ia dhapuskan, maka pemerintah daerah dilaksanakan oleh Kepala Daerah yang merupakan pegawai eksekutif dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD); (b) Kepala Daerah dibantu oleh badan pemerintah harian (BPH). Penpres 6 tahun 1959 meletakkan pemerintah daerah sebagai sebuah Kabinet yang mana Kepala Daerah adalah Perdana Menteri manakala anggota BPH merupakan menteri dalam kabinet tersebut. Anggota-anggota BPH diambil daripada pimpinan parti politik pada peringkat tempatan. Mereka dipilih oleh menteri dalam negeri dan autonomi daerah berdasarkan usul daripada DPRD untuk BPH Daerah peringkat I dengan era pemerintahan anggota BPH sama dengan era pemerintahan DPRD. Untuk menjadi anggota BPH, umur minimum yang diperlukan ialah 25 tahun dan harus berpendidikan sekolah menengah atas (SMA) atau setara untuk BPH peringkat I dan sekolah menengah pertama (SMP) untuk BPH peringkat II. Mereka tidak dipersetujui untuk menggunakan jawatan sebagai anggota DPRD. Tugas, kewajipan dan tanggungjawab BPH berasal daripada Kepala Daerah dan dapat mewakili Kepala Daerah untuk menyampaikan penerangan kepada DPRD jika diundang oleh institusi tersebut. Kepala Daerah diharuskan bermusyawarah dengan anggota BPH dalam menjalankan Peraturan Daerah dan tugas membantu yang berasal daripada pemerintah pusat.

Kepala Daerah tidak dipilih oleh DPRD dan juga tidak bertanggungjawab kepada DPRD tetapi diambil oleh Presiden untuk Kepala Daerah Swatantra Peringkat I dan oleh Menteri dalam negeri untuk Kepala Daerah Swatantra Peringkat II. DPRD masih mempunyai peranan dengan mencadangkan calon-calon setelah mempertimbangkan syarat-syarat seperti kecekapan, pendidikan dan pengalaman dalam pemerintah. Akan tetapi, Presiden Menteri dalam negeri dapat mencadangkan calon lain yang diusulkan oleh DPRD. Hal ini adalah salah satu perubahan yang sangat mendasar atau khusus yang berbeza dengan sistem rekrutmen politik sebelumnya yang memberi kuasa kepada DPRD untuk terlibat di dalamnya. Berdasarkan perubahan ini, Kepala Daerah tidak lagi bertanggungjawab terhadap DPRD dan bahkan tidak dapat diberhentikan oleh DPRD. Untuk pertama kalinya seorang Kepala Daerah diangkat menjadi pegawai kerajaan awam dan mereka dilarang terlibat dalam parti politik. Kedua-dua hal ini merupakan kebijaksanaan pemerintah daerah pada era Demokrasi Terpimpin.

Di samping memiliki peranan dalam urusan pemerintahan sendiri dan sebagai pegawai pemerintah daerah, Kepala Daerah juga merupakan pegawai pemerintah pusat yang ada di daerah, bahkan dinyatakan sebagai alat pemerintah pusat dengan peranan seperti (a) menguruskan peraturan dan keamanan di daerah; (b) perkhidmatan antara jawatan-jawatan pemerintah pusat di daerah dan antara jawatan-jawatan tersebut dengan pemerintah daerah; (c) melakukan pengawasan kepada pengurusan pemerintah daerah; (d) menjalankan pengawasan dalam bidang urusan pemerintah pusat.

Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan di atas, dapat dilihat perubahan yang asas dalam perkhidmatan pemerintah daerah di Indonesia. Pada sebelumnya ada kehendak yang sangat kuat untuk memberikan autonomi pemerintahan sendiri yang luas kepada masyarakat di daerah. Akan tetapi dengan berubahnya sistem politik nasional, kehendak pemerintahan sendiri yang luas itu berubah menjadi keinginan untuk membatasi peranan dan pemerintahan di daerah, bahkan ada kecenderungan untuk membawa pemerintah ke arah yang bersifat sentralistik.

3.1.5 Undang-undang No. 18 Tahun 1965

Setelah presiden mengeluarkan keputusan presiden pada 5 Julai 1959, pemerintah mengeluarkan sejumlah kebijaksanaan baharu, antara lain yang berhubung dengan pembentukan lembaga baharu seperti Dewan Perancang Nasional (DEPERNAS) dengan penetapan presiden No.4 tahun 1959. Dewan ini dibentuk dan bekerja keras untuk membuat sebuah perancangan nasional. Hasilnya adalah sebuah rancangan yang komprehensif yang dikenali sebagai Bentuk Pembangunan Nasional Semesta Rancangan Tahap Pertama 1961-1969. Rancangan ini kemudian dijadikan Garis-Garis Besar Bentuk Pembangunan Nasional Semesta Rancangan Tahap Pertama 1961-1969 melalui sebuah ketetapan MPRS, iaitu Ketetapan MPRS No.II/1962. Hal ini merupakan sebuah rancangan yang pertama kalinya dibuat dalam sebuah Republik setelah mengatakan diri merdeka sejak tahun 1945.

Dalam metode pembangunan nasional semesta, rancangan tersebut membicarakan beberapa hal yang berhubungan dengan pemerintah daerah. Dalam hal ini, undang-undang no.18 tahun 1965 telah memuatkan cita-cita desentralisasi dengan dasar negara kesatuan republik Indonesia. Penjelasan am menyatakan seperti (a) pemusatan pemerintah kepada Kepala Daerah yang diharapkan menjadi Kepala Daerah, dibantu oleh wakil Kepala Daerah dan badan pemerintah harian; (b) adanya DPRD yang susunannya mencerminkan kerjasama nasional *revolusioner*, dipimpin oleh ketuanya sendiri dan dibantu oleh wakil-wakil ketua, pengajaran komunis; (c) menjunjung tinggi keberibadian bangsa Indonesia dengan memusatkan pimpinan kepada Kepala Daerah; (d) pimpinan yang mendapat kepercayaan rakyat sebagai Kepala Daerah yang membimbing semua agensi-agensi dan lembaga-lembaga pemerintah yang bekerja di daerahnya; (e) pemerintah yang stabil, berwibawa, mencerminkan kehendak rakyat, *revolusioner* dan berkerjasama, yang mendapatkan kepercayaan dan amanat daripada pemerintah pusat; (f) pengawasan yang efektif dan efisien; (g) berlandaskan prinsip yang berdaulat dalam bidang politik, berdiri di atas kaki sendiri dalam bidang ekonomi dan berkeberibadian dalam bidang kebudayaan.

Pengesahan undang-undang No. 18 Tahun 1965 adalah untuk menjaga hubungan yang harmoni antara pemerintah pusat dan pemerintah daerah dan menjadikan negara kesatuan Republik Indonesia sebagai salah satu hal yang harus dipertimbangkan dalam pemerintah daerah. Pada pasal 39 undang-undang No.18 tahun 1968, telah menetapkan bahwa pemerintahan daerah berhak dan berkewajiban dalam mengatur

dan mengurus hal ehwal daerahnya. Hal ehwal daerah itu didasarkan kepada hak-hak autonomi yang nyata. Pemberi pemerintah kepada daerah telah diatur dalam pasal 40, iaitu urusan-urusan pemerintah pusat menurut pertimbangannya dapat dipisahkan daripada tangan pemerintah pusat, dengan peraturan pemerintah dapat diserahkan menjadi urusan hal ehwal suatu daerah. Peraturan pemerintah juga hendaklah membiayai belanja urusan serta alat kelengkapannya yang harus diserahkan kepada daerah, serta ditunjuk sumber-sumber pendapatan yang pertama bagi daerah untuk membiayai pengurusan tersebut.

Undang-undang ini juga menentukan beberapa pasal (pasal 50, 78 dan 80) bagi memelihara hubungan yang harmonis antara pemerintah pusat dengan daerah yang memberikan batasan untuk suatu peraturan daerah iaitu; (a) peraturan daerah tidak boleh bertentangan dengan peraturan perundangan yang lebih tinggi peringkatnya atau dengan kepentingan am; (b) peraturan daerah tidak boleh mengandungi ketentuan yang mengatur tentang soal-soal—utama yang telah diatur dalam perundangan yang lebih tinggi peringkatnya; (c) peraturan daerah tidak boleh mengatur hal-hal termasuk urusan hal ehwal daerah peringkat bawahan dan wilayahnya; (d) ketentuan dalam suatu peraturan daerah dengan serta merta tidak berlaku apabila hal-hal yang diatur dalam peraturan daerah itu kemudian diatur oleh peraturan perundangan yang lebih tinggi; (e) peraturan daerah tidak berlaku sebelum disahkan terlebih dahulu oleh agensi atasan (pengawasan pencegahan); (f) peraturan daerah yang bertentangan dengan kepentingan am, undang-undang, peraturan

pemerintah atau peraturan daerah yang lebih tinggi peringkatnya ditunda atau dibatalkan oleh agensi atasan (pengawasan pengekangan).

Kewangan daerah, sumber-sumber kewangan dalam pemerintah daerah tidak terlalu bergantung kepada sumber-sumber kewangan pusat (ganjaran, subsidi dan lain-lain sumbangan). Sumber kewangan daerah dalam pasal 69 (1) UU No.18 tahun 1965 menetapkan sumber-sumber kewangan daerah iaitu (a) hasil perusahaan daerah dan sebahagiannya hasil perusahaan negara; (b) pajak-pajak daerah; (c) pungutan wang oleh pemerintah daerah; (d) pajak negara yang diserahkan kepada daerah; (e) bahagian hasil daripada pajak pemerintah pusat; (f) pinjaman; (g) lain-lain usaha yang sesuai dengan keperibadian nasional.

Undang-undang No. 32 tahun 1956, kesetaraan kewangan daerah tidak dapat diwujudkan kerana dianggap terlampau rumit dalam menentukan besarnya bantuan yang diberikan kepada daerah oleh pemerintah pusat seperti ganjaran, subsidi dan sumbangan.

Berdasarkan keterangan di atas, ia menggambarkan bahawa perjalanan kebijaksanaan autonomi pemerintahan sendiri atau desentralisasi di Indonesia yang telah ada semenjak negara ini merdeka pada tahun 1945. Perjalanan tersebut dimulai dengan

UU No. 1 tahun 1945 yang kemudian disempurnakan dengan UU seperti UU No. 22 tahun 1948, UU No. 1 tahun 1957, Penetapan Presiden No. 6 tahun 1959 dan kemudian UU No. 18 tahun 1965. Perubahan kebijaksanaan pemerintah tersebut ditentukan oleh ketetapan politik nasional yang berkembang dari semasa ke semasa. Jika politik di peringkat Jakarta mengalami perkembangan yang dinamik dan menunjukkan ke arah demokrasi, pemerintah pula cenderung mengeluarkan kebijaksanaan pemerintah daerah yang memberikan dasar bagi perkembangan demokrasi di daerah dan memberikan keluasan yang cukup bagi masyarakat di daerah dengan institusi politiknya untuk berkembang. Namun demikian, kecenderungan ke arah kekuasaan yang terletak kepada pemerintah mengakibatkan munculnya sebuah pemerintah yang sentralistik, seterusnya membawa implikasi yang sangat tidak menguntungkan bagi perkembangan daerah secara amnya. Hal itu menjadi sangat jelas pada era pemerintah orde baru yang mempunyai kecenderungan sentralistik.

3.2 Semasa Orde Baru

Pada masa awal orde baru, peranan Kepala Daerah diatur oleh undang-undang No. 18 tahun 1965, namun dirasakan tidak sesuai dengan tuntutan perkembangan politik pada era itu. Tambahan pula ia sarat dengan penguasa yang diwariskan oleh politik era demokratik terpimpin. Oleh itu, kehendak untuk membentuk sebuah undang-undang baharu yang mengatur pemerintah daerah tidak dapat disia-siakan. Berdasarkan usaha-usaha yang sangat serius dan sekalipun memerlukan era yang

cukup lama, Menteri dalam negeri iaitu Amir Mahmud (pada waktu itu) berjaya meyakinkan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) untuk mewujudkan sebuah undang-undang yang baharu iaitu undang-undang No. 5 tahun 1974 tentang perkara utama pemerintah di daerah. Era baru perkhidmatan pemerintah daerah dimulai dengan sentralisasi pemerintah yang diagihkan kuasa kepada dekonsentrasi. Pemerintah politik orde baharu yang autoriti melahirkan pemerintah daerah yang bersifat sentralisasi.

Undang-undang No. 5 tahun 1974 meninggalkan prinsip ‘pemerintahan sendiri yang nyata dan seluas-luasnya’ dan diganti dengan prinsip ‘autonomi yang nyata dan bertanggungjawab’. Berdasarkan penjelasan daripada undang-undang tersebut, dinyatakan bahawa “istilah seluas-luasnya tidak lagi digunakan kerana berdasarkan pengalaman selama ini istilah tersebut ternyata dapat menimbulkan kecenderungan pemikiran yang dapat membahayakan keutuhan negara kesatuan dan tidak serasi dengan maksud dan tujuan pemberian autonomi kepada daerah sesuai dengan prinsip-prinsip yang digariskan oleh garis-garis besar haluan negara”. Sementara itu, dalam garis-garis besar haluan negara (GBHN) dinyatakan bahawa autonomi daerah seperti (a) harus serasi dengan pembinaan politik dan kesatuan bangsa; (b) harus dapat menjamin hubungan yang serasi antara pemerintah pusat dan daerah atas dasar keutuhan negara kesatuan; (c) harus dapat menjamin perkembangan dan pembangunan daerah.

Pada bahagian lain daripada penjelasan undang-undang ini, dinyatakan bahawa ada beberapa prinsip dalam perkhidmatan pemerintah daerah iaitu; (a) pelaksanaan pemberian autonomi kepada daerah harus menunjang aspirasi perjuangan rakyat iaitu memperkukuhkan negara kesatuan dan mempertinggikan tahap kesejahteraan masyarakat; (b) pemberian pemerintahan sendiri kepada daerah harus merupakan pemerintahan sendiri yang nyata dan bertanggungjawab; (c) asas desentralisasi dilaksanakan secara bersama-sama dengan pembahagian kuasa dan memberikan asas pelaksanaan tugas membantu; (d) pemberian autonomi kepada daerah mengutamakan aspek keserasian dengan tujuan di samping aspek demokrasi; (e) tujuan pemberian autonomi kepada daerah adalah untuk meningkatkan hasil perkhidmatan pemerintah di daerah terutama dalam pembangunan dan layanan terhadap masyarakat serta untuk meningkatkan pembinaan kestabilan politik dan kesatuan bangsa.


Autonomi daerah menurut undang-undang ini bukanlah merupakan hak daripada masyarakat dan pemerintah daerah. Pemerintahan daerah merupakan kewajiban daerah dalam rangka menjayakan pembangunan nasional. Jadi pada hakikatnya, autonomi daerah itu lebih merupakan kewajiban daripada hak iaitu kewajiban daerah untuk ikut melancarkan perjalanan pembangunan sebagai syarat untuk mencapai kesejahteraan rakyat yang harus diterima dan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat dilihat bahawa pemerintah dengan ideologi pembangunan memandang daerah sebagai institusi yang sepenuhnya bertanggungjawab dalam melaksanakan dan melancarkan pembangunan nasional.

Ada beberapa karakteristik yang sangat menonjol daripada prinsip perkhidmatan pemerintah daerah menurut undang-undang tersebut. Antaranya ialah; (a) wilayah negara dibahagi kepada daerah besar dan kecil yang bersifat autonomi sahaja. Sekalipun tidak ada perbezaan yang tegas antara daerah autonomi dengan daerah pentadbiran, tetapi realitinya sebuah wilayah pemerintah mempunyai dua kedudukan. Kedudukan tersebut ialah sebagai daerah autonomi yang berpemerintah sendiri dan sebagai wilayah pemerintah yang merupakan kepentingan pemerintah pusat yang ada di daerah. Prinsip ini diwujudkan sebagai refleksi daripada prinsip pembahagian kuasa yang dilaksanakan sekaligus dengan desentralisasi; (b) pemerintah daerah dilaksanakan secara berperingkat iaitu daerah peringkat I, daerah peringkat II sebagai daerah autonomi dan kemudian wilayah pentadbiran seperti Provinsi, Kabupaten/Kotamadya dan Kecamatan. Daerah autonomi peringkat yang lebih tinggi berhak memberikan pengawasan terhadap daerah yang lebih rendah. Hubungan antara daerah peringkat I dengan peringkat II bersifat hierarki pada semua aspek pemerintahan, terutama yang berhubung pemerintah eksekutif dan pemerintah perundangan. Dalam pasal 11 dinyatakan pula bahawa hal yang diutamakan ialah autonomi daerah diletakkan pada daerah peringkat II; (c) Dewan perwakilan rakyat daerah (DPRD) baik peringkat I mahupun peringkat II dan Kotamadya merupakan bahagian daripada pemerintah daerah. Hal itu dinyatakan dengan jelas dalam pasal 13 ayat (1) UU No.5 tahun 1974 yang berbunyi iaitu pemerintah daerah adalah Kepala Daerah dan dewan perwakilan rakyat daerah. Prinsip ini pertama kali dalam sejarah perjalanan pemerintah daerah di Indonesia kerana adanya DPRD terpisah daripada

pemerintah daerah. UU ini tidak memberikan tempat yang terhormat kepada DPRD dan hal itu diperlihatkan dengan lemahnya kemandirian sebuah lembaga perundangan yang seharusnya menjadi peneraju utama bagi demokrasi pada pemerintah kerajaan. Semua peraturan daerah yang telah dibuat oleh DPRD harus disahkan oleh pegawai yang mempunyai kuasa (pasal 28). Dalam hal ini, peraturan daerah peringkat I dan Gabenor /ketua daerah peringkat I untuk peraturan yang dibuat oleh DPRD peringkat II; (d) peranan menteri dalam negeri dalam perkhidmatan pemerintah daerah bersifat sangat berlebihan dengan melakukan pembinaan langsung terhadap daerah. Hal ini diperlihatkan dalam pasal 67 dari UU tersebut yang mengatakan “Menteri dalam negeri melaksanakan pembinaan dalam rangka perkhidmatan pemerintah daerah untuk mencapai hasil yang sebesar-besarnya, sama ada hal ehwal daerah mahupun urusan tugas membantu.” Hal ini jelas menunjukkan bahawa suatu yang bertentangan dengan autonomi dan desentralisasi dalam kehidupan politik dan pemerintah daerah. Menteri dalam negeri dapat melakukan apa sahaja dalam menafikan kebijaksanaan daerah yang dianggap dan dirasakan olehnya dalam rangka peningkatan hasil dalam pemerintah. Hal ini juga merupakan kewujudan yang sangat konkrit dari sentralisasi dalam perkhidmatan pemerintah daerah di Indonesia semasa era pemerintah orde baru yang dijalankan selama lebih tiga puluh tahun. Istilah pembinaan dapat dimaknakan apa sahaja sesuai dengan tafsiran menteri dalam negeri pada era tertentu yang pada akhirnya menghilangkan hak daripada masyarakat di daerah. Hal itu menjadi bertambah rumit dengan adanya pengawalan yang dilakukan oleh pemerintah pusat atas nama kepentingan pemerintah pusat di Jakarta; (e) UU ini memberikan tempat

yang terhormat dan kuat kepada ketua wilayah ketimbang Kepala Daerah. Negara Indonesia terdiri daripada daerah autonomi yang dipimpin oleh Kepala Daerah peringkat I dan Kepala Daerah peringkat II, sementara itu untuk wilayah pentadbiran diberi nama Provinsi yang dipimpin oleh seorang Gabenor. Kemudian provinsi dibahagi kepada Kabupaten dan Kotamadya yang dipimpin oleh Bupati dan Walikota. Kabupaten dan Kotamadya dibahagi pula kepada Kecamatan-Kecamatan yang dipimpin oleh Camat. Hal itu dapat dilihat dalam jadual 3.1 berikut;

Jadual 3.1 Peringkat Daerah



Seorang Kepala Wilayah merupakan pegawai pemerintah pusat yang ada di daerah tersebut. Pegawai ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada Presiden melalui menteri dalam negeri untuk Gabenor, sedangkan Bupati dan Walikota bertanggungjawab

kepada Gabenor (Pasal 78). Oleh itu, pegawai pemerintah yang merupakan ketua wilayah dapat menafikan kehadiran dewan perwakilan daerah atas nama pemerintah pusat. Dinyatakan pula bahawa kepala wilayah sebagai kepala pemerintah adalah penguasa tunggal dalam bidang pemerintahan wilayahnya. Hal ini bermaksud, memimpin pemerintah yang berunding antara pegawai mengenai pembangunan dan membina kehidupan masyarakat dalam segala bidang (pasal 80). Pasal ini menjadikan Gabenor, Bupati, Walikota, dan bahkan Camat merupakan penguasa yang sama sekali tidak terkawal pemerintahannya kecuali oleh pegawai yang lebih tinggi pangkatnya. Kedudukan politik yang sangat besar bagi ketua wilayah ini menjadikan elemen-elemen dalam pemerintah dapat dinafikan kehadirannya. Pasal 81 menghuraikan secara terperinci pemerintah dari ketua wilayah ini.

Kekuasaan, tugas dan kewajiban Kepala Wilayah iaitu; (a) membina ketenteraman dan ketertiban di wilayahnya sesuai dengan kebijaksanaan ketenteraman dan ketertiban yang ditetapkan oleh pemerintah; (b) melaksanakan segala usaha dan kegiatan dalam bidang pembinaan ideologi, negara dan politik dalam negeri serta pembinaan kesatuan bangsa sesuai dengan kebijaksanaan yang ditetapkan oleh pemerintah; (c) perkhidmatan atas kegiatan-kegiatan agensi berkaitan dengan pegawai daerah, sama ada dalam perancangan mahupun dalam pelaksanaan untuk mencapai hasil yang sebesar-besarnya; (d) membimbing dan mengawasi perkhidmatan pemerintah daerah; (e) mengusahakan secara terus-menerus agar segala peraturan perundangan dan peraturan daerah serta pegawai-pegawai yang ditugaskan

untuk itu serta mengambil segala tindakan yang dianggap perlu untuk menjamin kelancaran perkhidmatan pemerintah; (f) melaksanakan segala tugas pemerintah berdasarkan peraturan perundangan yang diberikan kepadanya; (g) melaksanakan semua tugas pemerintah, tidak termasuk dalam tugas sesuatu agensi lainnya.

Kewangan daerah sebagaimana dengan undang-undang terdahulu diatur secara amnya sahaja. Kewangan daerah bersumberkan daripada pajak daerah, pungutan wang oleh pemerintah daerah, hasil daripada perusahaan daerah dan lain-lain hasil usaha daerah yang sah. Daerah juga mendapat bantuan daripada pemerintah pusat seperti pemberian pemerintah, sebuah istilah yang menandakan kemurahan hati pemerintah di Jakarta, bukan satu kewajipan daripada pusat sebagai upah yang dilaksanakan oleh pusat. Daerah sama sekali tidak memiliki kekuasaan secara meluas dalam menggali sumber kewangan dengan memanfaatkan sumber alam yang dimiliki oleh daerah. Sumber alam seperti hasil hutan, galian, gas alam dan mineral sepenuhnya diatur oleh pemerintah pusat. Sementara itu, daerah hanya menerima upah yang ditentukan oleh pemerintah pusat.

Ertinya pada era orde baru dengan sistem sentralisasi, sumber politik dan ekonomi di tangan sekelompok kecil elit di pemerintah pusat. Ekoran daripada itu juga, sentralisasi ini masih merisaukan dengan perkembangan sistem kekuatan yang disusun secara berpusat dan infrastruktur politik.

Orde Baru mengatur pemerintah tempatan secara terperinci dan diseragamkan secara nasional (Devas, 1989). Hal ini termasuk juga dalam sistem pemerintah peringkat I dan II yang diatur secara seragam tanpa mengendahkan keanekaragaman 'sistem politik' tempatan yang telah wujud sebelum terbentuknya konsep kebangsaan Indonesia. Melalui strategi korporatisme negara, pemerintah Orde Baru melakukan penempatan secara khusus kelompok yang dikawal oleh pusat. Para buruh di seluruh Nusantara hanya diakui kewujudannya apabila bernaung di bawah kumpulan pekerja seluruh Indonesia (SPSI). Demikian pula halnya untuk pegawai kerajaan telah disediakan Perkumpulan Pegawai Negeri Republik Indonesia, untuk para guru telah disediakan Persatuan Guru Republik Indonesia (PGRI) dan golongan petani pula telah disediakan Himpunan Kelompok Tani Indonesia (HKTI). Manakala untuk pengusaha telah disediakan ruang dagang Indonesia (KADIN), para wartawan pula disediakan Persatuan Wartawan Indonesia (PWI) dan lain-lain. Keadaan tersebut merisaukan dengan adanya sentralisasi institusi kelompok berkepentingan dan kemudian menjadi salah satu mesin politik untuk membangunkan sokongan masyarakat (walaupun mungkin tipu muslihat) kepada pemerintah melalui organisasi politik yang dinamakan Golongan Karya (King, 1982).

Dengan kata lain, dalam era Orde Baru telah terjadi proses negaranisasi (*state formation*) secara luar biasa yang berusaha menghilangkan kewujudan politik tempatan yang telah lama berakar dalam masyarakat. Hal ini menjadi semakin efektif melalui penglibatan tentera dalam *day-to-day politics* secara hebat menimbulkan

politik tempatan tidak diperhatikan daripada mekanisme politik yang telah sepenuhnya secara nasional. Bahkan arena politik tempatan telah dimonopoli oleh orang pusat yang ada di daerah.

Oleh kerana pemerintahan pusat sehingga pemerintahan daerah tersusun secara nasional dan infrastruktur politik tempatan telah mengalami pembelaan negara secara bersungguh-sungguh, maka praktikalnya tidak ada pertahanan politik daerah yang memadai terhadap pemusatan pengelolaan sumber ekonomi yang berpusat ini. Secara ringkasnya, dapat dikatakan bahawa pelbagai bentuk pusat dalam pembahagian sumber politik dan ekonomi yang terjadi selama 32 tahun terakhir ini adalah produk daripada sebuah pemerintahan politik yang membangunkan kesahan politik melalui sentralisasi serta monopoli sumber politik dan ekonomi secara nasional. Namun, cara kerja politik yang berorientasikan pusat dan politik wang ini hanya mampu memperbaiki keadaan yang sementara dan bersifat tipu muslihat belaka. Tanda-tanda kegagalan pengaturan politik tempatan Orde baru semakin nampak ke permukaan tatkala beberapa masyarakat daerah (terutama Irian Jaya dan Aceh) menuntut perubahan mendasar dalam pengaturan politik tempatan dan dalam hubungan pusat-daerah pada tahun 1997-an. Bahkan, salah satu bentuk tuntutan itu adalah tuntutan secara berasingan untuk membentuk negara sendiri. Tuntutan pembentukan negara sendiri atau melepaskan diri daripada bahagian wilayah NKRI benar-benar wujud yakni dengan pelepasan Provinsi Timor Timur daripada bahagian wilayah NKRI melalui penyerahan pada era Presiden Habibie.

Fakta-fakta tentang adanya tuntutan secara berasingan yang akhirnya diwujudkan melalui pelepasan Timor Timur daripada wilayah Indonesia merupakan bukti bahawa 'ketaatan' komuniti politik tempatan terhadap pusat yang terjadi selama ini adalah satu ketaatan yang bersifat tipu muslihat dan penuh keterpaksaan. Tentu sahaja konsep negara-bangsa semacam ini sangat peka terhadap kemelut yang berlaku. Semasa krisis ekonomi melanda Indonesia, reformasi politik digulingkan oleh masyarakat dan semasa pelanggaran HAM di Indonesia semakin menjadi sorotan dunia, maka ketika itulah proses pembusukan politik (bukan pembangunan politik) Orde Baru mulai terbongkar.

Kemerosotan politik orde baru juga berkaitan dengan kes rasuah yang dilakukan oleh pegawai semasa menjawat jawatan tersebut. Antara pegawai orde baru yang menghadapi proses hukum boleh dilihat pada Jadual 3.2:

Jadual 3.2 Daftar Mantan Pegawai Orde Baru Yang Sedang Diproses Hukum

No	Tersangka/terdakwa	Kes Posisi	Proses Hukum
1	Soeharto (mantan Presiden)	Didakwa kes rasuah tujuh yayasan yang merugikan kewangan negara Rp 1.3 trilion	Sidang dihentikan kerana JPU tidak dapat menghadirkan Soeharto yang sakit yang kekal
2	Mohammad "Bob" Hasan (mantan	Dikenakan hukuman kes rasuah projek pemetaan	Dijatuhkan hukuman 6 tahun penjara oleh

	Memperindag)	dan pembuatan udara area hutan, yang merugikan negara sebesar AS\$243,741 juta dollar	Mahkamah Agung masih dalam proses Peninjauan Kembali. Ditahan di Lembaga Permasyarakatan Nusakambangan
3	Beddu Amang	Dikenakan hukuman kes rasuah ruilslag Bulog dengan Goro, yang merugikan negara Rp 95,6 ribu juta	Dijatuhkan hukuman 2 tahun penjara oleh Pengadilan Negeri Jakarta Selatan (masih dalam proses pertimbangan). Tahanan Kota
4	Akbar Tanjung (mantan Mensesneg)	Didakwa kes rasuah dana non-budgeter Bulog, yang merugikan kewangan negara Rp 40 ribu juta	Berkas perkara Akbar Tanjung sudah dilimpahkan ke PN Jakarta Pusat. Ditahan di Rutan Kejagung
5	Rahardi Ramelan (mantan Menperindag)	Didakwa kes rasuah dana non-budgeter Bulog, yang merugikan kewangan negara Rp 54,6 ribu juta	Berkas perkara Rahardi Ramelan sudah dilimpahkan ke PN Jakarta Selatan. Ditan di Rutan Cipinang
6	Ginjar Kartasmita (mantan Menko Ekuin dan mentamben)	Didakwa kes rasuah projek TAC antara Pertamina dengan UPG, yang merugikan kewangan negara AS\$23,3 juta	Masih dalam proses penyelidikan Kejagung. Tidak ditahan, sedang berada di Amerika Syarikat
7	IB Sudjana (mantan mentaben)	Didakwa kes rasuah projek TAC antara Pertamina dengan UPG, yang merugikan kewangan negara AS\$23,3 juta	Masih dalam proses penyelidikan Kejagung. Tidak ditahan

8	Bustanil Arifin (mantan Kabulog)	Didakwa penyalahgunaan kewangan Bulog sehingga merugikan kewangan negara AS\$23,3 juta	Masih dalam proses penyelidikan Polda Metro Jaya. Tahanan Rumah
9	Subiakto Tjakrawerdaya (mantan menkop)	Didakwa penyalahgunaan kewangan Bulog sehingga merugikan negara Rp 10 ribu juta	Masih dalam proses penyelidikan Polda Metro Jaya. Ditahan di Rutan Polda
10	Tanri Abeng (mantan Meneg BUMN)	Didakwa dan dicurigai kes privasi Unit Terminal Peti Kemas (UTPK) I dan II milik PT Pelindo II di bawah PT Jakarta International Container Terminal (JICT). Dalam kes yang merugikan kewangan negara sekitar Rp 12,9 ribu juta.	Masih dalam proses penyelidikan Kejagung. Tidak ditahan.

Sumber: <http://www.hukumonline.com/berita/baca/hol5134/mantan-pegawaiorbaramai-ramaibersiap-masuk-bui>.

Kemerosotan pegawai orde baru seperti melakukan rasuah pada dasarnya disebabkan oleh rendahnya kualiti sifat peribadi yang diamalkan. Menurut Muhammad Asrori Ardiansyah (2014), kejayaan dan kegagalan pemimpin dapat dinilai dan diamati daripada sifat-sifat peribadi dan kualiti perilaku pemimpin.

3.3 Semasa Reformasi

Semasa reformasi, undang-undang yang mengatur tentang peranan Kepala Daerah iaitu; (a) undang-undang No.22 Tahun 1999 tentang Pemerintahan Daerah; (b) undang-undang No. 32 tahun 2004 tentang pemerintah daerah dan kemudian disemak dengan undang-undang 12 tahun 2008 dan undang-undang No. 23 Tahun 2014 tentang pemerintahan daerah, boleh dipaparkan seperti berikut ini:

3.3.1 Undang-undang No. 22 Tahun 1999 Tentang Pemerintahan Daerah

Era reformasi berlangsungnya undang-undang no. 22 tahun 1999 tentang pemerintah daerah, pemberian kuasa autonomi kepada Daerah Kabupaten dan Daerah kota didasarkan kepada asas desentralisasi dalam mewujudkan autonomi yang luas, nyata dan bertanggungjawab.

Kuasa autonomi yang luas adalah keluasan daerah untuk perkhidmatan pemerintah yang mencakupi kuasa semua bidang pemerintah, kecuali kuasa dalam bidang politik luar negeri, pertahanan keamanan, pengadilan, kewangan, urusan pajakan dan agama, serta kuasa bidang lain yang akan ditetapkan dengan peraturan pemerintah. Selain itu, keleluasan pemerintahan sendiri mencakupi pula kuasa yang sempurna dan bulat dalam perkhidmatannya mulai daripada perancangan, pelaksanaan, pengawasan, pengendalian dan penilaian.

Autonomi nyata adalah secara luas bagi daerah untuk perkhidmatan pemerintah dalam bidang tertentu yang secara nyata ada dan diperlukan serta tumbuh, hidup dan berkembang di daerah. Sedangkan autonomi yang bertanggungjawab adalah seperti wujudnya tanggungjawab sebagai pemberian hak dan kuasa kepada daerah dalam tugas dan kewajipan yang harus dijalankan oleh daerah dalam mencapai tujuan pemberian autonomi. Pemberian autonomi adalah seperti peningkatan layanan dan kesejahteraan masyarakat yang semakin baik, perkembangan kehidupan demokrasi, keadilan dan saksama, serta pemeliharaan hubungan yang serasi antara pusat dan daerah serta antara daerah dalam rangka menjaga keutuhan negara kesatuan Republik Indonesia.

Oleh itu, untuk menjadi Kepala Daerah, diharuskan memenuhi syarat tertentu agar Kepala Daerah selalu bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa. Selain itu, memiliki etika dan moral, berpengetahuan dan berkemampuan sebagai pimpinan pemerintah, berwawasan kebangsaan, serta mendapatkan kepercayaan rakyat. Pemimpin daerah juga adalah pembina masyarakat sehingga Kepala Daerah harus mampu berfikir, bertindak dan lebih mengutamakan kepentingan bangsa, negara dan masyarakat amnya daripada kepentingan peribadi, golongan dan aliran. Oleh itu, kelompok atau etnik harus yakin bahawa Kepala Daerah harus bersikap arif, bijaksana, jujur, adil dan semula jadi (tidak berpihak pada mana-mana pihak).

Dalam menjalankan peranannya seperti tugas dan kewajiban, Kepala Daerah bertanggungjawab kepada Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) dan berkewajiban memberikan laporan kepada presiden melalui menteri dalam negeri dalam rangka pembinaan dan pengawasan. Kepala Daerah juga berperanan dalam bidang pekerjaan am, kesihatan, pendidikan dan kebudayaan, pertanian, perhubungan, industri dan perdagangan, penanaman modal, lingkungan hidup, tanah serta koperasi dan tenaga kerja. Bagi Kepala Daerah yang bertugas di kota seperti wali kota, mereka memiliki peranan iaitu badan yang berkuasa, kawasan pelabuhan, kawasan bandar udara, kawasan perumahan, kawasan industri, kawasan perkebunan, kawasan galian, kawasan perhutanan, kawasan pelancongan, kawasan jalan bebas halangan dan kawasan lain yang sama. Polisi pamong praja sebagai alat kelengkapan dibentuk dalam rangka perkhidmatan ketenteraman dan ketertiban am serta untuk menegakkan peraturan daerah. Susunan organisasi, formasi, kedudukan, kuasa, hak tugas dan kewajiban polisi pamong praja ditetapkan dengan peraturan daerah, sesuai dengan ketentuan yang ditetapkan oleh pemerintah.

3.3.2 Undang-undang No. 32 Tahun 2004 Tentang Pemerintah Daerah

Dalam perkhidmatan pemerintah daerah yang sesuai dengan undang-undang dasar 1945, maka Kepala Daerah berperanan mengatur dan mengurus urusan pemerintah. Ia bertujuan untuk mempercepat kesejahteraan rakyat iaitu dengan meningkatnya pendapatan, pencapaian pendidikan, kesihatan, perkhidmatan, perumahan dan

penurunan tahap kemiskinan rakyat. Oleh itu, pemerintah daerah perlu berkemampuan menjalankan tugas dengan baik dan efektif.

Berdasarkan Undang-Undang Nomor 32 Tahun 2004, pemerintah daerah telah diubah dengan Undang-Undang Nomor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintah Daerah Pasal 1 ayat (2) adalah sebagai berikut:

- a. Pemerintah Daerah adalah perkhidmatan urusan pemerintah oleh pemerintah daerah dan DPRD menurut asas autonomi dan tugas membantu dengan prinsip autonomi yang seluas-luasnya dalam sistem dan prinsip Negara Kesatuan Republik Indonesia, seperti dalam Undang-Undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945. Berdasarkan pengertian pemerintah daerah seperti yang telah dikemukakan di atas, maka yang dimaksud pemerintah daerah adalah urusan perkhidmatan yang menjadi urusan daerah (provinsi atau kabupaten) oleh pemerintah daerah dan DPRD;
- b. pelaksanaan pemerintah daerah adalah pemerintah daerah dan DPRD (Pasal 19 ayat (1) Undang-Undang Nomor 32 Tahun 2004 sebagaimana perubahan dengan Undang-Undang Nomor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintah Daerah). Dalam perkhidmatan pemerintah, pemerintah menggunakan asas desentralisasi. Sementara itu, dalam perkhidmatan pemerintah daerah, pemerintah daerah menggunakan asas utonomi (Pasal 19 ayat (3) Undang-Undang No 32 Tahun 2004 sebagaimana perubahan dengan Undang-Undang

Nomor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintah Daerah). Oleh itu, pelaksanaan pemerintah daerah terdiri daripada pemerintah daerah dan DPRD. Pemerintah daerah adalah Gabenor, Bupati atau Walikota dan kakitangan daerah sebagai unsur pelaksanaan pemerintah daerah. Sedangkan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) adalah lembaga perwakilan rakyat daerah sebagai unsur pelaksanaan pemerintah daerah. Pemerintah daerah harus mampu berperanan mengelola daerahnya sendiri dengan baik dengan penuh tanggungjawab dan jauh daripada praktik-praktik rasuah;

- c. hak-hak dan kewajiban Pemerintah Daerah dalam fungsi perkhidmatan pemerintah, terutama dalam perkhidmatan autonomi daerah disediakan dengan hak dan kewajiban. Hak-hak daerah tersebut menurut Pasal 21 Undang-Undang Nomor 32 Tahun 2004 sebagaimana perubahan dengan Undang-Undang Nomor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintah Daerah. Kepala Daerah berperanan dalam mengatur dan mengurus sendiri urusan pemerintahnya, memilih pemimpin daerah, mengatur pegawai daerah dan mengelola kekayaan daerah. Kepala Daerah juga berperanan dalam memungut pajak daerah dan pungutan wang oleh pemerintah daerah, mendapatkan hasil daripada pengelolaan sumber alam dan sumber lainnya yang berada di daerah, mendapatkan sumber-sumber pendapatan lain yang sah dan mendapatkan hak lainnya yang diatur dalam peraturan perundangan.

Selain itu, Kepala Daerah juga berperanan dalam; (a) melindungi masyarakat, menjaga persatuan, kesatuan dan kerukunan nasional serta keutuhan negara Kesatuan Republik Indonesia; (b) meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat; (c) mengembangkan kehidupan demokrasi; (d) mewujudkan keadilan dan kesamarataan; (e) meningkatkan pelayanan dasar pendidikan; (f) menyediakan layanan kesihatan yang baik; (g) menyediakan kemudahan sosial dan kemudahan lain yang layak; (h) mengembangkan sistem jaminan sosial; (i) menyusun perancangan dan tata ruang daerah; (j) mengembangkan sumber produktif di daerah; (k) melestarikan lingkungan hidup; (l) mengelola pengurusan kependudukan; (m) melestarikan nilai sosial budaya; (n) membentuk dan menerapkan peraturan perundangan.

Peranan Kepala Daerah tersebut diwujudkan dalam bentuk rancangan kerja pemerintah daerah dan disebarluaskan dalam bentuk pendapatan, belanja dan pembiayaan daerah (dikelola dalam sistem pengelolaan kewangan daerah). Sesuai dengan asas yang telah ditentukan, pengelolaan kewangan dilakukan secara efisien, nyata atau jelas, bertanggungjawab, tertib, adil, patuh dan taat pada peraturan perundangan (Rozali Abdullah, 2007 : 27-30). Dengan demikian, pemerintah daerah mesti menjalankan peranan yang telah diatur dalam Pasal 21 Undang-Undang Nomor 32 Tahun 2004 sebagaimana perubahan dengan Undang-Undang Nomor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintah Daerah agar perkhidmatan autonomi daerah dapat dilaksanakan dengan baik.

Pengurusan Pemerintah Daerah melalui sistem pemerintah daerah yang berperanan untuk mengatur dan mengurus urusan-urusan yang diserahkan kepadanya. Dalam Pasal 13 Undang-Undang Nomor 32 Tahun 2004 sebagaimana perubahan dengan Undang-Undang Nomor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintah Daerah, peranan pemerintah daerah yang merupakan pengurusan antaranya ialah: (a) perancangan dan pengendalian pembangunan; (b) perancangan, pemanfaatan dan pengawasan tata ruang; (c) perkhidmatan ketertiban am dan ketenteraman masyarakat; (d) penyediaan alat dan prasarana am; (e) perlakuan dalam bidang kesihatan; (f) perkhidmatan pendidikan dan penentuan sumber manusia; (g) pengulangan masalah sosial lintas kabupaten/kota; (h) pelayanan bidang tenaga kerja lintas kabupaten/kota; (i) kemudahan pengembangan koperasi, usaha kecil dan menengah termasuk lintas kabupaten/kota; (j) pengendalian lingkungan hidup; (k) pelayanan berkaitan hal tanah termasuk lintas kabupaten/kota; (l) pelayanan kependudukan dan catatan berkenaan dengan penduduk; (m) pelayanan pengurusan am pemerintah; (n) pelayanan pengurusan penanaman modal termasuk lintas kabupaten/kota; (o) perkhidmatan pelayanan dasar lainnya yang belum dapat dilaksanakan oleh kabupaten/kota.

Peranan Kepala Daerah pemerintah kabupaten/kota yang bersifat pilihan meliputi urusan pemerintah yang secara nyata ada dan berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat sesuai dengan keadaan, kekhasan dan potensi utama daerah yang berkaitan. Dengan demikian, pemerintah Kepala Daerah diharapkan dapat memenuhi semua peranan pemerintah daerah (provinsi atau kabupaten) agar dapat

meningkatkan layanan kepada masyarakat sehingga kesejahteraan meningkatkan pendapatan, pencapaian pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan menurunnya tahap kemiskinan masyarakat dapat dicapai.

Berdasarkan huraian di atas dapat dinyatakan bahawa semasa reformasi, Kepala Daerah memiliki peranan yang besar dalam pemerintahan khususnya pada peringkat kabupaten. Namun, peranan yang besar tersebut adalah sebahagian daripada kepala daerah dan pegawai daerah, disalah gunakan untuk memperkayakan diri dan keluarganya dengan cara rasuah wang rakyat. Menurut menteri dalam negeri Gumawan Fauzi (2012) yang pernah melaporkan bahawa pada masa sekarang ini begitu ramai Kepala Daerah dan pegawai daerah bermasalah dengan kes hukum yang terus bertambah. Sehingga pada Selasa 27 bulan 11 tahun lalu sahaja sudah ada 1.091 pegawai yang sudah dilaporkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Direktur Jenderal Otonomi Daerah (Dirjen Otda) Kementerian Dalam Negeri (Kemendagri) Djohermansyah Djohan mengungkap, sejak tahun 2004 sampai Februari 2013, sudah ada seramai 291 Kepala Daerah, baik gabenor/bupati/wali kota yang terjerat dalam kes rasuah. Rincinya, kata Djohan, Gabenor 21 orang, Wakil 7 orang, Bupati 156 orang, Wakil 46 orang, Wali kota 41 orang dan Wakil 20 orang. Jumlah itu akan terus bertambah kepada 300 orang (<http://rajasamudera.com/2014/01/indonesia-chaos-dari-prediksi-rasulullah-hingga-ramalan-joyoboyo/>). Antara pegawai dan Kepala Daerah yang melakukan rasuah boleh dipaparkan seperti Jadual 3.3.

Jadual 3.3. Daftar Pegawai dan Kepala Daerah Rasuah Semasa Reformasi

No	Nama	Jabatan	Keterangan
1	David Agustein Hubi	Jabatan Bupati Kabupaten Jayawijaya jangka masa 1998-2003	Kes rasuah projek pengadaan dan pembelian pesawat terbang jenis Fokker 27 seri 600.
2	Lalu Sudirman	Jabatan karyawan PT. PLN Ranting selong cabang Mataram NTB	Kes rasuah stor pajak penerangan jalan untuk bulan November 2005 dari pemegang khas PLN Ranting Selong Cabang Mataram NTB.
3	Widjanarko Puspoyo	Jabatan Kepala Bulog jangka masa 2001 s/d 2003/ Direktur Utama Perum Bulog, jangka masa 2003 s/d 2007.	Kes rasuah PT. Bulog.
4	Riswandi	Jabatan Pegawai Negeri Sivil/Direktur Utama Perusahaan Daerah Air Minum (PDAM) Lombok Timur (diangkat pada 17 Mac 1999) / Direktur Projek di PDAM (SK Bupati Lombok Timur No.10 Tahun 1997).	Kes rasuah bantuan dana untuk projek pengembangan air bersih dari <i>Asian Development Bank (ADB)</i> tahun 1999.
5	Abdul Latief	Jabatan Ketua DPRD Kabupaten Hulu Sungai Tengah Kalimantan Selatan	Kes rasuah dana pembangunan Unit Sekolah Baru (USB) Sekolah Menengah Atas Negeri I Labuan Amas Utara.

6	Muhammad Bachrum	Jabatan Kepala Dinas Pendidikan Kabupaten Sleman (diangkat pada 18 November 2003).	Kes rasuah pengadaan buku teks wajib SD/MI, SMP/MTs dan SMA/MA Kabupaten Sleman (tahun 2004-2005).
7	Jamerdin Purba	Jabatan Pegawai Negeri Sipil / Kepala Balai Pembibitan Ternak Unggul (BPTU) Babi dan Kerbau Siborong-borong (SK Menteri Pertanian pada 25 Januari 2005).	Kes rasuah pengadaan ternak kerbau tempatan pada Balai Pembibitan Ternak Unggul (BPTU) Babi dan kerbau Siborong-borong tahun 2005.

Sumber: (<http://infokorupsi.com/id>)

Penambahan jumlah Kepala Daerah dan pegawai yang melakukan kes rasuah pada era reformasi di Indonesia, menurut hasil penelitian Ima Mayasari (2011) bermula daripada rendahnya kualiti sifat peribadi Kepala Daerah yang dicalonkan melalui parti politik yang lebih memerlukan calon yang memiliki kemampuan wang yang besar. Berdasarkan kajian Kemendagri, kata Djohan (2014) ramainya Kepala Daerah yang melakukan rasuah pada era reformasi kerana Kepala Daerah dalam bertarung semasa pemilihan Kepala Daerah harus mengeluarkan wang yang besar untuk memenuhi keperluan pembiayaan politik, bermula daripada pencalonan, pembiayaan kegiatan, balas jasa terhadap parti politik dan pasukan yang berjaya. Ertinya

pemilihan Kepala Daerah semasa reformasi kurang mementingkan kualiti sifat peribadi untuk pimpinan di daerah, namun lebih mementingkan wang yang besar bermula daripada pencalonan sehingga menjadi Kepala Daerah atau bupati. Oleh itu menurut Siti Zuhro (2014), (pengamat politik Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), parti politik harus mula menetapkan calon Kepala Daerah dengan professional, berdasarkan kualiti sifat peribadi dan kemampuan kepimpinan bukan banyak sedikit wang yang disimpan sebagai mahar mahar (<http://rajasamudera.com/2014/01/indonesia-chaos-dari-prediksi-rasulullah-hingga-ramalan-joyoboyo/>)

3.4 Rumusan

Semasa orde lama, peranan Kepala Daerah yang luas diatur dengan undang-undang yang berkaitan dengan pemerintahan daerah iaitu; (a) Undang-undang No. 1 tahun 1945; (b) Undang-undang No. 22 tahun 1948 tentang Pemerintah Daerah; (c) Undang-undang No. 1 tahun 1957; (d) Penetapan Presiden No. 6 tahun 1959 tentang Pemerintah Daerah; (e) Undang-Undang No. 18 tahun 1965.

Berdasarkan undang-undang tersebut Kepala Daerah memiliki peranan membantu tugas presiden iaitu (a) menyatakan kemahuan rakyat Indonesia untuk hidup sebagai bangsa yang merdeka; (b) menyatupadukan rakyat daripada semua lapisan dan jabatan supaya bersatupadu di seluruh Indonesia; (c) membantu mensejahterakan

rakyat dan turut menjaga keselamatan am; (d) menyokong pemimpin dalam perkhidmatan cita-cita bangsa Indonesia untuk memberi sokongan kepada pemerintah daerah (The Liang Gie, 1993). Penetapan Presiden No. 6 Tahun 1959 Tentang Pemerintah Daerah Kepala Daerah juga merupakan pegawai pemerintah pusat yang ada di daerah, bahkan dinyatakan sebagai alat pemerintah pusat dengan peranan seperti (a) menguruskan peraturan dan keamanan di daerah; (b) perkhidmatan antara jawatan-jawatan pemerintah pusat di daerah dan antara jawatan-jawatan tersebut dengan pemerintah daerah; (c) melakukan pengawasan kepada pengurusan pemerintah daerah; (d) menjalankan pengawasan dalam bidang urusan pemerintah pusat.

Semasa Orde Baru



Pada masa awal orde baru, peranan Kepala Daerah diatur oleh undang-undang No. 18 tahun 1965, kemudian direvisi dengan undang-undang No. 5 tahun 1974 tentang perkara utama pemerintah di daerah. Era baru perkhidmatan pemerintah daerah dimulai dengan sentralisasi pemerintah yang diagihkan kuasa kepada dekonsentrasi. Pemerintah politik orde baharu yang autoriti melahirkan pemerintah daerah yang bersifat sentralisasi. Pada masa itu Kepala Daerah memiliki peranan iaitu; (a) membina ketenteraman dan ketertiban di wilayahnya sesuai dengan kebijaksanaan ketenteraman dan ketertiban yang ditetapkan oleh pemerintah; (b) melaksanakan segala usaha dan kegiatan dalam bidang pembinaan ideologi, negara dan politik

dalam negeri serta pembinaan kesatuan bangsa sesuai dengan kebijaksanaan yang ditetapkan oleh pemerintah; (c) perkhidmatan atas kegiatan-kegiatan agensi berkaitan dengan pegawai daerah, sama ada dalam perancangan mahupun dalam pelaksanaan untuk mencapai hasil yang sebesar-besarnya; (d) membimbing dan mengawasi perkhidmatan pemerintah daerah; (e) mengusahakan secara terus-menerus agar segala peraturan perundangan dan peraturan daerah serta pegawai- pegawai yang ditugaskan untuk itu serta mengambil segala tindakan yang dianggap perlu untuk menjamin kelancaran perkhidmatan pemerintah; (f) melaksanakan segala tugas pemerintah berdasarkan peraturan perundangan yang diberikan kepadanya; (g) melaksanakan semua tugas pemerintah, tidak termasuk dalam tugas sesuatu agensi lainnya.

Pemerintahan pusat mengatur pemerintahan daerah tersusun secara nasional dan infrastruktur politik tempatan telah mengalami pembelaan negara secara bersungguh-sungguh, maka praktikalnya tidak ada pertahanan politik daerah yang memadai terhadap pemusatan pengelolaan sumber ekonomi yang berpusat ini. Secara ringkasnya, dapat dikatakan bahawa pelbagai bentuk pusat dalam pembahagian sumber politik dan ekonomi yang terjadi selama 32 tahun terakhir ini adalah produk daripada sebuah pemerintahan politik yang membangunkan kesahan politik melalui sentralisasi serta monopoli sumber politik dan ekonomi secara nasional. Namun, cara kerja politik yang berorientasikan pusat hanya mampu memperbaiki keadaan yang sementara dan bersifat tipu muslihat belaka. Tanda-tanda kegagalan pengaturan politik tempatan Orde baru semakin nampak ke permukaan tatkala beberapa

masyarakat daerah (terutama Irian Jaya dan Aceh) menuntut perubahan mendasar dalam pengaturan politik tempatan dan dalam hubungan pusat-daerah pada tahun 1997-an. Bahkan, salah satu bentuk tuntutan itu adalah tuntutan secara berasingan untuk membentuk negara sendiri. Tuntutan pembentukan negara sendiri atau melepaskan diri daripada bahagian wilayah NKRI benar-benar wujud yakni dengan pelepasan Provinsi Timor Timur daripada bahagian wilayah NKRI melalui penyerahan pada era Presiden Habibie.

Fakta-fakta tentang adanya tuntutan secara berasingan yang akhirnya diwujudkan melalui pelepasan Timor Timur daripada wilayah Indonesia merupakan bukti bahawa 'ketaatan' komuniti politik tempatan terhadap pusat yang terjadi selama ini adalah satu ketaatan yang bersifat tipu muslihat dan penuh keterpaksaan. Tentu sahaja konsep negara-bangsa semacam ini sangat peka terhadap kemelut yang berlaku. Semasa krisis ekonomi melanda Indonesia, reformasi politik digulingkan oleh masyarakat dan semasa pelanggaran HAM di Indonesia semakin menjadi sorotan dunia, maka ketika itulah proses pembusukan politik (bukan pembangunan politik) Orde Baru mulai terbongkar.

Kemerosotan politik orde baru juga berkaitan dengan kes rasuah yang dilakukan oleh pegawai semasa menjawat jawatan tersebut. Antara pegawai orde baru yang menghadapi proses hukum boleh dilihat pada Jadual 3.2:

Kemerosotan orde baru seperti melakukan rasuah pada dasarnya disebabkan oleh rendahnya kualiti sifat peribadi yang diamalkan. Menurut Muhammad Asrori Ardiansyah (2014), kejayaan dan kegagalan pemimpin dapat dinilai dan diamati daripada sifat-sifat peribadi dan kualiti perilaku pemimpin.

Semasa Reformasi

Semasa reformasi, undang-undang yang mengatur tentang peranan Kepala Daerah iaitu; (a) undang-undang No.22 Tahun 1999 tentang Pemerintahan Daerah; (b) undang-undang No. 32 tahun 2004 tentang pemerintah daerah dan kemudian disemak dengan undang-undang 12 tahun 2008 dan Undang-undang No. 23 Tahun 2014 tentang pemerintahan daerah.

Undang-undang No. 22 Tahun 1999 Tentang Pemerintahan Daerah

Era reformasi berlangsungnya undang-undang no. 22 tahun 1999 tentang pemerintah daerah, pemberian kuasa autonomi kepada Daerah Kabupaten dan Daerah kota didasarkan kepada asas desentralisasi dalam mewujudkan autonomi yang luas, nyata dan bertanggungjawab.

Berdasarkan undang-undang tersebut untuk menjadi Kepala Daerah, diharuskan memenuhi syarat tertentu agar Kepala Daerah selalu bertakwa kepada Tuhan Yang

Maha Esa. Selain itu, memiliki etika dan moral, berpengetahuan dan berkemampuan sebagai pimpinan pemerintah, berwawasan kebangsaan, serta mendapatkan kepercayaan rakyat. Pemimpin daerah juga adalah pembina masyarakat sehingga Kepala Daerah harus mampu berfikir, bertindak dan lebih mengutamakan kepentingan bangsa, negara dan masyarakat amnya daripada kepentingan peribadi, golongan dan aliran. Oleh itu, kelompok atau etnik harus yakin bahawa Kepala Daerah harus bersikap arif, bijaksana, jujur, adil dan semula jadi (tidak berpihak pada mana-mana pihak).

Kepala Daerah berperanan dalam bidang pekerjaan am, kesihatan, pendidikan dan kebudayaan, pertanian, perhubungan, industri dan perdagangan, penanaman modal, lingkungan hidup, tanah serta koperasi dan tenaga kerja. Bagi Kepala Daerah yang bertugas di kota seperti wali kota, mereka memiliki peranan iaitu badan yang berkuasa, kawasan pelabuhan, kawasan bandar udara, kawasan perumahan, kawasan industri, kawasan perkebunan, kawasan galian, kawasan perhutanan, kawasan pelancongan, kawasan jalan bebas halangan dan kawasan lain yang sama. Polisi pamong praja sebagai alat kelengkapan dibentuk dalam rangka perkhidmatan ketenteraman dan ketertiban am serta untuk menegakkan peraturan daerah. Susunan organisasi, formasi, kedudukan, kuasa, hak tugas dan kewajipan polisi pamong praja ditetapkan dengan peraturan daerah, sesuai dengan ketentuan yang ditetapkan oleh pemerintah. Selain itu, Kepala Daerah juga berperanan dalam; (a) melindungi masyarakat, menjaga persatuan, kesatuan dan kerukunan nasional serta keutuhan

negara Kesatuan Republik Indonesia; (b) meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat; (c) mengembangkan kehidupan demokrasi; (d) mewujudkan keadilan dan kesamarataan; (e) meningkatkan pelayanan dasar pendidikan; (f) menyediakan layanan kesihatan yang baik; (g) menyediakan kemudahan sosial dan kemudahan lain yang layak; (h) mengembangkan sistem jaminan sosial; (i) menyusun perancangan dan tata ruang daerah; (j) mengembangkan sumber produktif di daerah; (k) melestarikan lingkungan hidup; (l) mengelola pengurusan kependudukan; (m) melestarikan nilai sosial budaya; (n) membentuk dan menerapkan peraturan perundangan.

Peranan Kepala Daerah tersebut diwujudkan dalam bentuk rancangan kerja pemerintah daerah dan disebarluaskan dalam bentuk pendapatan, belanja dan pembiayaan daerah (dikelola dalam sistem pengelolaan kewangan daerah). Sesuai dengan asas yang telah ditentukan, pengelolaan kewangan dilakukan secara efisien, nyata atau jelas, bertanggungjawab, tertib, adil, patuh dan taat pada peraturan perundangan (Rozali Abdullah, 2007 : 27-30). Dengan demikian, pemerintah daerah mesti menjalankan peranan yang telah diatur dalam Pasal 21 Undang-Undang Nomor 32 Tahun 2004 sebagaimana perubahan dengan Undang-Undang Nomor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintah Daerah agar perkhidmatan autonomi daerah dapat dilaksanakan dengan baik.

Dalam Pasal 13 Undang-Undang Nomor 32 Tahun 2004 sebagaimana perubahan dengan Undang-Undang Nomor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintah Daerah, peranan pemerintah daerah yang merupakan pengurusan antaranya ialah: (a) perancangan dan pengendalian pembangunan; (b) perancangan, pemanfaatan dan pengawasan tata ruang; (c) perkhidmatan ketertiban am dan ketenteraman masyarakat; (d) penyediaan alat dan prasarana am; (e) perlakuan dalam bidang kesihatan; (f) perkhidmatan pendidikan dan penentuan sumber manusia; (g) pengulangan masalah sosial lintas kabupaten/kota; (h) pelayanan bidang tenaga kerja lintas kabupaten/kota; (i) kemudahan pengembangan koperasi, usaha kecil dan menengah termasuk lintas kabupaten/kota; (j) pengendalian lingkungan hidup; (k) pelayanan berkaitan hal tanah termasuk lintas kabupaten/kota; (l) pelayanan kependudukan dan catatan berkenaan dengan penduduk; (m) pelayanan pengurusan am pemerintah; (n) pelayanan pengurusan penanaman modal termasuk lintas kabupaten/kota; (o) perkhidmatan pelayanan dasar lainnya yang belum dapat dilaksanakan oleh kabupaten/kota.

Kepala Daerah memiliki peranan yang besar dalam pemerintahan khususnya pada peringkat kabupaten. Namun, peranan yang besar tersebut adalah sebahagian daripada kepala daerah dan pegawai daerah, disalah gunakan untuk memperkayakan diri dan keluarganya dengan cara rasuah wang rakyat. Menurut menteri dalam negeri Gumawan Fauzi (2012) yang pernah melaporkan bahawa pada masa sekarang ini begitu ramai Kepala Daerah dan pegawai daerah bermasalah dengan kes hukum yang terus bertambah. Sehingga pada Selasa 27 bulan 11 tahun lalu sahaja sudah ada 1.091

pegawai yang sudah dilaporkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Direktur Jenderal Otonomi Daerah (Dirjen Otda) Kementerian Dalam Negeri (Kemendagri) Djohermansyah Djohan mengungkap, sejak tahun 2004 sampai Februari 2013, sudah ada seramai 291 Kepala Daerah, baik gabenor/bupati/wali kota yang terjerat dalam kes rasuah. Rincinya, kata Djohan, Gabenor 21 orang, Wakil 7 orang, Bupati 156 orang, Wakil 46 orang, Wali kota 41 orang dan Wakil 20 orang. Jumlah itu akan terus bertambah kepada 300 orang (<http://rajasamudera.com/2014/01/indonesia-chaos-dari-prediksi-rasulullah-hingga-ramalan-joyoboyo/>). Antara pegawai dan Kepala Daerah yang melakukan rasuah seperti lihat Jadual 3.3.

Penambahan jumlah Kepala Daerah dan pegawai yang melakukan kes rasuah pada era reformasi di Indonesia, menurut hasil penelitian Ima Mayasari (2011) bermula daripada rendahnya kualiti sifat peribadi Kepala Daerah yang dicalonkan melalui parti politik yang lebih memerlukan calon yang memiliki kemampuan wang yang besar. Berdasarkan kajian Kemendagri, kata Djohan (2014) ramainya Kepala Daerah yang melakukan rasuah pada era reformasi kerana Kepala Daerah dalam bertarung semasa pemilihan Kepala Daerah harus mengeluarkan wang yang besar untuk memenuhi keperluan pembiayaan politik, bermula daripada pencalonan, pembiayaan kegiatan, balas jasa terhadap parti politik dan pasukan yang berjaya. Ertinya pemilihan Kepala Daerah semasa reformasi kurang mementingkan kualiti sifat peribadi untuk pimpinan di daerah, namun lebih mementingkan wang yang besar bermula daripada pencalonan sehingga menjadi Kepala Daerah atau bupati. Oleh itu

menurut Siti Zuhro (2014), (pengamat politik Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), parti politik harus mula menetapkan calon Kepala Daerah dengan professional, berdasarkan kualiti sifat peribadi dan kemampuan kepimpinan bukan banyak sedikit wang yang disimpan sebagai mahar mahar (<http://rajasamudera.com/2014/01/indonesia-chaos-dari-prediksi-rasulullah-hingga-ramalan-joyoboyo/>)



UUM
Universiti Utara Malaysia


BAB IV

METODOLOGI

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang langkah-langkah yang dilakukan bagi mencapai matlamat kajian dengan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Dapatan kajian diperoleh daripada aktiviti sifat peribadi kepimpinan dalam persepsi rakyat tempatan melalui soal selidik, pemerhatian, temu bual berstruktur dan dokumen.

Seterusnya, analisis data dilakukan bagi mengenal pasti persepsi masyarakat dalam kualiti sifat peribadi kepimpinan Kepala Daerah tempatan dan pembangunan kebajikan bagi rakyat tempatan di Kampar. Hasil kajian menunjukkan wujudnya keselarian dengan objektif yang didasarkan kepada seluruh proses kajian ini dan diringkas dalam carta alir berikut mengikut model interaktif Miles dan Huberman (2000).



Rajah 4.1. Rumusan kajian

(Sumber: diolah merujuk Miles and Huberman: 2000)

4.1 Profil Responden

Pecahan responden rakyat awam Kabupaten Kampar terdiri daripada tiga kecamatan iaitu Kampar Kiri Hulu seramai 150 orang (29.4%), Kampar Kiri Hilir seramai 120 orang (23.53%) dan Bangkinang Barat seramai 240 orang (47.07%) yang ditunjukkan pada jadual 4.1. Ekoran daripada bilangan responden bagi rakyat kecamatan adalah kecil, maka langkah susulan telah diambil dengan mengadakan temu bual dengan rakyat ini. Langkah ini bertujuan agar persepsi rakyat dapat digambarkan dalam kajian ini.

Jadual 4.1. Bil. Responden Mengikut Kecamatan

Kecamatan	Bil. Responden	Peratus (%)
Kecamatan Kampar Kiri Hulu	150	29.4
Kecamatan Kampar Kiri Hilir	120	23.53
Kecamatan Bangkinang	240	47.07
	510	100.0

Manakala dari segi jantina pula, kumpulan rakyat awam lelaki ialah seramai 280 orang (54.9%) dan rakyat awam wanita seramai 230 orang (45.1%) responden seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2.

Jadual 4.2. Jantina

Jantina	Bil. Responden	Peratus (%)
Lelaki	280	54.9
Perempuan	230	45.1
	510	100.0

Dari segi taraf perkahwinan, kumpulan rakyat awam yang berkahwin mewakili bilangan responden yang tertinggi iaitu seramai 390 orang (76,47%), diikuti oleh golongan bujang seramai 98 orang (19.21%) dan golongan janda atau duda seramai 22 orang (4.32%) daripada keseluruhan responden.

Jadual 4.3. Taraf Perkahwinan

Taraf Perkahwinan	Bil Responden	Peratus (%)
Bujang	98	19.21
Berkahwin	390	76.47
Janda/Duda	22	4.32
	510	100.0

Kebanyakan responden yang menjawab soalan soal selidik terdiri daripada rakyat awam yang berumur lebih daripada (21 tahun -30 tahun) seramai 70 orang (13.73%), berumur (31 tahun-40 tahun) seramai 270 orang (52.94%), berumur (41 tahun-50 tahun) seramai 110 orang (21.57%), berumur 51 tahun lebih seramai 50 (9.8%) daripada jumlah keseluruhan responden.

Jadual 4.4. Umur

Umur	Bil Responden	Peratus (%)
21 tahun – 30 tahun	70	13.73
31 tahun – 40 tahun	270	52.94
41 tahun – 50 tahun	110	21.57
51 tahun lebih	50	9.80
	510	100.0

Kebanyakan responden terdiri daripada rakyat awam yang berkelulusan Sekolah Dasar (SD) dan Sekolah Menengah Pertama (SMP) seramai 120 orang (23.52%), berkelulusan Sekolah Lanjutan Atas (SLTA) seramai 190 orang (37.25%), berkelulusan Diploma seramai 90 orang (17.64%) dan berkelulusan tinggi seramai 110 orang (21.56%).

Jadual 4.5. Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Bil Responden	Peratus(%)
SD dan SMP	120	23.52
SLTA	190	37.22
Diploma	90	17.70
Tinggi	110	21.56
	510	100.0

4.2 Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Melalui kaedah kuantitatif, jawapan responden yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah peratusan. Manakala kaedah kualitatif pula digunakan untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam lagi terhadap persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah. Menurut pandangan Bogdan dan Taylor yang dipetik oleh Moleong (2007), kajian kualitatif ialah kajian yang menghasilkan data keterangan, seperti kata-kata bertulis atau lisan daripada orang-orang yang diamati. Nazir (dalam Herliany, 2008), Huberman dan Miles (terjemahan, 2000) pula menyatakan bahawa kaedah kualitatif dengan metode deskriptif ialah fakta yang menggunakan interpretasi yang relevan.

Kajian ini melihat kualiti sifat peribadi Kepala Daerah tempatan yang diamalkan dalam menjalankan kepemimpinannya. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk memberikan penerangan tentang kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah dalam menjalankan peranannya dengan menggunakan pandangan umum tentang apa sahaja amalan sifat peribadi yang digunakan semasa memimpin. Menurut Suharsimi Arikunto (2000), kaedah keterangan ialah satu kajian yang tidak menggunakan hipotesis tertentu tetapi hanya menggambarkan tentang suatu pemboleh ubah atau perihai.

Fakta dan peristiwa termasuk kejadian yang khas semasa pengumpulan data berlangsung dicatat secara terperinci sehingga nota lapangan yang dibuat adalah menyeluruh oleh pengkaji. Kehadiran pengkaji di lapangan dalam kajian sentiasa dilakukan agar dapat melihat secara langsung amalan-amalan sifat peribadi Kepala Daerah di Kabupaten Kampar.

Kajian di lapangan dilakukan bagi mengumpul keterangan daripada para informan yang tepat dan layak, mempunyai hubungan antara kualiti peribadi (sosial, keagamaan dan teknikal) yang diamalkan oleh Kepala Daerah.

Data maklumat didapati berasal daripada sumber lisan yang dicatat berdasarkan soal selidik, temu bual, pemerhatian dan dokumen berkaitan dengan kualiti sifat peribadi Kepala Daerah Kabupaten Kampar Riau Indonesia.

4.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang paling utama dalam kajian ini ialah pengkaji sendiri, maka pengkaji melakukan interaksi dengan subjek kajian dan responden bagi memahami kehidupan yang sebenar. Kaedah soal selidik, pemerhatian, temu bual dan pengumpulan data melalui dokumen dapat mengenal pasti konsep persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah dalam menjalankan kepemimpinannya. Pengkaji membina sendiri soalan soal selidik dengan merujuk kepada buku, prosiding dan jurnal sebagai asas dalam membentuk soalan kajian berkenaan bagi setiap kecamatan yang menjadi lokasi kajian.

Kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah dalam menjalankan kepemimpinannya dapat dikenal pasti melalui pemilihan sampel dalam kajian rintis. Kajian ini dilakukan secara rawak supaya pengkaji dapat mengenal pasti responden dalam kajian ini yang meliputi tempat dan penetapan soalan persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah. Kajian rintis dilakukan di tiga kecamatan lain, sedangkan kajian sebenarnya dilakukan di kecamatan Kampar Kiri Hulu, kecamatan Kampar Kiri Hilir dan kecamatan

Bangkinang Barat. Jumlah sampel dalam kajian rintis ini terdiri daripada pemimpin masyarakat, pemimpin pemuda, pemuda agama dan pemimpin majlis taklim dengan jumlah 205 orang responden.

Pandangan dan maklumat berkaitan dengan persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah tempatan diperolehi dengan menggunakan proses kualitatif. Oleh itu, kajian ini memperkuat usaha untuk mendapatkan penerangan dalam bentuk lisan daripada subjek kajian. Walaupun demikian, terdapat keterangan yang merujuk kepada peratusan sebagai bahan sokongan apabila hendak melakukan analisis. Hal ini selari dengan pandangan Bogdan Taylor yang dikutip oleh Moleong (2007) bahawa, kajian kualitatif ialah kajian yang menghasilkan data keterangan berupa kata-kata bertulis atau lisan daripada orang-orang atau perilaku yang diamati, Nazir (dalam Herliany, 2008); Huberman dan Miles (terjemahan, 2000) menyatakan kaedah kualitatif dengan metode deskriptif ialah pengumpulan fakta dengan menggunakan interpretasi yang relevan.

Kaedah kualitatif juga dapat menerangkan tentang persepsi masyarakat terhadap kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah Kampar yang digunakan semasa menjawat jawatan tersebut.

4.4 Jenis Data

Dalam kajian ini, jenis data terdiri daripada:

- 1) data primer iaitu data yang utama berkaitan dengan kualiti sifat peribadi Kepala Daerah daripada kualiti sosial, keagamaan dan teknikal di Kabupaten Kampar. Data primer ini diperolehi dengan cara mengedarkan borang soal selidik, pemerhatian terhadap subjek kajian dan temu bual dengan informan kajian.
- 2) data sekunder iaitu data yang terhasil daripada sesuatu yang asas meliputi dokumen yang berkaitan dengan kualiti peribadi ketua tempatan sesuai dengan objektif kajian dan data sokongan lain yang relevan dengan tajuk kajian (seperti berita dalam akhbar, dan lain-lain dokumen).

4.5 Pengumpulan Data dan Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan pengumpulan data sebagai bidang kajian yang dijalankan dalam alam semula jadi untuk mendapatkan data dan maklumat daripada pelbagai pihak. Maklumat yang diperolehi kemudiannya digunakan sebagai langkah teori yang berperanan sebagai asas kajian. Ia bertujuan untuk menilai penemuan kajian melalui analisis teori-teori.

Lokasi kajian ialah rakyat kerajaan tempatan Kampar yang tinggal dalam kawasan Kecamatan Kampar Kiri Hulu, Kecamatan Kampar Kiri Hilir dan Kecamatan Bangkinang Barat. Pemilihan lokasi ini adalah kerana pengkaji sering ke kecamatan tersebut dan ia memudahkan pengkaji mendapatkan data.


Lokasi tersebut berdasarkan surat keputusan Gabenor Militer Sumatera Tengah Nomor : 10/GM/STE/49 bertarikh 9 November 1949, Kabupaten Kampar merupakan salah satu Daerah Peringkat II di Provinsi Riau yang terdiri daripada Kawedanaan Palalawan, Pasir Pangarayan, Bangkinang dan Pekanbaru Luar Kota dengan ibu kota Pekanbaru. Berdasarkan Undang-undang No. 12 tahun 1956 ibu kota Kabupaten Kampar telah dipindahkan ke Bangkinang dan baru dilaksanakan pada 6 Jun 1967. Keluasan wilayah Kabupaten Kampar ialah 10.983,47 km² serta bersempadan dengan wilayah-wilayah berikut:

1. Sebelah Utara bersempadan dengan Kota Pekanbaru dan Kabupaten Rokan Hilir,
2. Sebelah Selatan bersempadan dengan Kabupaten Kauantan Singingi,
3. Sebelah Barat bersempadan dengan Kabupaten Rokan Hulu dan Provinsi Sumatera Barat,
4. Sebelah Timur bersempadan dengan Kabupaten Palalawan dan Kabupaten Siak.

Jumlah penduduk kerajaan tempatan Kabupaten Kampar pada tahun 2010 ialah seramai 688204 orang iaitu terdiri daripada 354836 orang lelaki dan 333368 orang perempuan, dengan lokasi peta sebagai berikut:

Jadual 4.6 Peta Kabupaten Kampar





4.5.1 Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan ialah pemerhatian turut serta. Menurut pandangan Huberman dan Miles (2000), pemerhatian adalah cara terbaik untuk mengumpul data asal *first hand encounter*. Pemerhatian dilakukan mengenai kualiti sifat peribadi sosial, keagamaan dan teknikal yang diamalkan oleh Kepala Daerah tempatan semasa menjadi Kepala Daerah di Kabupaten Kampar. Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti kualiti sifat peribadi Kepala Daerah; adalah wujud kualiti sifat peribadi sosial, keagamaan dan teknikal yang diamalkan oleh Kepala Daerah tempatan dapat mensejahterakan rakyat Kabupaten Kampar.

Pemerhatian dapat dilakukan apabila berada di tempat kejadian bagi membolehkan pengkaji melihat secara langsung aspek nilai, sosial, keagamaan dan teknikal. Oleh itu, pengkaji dapat mencatat sifat-sifat peribadi yang menonjol pada subjek yang diperhatikan tersebut. Walaupun pengkaji mengikuti subjek, pengkaji tidak mempengaruhi ke arah tertentu. Berdasarkan penghayatan tersebut, pengkaji mempunyai pandangan yang benar mengenai maklumat yang telah diperolehi.

Jadual 4.7. Profil Informan/Pemberi Maklumat

No Kod	Nama	Posisi	Umur	Lokasi
1	Hambali, MBA , .MH	Ketua kecamatan	39	Kecamatan Kampar Kiri Hulu
2	M Tsaqif Habri	Ketua kecamatan	44	Kecamatan Kampar Kiri Hilir
3	Andri Yasmen, S.Sos	Ketua kecamatan	51	Kecamatan Bangkinang Barat

Jadual 4.8. Penerangan Kriteria Informan/pemberi maklumat kajian

No	Kriteria	Penerangan
1	Tokoh Masyarakat	Orang yang mempunyai pengaruh dan dihormati di persekitaran masyarakat di kecamatan lokasi kajian.
2	Tokoh Pemuda	orang yang mempunyai pengaruh dan dihormati di persekitaran pemuda.
3	Tokoh Agama	orang yang mempunyai kefahaman yang mendalam dalam bidang keagamaan, pengaruh dan dihormati dan ahli dalam bidang agama
4	Tokoh Majlis Taklim	orang yang mempunyai pengaruh dan dihormati di persekiran majlis taklim.

4.5.2 Soal Selidik

Soal selidik berbentuk struktur telah digunakan dalam kajian ini. Soal selidik bagi kajian ini dibentuk berdasarkan penambahan dan pengubah suaian daripada soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Penambahan dan pengubahsuaian ini dibuat adalah bertujuan untuk meningkatkan kesesuaiannya dengan ciri-ciri sifat peribadi seperti kualiti sifat peribadi Kepala Daerah. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sifat peribadi sosial, sifat peribadi keagamaan dan sifat peribadi

teknikal. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi rakyat terhadap kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah dalam menjalankan kepemimpinannya.

4.5.3. Temu bual secara mendalam (*in depth interview*)

Temu bual secara mendalam ini dilakukan terhadap tokoh-tokoh masyarakat yang tinggal di Kecamatan Kampar Kiri Hulu, Kecamatan Kampar Kiri Hilir dan Kecamatan Bangkinang Barat. Penemubual hendaklah yang boleh memahami bahasa ibunda masing-masing. Temu bual secara mendalam dijalankan dengan garis panduan yang ditetapkan oleh pengkaji. Kesahan kriteria temu bual dicapai melalui kaedah menemu bual individu yang benar-benar memiliki pengetahuan dan maklumat yang sesuai dengan objektif kajian ini.

4.5.4. Dokumentasi

Dokumentasi yang dilakukan meliputi pengumpulan data-data sekunder yang dianggap relevan dengan kajian; antaranya ialah data kualiti Kepala Daerah tempatan di kerajaan tempatan Kabupaten Kampar yang diperolehi daripada tiga Kecamatan iaitu Kampar Kiri Hulu, Kampar Kiri Hilir dan Bangkinang Barat. Dapatan kajian juga disokong dengan maklumat yang diperolehi daripada dokumen-dokumen rujukan yang diperolehi daripada Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Riau (UIR Pekanbaru Riau), Universiti

Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Pekanbaru Riau dan lain-lain sumber dokumen seperti melayari laman sesawang (*internet*) dan ahkbar.

4.6. Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini adalah merujuk kepada pandangan Miles dan Huberman (2000), iaitu analisis pendekatan kualitatif menggunakan *interaktif model of analysis* berdasarkan tahap-tahap berikut:

- 1) pengumpulan data dilakukan daripada pelbagai sumber iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian yang telah dikumpulkan. Temu bual dilakukan dengan rakyat awam dan data informasi yang diperolehi dikaji secara mendalam sehingga mencapai peringkat akhir. Hal ini merupakan keupayaan untuk melihat kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh kepimpinan Kepala Daerah Kampar di lokasi kajian.
- 2) reduksi data (pengurangan data dengan memilih data yang relevan sahaja), setelah data yang diperolehi dibaca, dipelajari dan ditelaah, maka langkah seterusnya ialah melakukan pengurangan data. Seterusnya penggolongan data dilakukan berdasarkan kecamatan-kecamatan yang telah ditetapkan. Kemudian, penggolongan data dilakukan terhadap kecamatan tersebut terhadap persepsi kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah. Data yang diperolehi diarahkan kepada data yang mempunyai hubungan dengan bentuk kajian sebagaimana dalam objek kajian. Hal ini adalah untuk

memudahkan proses menulis data dilakukan berdasarkan maklumat yang dikumpul sehingga membentuk kenyataan. Ia turut memberikan kemudahan untuk memaparkan data yang telah disusun sesuai dengan objek kajian.

- 3) Papar data (*display data*) dilakukan dengan melakukan analisis data dan pengkisahan ke atas data yang akan dianalisis dalam perbincangan kajian. Selari dengan pandangan Moleong (2007) dan Suharsimi Arikunto (2000) di atas, maka data deskriptif yang dipamerkan setelah melakukan pengurangan data sehingga data tersebut menggambarkan fakta dan informasi tertumpu kepada kesan kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah tempatan. Juga tertumpu kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti Kepala Daerah tempatan, antaranya ialah faktor sosial, keagamaan dan teknikal. Setelah disusun secara sistemik dan dianalisis untuk mendalami dan mengesahkan dengan teori yang relevan, terdapat pula buku-buku dan jurnal ilmiah, peraturan-peraturan serta dokumen-dokumen berkaitan dengan kajian. Dalam menganalisis data kajian kualitatif, data yang diperolehi daripada hasil pemerhatian, temu bual mendalam (*depth interview*), dokumen berkaitan dan dibuat pula data sokongan dalam bentuk peratus.

4.7 Rumusan

Kajian ini merangkumi pelbagai perkara berkaitan dengan profil responden, reka bentuk kajian, instrumen kajian, jenis data, pengutipan data (pemerhatian, soal selidik, temu bual) dan lokasi kajian, dokumentasi serta analisis data. Kaedah kajian

yang digunakan tertumpu kepada mengenal pasti dan menganalisis secara kualitatif persepsi masyarakat dalam kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah tempatan dalam menjalankan kepemimpinannya.



BAB 5

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISA DATA

5.0 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian dan analisis data yang dikumpulkan. Ini selaras dengan kaedah kajian dalam bab terdahulu dalam objektif kajian. Huraian dapatan kajian ini terdiri daripada keterangan umum dapatan, persepsi masyarakat dalam tiga buah kecamatan iaitu kecamatan Kampar Kiri Hilir, kecamatan Kampar Kiri Hulu dan kecamatan Bangkinang Barat. Seterusnya, dapatan kajian dikaitkan dengan sifat peribadi Kepala Daerah tempatan dengan amalan sifat peribadi sosial, keagamaan, dan teknikal. Berdasarkan dapatan pengkaji didapati wujudnya suatu konflik daripada sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah dalam menjalankan kepemimpinannya. Penemuan dihuraikan dengan menggunakan kaedah yang telah dijelaskan dalam bab terdahulu yang turut dilengkapi dengan data analisis dan hasil tafsiran pengkaji terhadap penemuan yang dibentangkan dalam bab ini.

5.1. Kualiti Peribadi Kepala Daerah Kabupaten Kampar

5.1.1. Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Sifat Peribadi Sosial Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Persepsi masyarakat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi sosial Kepala Daerah, terhadap pernyataan: Kepala Daerah sekarang ialah seorang pemimpin yang mengamalkan sifat peribadi ramah ramah, menanamkan kesetiaan, kematangan dan keluasan pandangan, hubungan antara manusia, bijaksana dalam menghadapi kesukaran, tidak khianat terhadap rakyat dan negara, dapat menerima pendapat orang lain terhadap rakyat. Persepsi terhadap pernyataan ini iaitu:

Persepsi tidak setuju iaitu ramah tamah seramai 250 orang (49%), menanamkan kesetiaan terhadap bawahan dan rakyat seramai 260 orang (51%), kematangan dan keluasan pandangan seramai 205 orang (40.19%), mempunyai hubungan antara manusia seramai 255 orang (50%), bijaksana dalam menghadapi kesukaran seramai 260 orang (51%), tidak khianat terhadap rakyat dan negara seramai 250 orang (49%), dan dapat menerima pendapat orang lain seramai 240 orang (47.05%). Dengan demikian yang mengatakan tidak setuju seramai 49.72%.

Persepsi kurang setuju terhadap kualiti sosial iaitu ramah tamah seramai 110 orang (21.56%), menanamkan kesetiaan terhadap bawahan dan rakyat seramai 100 orang (19.60%), kematangan dan keluasan pandangan seramai 105 orang (20.58%), mempunyai hubungan antara manusia seramai 90 orang (17.64%), bijaksana dalam menghadapi kesukaran seramai 80 orang (15.68%), khianat terhadap rakyat dan negara seramai 65 orang (12.74%), dan dapat menerima pendapat orang lain seramai

90 orang (17.64%). Dengan demikian yang mengatakan kurang setuju seramai 20.44%.

**Jadual 5.1. Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Sosial
Kepala Daerah Kabupaten Kampar**

Kualiti Sifat Peribadi Sosial Ketua Daerah Kampar	Tidak setuju %	Kurang setuju %	Tidak pasti %	Setuju %	Sangat setuju %
Ramah tamah	250 (49)	110 (21.56)	40 (7.84)	60 (11.76)	50 (9.8)
Menanamkan kesetiaan terhadap rakyat	260 (51)	100 (19.60)	40 (7.84)	50 (9.8)	60 (11.76)
Kematangan dan keluasan pandangan	255 (50)	105 (20.58)	50 (9.8)	100 (19.60)	10 (1.96)
Mempunyai hubungan antara manusia	260 (51)	90 (17.64)	50 (9.8)	55 (10.78)	55 (10.78)
Bijaksana dalam menghadapi kesukaran,	250 (49)	80 (15.68)	70 (13.72)	40 (7.84)	70 (13.72)
Tidak khianat terhadap rakyat dan negara	260 (51)	65 (12.74)	70 (13.72)	80 (15.68)	35 (6.86)
Dapat menerima pendapat orang lain.	240 (47.05)	90 (17.64)	80 (15.68)	70 (13.72)	40 (7.84)

Mengatakan tidak pasti iaitu ramah tamah 40 (7,84%), menanamkan kesetiaan terhadap rakyat 40 (7,84), kematangan dan keluasan pandangan 50 (9,8%),

mempunyai hubungan antar manusia 50 (9,8%), bijaksana dalam menghadapi kesukaran 70 (13.72%), tidak khianat terhadap rakyat dan negara 70 (13.72%), dapat menerima pendapat orang lain 80 (15.68%). Dengan demikian yang mengatakan tidak pasti seramai 11.2%.

Mengatakan setuju iaitu ramah tamah 60 (11.76%), menanamkan kesetiaan terhadap rakyat 50 (9.8%), kematangan dan keluasan pandangan 100 (19,60%), mempunyai hubungan antar manusia 55 (10.78%), bijaksana dalam menghadapi kesukaran 40 (7.84%), tidak khianat terhadap rakyat dan negara 80 (15.68%), dapat menerima pendapat orang lain 70 (13.72%). Dengan demikian yang mengatakan setuju seramai 13.02%. Dengan demikian yang mengatakan setuju seramai 14.6%.

Mengatakan sangat setuju iaitu ramah tamah 50 (9,8%), menanamkan kesetiaan terhadap rakyat 60 (11.76%), kematangan dan keluasan pandangan 10 (1.96%), mempunyai hubungan antar manusia 55 (10.78%), bijaksana dalam menghadapi kesukaran 70 (13.72%), tidak khianat terhadap rakyat dan negara 35 (6.86%), dapat menerima pendapat orang lain 40 (7.84%). Dengan demikian yang mengatakan sangat setuju seramai 8.96%.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa alasan utama mengatakan setuju dan sangat setuju terhadap kualiti sifat peribadi sosial yang diamalkan oleh Kepala Daerah kerana mempunyai kaitan keluarga atau famili. Sedangkan yang mengatakan tidak pasti disebabkan belum pernah bertemu dengan Kepala Daerah. Namun, sebahagian besar rakyat Kampar mempunyai persepsi tidak setuju terhadap kualiti sifat peribadi Kepala Daerah. Ertinya Kepala Daerah kurang mengamalkan kualiti sifat peribadi sosial.

Hasil kajian ini mendapati tahap persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi kualiti sosial Kepala Daerah ialah rendah/lemah kerana sebahagian besar rakyat Kampar mengatakan tidak setuju dengan kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah. Ini meliputi hal mengamalkan kualiti sifat peribadi ramah tamah, menanamkan kesetiaan terhadap bawahan dan rakyat, kematangan dan keluasan pandangan, mempunyai hubungan antara manusia, bijaksana dalam menghadapi kesukaran, tidak khianat terhadap rakyat dan negara, dan dapat menerima pendapat orang lain.

Kelemahan Kepala Daerah dalam mengamalkan sifat peribadi sosial menyebabkan kurang meningkatnya pendapatan rakyat, kurang tercapainya pendidikan rakyat, kurang terjaminnya kesihatan perkhidmatan kesihatan rakyat, kurang terjaminnya perumahan rakyat, dan kurang menurunnya angka pengangguran.

Bagi lebih mendalami hasil kajian ini, pengkaji juga mengadakan temu bual dengan tokoh masyarakat yang menetap di tiga buah kecamatan iaitu kecamatan Kampar Kiri Hulu, kecamatan Kampar Kiri Hilir dan kecamatan Bangkinang Barat. Pada tarikh 2 hingga 9 Januari 2013 telah diadakan temu bual dengan tokoh pemimpin masyarakat kecamatan Kampar Kiri Hulu. Berikut merupakan hasil temu bual tersebut bersama tokoh masyarakat:

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Muhammad Munir 57 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Hasil temu bual dengan Muhammad Munir, seorang tokoh masyarakat di kecamatan Kampar Kiri Hulu, dia berpersepsi Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi sosial yang condong lemah. Ini kerana sebagai Kepala Daerah semestinya beliau harus memiliki sifat ramah tamah. Kepala Daerah juga kurang menanamkan kesetiaan terhadap rakyat, tidak memiliki kematangan dan keluasan pandangan, kurang mempunyai hubungan antara manusia, kurang bijaksana dalam menghadapi kesukaran dan kurang dapat menerima pendapat orang lain. Kelemahan ini menyumbang kepada kegagalan dalam meningkatnya pendapatan rakyat, kurang tercapainya pendidikan rakyat, kurang terjaminnya kesihatan perkhidmatan kesihatan rakyat, kurang terjaminnya perumahan rakyat dan kurang menurunnya angka pengangguran rakyat.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (M. Kurniawan berumur 52 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Hasil temu bual dengan Bapak M. Kurniawan, mengatakan bahawa memang terdapat kelemahan dalam kepemimpinan Kepala Daerah. Antara kelemahan itu yang terjadi kecamatan ini adalah sifat ramah tamah. Kepala Daerah sering sahaja diundang untuk sesi ramah tamah dengan masyarakat di sini, namun tidak pernah datang. Ini berertinya dia kurang menanamkan kesetiaan terhadap rakyat, tidak memiliki kematangan dan keluasan pandangan, kurang mempunyai hubungan antara manusia, kurang bijaksana dalam menghadapi kesukaran dan kurang dapat menerima pendapat

orang lain. Kelemahan daripada kualiti Kepala Daerah tersebut menyebabkan kurang meningkatnya pendapatan rakyat, kurang tercapainya pendidikan rakyat, kurang terjaminnya kesihatan perkhidmatan kesihatan rakyat, kurang terjaminnya perumahan rakyat, dan kurang menurunnya angka pengangguran rakyat.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Hadinur, 55 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Hasil temu bual dengan Bapak Hadinur, dia mengatakan bahawa memang terdapat kelemahan dalam kepemimpinan Kepala Daerah. Antara kelemahan tersebut yang berlaku di kecamatan ini ialah ramah tamah. Secara kenyataannya setiap kali diundang untuk sesi ramah tamah dengan masyarakat disini, beliau tidak pernah datang. Ini bermakna beliau kurang menanamkan kesetiaan terhadap rakyat, tidak memiliki kematangan dan keluasan pandangan, kurang mempunyai hubungan antara manusia, kurang bijaksana dalam menghadapi kesukaran dan kurang dapat menerima pendapat orang lain. Kelemahan daripada kualiti Kepala Daerah tersebut menyebabkan kurang meningkatnya pendapatan rakyat, kurang tercapainya pendidikan rakyat, kurang terjaminnya kesihatan perkhidmatan kesihatan rakyat, kurang terjaminnya perumahan rakyat dan kurang menurunnya angka pengangguran rakyat.

Berdasarkan keterangan daripada tokoh masyarakat Kecamatan Kampar Kiri Hulu di atas jelas menunjukkan bahawa pengamalan kualiti sifat peribadi sosial sangat penting bagi seorang Kepala Daerah dalam menjalankan tugas pemerintahan di daerah khususnya di Kabupaten Kampar. Ini dapat membantu dalam melicinkan kesejahteraan rakyat seperti meningkatnya pendapatan rakyat, tercapainya pendidikan rakyat, terjaminnya kesihatan perkhidmatan kesihatan rakyat, terjaminnya perumahan rakyat, dan menurunnya angka pengangguran rakyat. Amalan-amalan sifat sosial tersebut seperti memiliki sifat ramah tamah, menanamkan kesetiaan terhadap rakyat, memiliki kematangan dan keluasan pandangan, mempunyai hubungan antara

manusia, bijaksana dalam menghadapi kesukaran dan dapat menerima pendapat orang lain. Ini seterusnya akan dapat membantu menyelesaikan semua persoalan-persoalan rakyat dengan baik.

Seterusnya, bagi mengesahkan maklumat-maklumat dapatan di atas, pengkaji melakukan pemerhatian dalam tokoh pemimpin pemuda yang mempunyai lokasi yang sama di kecamatan Kampar Kiri Hulu tersebut. Pengkaji melakukan temu bual ke atas tokoh pemimpin pemuda Desa Kebun Tinggi (Kodepos : 28471). Kutipan data untuk mendapatkan maklumat daripada tokoh pemimpin pemuda ini bagi menguatkan hasil pengutipan data sebelumnya. Soalan dalam temu bual berhubung kait dengan kualiti sifat peribadi sosial Kepala Daerah, sebagaimana objektif kajian ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Khairul Anwar berumur, 32 tahun di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Setelah berjumpa dengan Khairul Anwar seorang tokoh pemuda masyarakat di kecamatan Kampar Kiri Hulu, pada mulanya perbincangan terarah kepada pertandingan bola sepak yang diadakan di Jakarta. Selepas itu pengkaji bertanya tentang kualiti peribadi sosial Kepala Daerah yang berkaitan dengan kegiatan pemuda di kecamatan ini. Khairul Anwar menilai Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi sosial yang lemah seperti kurang mempunyai hubungan antara manusia, kurang bijaksana dalam menghadapi kesukaran dan kurang dapat menerima pendapat orang lain. Kelemahan daripada kualiti Kepala Daerah tersebut menyebabkan kurang meningkatnya pendapatan rakyat, kurang tercapainya pendidikan rakyat, kurang terjaminnya kesihatan perkhidmatan kesihatan rakyat, kurang terjaminnya perumahan rakyat dan kurang menurunnya angka pengangguran rakyat.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Syamsudin berumur, 29 tahun di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kelemahan Kepala Daerah sudah dapat dilihat ketika dia diundang di kecamatan ini oleh pemuda. Kehadiran atau ketidakhadiran dia mungkin mempunyai halangan tertentu yang menyebabkan beliau tidak boleh hadir. Namun, anehnya sudah tiga kali dia diundang tetap juga tidak sempat hadir. Ketidakhadirannya tersebut menyebabkan kami pemuda tidak dapat menyampaikan aspirasi, meminta sokongan ke atas kegiatan pemuda atau bantuan dana, dan bagaimana pandangan atau sikapnya terhadap kegiatan pemuda di sini. Ini menyebabkan kurang lancarnya kegiatan pemuda di kecamatan ini. Selain itu, ketidakhadiran Kepala Daerah selaku tokoh pemuda di kecamatan ini jelas menimbulkan persepsi bahawa Kepala Daerah sekarang mempunyai kualiti sosial yang rendah jika dibandingkan dengan Kepala Daerah sebelumnya. Ini kerana Kepala Daerah sebelumnya apabila diundang/ada jemputan sering hadir, dan kami pihak pemuda dapat menyampaikan permasalahan yang berkaitan dengan pemuda. Ini setreusnya membantu pembangunan jiwa dapat dilaksanakan dengan baik, seperti memberikan bantuan peralatan sukan meliputi bola sepak, bola tangan dan sebagainya yang bersesuaian dengan keperluan pemuda di kecamatan ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Syamrijal berumur, 21 tahun di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Ketidakhadiran Kepala Daerah berdasarkan undangan pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini, sebenarnya berkaitan dengan rendahnya pengamalan nilai sosial Kepala Daerah. Pihak pemuda amat menantikan kehadiran Kepala Daerah pada setiap acara kepemudaan, yang hanya diadakan sekali setahun yang berbentuk kegiatan sukan. Kehadiran Kepala Daerah tersebut sebenarnya adalah cara bagi pihak pemuda untuk menyampaikan aspirasi sebahagian aspirasi pemuda seperti program pemuda, hambatan atau masalah yang dilalui, baik berbentuk kewangan dan sebagainya. Oleh itu, ketidakhadiran Kepala Daerah menimbulkan kesulitan dan permasalahan yang dihadapi pada setiap tahun kami setelah Kepala Daerah sekarang menjadi pemimpin di Kabupaten Kampar ini.

Seterusnya, bagi mengesahkan maklumat-maklumat dapatan di atas pengkaji melakukan temu bual dalam tokoh pemimpin agama yang mempunyai lokasi yang

sama di kecamatan Kampar Kiri Hulu tersebut. Tokoh-tokoh agama iaitu H. Marzuki, H. Darwis, dan Prof. H. Ilyas Husti.

Tokoh Pemimpin Agama (H. Marzuki, M.ag, berumur 48 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah akan dianggap berjaya apabila dia mengamalkan tindakan yang bersifat jiwa sosial seperti silaturrahim dengan masyarakat yang dipimpinnya. Silaturrahim seorang pemimpin boleh saja dilakukan seperti memenuhi jemputan yang dilakukan oleh masyarakat pada hari kebesaran agama Islam atau kegiatan lainnya seperti acara-acara wirit pengajian masyarakat mingguan atau bulanan, aktiviti pemuda, atau majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hilu ini. Kehadiran Kepala Daerah ini akan menjadi sebuah cara silaturrahim dan sesi ramah tamah sekaligus masyarakat dapat menyampaikan aspirasi masalah mereka berkaitan ekonomi, perumahan, kesihatan dan sebagainya. Kepala Daerah selaku pemimpin di Kabupaten ini akan menyampaikan program untuk pembangunan kemasyarakatan. Namun, sekarang ini Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi sosial seperti ramah tamah, yang sudah dijelaskan tadi. Oleh itu saya mempunyai persepsi bahawa Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi sosial dalam kepemimpinannya.

Tokoh Pemimpin Agama (H. Darwis, Shi, M.ag, berumur 42 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah seharusnya memiliki sifat peribadi sosial seperti sifat peribadi sosial ramah tamah, menanamkan kesetiaan terhadap rakyat, kematangan dan keluasan pandangan, mempunyai hubungan antara manusia, bijaksana dalam menghadapi kesukaran, tidak khianat terhadap rakyat dan negara, serta dapat menerima pendapat orang lain. Namun, berdasarkan pengamalan yang dilakukan oleh Kepala Daerah sekarang amat jelas tidak diamalkan sebagaimana amalan yang diterapkan oleh pemimpin seperti masa Nabi Muhammad, sahabat-sahabatnya, atau khalifah Umar Abdul Aziz yang sangat berjaya dalam kepemimpinan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Apabila Kepala Daerah kita sekarang ini kurang mengamalkan sifat peribadi sosial tersebut itu makanya untuk mencapai kesejahteraan tersebut adalah agak sukar. Ini kerana kebarkahannya tidak dinikmati oleh masyarakat. Selain itu, kurangnya sifat peribadi sosial dengan bersilaturrahim rakyat, Kepala Daerah kurang mendapatkan

informasi tentang keadaan masyarakat yang dipimpinnya seperti pembangunan infrastruktur yang diperlukan, perumahan rakyat, kesihatan rakyat, masalah pengangguran, dan bahkan tentang masyarakat yang mengalami gizi buruk.

Tokoh Pemimpin Agama (Prof DR. H. Ilyas Husti, MA, berumur 58 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah yang memimpin kita sekarang memang kurang mengamalkan sifat peribadi sosial ramah tamah, menanamkan kesetiaan terhadap bawahan dan rakyat, kematangan dan keluasan pandangan, mempunyai hubungan antara manusia, bijaksana dalam menghadapi kesukaran, tidak khianat terhadap rakyat dan negara, dan dapat menerima pendapat orang lain seperti yang diharapkan oleh masyarakat di kecamatan ini. Ini bererti bahawa masyarakat mempunyai persepsi bahawa untuk peringkat perkecamatan, Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi sosial.

Seterusnya, bagi mengesahkan maklumat-maklumat dapatan di atas pengkaji melakukan pemerhatian terhadap tokoh pemimpin majlis taklim yang mempunyai lokasi yang sama di kecamatan Kampar Kiri Hulu tersebut. Tokoh masyarakat majlis taklim tersebut ialah Rubiani, Nurhasanah, dan Leliswati.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Rubiani berumur, 45 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut Rubiani, seorang tokoh majlis taklim kecamatan Kampar Kiri Hulu, dia menilai atau mempunyai persepsi bahawa Kepala Daerah yang tidak punya kualiti peribadi yang baik. Ini kerana tidak memiliki adat sebagai ajaran agama kita, adat bersendikan syarak iaitu bersendikan agama (al-Qur'an dan Hadis), saling bersilaturrahim, menanamkan kesetiaan terhadap rakyat dan menilai kurangnya pelaksanaan adat.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Nurhasanah berumur 52 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu iaitu Nurhasanah mengatakan bahawa Kepala Daerah sekarang ini kurang prihatin terutamanya dengan kita ibu-ibu majlis taklim yang terdapat di kecamatan Kampar Kiri Hilir ini. Ini membuktikan lemahnya kualiti sifat peribadi Kepala Daerah. Kalaupun Kepala Daerah dapat bersilaturrahim maka terdapat beberapa hal yang dapat disampaikan seperti pengurusan majlis taklim, arahan dari Kepala Daerah, membantu program Kepala Daerah dan banyak lagi yang perlu disampaikan.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Leliswati berumur 24 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Leliswati adalah seorang tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu dalam temu bual mengatakan memang kami majlis taklim di sini pernah menjemput Kepala Daerah untuk bersilaturrahim dalam acara bulanan majlis taklim di kecamatan ini. Pada masa tersebut sudah kali ketiga pihak kami mengundang atau menjemput Kepala Daerah, namun beliau tidak dapat hadir mungkin disebabkan kesibukan pekerjaan. Oleh itu, kami majlis taklim sangat berharap agar Kepala Daerah boleh hadir bersama kami agar dapat disampaikan permasalahan tentang pengurusan majlis taklim, mendapat arahan dari dia, membantu program Kepala Daerah dan banyak lagi yang perlu disampaikan. Seharusnya sebagai seorang pemimpin yang diharapkan bijaksana, setia dan mempunyai pandangan yang luas tetapi kenyataannya tidak seperti itu. Kami menilai bahawa Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi sosial sebagaimana yang diharapkan.

Satu sesi temu bual dengan tokoh pemimpin masyarakat dari kecamatan Kampar Kiri Hulu iaitu tokoh pemimpin masyarakat ialah Muhammad Munir (berumur 57 tahun), M. Kurniawan (52 tahun), Hadinur (berumur 55 tahun), tokoh pemuda iaitu Khairul Anwar (berumur 32 tahun), Syamsudin (berumur 29 tahun), Syamsurijal (berumur 21 tahun), tokoh agama iaitu H. Marzuki (berumur 48), H. Darwis (berumur 42 tahun)

dan Prof. H. Ilyas Husti (berumur 58 tahun). Berdasarkan hasil temu bual tersebut, didapati bahawa Kepala Daerah Kampar memiliki kualiti sifat peribadi sosial yang rendah seperti ramah tamah, menanamkan kesetiaan terhadap rakyat, kematangan dan keluasan pandangan, mempunyai hubungan antara manusia, bijaksana dalam menghadapi permasalahan rakyat, tidak khianat terhadap rakyat, dan dapat menerima pendapat orang lain.

Tahap rendahnya kualiti Kepala Daerah tersebut hanya merupakan persepsi tokoh masyarakat. Ini disebabkan kerana Kepala Daerah tidak dapat hadir memenuhi undangan/jemputan tokoh-tokoh masyarakat yang akan menyampaikan permasalahan yang sedang dihadapi mereka seperti ekonomi, perumahan, kesihatan dan pengangguran.

Secara aspek positifnya, apabila sesuatu undangan/jemputan pemimpin masyarakat dapat dihadiri maka masyarakat akan mempunyai persepsi terhadap Kepala Daerah bahawa Kepala Daerah mengamalkan sifat peribadi yang ramah tamah dengan muka yang ceria serta sentiasa senyum dengan rakyat. Selain itu, kehadiran Kepala Daerah juga akan dinilai memiliki sifat peribadi yang setia kepada rakyat dengan saling berjabat tangan, dan juga terjalinnya hubungan yang baik dengan rakyat. Melalui ini akan berlaku proses pertukaran informasi, juga akan dinilai berpandangan matang dan luas untuk masa sekarang dan yang akan datang. Ini kerana Kepala Daerah dapat

memberikan pandangan, arif menghadapi kepentingan rakyat kerana dapat memberikan pemikiran, dan mahu menerima pendapat rakyat. Melalui proses ini, penyampaian aspirasi-aspirasi seperti masalah program pemuda yang berkaitan dengan penyelesaian masalah kewangan, kegiatan-kegiatan yang perlu dilakukan untuk mendukung program Kepala Daerah, yang dikehendaki oleh pemuda, akan secara langsung dapat di sampaikan kepada Kepala Daerah. Apa yang diharapkan oleh rakyat ialah Kepala Daerah akan dapat menerima dan memberikan jalan penyelesaian serta pandangan bahawa semua aspirasi tersebut adalah masalah kita semua yang akan kita perjuangkan bersama, mudah-mudahan aspek kewangan mencukupi, maka semua aspirasi akan dapat dipenuhi dengan baik.

Oleh itu, pemerhatian dan temu bual di atas jelas menunjukkan bahawa memenuhi undangan atau jemputan pemimpin pemuda akan dapat merubah persepsi masyarakat terhadap Kepala Daerah. Namun, ini belum tentu dipersepsi bahawa Kepala Daerah mengamalkan sifat peribadi sosial yang rendah. Hal ini kerana Kepala Daerah telah dapat menghadiri undangan/jemputan pemimpin dan menerima aspirasi serta memberikan jawapan dan jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang sedang dialami oleh masyarakat, sebagaimana yang dilakukan oleh Kepala Daerah Daerah Ibu kota Jakarta Jokowi. Rakyatnya mempunyai persepsi baik terhadap pengamalan sifat peribadi sosialnya.

Seterusnya, pengkaji terus mencari data untuk lebih mendalami hasil kajian yang sudah didapati di kecamatan Kampar Kiri Hulu, dengan mengadakan temu bual dengan tokoh masyarakat iaitu pemimpin masyarakat, pemimpin pemuda, pemimpin agama dan pemimpin majlis taklim yang berada di kecamatan Kampar Kiri Hulu dan Bangkinang Barat. Temu bual pengkaji berlangsung pada tarikh 11 hingga 17 Januari tahun 2013. Hasil temu bual dengan tokoh masyarakat, pemimpin masyarakat, tokoh pemuda, tokoh agama dan, tokoh majlis taklim, yang menetap di kecamatan Kampar Hilir dan Bangkinang Barat amatlah jelas bahawa persepsi terhadap Kepala Daerah Kampar memiliki kualiti sifat peribadi yang lemah atau kurang. Ini disebabkan Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi sosial yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hilir, dan Bangkinang Barat. Untuk lebih jelas dapat dilihat pada lampiran.

5.2. Kualiti Sifat Peribadi Keagamaan

5.2.1 Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti sifat peribadi Siddiq Kepala

Daerah Kampar

Persepsi Rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi sidiq Kepala Daerah, terhadap pernyataan: Kepala Daerah masa ini adalah seorang pemimpin yang mengamalkan sifat peribadi tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan perbuatan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh, bekerja keras, dalam membangun kesejahteraan rakyat.

Persepsi tidak setuju iaitu sifat peribadi tekad yang kuat seramai 285 orang (55.88%), mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan seramai 260 orang (50.98%), melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh seramai 270 orang (52.94%), bekerja keras seramai 260 orang (51%). Dengan demikian yang mengatakan tidak setuju terhadap sifat peribadi sidiq Kepala Daerah rata-rata seramai 52.7%.

**Jadual 5.2. Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Siddiq
Kepala Daerah Kabupaten Kampar**

Kualiti Sifat Peribadi Siddiq Ketua Daerah Kampar	Tidak setuju %	Kurang setuju %	Tidak pasti %	Setuju %	Sangat setuju %
Peribadi tekad yang kuat	285 (55.88)	95 (18.62)	70 (13.72)	40 (7.84)	20 (3.92)
Mempunyai persamaan antara ucapan dan tindakan	260 (50.98)	60 (11.76)	60 (11.76)	60 (11.76)	70 (13.72)
Melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh	270 (52.94)	40 (7.84)	65 (12.74)	55 (10.78)	80 (15.68)
Bekerja keras	260 (50.98)	110 (21.56)	60 (11.76)	50 (9.80)	30 (5.88)

Persepsi kurang setuju terhadap kualiti sifat peribadi sidiq sifat peribadi tekad yang kuat seramai 95 orang (18,62%), mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan seramai 60 orang (11,76%), melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh seramai 40

orang (7.84%), bekerja keras seramai 110 orang (21.56%). Dengan demikian yang mengatakan kurang setuju terhadap kualiti sifat peribadi sidiq Kepala Derah rata-rata seramai 14.94%.

Persepsi tidak pasti terhadap kualiti sifat peribadi sidiq sifat peribadi tekad yang kuat seramai 70 orang (13.72%), mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan seramai 60 orang (11,76%), melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh seramai 65 orang (12.74%), bekerja keras seramai 60 orang (11.76%). Dengan demikian yang mengatakan tidak pasti terhadap sifat peribadi sidiq Kepala Derah rata-rata seramai 12.49%.

Persepsi setuju terhadap kualiti sifat peribadi sidiq sifat peribadi tekad yang kuat seramai 40 orang (7.84%), mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan seramai 60 orang (11,76%), melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh seramai 55 orang (10.78%), bekerja keras seramai 50 orang (9.80%). Dengan demikian yang mengatakan setuju terhadap sifat peribadi sidiq Kepala Derah rata-rata seramai 10.04%.

Persepsi sangat setuju terhadap kualiti sifat peribadi sidiq sifat peribadi tekad yang kuat seramai 20 orang (3.92%), mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan

seramai 70 orang (13.72%), melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh seramai 80 orang (15.68%), bekerja keras seramai 30 orang (5.88%). Dengan demikian yang mengatakan sangat setuju terhadap sifat peribadi sidiq Kepala Daerah rata-rata seramai 9.8%.

Hasil kajian ini mendapati bahawa secara majoriti rakyat Kabupaten Kampar yang menetap di tiga buah kecamatan iaitu kecamatan kampar Kiri Hulu, kecamatan kampar Kiri Hilir Kabupaten Kampar berpersepsi rendah/sederhana kerana sebagian besar tidak setuju terhadap kualiti sifat peribadi siddiq yang diamalkan oleh Kepala Daerah. Namun sebagian ada yang mengatakan tidak pasti seramai 12.49% disebabkan belum pernah ketemu, yang mengatakan setuju seramai 10.04% dan sangat setuju seramai 9.8% disebabkan hubungkait keluar atau femili.

Bagi mendalami dan mengukuhkan hasil kajian ini pengkaji juga mengadakan temu bual dengan tokoh masyarakat yang menetap di tiga buah kecamatan iaitu kecamatan Kampar Kiri Hulu, kecamatan Kampar Kiri Hilir dan kecamatan Bangkinang Barat. Temu bual dilaksanakan pada 15 hingga 22 April 2013 bersama tokoh masyarakat kecamatan Kampar Kiri Hulu. Berikut merupakan hasil temu bual tersebut.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Abdul Hamid umur 64 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Bapak Abdullah Hassan berumur 59 tahun mengatakan dia mempunyai persepsi bahawa Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi Siddiq yang lemah. Ini kerana sebagai Kepala Daerah dia kurang mengamalkan sifat peribadi tekad yang kuat, ucapan dan tindakan yang selari, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan, bekerja keras. Ini terutamanya dalam membangunkan kesejahteraan rakyat seperti pembangunan jalan raya, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, dan bahkan termasuk perbaikan infrastruktur, saliran dan sebagainya yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Kamsan, 64 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Hasil temu bual dengan Bapak Kamsan, mengatakan bahawa memang terdapat kelemahan dalam kepemimpinan Kepala Daerah kita. Antara kelemahan tersebut adalah Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi Siddiq seperti mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan, bekerja keras dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat terutamanya pembangunan pendidikan yang ada di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Muhammad Tamrin berumur 65 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu.

Kepala Daerah sebagai pemimpin yang diharapkan namun ternyata Kepala Daerah sekarang ini lebih baik dihentikan. Ini kerana dia tidak mempunyai sifat peribadi yang Siddiq seperti tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan bekerja keras dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat. Ini khususnya di kecamatan Kampar Kiri Hilir iaitu dalam kesejahteraan pembangunan kesihatan. Oleh itu, kami menilai bahawa Kepala Daerah sekarang memiliki sifat peribadi Siddiq yang lemah.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Rudi Kataba berumur 31 tahun di Kecamatan Kampar Kiri Hulu.

Tokoh Pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hilir menilai Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi Siddiq yang lemah terhadap generasi muda yang ada di kecamatan ini. Ini kerana dia kurang mengamalkan tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan bekerja keras dalam membangunkan golongan pemuda, seperti pembangunan padang sukan di kecamatan ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Zamzami berumur, 20 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu.

Kepala Daerah kita termasuk pemimpin yang lemah. Ini kerana dia tidak mengamalkan sifat peribadi Siddiq seperti mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan bekerja keras. Kelemahan tersebut menyebabkan tidak terbangunnya pusat-pusat sukan yang diperlukan oleh pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Kaharudin, 23 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Kaharudin bahawa Kepala Daerah kurang menerapkan sifat peribadi yang Siddiq seperti tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan bekerja keras dalam membangun kesejahteraan pemuda. Ini supaya pemuda dapat maju dalam pembangunan di bidang kesukanan dengan membangunkan sarana-sarana bola tangan yang diperlukan di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Agama (Amrulloh Amin, M.ag, berumur 54 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu.

Menurut Amrulloh, Kepala Daerah akan berjaya apabila dia mengamalkan sifat peribadi Siddiq seperti mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh, bekerja keras dalam membangunkan semangat dan pembangunan tempat ibadah seperti masjid.

Pembangunan masjid memerlukan bantuan material dan kewangan agar dapat dimanfaatkan solat Jumaat dan lima waktu serta kegiatan lain yang berbentuk keagamaan di kecamatan kita ini.

Tokoh Pemimpin Agama (H. Amir, Shi, berumur 41 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu.

Tokoh ini mempunyai persepi bahawa Kepala Daerah kita kurang memiliki sifat peribadi Siddiq seperti mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan bekerja keras dalam meningkatkan pembangunan seperti pembangunan sarana jalan menuju masjid ini, agar lebih baik lagi.

Tokoh Pemimpin Agama (H. Hasan Abdullah, MA, berumur 65 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu.

Hasan Abdullah, MA mengatakan bahawa Kepala Daerah yang memimpin kita sekarang memang kurang mengamalkan sifat peribadi Siddiq seperti mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh, bekerja keras dalam pembangunan kesejahteraan di bidang keagamaan seperti penyediaan al-Qur'an dan buku-buku agama yang diperlukan di masjid termasuk surau yang terdapat di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Nurbaini, 53 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut Nurbaini, seorang tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu menyatakan bahawa Kepala Daerah yang tidak mempunyai kualiti peribadi yang baik. Ini kerana Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi Siddiq seperti mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan bekerja keras dalam pembangunan kesejahteraan masjid taklim yang ada di kecamatan ini seperti penyediaan alat-alat seni muzik Islam, bantuan baju seragam majlis taklim dan sebagainya.

**Tokoh Pemimpin Majlis taklim (Maimana Umar, 61 tahun) Kecamatan
Kampar Kiri Hulu.**

Tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu iaitu Maimana Umar mengatakan bahawa Kepala Daerah yang sekarang ini kurang mengamalkan sifat peribadi Siddiq seperti mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh, bekerja keras dalam pembangunan majlis taklim seperti penyediaan sarana baju seragam ibu-ibu majlis taklim yang di kecamatan kita di sini.

**Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Darwisah berumur 29 tahun) Kecamatan
Kampar Kiri Hulu.**

Darwisah yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu dalam temu bual mengatakan memang kami majlis taklim di sini menilai Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi Siddiq iaitu mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan bekerja keras, dalam pembangunan majlis taklim yang ada di kecamatan ini, seperti pembangunan kesejahteraan di bidang penyediaan alat-alat memasak ibu-ibu majlis taklim. Latihan memasak ini kami lakukan pada hari Ahad setiap minggu.

Berdasarkan keterangan daripada tokoh masyarakat, pemimpin masyarakat, tokoh pemuda, tokoh agama dan tokoh majlis taklim, yang menetap di kecamatan Kampar Hulu menyatakan bahawa persepsi terhadap Kepala Daerah Kampar memiliki kualiti sifat peribadi yang lemah atau kurang. Ini disebabkan Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi Siddiq yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu. Untuk lebih mendalami pengkaji juga mengadakan temu bual dengan tokoh masyarakat kecamatan Kampar Kiri Hilir dan Bangkinang Barat, yang dapat dilihat pada lampiran.

Berdasarkan keterangan daripada tokoh masyarakat di tiga buah kecamatan tersebut memperkukuhkan lagi hasil kajian bahawa memang Kepala Daerah Kampar memiliki sifat peribadi Siddiq yang rendah. Ini menyebabkan kesejahteraan rakyat belum tercapai sebagaimana yang sepatutnya.

Rendahnya kualiti Kepala Daerah berdasarkan persepsi pemimpin pemuda disebabkan kerana Kepala Daerah tidak dapat memenuhi undangan/jemputan pemimpin tokoh masyarakat iaitu tokoh pemimpin masyarakat, pemimpin pemuda, tokoh pemimpin agama dan tokoh pemimpin majlis taklim yang seterusnya membawa kepada kegagalan menyampaikan permasalahan yang sedang dihadapi. Ini terutamanya berkaitan dengan penyampaian aspirasi masalah masyarakat berkaitan ekonomi, perumahan, kesihatan dan pengangguran, dan permasalahan lainnya yang bersesuaian dengan aspirasi masyarakat.

Secara aspek positifnya apabila undangan/jemputan pemimpin masyarakat dapat dihadiri maka masyarakat akan mempunyai persepsi terhadap Kepala Daerah bahawa Kepala Daerah mengamalkan sifat peribadi mempunyai tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan bekerja keras dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat. Selari itu, kehadiran Kepala Daerah juga akan dinilai memiliki sifat peribadi tekad yang kuat, mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan

sungguh-sungguh, bekerja keras dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat. Tekad yang kuat, setia, sungguh-sungguh, dan dapat hadir dalam undangan akan dapat menjalin hubungan yang baik dengan rakyat. Ini kerana pertukaran informasi dapat dilaksanakan, juga akan dinilai bahawa Kepala Daerah berpandangan matang dan luas untuk masa sekarang serta akan datang. Ini kerana Kepala Daerah dapat memberikan pandangan, arif menghadapi kepentingan rakyat kerana dapat memberikan pemikiran, dan mahu menerima pendapat rakyat. Ini secara tidak langsung dapat menyampaikan aspirasi-aspirasi berupa masalah program pemimpin masyarakat, pemuda, agama, majlis taklim yang berkaitan dengan jalan penyelesaian mencari kewangan, kegiatan-kegiatan yang perlu dilakukan untuk mendukung program Kepala Daerah, yang dikehendaki oleh masyarakat dan secara langsung dapat di sampaikan kepada Kepala Daerah. Apa yang disampaikan oleh rakyat kepada Kepala Daerah adalah diharapkan supaya dia dapat menerima dan memberikan jalan penyelesaian serta pandangan bahawa semua aspirasi tersebut merupakan masalah bersama yang perlu diperjuangkan bersama-sama. Ini supaya mudah-mudahan sumber kewangan sudah mencukupi dan ini akan membantu semua aspirasi akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Oleh itu, berdasarkan pemerhatian dan temu bual di atas adalah jelas menghadiri undangan atau jemputan pemimpin masyarakat akan dapat merubah persepsi masyarakat terhadap Kepala Daerah. Ini belum tentu dipersepsi Kepala Daerah mengamalkan sifat peribadi Siddiq yang rendah, kerana Kepala Daerah telah dapat

menghadiri undangan/jemputan pemimpin dan menerima aspirasi serta memberikan jawapan dan memberikan jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang sedang dialami oleh masyarakat.

5.2.2 Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti sifat peribadi Amanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi amanah Kepala Daerah, terhadap pernyataan: Kepala Daerah masa ini adalah seorang pemimpin yang mengamalkan sifat peribadi punya kelayakan untuk dipercaya, sifat peribadi yang terpuji, sifat peribadi yang memiliki kemahiran dalam kepemimpinannya di Kampar.

Persepsi tidak setuju iaitu mempunyai kelayakan untuk dipercaya seramai 220 orang (43.13%), mempunyai peribadi yang terpuji seramai 180 orang (35.29%) dan memiliki keahlian yang meyakinkan seramai 210 orang (41.17%). Dengan demikian rata-rata tidak setuju iaitu 39.86%.

Jadual 5.3. Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Amanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Kualiti Sifat Peribadi Amanah	Tidak setuju	Kurang setuju	Tidak pasti	Setuju %	Sangat setuju
Kepala Daerah Kampar	%	%	%		%
Mempunyai kelayakan	220	105	35	50	100

untuk dipercayai	(43.13)	(16.66)	(6.86)	(9.80)	(19.60)
Mempunyai sifat-sifat peribadi yang terpuji	180 (35.29)	120 (23.52)	35 (6.86)	110 (21.56)	65 (12.74)
Memiliki skil atau keahlian yang meyakinkan (kredibiliti);	210 (41.17)	125 (24.50)	45 (8.82)	40 (7.84)	120 (23.52)

Persepsi kurang setuju iaitu mempunyai kelayakan untuk dipercaya seramai 220 orang (43.13%), mempunyai peribadi yang terpuji seramai 180 orang (35.29%) dan memiliki keahlian yang meyakinkan seramai 210 orang (41.17%). Dengan demikian rata-rata kurang setuju iaitu 39.86%.

Persepsi tidak pasti iaitu mempunyai kelayakan untuk dipercaya seramai 35 orang (6.86%), mempunyai peribadi yang terpuji seramai 35 orang (6.86%) dan memiliki keahlian yang meyakinkan seramai 45 orang (8.82%). Dengan demikian rata-rata tidak pasti iaitu 7.51%.

Persepsi setuju iaitu mempunyai kelayakan untuk dipercaya seramai 50 orang (9.80%), mempunyai peribadi yang terpuji seramai 110 orang (21.56%) dan memiliki keahlian yang meyakinkan seramai 40 orang (7.84%). Dengan demikian rata-rata setuju iaitu 13.06%.

Persepsi sangat setuju iaitu mempunyai kelayakan untuk dipercayai seramai 100 orang (19.60%), mempunyai peribadi yang terpuji seramai 65 orang (12.74%) dan memiliki keahlian yang meyakinkan seramai 120 orang (23.52%). Dengan demikian rata-rata sangat setuju iaitu 18.62%.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa alasan utama mengatakan setuju dan sangat setuju terhadap kualiti sifat peribadi amanah yang diamalkan oleh Kepala Daerah kerana mempunyai hubungkait keluarga atau famili. Sedangkan yang mengatakan tidak pasti disebabkan belum pernah jumpa dengan Kepala Daerah. Namun sebahagian besar rakyat Kampar mempunyai persepsi tidak setuju terhadap kualiti sifat peribadi amanah yang diamalkan oleh Kepala Daerah. Ertinya Kepala Daerah rendah/lemah dalam mengamalkan kualiti sifat peribadi amanah, kerana sebahagian besar rakyat Kampar mengatakan tidak setuju dengan kualiti sifat peribadi amanah yang diamalkan oleh Kepala Daerah.

Condong rendah/lemahnya pengamalan kualiti sifat peribadi amanah tersebut dapat menyebabkan kurang meningkatnya pendapatan rakyat, kurang tercapainya pendidikan rakyat, kurang terjaminnya kesihatan dan perkhidmatan kesihatan rakyat, kurang terjaminnya perumahan rakyat, dan kurang menurunnya angka pengangguran.

Bagi mendalami secara lebih teliti dan mendalam hasil kajian ini, pengkaji juga mengadakan temu bual dengan tokoh pemimpin masyarakat, pemuda, pemimpin agama, dan tokoh majlis taklim yang menetap di tiga kecamatan iaitu kecamatan Kampar Kiri Hulu, kecamatan Kampar Kiri Hilir dan kecamatan Bangkinang Barat. Temu bual tersebut diadakan pada tarikh 25 April sampai Juni 2013. Hasil temu bual adalah seperti berikut:

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Abu Bakar berumur 61 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Abu Bakar 61 tahun, mengatakan mempunyai persepsi bahawa Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi amanah yang lemah. Ini kerana sebagai Kepala Daerah, dia kurang mengamalkan sifat peribadi mempunyai kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji, memiliki keahlian yang meyakinkan terutama dalam membangun kesejahteraan rakyat seperti pembangunan jalan raya, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, dan bahkan termasuk perbaikan infrastruktur, saliran dan sebagainya yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Bustamam, 67 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Hasil temu bual dengan Bapa Bustamam, mengatakan bahawa memang terdapat kelemahan dalam kepemimpinan Kepala Daerah kita. Antara kelemahan itu yang terjadi di kecamatan ini adalah Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi amanah iaitu kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji, dan memiliki keahlian yang meyakinkan dalam menjalankan pemerintahan di Kabupaten Kampar. Kelemahan sifat peribadi amanah Kepala Daerah dapat dilihat kepemimpinan di kecamatan kita dengan rumitnya aspek pengurusan Kad Tanda Penduduk, pembuatan Kad Keluarga, yang seharusnya selesai dalam satu minggu namun hanya diselesaikan dalam tempoh satu bulan. Bahkan ada yang memerlukan sehingga dua bulan seperti yang terjadi di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Syamsuar berumur 65 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah dianggap sebagai pemimpin yang boleh diharapkan. Namun, ternyata Kepala Daerah sekarang ini lebih baik dihentikan. Ini kerana dia tidak mempunyai sifat peribadi yang amanah seperti kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji, memiliki keahlian yang meyakinkan dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat, khususnya di kecamatan Kampar Kiri Hulu iaitu dalam kesejahteraan pembangunan kesihatan. Oleh itu, kami menilai bahawa Kepala Daerah sekarang memiliki sifat peribadi amanah yang lemah.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Hanafi berumur 31 tahun di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Tokoh Pemuda dikecamatan Kampar Kiri Hulu menilai Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi amanah yang lemah terhadap generasi muda yang ada di kecamatan ini. Ini kerana dia kurang mengamalkan sifat peribadi iaitu kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji, memiliki keahlian yang meyakinkan dalam membangunkan pemuda, seperti pembangunan padang sukan, dan prasarana sukan yang lainnya di kecamatan ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Astaman berumur, 20 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah kita termasuk pemimpin yang lemah. Ini kerana dia tidak mengamalkan sifat peribadi amanah seperti kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji dan memiliki keahlian yang meyakinkan. Kelemahan tersebut menyebabkan tidak terbangunnya pusat-pusat sukan yang diperlukan oleh pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Markudin, 23 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Sebagaimana yang dikatakan oleh Markudin, bahawa Kepala Daerah kurang menerapkan sifat peribadi yang amanah seperti kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji dan memiliki keahlian yang meyakinkan dalam membangunkan

kesejahteraan pemuda. Antaranya ialah pemuda melibatkan diri dalam pembangunan dalam bidang kesukanan dengan membangunkan bangunan-bangunan sukan bola tangan yang diperlukan di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Agama (Muhammad Amin, M.ag, berumur 59 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut Muhammad Amin, Kepala Daerah akan berjaya apabila dia mengamalkan sifat peribadi yang amanah dalam membangunkan semangat dan pembangunan tempat ibadah seperti masjid. Pembangunan masjid memerlukan bantuan material dan kewangan agar dapat dimanfaatkan solat Jumaat dan solat lima waktu serta kegiatan lain yang berbentuk keagamaan di kecamatan kita ini. Namun, ini belum dapat diwujudkan dengan baik. Oleh itu, kami menilai bahawa Kepala Daerah kurang amanah dalam menjalankan kepemimpinannya untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat.

Tokoh Pemimpin Agama (Ruslam berumur 41 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Saya mempunyai persepi bahawa Kepala Daerah kita kurang memiliki sifat peribadi amanah seperti kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji dan memiliki keahlian yang meyakinkan dalam meningkatkan pembangunan seperti pembangunan sarana jalan menuju masjid ini. Selain itu, pembangunan ekonomi, kesihatan, perumahan rakyat, membuka lapangan pekerjaan untuk mengurangkan angka pengangguran khususnya di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Agama (Muslim, MA, berumur 65 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Muslim, MA mengatakan bahawa Kepala Daerah yang memimpin kita sekarang memang kurang mengamalkan sifat peribadi amanah iaitu kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji, memiliki keahlian yang meyakinkan dalam pembangunan kesejahteraan dalam bidang keagamaan seperti penyediaan al-Qur'an dan buku-buku agama yang diperlukan di masjid termasuk surau yang ada di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Robitha berumur 53 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut Robitha, seorang tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu menyatakan bahawa Kepala Daerah yang tidak mempunyai kualiti peribadi yang baik. Ini kerana Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi amanah seperti kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji, dan memiliki keahlian yang meyakinkan dalam pembangunan kesejahteraan majlis taklim yang ada dikecamatan ini seperti penyediaan alat-alat seni muzik Islam, bantuan baju seragam majlis taklim dan sebagainya yang diperlukan oleh ibu-ibu kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Miami berumur 61 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hilir iaitu Miami mengatakan bahawa Kepala Daerah yang sekarang ini kurang mengamalkan sifat peribadi amanah seperti kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji dan memiliki keahlian yang meyakinkan dalam pembangunan majlis taklim seperti penyediaan sarana baju seragam ibu-ibu majlis taklim yang juga digunakan dalam acara di peringkat Kabupaten.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Dahlia berumur 29 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Dahlia yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu dalam temu bual mengatakan memang kami majlis taklim di sini menilai Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi amanah iaitu kelayakan untuk dipercayai, peribadi yang terpuji dan memiliki keahlian yang meyakinkan dalam pembangunan majlis taklim yang ada di kecamatan ini. Antaranya seperti pembangunan kesejahteraan dalam bidang penyediaan alat-alat memasak ibu-ibu majlis taklim. Latihan memasak ini dilakukan pada hari Ahad setiap minggu, dalam rangka meningkatkan ketrampilan ibu-ibu majlis taklim di kecamatan ini.

Berdasarkan keterangan daripada tokoh masyarakat, pemimpin masyarakat, tokoh pemuda, tokoh agama dan tokoh majlis taklim, yang menetap di kecamatan Kampar

Hulu menyatakan bahawa persepsi terhadap Kepala Daerah Kampar memiliki kualiti sifat peribadi yang lemah atau kurang. Ini disebabkan dia kurang mengamalkan sifat peribadi amanah yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu. Bagi lebih memperkukuhkan dapatan hasil kajian ini maka pengkaji meneruskan temu bual dengan tokoh pemimpin masyarakat, tokoh pemuda, tokoh agama, dan tokoh majlis taklim yang ada di kecamatan Kampar Kiri Hilir dan Bangkinang Barat, untuk itu dapat dilihat pada lampiran.

5.2.3. Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti sifat peribadi Fatanah Kepala

Daerah Kabupaten Kampar

Persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi fatanah Kepala Daerah, terhadap pernyataan: Kepala Daerah masa ini adalah seorang pemimpin yang mengamalkan kualiti sifat peribadi yang cerdas, yang lurus, menerapkan kecerdasan, dan membaca keadaan/kondisi. Persepsi terhadap pernyataan ini iaitu:

Persepsi tidak setuju iaitu mengasah kecerdasan seramai 230 orang (45.09%), menjadi lurus seramai 260 orang (50.98%), menerapkan kecerdasan seramai 245 orang (48.03%) dan membaca keadaan seramai 210 orang (41.17%). Dengan demikian rata-rata tidak setuju 46.31%.

Persepsi kurang setuju iaitu mengasah kecerdasan seramai 95 orang (18.62%), menjadi lurus seramai 70 orang (13.72%), menerapkan kecerdasan seramai 65 orang (12.74%) dan membaca keadaan seramai 60 orang (11.76%). Dengan demikian rata-rata kurang setuju 14.21%.

Jadual 5.4. Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Fatanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Kualiti Sifat Peribadi Fatanah Kepala Daerah Kampar	Tidak setuju %	Kurang setuju %	Tidak pasti %	Setuju %	Sangat setuju %
Selalu mengasah kecerdasan	230 (45.09)	95 (18.62)	65 (12.74)	50 (9.8)	70 (13.72)
Menjadi lurus	260 (50.98)	70 (13.72)	55 (10.78)	55 (10.78)	70 (13.72)
Menerapkan pemerintahan yag cerdas	245 (48.03)	65 (12.74)	80 (15.68)	30 (5.88)	90 (17.64)
Membaca keadaan	210 (41.17)	60 (11.76)	100 (19.60)	20 (0.39)	120 (23.52)

Persepsi tidak pasti iaitu mengasah kecerdasan seramai 65 orang (12.74%), menjadi lurus seramai 55 orang (10.78%), menerapkan kecerdasan seramai 80 orang (15.68%) dan membaca keadaan seramai 100 orang (19.60%). Dengan demikian rata-rata kurang setuju 14.7%.

Persepsi setuju iaitu mengasah kecerdasan seramai 50 orang (9.8%), menjadi lurus seramai 55 orang (10.78%), menerapkan kecerdasan seramai 30 orang (5.88%) dan membaca keadaan seramai 20 orang (0.39%). Dengan demikian rata-rata setuju 6.71%.

Persepsi sangat setuju iaitu mengasah kecerdasan seramai 70 orang (13.72%), menjadi lurus seramai 70 orang (13.72%), menerapkan kecerdasan seramai 90 orang (17.64%) dan membaca keadaan seramai 120 orang (23.52%). Dengan demikian rata-rata sangat setuju 17.15%.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ada sebahagian daripada rakyat yang mengatakan setuju 6.71% dan bahkan sangat setuju terhadap kualiti sifat peribadi fatanah Kepala Daerah iaitu 17.15%. Hal tersebut disebabkan oleh terdapat hubungkait keluarg atau mungkin sahabat dekat dari kedua belah pihak iaitu Kepala Daerah dengan rakyat tersebut. Namun sebahagian besar rakyat mengatakan tidak setuju iaitu 46.31% terhadap pengamalan kualiti sifat peribadi fatanah Kepala Daerah Kampar.

Bagi lebih mendalami hasil kajian ini pengkaji juga mengadakan temu bual dengan tokoh pemimpin masyarakat, pemuda, pemuka agama, dan tokoh majlis taklim yang menetap di tiga buah kecamatan iaitu kecamatan Kampar Kiri Hulu, kecamatan Kampar Kiri Hilir dan kecamatan Bangkinang Barat. Dalam temu bual tersebut yang

diadakan pada 2 hingga 10 Mei 2013 dapat diungkapkan bahawa tokoh-tokoh menyatakan seperti berikut:

Tokoh Pemimpin Masyarakat (H. Nurdin umur 59 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

H. Nurdin yang berumur 59 tahun mengatakan dia mempunyai persepsi bahawa Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi Fatanah lemah iaitu kurang mengasah kecerdasan, kurang menjadi lurus, menerapkan kecerdasan dan dapat membaca keadaan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat seperti pembangunan jalan raya, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, dan bahkan termasuk perbaikan infrastruktur, saliran dan sebagainya yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat di kecamatan Kampar Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Zul Fadli , 66 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Zul Fadli mengatakan bahawa memang terdapat kelemahan dalam kepemimpinan Kepala Daerah. Antara kelemahan itu yang terjadi di kecamatan ini adalah Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi Fatanah dalam menjalankan pemerintahan di Kabupaten Kampar. Lemahnya sifat peribadi Fatanah Kepala Daerah dapat dilihat melalui kepemimpinannya di kecamatan kita dengan sukarnya urusan Kad Tanda Penduduk, pembuatan Kad Keluarga, yang seharusnya dapat diselesaikan dalam tempoh satu minggu sehingga dalam satu bulan, namun apa yang berlaku ada yang belum selesai sehingga dua bulan seperti yang terjadi di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Damsyir berumur 64 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah sebagai pemimpin menjadi harapan bagi rakyat. Namun, ternyata Kepala Daerah sekarang ini lebih baik dihentikan. Ini kerana dia tidak mempunyai sifat peribadi yang Fatanah dalam kepemimpinan, khususnya di kecamatan Kampar

Kiri Hulu iaitu dalam aspek kesejahteraan pembangunan kesihatan. Oleh itu, kami menilai bahawa Kepala Daerah sekarang memiliki sifat peribadi Fatanah yang lemah.

**Tokoh Pemimpin Pemuda (Warman berumur 31 tahun di Kecamatan
Kampar Kiri Hulu)**

Tokoh Pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu menilai Kepala Daerah Kampar kurang mempunyai kualiti sifat peribadi Fatanah iaitu selalu mengasah kecerdasan, menjadi lurus, menerapkan kecerdasan, dapat membaca keadaan dalam aspek membangunkan pemuda, seperti pembangunan peralatan sukan dan prasarana sukan yang lainnya di kecamatan ini.

**Tokoh Pemimpin Pemuda (Astaman berumur, 20 tahun) di Kecamatan
Kampar Kiri Hulu**

Kepala Daerah kita termasuk dalam golongan pemimpin yang lemah. Ini kerana dia tidak mengamalkan sifat peribadi Fatanah seperti mengasah kecerdasan, menjadi lurus, menerapkan kecerdasan dan dapat membaca keadaan yang meyakinkan. Kelemahan tersebut menyebabkan tidak terbangunnya pusat-pusat sukan yang diperlukan oleh pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Zainal, 23 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Sebagaimana yang dikatakan oleh Zainal bahawa Kepala Daerah kurang menerapkan sifat peribadi Fatanah yang selalu mengasah kecerdasan, menjadi lurus, menerapkan kecerdasan dan dapat membaca keadaan dalam membangun kesejahteraan pemuda. Antaranya ialah untuk membantu pemuda melibatkan diri dalam pembangunan dalam bidang kesukanan dengan membangunkan sarana-sarana sukan bola tangan yang diperlukan di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

**Tokoh Pemimpin Agama (H. Kadir, M.ag, umur 59 tahun) di Kecamatan
Kampar Kiri Hulu**

H. Kadir mengatakan bahawa Kepala Daerah akan berjaya apabila dia mengamalkan sifat peribadi Fatanah dalam membangunkan semangat dan pembangunan tempat ibadah seperti masjid. Pembangunan sarana masjid memerlukan bantuan material dan kewangan agar dapat dimanfaatkan solat Jumaat

dan solat lima waktu serta kegiatan lain yang berbentuk keagamaan di kecamatan kita ini. Hal ini belum dapat diwujudkan dengan cara yang baik. Oleh itu, kami menilai bahawa Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi Fatanah dalam menjalankan kepemimpinannya.

Tokoh Pemimpin Agama (Ruslam berumur 41 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Saya mempunyai persepi bahawa Kepala Daerah kita kurang memiliki sifat peribadi Fatanah seperti selalu mengasah kecerdasan, menjadi lurus, menerapkan kecerdasan dan dapat membaca keadaan dalam meningkatkan pembangunan seperti pembangunan sarana jalan menuju masjid ini, agar lebih baik lagi. Selain itu, pembangunan ekonomi, kesihatan, perumahan rakyat serta membuka peluang pekerjaan untuk mengurangkan angka pengangguran khususnya di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Agama (Muhamad Darbi, MA, berumur 69 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Muhamad Darbi, MA mengatakan bahawa Kepala Daerah yang memimpin kita sekarang memang kurang mengamalkan sifat peribadi Fatanah seperti selalu mengasah kecerdasan, menjadi lurus, menerapkan kecerdasan, dapat membaca keadaan dalam pembangunan kesejahteraan dalam bidang keagamaan seperti penyediaan al-Qur'an dan buku-buku agama yang diperlukan di masjid termasuk surau yang ada di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Umni Kalsum berumur 54 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut Umni Kalsum, seorang tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu bahawa Kepala Daerah yang tidak mempunyai kualiti peribadi yang baik. Ini kerana Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi Fatanah selalu mengasah kecerdasan, menjadi lurus, menerapkan kecerdasan, dapat membaca keadaan dalam pembangunan kesejahteraan majlis taklim yang ada di kecamatan ini seperti penyediaan alat-alat seni muzik Islam, bantuan baju seragam majlis taklim dan sebagainya, yang diperlukan oleh ibu-ibu di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

**Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Monalisa umur 56 tahun) Kecamatan
Kampar Kiri Hulu.**

Tokoh majlis taklim dikecamatan Kampar Kiri Hilir iaitu Monalisa mengatakan bahawa Kepala Daerah yang sekarang ini kurang mengamalkan sifat peribadi Fatanah seperti selalu mengasah kecerdasan, menjadi lurus, menerapkan kecerdasan, membaca keadaan dalam pembangunan majlis taklim seperti penyediaan sarana baju seragam ibu-ibu majlis taklim yang juga digunakan dalam acara diperingkat Kabupaten.

**Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Dahlia berumur 29 tahun) Kecamatan
Kampar Kiri Hulu**

Dahlia yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu dalam temu bual bersamanya mengatakan memang kami majlis taklim disini menilai Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi Fatanah iaitu selalu mengasah kecerdasan, menjadi lurus, menerapkan kecerdasan, dapat membaca keadaan dalam pembangunan majlis taklim yang ada di kecamatan ini. Antaranya ialah seperti pembangunan kesejahteraan dalam bidang penyediaan alat-alat memasak ibu-ibu majlis taklim. Latihan memasak ini kami lakukan pada hari Ahad setiap minggu, dalam rangka meningkat keterampilan ibu-ibu majlis taklim di kecamatan ini.

Berdasarkan keterangan daripada tokoh masyarakat, pemimpin masyarakat, tokoh pemuda, tokoh agama dan tokoh majlis taklim yang menetap di kecamatan Kampar Hulu menyatakan bahawa persepsi terhadap Kepala Daerah Kampar memiliki kualiti sifat peribadi yang lemah atau kurang disebabkan kurang mengamalkan sifat peribadi Fatanah. Hal ini penting agar bersesuaian dengan kehendak masyarakat yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu. Bagi lebih memperkukuhkan dapatan hasil kajian ini maka pengkaji meneruskan temu bual dengan tokoh pemimpin masyarakat, tokoh

pemuda, tokoh agama, dan tokoh majlis taklim yang ada di kecamatan Kampar Kiri Hilir dan kecamatan Bangkinang Barat, sebagaimana terlampir.

Persepsi masyarakat yang rendah terhadap kualiti sifat peribadi Fatanah Kepala Daerah tersebut disebabkan Kepala Daerah kurang menerapkan kecerdasan yang sesuai dengan ilmu kepemimpinannya. Begitu juga Kepala Daerah kurang dapat membaca keadaan dalam kepemimpinannya.

Secara aspek positifnya apabila Kepala Daerah dapat menerapkan kecerdasan yang bersesuaian dengan ilmu kepemimpinan dan dapat membaca keadaan dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat, maka masyarakat akan mempunyai persepsi terhadap Kepala Daerah dengan baik. Ini bermakna masyarakat akan mempunyai persepsi bersifat baik terhadap sifat peribadi Fatanah Kepala Daerah.

Oleh itu, pemerhatian dan temu bual di atas tampak menerapkan kecerdasan sesuai dengan ilmu kepemimpinan dan dapat membaca keadaan dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat. Persepsi Kepala Daerah mengamalkan sifat peribadi Fatanah yang rendah belum tentu rendah kerana Kepala Daerah telah dapat menerapkan kecerdasan yang sesuai dengan ilmu kepemimpinan dan membaca keadaan dalam menjalankan kepemimpinannya. Pengkaji juga mengadakan temu bual

dengan kecamatan Kampar Kiri Hilir dan Bangkinang Barat, untuk lebih jelas dapat dilihat pada lampiran.

5.2.4 Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Sifat Peribadi Tabligh Kepala

Daerah Kabupaten Kampar.

Persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi tabligh Kepala Daerah, terhadap pernyataan: Kepala Daerah masa ini adalah seorang pemimpin yang mengamalkan kualiti sifat punya kemampuan komunikasi yang bagus, boleh membangun jaringan yang kukuh, mampu menyampaikan gagasan dan ide yang boleh dimengerti orang lain dalam membangun kesejahteraan rakyat. Persepsi terhadap pernyataan tersebut iaitu:

Persepsi tidak setuju iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik seramai 200 orang (39.21%) boleh membangunkan jaringan dengan kukuh seramai 190 orang (37.25%) dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain seramai 210 orang (41.17%). Dengan demikian rata-rata yang tidak setuju 39.21%.

Persepsi kurang setuju iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik seramai 110 orang (21.56%) boleh membangunkan jaringan dengan kukuh seramai

85 orang (16.66%) dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain seramai 100 orang (19.60%). Dengan demikian rata-rata yang kurang setuju 19.27%.

**Jadual 5.5. Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Tabligh
Kepala Daerah Kabupaten Kampar**

Kualiti Sifat Peribadi Tabligh Ketua Daerah Kampar	Tidak setuju	Kurang setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
Mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan bagus	200 (39.21)	110 (21.56)	60 (11.76)	70 (13.72)	70 (13.72)
Boleh membangunkan jaringan dengan kukuh	190 (37.25)	85 (16.66)	55 (10.78)	60 (11.76)	120 (23.52)
Berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain.	210 (41.17)	100 (19.60)	40 (7.84)	70 (13.72)	90 (17.64)

Persepsi tidak pasti iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik seramai 60 orang (11.76%) boleh membangunkan jaringan dengan kukuh seramai 55 orang (10.78%) dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain seramai 40 orang (7.84%). Dengan demikian rata-rata yang tidak pasti 10.12%.

Persepsi setuju iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik seramai 70 orang (13.72%) boleh membangunkan jaringan dengan kukuh seramai 60 orang (11.76%) dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain seramai 70 orang (13.72%). Dengan demikian rata-rata setuju 13.06%.

Persepsi sangat setuju iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik seramai 70 orang (13.72%) boleh membangunkan jaringan dengan kukuh seramai 120 orang (23.52%) dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain seramai 90 orang (17.64%). Dengan demikian rata-rata sangat setuju 18.29%.

Hasil kajian ini mendapati persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi tabligh Kepala Daerah ialah rendah/lemah kerana sebahagian besar rakyat mengatakan tidak setuju dengan kualiti sifat peribadi yang diamalkan oleh Kepala Daerah. Condoh rendah/lemah ini, dimungkinkan penyebab kurang meningkatnya pendapatan rakyat, tidak tercapainya pendidikan rakyat, kurang terjaminnya kesihatan dan perkhidmatan kesihatan rakyat, kurang terjaminnya perumahan rakyat dan, kurang menurunnya angka pengangguran.

Bagi lebih mendalami hasil kajian ini pengkaji juga mengadakan temu bual dengan tokoh masyarakat yang menetap di tiga buah kecamatan iaitu kecamatan Kampar Kiri

Hulu, kecamatan Kampar Kiri Hilir dan kecamatan Bangkinang Barat. Sesi temu bual telah diadakan pada 28 April hingga 5 Mei 2013 bersama dengan tokoh masyarakat kecamatan Kampar Kiri Hulu. Berikut merupakan hasil temu ramah tersebut.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (H. Kamarullah berumur 54 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Bapak H. Kamarullah berumur 54 tahun mengatakan dia mempunyai persepsi bahawa Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi tabligh seperti mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangunkan jaringan dengan kukuh dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain dalam membangun kesejahteraan rakyat. Antaranya ialah seperti pembangunan jalan raya, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, dan bahkan termasuk perbaikan infrastruktur, saliran dan sebagainya yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Herman Sayuti , 60 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Hasil temu bual dengan Bapak Herman Sayuti, dia mengatakan bahawa memang terdapat kelemahan dalam kepemimpinan Kepala Daerah kita. Antara kelemahan itu yang terjadi di kecamatan ini adalah Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi tabligh dalam menjalankan pemerintahan di Kabupaten Kampar. Kelemahan sifat peribadi tabligh Kepala Daerah dapat dilihat dalam aspek kepemimpinan di kecamatan kita dengan sukarnya pengurusan Kad Tanda Penduduk, pembuatan Kad Keluarga, yang seharusnya selesai dalam masa satu minggu namun hanya berjaya diselesaikan dalam satu bulan. Bahkan ada yang selesai sampai dua bulan seperti yang terjadi di kecamatan Kampar Kiri hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (H. Siali berumur 68 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah sebagai pemimpin yang diharapkan ternyata Kepala Daerah sekarang ini lebih baik dihentikan. Ini disebabkan dia tidak mempunyai sifat peribadi yang tabligh dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat, khususnya di kecamatan Kampar Kiri Hulu iaitu dalam kesejahteraan pembangunan kesihatan. Oleh itu, kami menilai bahawa Kepala Daerah sekarang memiliki sifat peribadi tabligh yang lemah.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Rasyid umur 29 tahun di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Tokoh Pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu menilai Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi tabligh yang lemah iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangunkan jaringan dengan kukuh, berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain dalam membangun pemuda, seperti pembangunan kemudahan sukan serta prasarana sukan yang lainnya di kecamatan ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Agustar berumur, 20 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah kita termasuk pemimpin yang lemah. Ini kerana dia tidak mengamalkan sifat peribadi tabligh iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangunkan jaringan dengan kukuh serta berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain. Kelemahan tersebut menyebabkan tidak terbangunnya pusat-pusat sukan yang diperlukan oleh pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Badari, 23 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Sebagaimana yang dikatakan oleh Badari bahawa Kepala Daerah kurang menerapkan sifat peribadi tabligh iaitu mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangunkan jaringan dengan kukuh dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain dalam membangunkan kesejahteraan pemuda. Ini supaya pemuda dapat berkarya dalam pembangunan di bidang sukan dengan

membangunkan sarana-sarana sukan bola tangan yang diperlukan di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Agama (H. Badani, M.ag, berumur 54 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut H. Badani, seseorang Kepala Daerah akan berjaya apabila dia mengamalkan sifat peribadi yang tabligh dalam membangunkan semangat dan pembangunan tempat ibadah seperti masjid. Pembangunan sarana masjid memerlukan bantuan material dan kewangan agar dapat dimanfaatkan solat Jumaat dan solat lima waktu serta kegiatan lain yang berbentuk keagamaan di kecamatan kita ini. Hal ini belum wujud dengan baik. Oleh itu, kami menilai bahawa Kepala Daerah kurang tabligh dalam menjalankan kepemimpinannya.

Tokoh Pemimpin Agama (H. Kastulani MA, berumur 61 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

H. Kastulani, MA mengatakan bahawa Kepala Daerah yang memimpin kita sekarang memang kurang mengamalkan sifat peribadi tabligh iaitu kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangunkan jaringan dengan kukuh dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain dalam pembangunan kesejahteraan. Ini terutamanya di bidang keagamaan seperti penyediaan al-Qur'an dan buku-buku agama yang diperlukan di masjid termasuk surau yang ada di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Dra. Hj. Rosmawati berumur 54 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut Dra. Hj. Rosmawati seorang tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu bahawa Kepala Daerah yang tidak mempunyai kualiti peribadi kurang yang baik. Ini kerana Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi tabligh seperti kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangunkan jaringan dengan kukuh serta berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain dalam pembangunan kesejahteraan majlis taklim yang ada di kecamatan ini seperti penyediaan alat-alat seni muzik Islam, bantuan baju seragam majlis taklim dan sebagainya, yang menjadi keperluan oleh ibu-ibu kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Hj. Fatmawati berumur 49 tahun)
Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu iaitu Hj. Fatmawati mengatakan bahawa Kepala Daerah yang sekarang ini kurang mengamalkan sifat peribadi tabligh seperti kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangunkan jaringan dengan kukuh dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain dalam pembangunan majlis taklim. Antaranya ialah seperti penyediaan baju seragam ibu-ibu majlis taklim yang juga digunakan dalam acara di peringkat Kabupaten.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Hj. Nur Azizah berumur 29 tahun)
Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Hj. Nur Azizah yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu dalam sesi temu bual mengatakan memang kami majlis taklim di sini menilai Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi tabligh iaitu kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangunkan jaringan dengan kukuh dan berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami orang lain dalam pembangunan majlis taklim yang terdapat di kecamatan ini. Antaranya seperti pembangunan kesejahteraan dalam bidang penyediaan alat-alat memasak ibu-ibu majlis taklim. Latihan memasak ini kami lakukan pada hari Ahad setiap minggu, dalam rangka meningkat keterampilan ibu-ibu majlis taklim di kecamatan ini.

Berdasarkan keterangan daripada tokoh masyarakat dari tiga kecamatan di atas menunjukkan bahawa Kepala Daerah memiliki sifat peribadi tabligh yang rendah. Ini sehingga dia tidak mampu berkomunikasi, menjalin jaringan dan tidak mampu mencari idea serta gagasan yang cemerlang untuk mengatasi masalah kemiskinan, kekurangan pekerjaan, menjamin pendidikan rakyat tercapai, menjamin kesihatan, dan kurang mempunyai idea serta gagasan untuk mengatasi kadar pengangguran yang meningkat. Ini menyebabkan masyarakat mempunyai persepsi yang rendah terhadap

kualiti sifat peribadi tabligh Kepala Daerah tersebut. Ini kerana Kepala Daerah kurang mampu berkomunikasi, membuatkan jaringan dan tidak mampu mencari idea dan gagasan yang cemerlang dalam kepemimpinannya.

Secara aspek positifnya apabila Kepala Daerah tersebut mampu berkomunikasi, membuat jaringan dan mampu mencari idea dan gagasan yang cemerlang untuk kesejahteraan masyarakat, maka masyarakat akan mempunyai persepsi yang baik terhadap Kepala Daerah. Ini bererti masyarakat akan punya persepsi yang baik terhadap sifat peribadi tabligh Kepala Daerah. Untuk lebih mendalami hasil temubual pada kecamatan Kampar Kiri Hilir dan Bangkinang Barat lihat lampiran.

5.3 Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Sifat Peribadi Teknikal Kepala

Daerah Kabupaten Kampar

Persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi teknikal Kepala Daerah, terhadap pernyataan: Kepala Daerah masa ini adalah seorang pemimpin berkemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan, kemampuan mengambil keputusan, kemampuan melimpahkan kekuasaan, kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan. Persepsi terhadap pernyataan ini iaitu:

Persepsi tidak setuju iaitu kemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan 220 orang (43.13%), kemampuan mengambil keputusan seramai 200 orang (39.21%), kemampuan melimpahkan kekuasaan seramai 225 orang (44.11%) dan kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan seramai 230 orang (45.09%). Dengan demikian yang menyatakan tidak setuju rata-rata 42.88%.

Persepsi kurang setuju iaitu kemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan 80 orang (15.68%), kemampuan mengambil keputusan seramai 100 orang (19.60%), kemampuan melimpahkan kekuasaan seramai 75 orang (14.70%) dan kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan seramai 70 orang (13.72%). Dengan demikian yang menyatakan kurang setuju rata-rata 15.92%.

Jadual 5.6. Persepsi Rakyat Kampar Terhadap Sifat Peribadi Teknikal/kepengurusan Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Kualiti Sifat Peribadi Teknik/Kepengurusan Ketua Daerah Kampar	Tidak setuju %	Kurang setuju %	Tidak pasti %	Setuju %	Sangat setuju %
Kemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan	220 (43.13)	80 (15.68)	90 (17.64)	80 (15.68)	40 (7.84)
Kemampuan mengambil keputusan	200 (39.21)	100 (19.60)	80 (15.68)	70 (13.72)	60 (11.76)
Kemampuan melimpahkan kekuasaan	225 (44.11)	75 (14.70)	70 (13.72)	60 (11.76)	80 (15.68)
Kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan	230 (45.09)	70 (13.72)	60 (11.76)	70 (13.72)	80 (15.68)

Sumber: *hasil angket.*

Persepsi tidak pasti iaitu kemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan 90 orang (17.64%), kemampuan mengambil keputusan seramai 80 orang (15.68%), kemampuan melimpahkan kekuasaan seramai 70 orang (13.72%) dan kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan seramai 60 orang (11.76%). Dengan demikian yang menyatakan tidak pasti rata-rata 14.7%.

Persepsi setuju iaitu kemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan orang 80 (15.68%), kemampuan mengambil keputusan seramai 70 orang (13.72%), kemampuan melimpahkan kekuasaan seramai 60 orang (11.76%) dan kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan seramai 70 orang (13.72%). Dengan demikian yang menyatakan setuju rata-rata 13.72%.

Persepsi sangat setuju iaitu kemampuan melihat organisasi sebagai satu keseluruhan 40 orang (7.84%), kemampuan mengambil keputusan seramai 60 orang (11.76%), kemampuan melimpahkan kekuasaan seramai 80 orang (15.68%) dan kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan seramai 80 orang (15.68%). Dengan demikian yang menyatakan sangat setuju rata-rata 12.74%.

Hasil kajian ini mendapati bahawa persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi teknikal Kepala rendah/lemah kerana sebahagian besar rakyat Kampar mengatakan tidak setuju dengan kualiti sifat peribadi teknikal yang diamalkan oleh

Kepala Daerah. Rendah/lemah ini dapat menyebabkan Kepala Daerah Kabupaten Kampar tidak berjaya dalam mewujudkan kesejahteraan di Kampar. Seseorang Kepala Daerah perlu memiliki teknik/kepengurusan yang baik dan mampu melihat organisasi secara keseluruhan, mengambil keputusan, membahagikan tugas/kekuasaan, dan cerdas dalam bidang pemerintahan.

Bagi mendalami hasil kajian ini pengkaji juga mengadakan temu bual dengan tokoh masyarakat yang menetap di tiga buah kecamatan iaitu kecamatan Kampar Kiri Hulu, kecamatan Kampar Kiri Hilir dan kecamatan Bangkinang yang melibatkan tokoh pemimpin masyarakat, tokoh pemimpin pemuda, tokoh pemimpin agama, dan tokoh majlis taklim. Temu bual diadakan pada 8 hingga 13 Jun 2013. Hasil temu bual tersebut dapat diungkapkan seperti berikut.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (H. Kamarullah berumur 54 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Bapak H. Kamarullah berumur 54 tahun mengatakan dia mempunyai persepsi bahawa Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi teknikal lemah iaitu condong kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam membangun kesejahteraan rakyat. Ini seperti pembangunan jalan raya, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, dan termasuklah perbaikan infrastruktur, saluran dan sebagainya yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (Herman Sayuti , 60 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Hasil temu bual dengan Bapak Herman Sayuti, dia mengatakan bahawa memang terdapat kelemahan dalam kepemimpinan Kepala Daerah kita. Antara kelemahan itu yang terjadi di kecamatan ini adalah Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi teknikal kepemimpinan iaitu condong kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan. Kelemahan sifat peribadi teknikal Kepala Daerah dapat dilihat melalui kepemimpinan di kecamatan kita dengan sukarnya pengurusan Kad Tanda Penduduk, pembuatan Kad Keluarga, yang seharusnya selesai dalam satu minggu namun hanya berjaya diselesaikan dalam satu bulan. Bahkan kes ada yang selesai sehingga dua bulan seperti yang terjadi di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Masyarakat (H. Siali berumur 68 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah sebagai pemimpin yang diharapkan ternyata Kepala Daerah sekarang ini lebih baik dihentikan. Ini disebabkan dia tidak mempunyai sifat peribadi teknikal iaitu condong kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam pembangunan kesejahteraan masyarakat. Ini khususnya di kecamatan Kampar Kiri Hulu iaitu dalam kesejahteraan pembangunan kesihatan. Oleh itu, kami menilai bahawa Kepala Daerah sekarang memiliki sifat peribadi tabligh yang lemah.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Rasyid berumur 29 tahun di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Tokoh Pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu menilai Kepala Daerah Kampar mempunyai kualiti sifat peribadi teknikal lemah iaitu condong kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam membangunkan golongan pemuda. Ini seperti pembangunan gedung sukan, dan prasarana sukan yang lainnya di kecamatan ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Agustar berumur 20 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Kepala Daerah kita termasuk pemimpin yang condong lemah. Ini kerana dia tidak mengamalkan sifat peribadi teknikal iaitu kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan. Kelemahan tersebut menyebabkan tidak terbangunnya pusat-pusat sukan yang diperlukan oleh pemuda di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Pemuda (Badari, 23 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Sebagaimana yang dikatakan oleh Badari bahawa Kepala Daerah kurang menerapkan sifat peribadi teknikal iaitu kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam membangun kesejahteraan pemuda. Ini supaya pemuda dapat aktif dalam pembangunan di bidang sukan dengan membangunkan pembangunan sukan bola tangan yang diperlukan di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Agama (H. Badani, M.ag, berumur 54 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut H. Badani Kepala Daerah sekarang kurang memiliki teknikal dalam kepemimpinannya iaitu kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam membangunkan semangat dan pembangunan tempat ibadah seperti masjid. Pembangunan sarana masjid memerlukan bantuan material dan kewangan agar dapat dimanfaatkan solat Jumaat dan solat lima waktu serta kegiatan lain yang berbentuk keagamaan di kecamatan kita ini. Selagi kemudahan ini belum terwujud dengan baik, maka kami menilai bahawa Kepala Daerah kurang tabligh dalam menjalankan kepemimpinannya.

Tokoh Pemimpin Agama (Drs. H.Abdul Gani berumur 48 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Drs. H. Abdul Gani mempunyai persepsi bahawa Kepala Daerah kita kurang memiliki sifat peribadi teknikal iaitu kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam pembangunan sarana jalan menuju masjid ini, agar lebih baik lagi. Selain itu, pembangunan ekonomi, kesihatan, perumahan rakyat dan membuka peluang pekerjaan untuk mengurangkan angka pengangguran khususnya di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Agama (H. Kastulani MA, berumur 61 tahun) di Kecamatan Kampar Kiri Hulu

H. Kastulani, MA mengatakan bahawa Kepala Daerah yang memimpin kita sekarang memang kurang mengamalkan sifat peribadi teknikal iaitu condong kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam pembangunan kesejahteraan di bidang keagamaan seperti penyediaan al-Qur'an dan buku-buku agama. Ini sangat diperlukan di masjid termasuk surau yang ada di kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Dra. Hj. Rosmawati berumur 54 tahun) Kecamatan Kampar Kiri Hulu

Menurut Dra. Hj. Rosmawati seorang tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu menilai Kepala Daerah yang tidak mempunyai kualiti peribadi kurang yang baik. Ini kerana Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi teknikal iaitu condong kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam pembangunan kesejahteraan majlis taklim yang ada di kecamatan ini. Ini seperti penyediaan alat-alat seni muzik Islam, bantuan baju seragam majlis taklim dan sebagainya yang diperlukan oleh ibu-ibu kecamatan Kampar Kiri Hulu ini.

**Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Hj. Fatmawati 49 tahun) Kecamatan
Kampar Kiri Hulu**

Tokoh majlis taklim di kecamatan Kampar Kiri Hulu iaitu Hj. Fatmawati mengatakan bahawa Kepala Daerah yang sekarang ini kurang mengamalkan sifat peribadi teknikal seperti kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam pembangunan majlis taklim seperti penyediaan sarana baju seragam ibu-ibu majlis taklim yang juga digunakan dalam acara di peringkat Kabupaten.

**Tokoh Pemimpin Majlis Taklim (Hj. Nur Azizah berumur 29 tahun)
Kecamatan Kampar Kiri Hulu**

Hj. Nur Azizah yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu dalam temu bual mengatakan memang kami majlis taklim di sini menilai Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi teknikal iaitu kurang memiliki kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang mampu mengambil keputusan, kurang mampu melimpahkan kekuasaan, dan kurang cerdas/kurang mahir dalam bidang pemerintahan dalam pembangunan majlis taklim yang ada di kecamatan ini. Ini seperti pembangunan kesejahteraan di bidang penyediaan alat-alat memasak ibu-ibu majlis taklim. Latihan memasak ini kami lakukan pada hari Ahad setiap minggu, dalam rangka meningkat keterampilan ibu-ibu majlis taklim di kecamatan ini.

Berdasarkan keterangan daripada tokoh masyarakat, pemimpin masyarakat, tokoh pemuda, tokoh agama dan, tokoh majlis taklim yang menetap di kecamatan Kampar Hulu jelas membuktikan bahawa persepsi terhadap Kepala Daerah Kampar memiliki kualiti sifat peribadi yang lemah atau kurang. Ini disebabkan Kepala Daerah kurang mengamalkan sifat peribadi teknikal sesuai dengan kehendak masyarakat yang menetap di kecamatan Kampar Kiri Hulu. Bagi memperkukuhkan dapatan hasil kajian ini maka pengkaji meneruskan temu bual dengan tokoh pemimpin masyarakat,

tokoh pemuda, tokoh agama, dan tokoh majlis taklim yang ada di kecamatan Kampar Kiri Hilir dan Bangkinang Barat pada 14 hingga 18 Jun 2013, sebagaimana terlampir.

Berdasarkan keterangan daripada tokoh masyarakat di tiga kecamatan menunjukkan bahawa Kepala Daerah yang sekarang kurang melihat organisasi pemerintahan secara keseluruhan, dan kurang cerdas dalam mengambil keputusan dan melimpahkan kekuasaan kepada yang mahir dan juga tidak cerdas/mahir dalam pelaksanaan pemerintahan. Segala kekurangan Kepala Daerah akan menyebabkan layanan yang kurang memuaskan terhadap rakyat yang dipimpinnya. Selain itu, kekurangan kualiti sifat peribadi teknik kepengurusan pemerintahan Kepala Daerah Kampar juga menyebabkan tidak tercapainya pendidikan rakyat, menyebabkan menurunnya pendapatan rakyat, tidak terjaminnya kesihatan, perumahan dan meningkatnya angka pengangguran dalam masyarakat. Oleh itu, masyarakat menilai Kepala Daerah yang sekarang ini kurang memiliki peribadi teknik/kepengurusan dalam pemerintahan.

5.4 Kualiti Sifat Peribadi Kepala Daerah dalam Mencapai Kesejahteraan Rakyat

Terdapat lima kualiti sifat peribadi dalam mencapai kesejahteraan rakyat ialah pendapatan rakyat meningkat, pendidikan rakyat tercapai, terjaminnya kesihatan dan perkhidmatan kesihatan rakyat, terjaminnya perumahan rakyat dan menurunnya angka kemiskinan serta pengangguran. Jika sekiranya Kepala Daerah tidak berjaya

mencapai perkara di atas, maka ini menunjukkan bahawa Kepala Daerah tidak berperanan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Hasil kajian ini mendapati bahawa kualiti sifat peribadi teknik Kepala Daerah dalam mencapai kesejahteraan rakyat belum tercapai sebagaimana yang diinginkan oleh rakyat Kampar pada tahap peratusan seperti berikut iaitu tidak berjaya mencapai pendapatan rakyat meningkat seramai 290 orang (56.86%), pendidikan rakyat tidak tercapai seramai 300 orang (58.82%), tidak tercapai jaminan gizi dan perkhidmatan kesihatan rakyat seramai 240 orang (47.05%), terjaminnya perumahan rakyat seramai 320 orang (62.75%) dan tidak tercapai penurunan dan menurunnya angka kemiskinan dan pengangguran seramai 310 orang (60.78%).

Jadual 5.7 Pencapaian Kesejahteraan Rakyat oleh Kepala Daerah Kampar

Pencapaian Kesejahteraan rakyat oleh Ketua Daerah Kampar	Tidak tercapai %	Kurang tercapai %	Sangat tidak Tercapai %	Tercapai %
Pendapatan rakyat meningkat	290 (56.86)	100 (19.60)	40 (0.78)	80 (15.68)
Pendidikan rakyat tercapai	300 (58.82)	150 (29.4)	30 (5.88)	30 (5.88)
Terjaminnya gizi dan perkhidmatan kesihatan rakyat	240 (47.05)	190 (37.25)	30 (5.88)	50 (9.80)
Terjaminnya perumahan rakyat	320 (62.75)	100 (19.60)	30 (5.88)	60 (11.76)
Menurun dan kurangnya angka kemiskinan dan pengangguran	310 (60.78)	150 (29.4)	10 (0.19)	40 (7.84)

Hasil kajian ini mendapati bahawa rakyat Kampar di tiga buah kecamatan iaitu kecamatan Kampar Kiri Hulu, kecamatan Kampar Kiri Hilir, dan kecamatan Bangkinang Barat Kabupaten Kampar menilai kualiti Kepala Daerah Kampar kurang dapat mewujudkan kesejahteraan rakyat. Ini sebagaimana juga hasil kajian yang dilakukan Badan Penelitian dan pengembangan Propinsi Riau bahawa jumlah rumah tangga miskin adalah sebanyak 30.626 rumah tangga atau 26.53% dan jumlah penduduk miskin ialah 122.504 orang atau 22.64%, dan tidak mengalami perubahan secara signifikan walaupun pelbagai usaha telah dilakukan. Visi yang dicanangkan oleh Pemerintah Kabupaten Kampar adalah "*Kabupaten Kampar Negeri Berbudaya, Berdaya Dalam Lingkungan Masyarakat Agamis Tahun 2020.*" Misi pemerintah Kabupaten Kampar iaitu:

- a. Mewujudkan pembangunan nilai budaya masyarakat Kampar bagi menjamin sistem bermasyarakat dan bernegara untuk menghadapi tentangan global;
- b. Meningkatkan aspek pengurusan dan kemampuan para pegawai dalam mengelola aset daerah dan pelayanan masyarakat;
- c. Meningkatkan kualiti Sumber Daya Manusia yang Sihat, menguasai Ilmu Pengetahuan dan Teknologi serta Berwawasan;
- d. Mengembangkan ekonomi rakyat yang berasaskan sumber daya lokal dengan orientasi pada agrobisnis, agroindustri dan pelancongan serta mendorong pertumbuhan pelaburan secara bersepadu dan melibatkan

pihak swasta, masyarakat dan pemerintah baik berskala lokal, daerah, nasional dan antarabangsa;

- e. Mewujudkan pembangunan kawasan seimbang yang dapat menjamin kualiti hidup secara berkesinambungan; dan
- f. Mewujudkan sumber daya manusia yang beriman dan bertaqwa, serta taat terhadap peraturan yang ditetapkan, menuju masyarakat agama yang dicerminkan menerusi kerukunan hidup beragama.

Oleh itu adalah jelas, visi dan misi yang dibuat oleh Kepala Daerah belum tercapai seperti mana yang diharapkan.

5.5 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kurang Tercapainya Kesejahteraan Rakyat di Kabupaten Kampar

Faktor-faktor yang mempengaruhi tidak tercapainya kesejahteraan rakyat di Kabupaten Kampar dipengaruhi oleh rendahnya kualiti sifat peribadi sosial Kepala Daerah Kabupaten Kampar. Hasil kajian ini menunjukkan rendahnya kualiti sosial menyebabkan Kepala Daerah tidak memiliki sesuatu (keinginan, matlamat) yang diperjuangkan secara sungguh-sungguh; tidak memiliki keputusan yang tegas dalam melakukan tindakan; mudah putus asa ketika menghadapi masalah atau kesulitan; kurang bermotivasi untuk maju, bersikap malas atau kurang serius; sering gagal dalam menyempurnakan tugas atau tanggungjawab (tidak optimal); ragu-ragu

dalam berhadapan dengan individu; tidak dapat menyampaikan kemampuan berbicara dan kemampuan mendengarkan yang meyakinkan; sering memiliki kemampuan yang tidak realiti serta terlalu sensitif. Apabila kualiti peribadi Kepala Daerah lemah, tugas dan tanggungjawabnya tidak dapat diselesaikan bersesuaian dengan rancangan. Bahkan tugas yang diamanahkan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, dan kewangan tidak dikelolakan dengan baik.

Hasil kajian ini juga mendapati tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kabupaten Kampar juga dipengaruhi oleh lemahnya kualiti sifat peribadi Siddiq Kepala Daerah Kampar iaitu lemahnya peribadi tekad yang kuat, tidak mempunyai kesamaan antara ucapan dan tindakan, tidak melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh dan tidak mahu bekerja keras. Kualiti sifat peribadi Siddiq sangat penting dan mesti dimiliki oleh Kepala Daerah Kampar, sebagai suatu kelebihan dalam aspek kepimpinan. Hal ini seiring dengan apa yang dikatakan oleh Ruslan Abdulgani bahawa seorang pemimpin yang berjaya harus mempunyai kelebihan daripada yang dipimpinnya. Melalui kelebihan ini, kewibawaan seseorang akan selalu dapat dipertahankan, sehingga ketaatan peringkat bawahan dapat terpelihara. Kelebihan tersebut meliputi moral dan akhlak, jiwa dan semangat, ketajaman intelek, tanggap dan ketekunan serta kekuatan jasmaniah.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kampar dipengaruhi oleh faktor /lemahnya kualiti sifat peribadi amanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar. Ini kerana Kepala Daerah Kampar kurang dapat dipercayai, kurang mempunyai peribadi yang terpuji dan kurang memiliki keahlian yang meyakinkan.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kampar disebabkan kelemahan kualiti sifat peribadi Fatanah Kepala Daerah Kampar. Ini seperti kurang mengasah kecerdasan, kurang lurus, kurang menerapkan kecerdasan dan kurang membaca keadaan.

Hasil kajian ini mendapati bahawa kurang tercapainya kesejahteraan rakyat Kampar seperti tidak meningkatnya pendapatan rakyat meningkat; tidak tercapainya pendidikan rakyat; tidak terjaminnya kesihatan dan perkhidmatan kesihatan rakyat; tidak terjaminnya perumahan rakyat; dan tidak menurun dan terentasnya angka kemiskinan dan pengangguran, juga dipengaruhi oleh rendahnya kualiti sifat peribadi tabligh Kepala Daerah Kampar. Kualiti sifat peribadi tabligh mesti dimiliki dan dijalankan oleh seseorang pemimpin, agar dapat melicinkan usaha untuk mencapai kesejahteraan rakyat yang dipimpin.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kampar dipengaruhi oleh kualiti sifat peribadi teknik Kepala Kampar yang tidak memuaskan/lemah seperti lemahnya kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, lemahnya kemampuan mengambil keputusan, kurangnya melimpahkan kekuasaan dan lemahnya kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan. Lemahnya kualiti Kepala Daerah Kampar akan berdampak tidak tercapainya kesejahteraan yang diinginkan. Dan tidak tercapainya kesejahteraan rakyat atau masyarakat menyebabkan persepsi masyarakat terhadap pengamalan kualiti sifat peribadi Kepala Daerah rendah.

5.6 Rumusan

Hasil kajian ini mendapati bahawa persepsi rakyat Kampar terhadap pengamalan kualiti sifat peribadi sosial, Siddiq, amanah, Fatanah, tabligh dan, teknik Kepala Daerah ialah rendah/lemah.

Rendahnya persepsi rakyat terhadap sifat peribadi sosial Kepala Daerah kerana dia kurang beramah tamah terhadap rakyat, kurang menanamkan kesetiaan terhadap rakyat, kurang kematangan dan keluasan pandangan dalam memimpin rakyat, kurang bersilatullah dengan rakyat dan kurang bijaksana dalam menghadapi permasalahan rakyat. Begitu juga apabila Kepala Daerah kurang menerima pendapat dan cadangan

daripada rakyat dan wakil rakyat di parlimen wakil rakyat iaitu Dewan Perwakilan Rakyat Daerah.

Rendahnya persepsi rakyat terhadap kualiti sifat peribadi Siddiq Kepala Daerah Kampar disebabkan Kepala Daerah kurang membuktikan tekad yang kuat dalam membangunkan kesejahteraan rakyat. Kepala Daerah kurang dapat dipercayai baik dari segi ucapan dan tindakan terhadap rakyat, Kepala Daerah kurang sungguh-sungguh dalam memimpin rakyat dan Kepala Daerah kurang mahu bekerja keras dalam kesejahteraan rakyat Kampar.

Di samping itu, rendahnya persepsi rakyat terhadap kualiti sifat peribadi amanah Kepala Daerah kerana Kepala Daerah kurang memiliki peribadi yang terpuji dan kurang memiliki kemahiran yang meyakinkan dalam memimpin rakyat Kampar. Rendahnya persepsi rakyat terhadap kualiti sifat peribadi Fatanah Kepala Daerah disebabkan Kepala Daerah kurang cerdas, dan kurang melihat/membaca keadaan rakyat yang sedang mengalami kesusahan dalam hidup.

Rendahnya persepsi rakyat terhadap kualiti sifat peribadi tabligh Kepala Daerah Kampar disebabkan Kepala Daerah kurang berkomunikasi baik dengan rakyat yang dipimpinnya, kurang membangunkan jaringan dengan kukuh dengan rakyat dan kurang menyampaikan gagasan yang boleh difahami oleh rakyat yang dipimpinnya.

Selain itu, rendahnya persepsi rakyat terhadap kualiti sifat peribadi teknik Kepala Daerah Kampar disebabkan Kepala Daerah kurang mampu mengambil keputusan untuk kepentingan rakyat, Kepala Daerah kurang mampu melimpahkan kekuasaan kepada yang mahir di bidangnya dan Kepala Daerah kurang cerdas/ahli dalam memimpin pemerintahan Kabupaten Kampar.

Rendahnya kualiti sifat peribadi sosial, Siddiq, amanah, Fatanah, tabligh, dan teknik/pengurusan pemerintahan telah menyebabkan kurang tercapainya kesejahteraan rakyat seperti kurang meningkatnya pendapatan rakyat, kurang tercapainya pendidikan rakyat, kurang terjaminnya gizi dan perkhidmatan kesihatan rakyat, kurang terjaminnya perumahan rakyat, kurang tercapainya penurunan dan terentasnya angka kemiskinan dan pengangguran di daerah Kabupaten Kampar.

BAB VI

PERBINCANGAN KUALITI SIFAT PERIBADI KEPALA DAERAH

KABUPATEN KAMPAR DALAM MEWUJUDKAN

KESEJAHTERAAN RAKYAT

6.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil kajian dengan mengikuti kaedah kajian yang telah diterangkan dalam bahagian sebelumnya, hasil yang telah dirakamkan, dianalisis dan dimasukkan ke dalam bab ini. Perbincangan dalam bab ini dilakukan bagi menyelami data dapatan dan analisis dalam bab 5 sebelumnya. Perbincangan ini berkaitan dengan kualiti sifat peribadi yang diamalkan Kepala Daerah dalam kepemimpinannya.

6.1. Kualiti Sifat Peribadi Kepala Daerah Kabupaten Kampar

6.1.1 Kualiti Sifat Peribadi Sosial Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Hasil kajian ini mendapati tahap persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi sosial Kepala Daerah rendah. Dalam hal ini Kepala Daerah Kabupaten sebagai pejabat kurang ramah tamah terhadap rakyat, kurang menanamkan kesetiaan terhadap bawahan dan rakyat, kurang memiliki kematangan dan kurang memiliki keluasan pandangan dalam memimpin, kurang mempunyai hubungan antara

manusia, kurang bijaksana dalam menghadapi kesukaran, kurang mementingkan rakyat, dan kurang menerima pendapat orang lain. Rendahnya kualiti sosial Kepala Daerah Kampar ini menyebabkannya lemah dalam memimpin rakyat Kampar sehingga kesejahteraan sulit untuk dicapai. Menurut Spencer (1993) bahawa pemimpin yang memiliki sifat peribadi yang lemah: tidak memiliki sesuatu (keinginan, matlamat) yang diperjuangkan secara sungguh-sungguh; tidak memiliki keputusan yang tegas dalam melakukan tindakan; mudah putus asa ketika menghadapi masalah atau kesulitan; kurang termotivasi untuk maju, malas atau kurang serius; sering gagal dalam menyempurnakan tugas atau tanggung jawab; ragu-ragu dalam menghadapi orang; tidak dapat menyampaikan kemampuan berbicara dan kemampuan mendengarkan yang meyakinkan; sering memiliki kemampuan yang tidak realiti;terlalu sensitif (perasa). Apabila kualiti sifat peribadi Kepala Daerah condong lemah, tugas dan tanggungjawabnya tidak dapat diselesaikan sesuai dengan rencangan. Bahkan tugas yang diamanahkan tidak berjalan dengan sempurna, dan kewangan tidak terkelola dengan baik. Hasil kajian Riwokaho (1988), seorang Kepala Daerah mesti disokong sifat peribadi yang berkualiti, disokong oleh teknikal yang berkualiti, disokong oleh kualiti sosial, kualiti etika dan moral.

Kepala Daerah Kampar mesti memiliki nilai-nilai sosial dan moral dalam melaksanakan tugas-tugas kepemimpinannya. Menurut Empu Prapanca dan Ruslan Abdulgani (seperti dipetik oleh Nur Afifuddin 2009), bahawa pemimpin-peminpin sesungguhnya harus mengamalkan nilai- nilai sosial dan moral yang tidak terpisahkan

dari kehidupan berbangsa dan bernegara iaitu a) nilai-nilai moral yang mencerminkan berbagai petunjuk, nasihat, pengendalian diri, dan kewajiban yang telah diamanah, b) pemimpin harus dapat dicontoh perkataan, perilaku dan tindakannya, sebagai daya penggerak bagi bawahan dan lingkungannya. Nilai-nilai sosial dan moral lebih rinci menurut hasil kajian Empu Prapanca dan Ruslan Abdulgani iaitu 1) *wijnana* iaitu sikap bijaksana; 2) *mantrawira* iaitu sebagai pembela sejati berkeberanian mutlak dalam kebenaran dan kesetiaan tanpa reserve dalam menjunjung cita-cita negara; 3) *wicaksanang naya* iaitu bijaksana, kemampuan menganalisa dan mengambil keputusan; 4) *matanggawa* iaitu mendapat kepercayaan dari bawah; 5) *satya bakti haprabhu* iaitu mengikuti perintah atasan, taat setia dan bakti kepada pemimpin, atasan, terutama kepada negara dan pimpinannya dapat menghindarkan dari pengkhianatan terhadap negara dan rakyatnya kerana nasib negara itu adalah nasib juga nasib dari dirinya sendiri; 6) *wakjnana* iaitu pandai berpidato dan berdiplomasi; 7) *sajjawopasama* iaitu tidak sombong, rendah diri dan manusiawi, 8) *dhirotsaha* iaitu bersifat rajin dan kreatif; 9) *tan lalana* iaitu bersifat gembira dan periang; 10) *disyacitta* iaitu jujur dan terbuka; 11) *tan satrisna* iaitu tidak egois; 12) *masihi samastha bhuwana* iaitu bersifat penyayang dan cinta alam; 13) *ginong pratidina* iaitu tekun menegakkan kebenaran; 14) *sumantri* iaitu sebagai abdi negara yang baik; 15) *anayakan musuh* iaitu mampu membinasakan lawan.

Selari itu menurut Ruslan Abdulgani seorang pemimpin harus mempunyai kelebihan dari yang dipimpin kerana dengan kelebihan, kewibawaan seseorang akan selalu

dapat dipertahankan, sehingga ketaatan dari bawahan dapat terpelihara. Kelebihan tersebut meliputi moral dan akhlak, jiwa dan semangat, ketajaman intelek, tanggapan dan ketekunan serta kekuatan jasmaniah. Pandangan ini juga disokong oleh Ki Hajar Dewantaraa bahawa seorang pimpinan yang baik itu harus melaksanakan peranannya sebagai *Ing ngarso sung tulodo, ing madyo mangun karso, tut wuri handayani*. Teori ini juga ikut disokong oleh Ngalm Purwanto bahawa seorang pemimpin yang berkualiti adalah pemimpin yang memiliki keperibadian rendah hati, sederhana, bersifat selalu mendorong, sabar dan memiliki kestabilan emosi, percaya pada diri sendiri, jujur, adil dan dapat dipercayai serta mempunyai kemahiran dalam jabatan (Ngalem Purwanto, 1984). Dalam hal ini seorang Kepala Daerah sebagai pemimpin mesti terbuka, tidak boleh memaksakan kehendak sendiri tetapi harus memperhatikan kehendak dan keperluan yang dipimpinnya. Seorang pemimpin harus mempunyai keahlian dedikasi yang tinggi serta dapat membuat dan menyusun perencanaan dan program serta melaksanakan monitoring yang baik terhadap program yang telah dibuat. Di samping itu seorang pemimpin harus bertanggung jawab tentang perbuatan-perbuatan anggotanya dan yang paling penting ia harus dapat dicontoh oleh yang dipimpinnya untuk mencapai matlamat yang diharapkan. Selari dengan itu menurut kajian Fidler (1977) bahawa perilaku seorang pemimpin yang baik memiliki kecenderungan ke arah 2 hal, iaitu : Pertama, yang disebut dengan *Konsidearasi* iaitu motivasi seorang pemimpin yang menggambarkan hubungan akrab dengan bawahan. Contoh gejala yang ada dalam hal ini seperti : membela bawahan, memberi bimbingan kepada bawahan dan bersedia berunding dengan bawahan. Kedua disebut

Struktur Inisiasi iaitu motivasi seorang pemimpin yang memberikan batasan kepada bawahan. Contoh yang dapat dilihat, bawahan mendapat arahan dalam pelaksanaan tugas, masa, cara pekerjaan dilakukan, dan hasil yang akan dicapai. Dalam hal ini seorang pemimpin yang baik adalah bagaimana seorang pemimpin yang memiliki kualiti sifat peribadi sosial yang memiliki perhatian yang tinggi kepada bawahan dan rakyat sehingga mendapatkan hasil yang tinggi pula.

Begitu juga kajian (Nur Afifuddin: 2009) bahawa kejayaan seorang pemimpin dapat ditentukan oleh sifat-sifat, perangai atau ciri yang dimiliki oleh pemimpin iaitu berupa sifat fizikal atau sifat psikologis. Ini bermakna bahawa untuk menjadi seorang pimpinan yang berhasil sangat ditentukan oleh kemampuan peribadi pemimpin. Kemampuan peribadi yang dimaksud adalah kualiti personal atau seseorang dengan berbagai-bagai macam sifat, perangai atau ciri di dalamnya.

Sifat-sifat kualiti peribadi perangai tersebut menurut hasil kajian Ordway Tead (1935) meliputi: tenaga jasmani dan rohani (*physical and nervous energy*); kepastian maksud dan arah tujuan (*acense of purpose and direction*); antusiasme atau perhatian yang besar (*anthusiasm*); ramah tamah, penuh rasa persahabatan dan ketulusan hati (*friendlieness and effectif*); integriti atau peribadi yang bulat (*integrity*); kecekapan teknikal (*technical mastery*); mudah mengambil keputusan (*decisioness*); cerdas (*intelligence*); cekap mengajar (*teaching kemahiran*) dan; kesetiaan (*faith*).Kemudian Ordway menambah bahawa sifat-sifat tersebut dalam praktiknya tidak mesti bersama-

sama dimiliki oleh seorang pemimpin melainkan sangat bergantung pada tingkat keadaan dari pengikutnya. Menurut John D. Millet (1997) bahawa sifat dari seorang pimpinan meliputi kemampuan melihat organisasi satu keseluruhan (*the ability to see an enterprise as a whole*); kemampuan mengambil keputusan-keputusan (*the to make decisions*); kemampuan membagi tugas atau mendelegasikan kuasa (*the ability to delegate authority*) dan; kemampuan menanamkan kesetiaan (*the ability to command loyalty*).

Selari itu hasil kajian yang dilakukan oleh Keith Davis (1979) bahawa seorang pemimpin seperti pemimpin Kepala Daerah di Kabupaten Kampar akan berhasil membawa kejayaan apabila memiliki kualiti sifat peribadi sosial kepemimpinan iaitu memiliki kecerdasan yang lebih tinggi daripada bawahannya; kematangan dan keluasan pandangan sosial (*social maturity and breadth*). Dalam hal ini pemimpin mempunyai kematangan dan lebih luas dalam hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan sehingga mudah mengendalikan keadaan, kerjasama sosial, serta mempunyai keyakinan dan kepercayaan pada diri sendiri; mempunyai motivasi dan keinginan berprestasi yang datang dari dalam (*inner motivation and achievement desires*), yang mempunyai dorongan yang besar untuk dapat menyelesaikan sesuatu; mempunyai kemampuan mengadakan hubungan antara manusia (*human relations attitudes*).

Menurut Harter (1991) pengaruh sifat diri yang paling besar meliputi 1) Kesan dan; 2) motivasi. Kesan yang dimaksud mengarah kepada keadaan emosi seseorang. Konsep ini akan berpengaruh kepada munculnya emosi positif, seperti kebahagiaan, kepuasan, dan seterusnya. Sebaliknya konsep sifat diri negatif akan berpengaruh pada munculnya emosi negative seperti kesedihan, tekanan, dan depresi.

Kepala Daerah Kampar dalam memimpin menuju kejayaan juga diperlukan adanya pengembangan potensi motivasi iaitu keinginan yang kuat untuk mencapai kesejahteraan rakyat Kampar. Menurut hasil kajian Harter (1991) bahawa sifat motivasi seseorang juga mengarah pada pengertian kualiti motif seseorang untuk mengembangkan potensinya dalam meraih keinginan-keinginannya (prestasi). Maka konsep sifat peribadi yang positif akan menjadi sumber motif perjuangan yang kuat, seperti untuk mencapai matlamat organisasi. Sebaliknya konsep sifat peribadi yang negatif kerap kali menjadi sumber munculnya motif yang lemah, seperti tidak bersemangat dalam mencapai matlamat organisasi.

Selari itu menurut hasil kajian Muhamad Ali bin Embi (2001) bahawa faktor motivasi sangat penting sebagai pendorong untuk melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh, efisien dan efektif. Motivasi seseorang akan dapat diwujudkan sekiranya wujud tiga aspek iaitu (1) timbul keinginan atau naluri dalaman untuk mendapatkan sesuatu kepuasan; (2) terbentuk matlamat yang ingin dicapai oleh individu berkenaan; (3) wujud desakan yang mendorong kepada wujudnya tindakan bagi memenuhi

keinginan, seperti keinginan untuk mensejahterakan rakyat. Manakala hasil kajian Hill dan Carroll (1997) menunjukkan bahawa kepemimpinan mesti dapat mendorong sejumlah orang (dua orang atau lebih) agar bekerja sama dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan yang terarah pada tujuan bersama. Struktur organisasi adalah kerangka atau susunan unit atau satuan kerja atau fungsi-fungsi yang dijabarkan dari tugas atau kegiatan pokok suatu organisasi, dalam usaha mencapai tujuannya. Setiap unit mempunyai kedudukan masing-masing, sehingga ada unit yang berbeza jenjang atau tingkatannya dan ada pula yang sama jenjang atau tingkatannya antara yang satu dengan yang lain.

a. Fungsi dan jenis kepemimpinan Dalam gaya dan jenis kepemimpinan yang tidak sama, bahkan juga bervariasi, dapat dianalisa pula fungsi-fungsi kepemimpinan. Kepemimpinan akan berlangsung efektif bilamana mampu memenuhi fungsinya, meskipun dalam kenyataannya tidak semua jenis kepemimpinan memberikan peluang yang sama untuk mewujudkannya. Dalam hubungan itu sukar untuk dibantah bahawa setiap proses kepemimpinan juga akan menghasilkan situasi sosial yang berlangsung dalam kelompok atau organisasi masing-masing. Untuk itu setiap pemimpin harus mampu menganalisa situasi sosial kelompok atau organisasinya yang dapat dimanfaatkan dalam mewujudkan fungsi kepemimpinan dengan kerjasama dan bantuan orang yang dipimpinnya.

Fungsi kepemimpinan menurut Hill dan Carroll (1997) memiliki dua dimensi sebagai berikut: a). dimensi yang berkenaan dengan tingkat kemampuan mengarahkan (*direction*) dalam tindakan atau aktivitas pemimpin, yang terlihat pada tanggapan

orang-orang yang dipimpinnya ;b). dimensi yang berkenaan dengan tingkat dukungan (*support*) atau keterlibatan orang-orang yang dipimpin dalam melaksanakan tugas-tugas pokok kelompok atau organisasi, yang dijabarkan dan dimanifestasikan melalui keputusan-keputusan dan kebijaksanaan-kebijaksanaan pemimpin.

Berdasarkan kedua dimensi tersebut secara operasional dapat dibezakan lima fungsi pokok kepemimpinan, iaitu: 1). Fungsi instruktif 2). Fungsi konsultatif 3). Fungsi partisipasi 4). Fungsi delegasi 5). Fungsi pengendalian b. Pengertian Gaya Kepemimpinan Harris dan Jeff (1987) membagi gaya kepemimpinan menjadi tiga iaitu: 1). *The Autocratic Leader* 2). *The Participative Leader* 3). *The Free Rein Leader* Motivasi.

Menurut Hasibuan (2000) motivasi adalah pemberian daya penggerak yang menciptakan kegairahan seseorang agar mereka mahu bekerja sama, bekerja efektif dan terintegrasi dengan segala daya upayanya untuk mencapai kepuasan. Jadi motivasi mempersoalkan caranya mengarahkan daya dan potensi bawahannya, agar mahu bekerja sama secara produktif, berhasil mencapai dan mewujudkan tujuan yang telah ditentukan. Pentingnya motivasi kerana motivasi adalah hal yang menyebabkan, menyalurkan dan mendukung perilaku manusia, supaya mahu bekerja giat dan antusias mencapai hasil yang optimum. Prestasi Kerja Menurut Purwadarminta (1990) prestasi adalah hasil yang telah dicapai, sedangkan menurut Saidi (1992) prestasi adalah kemampuan, kesanggupan dan kecakapan seseorang atau suatu

bangsa. Prestasi kerja atau prestasi adalah hasil kerja yang dicapai oleh seorang pegawai dalam melaksanakan tugas yang dibebankan kepadanya. Secara teoritis penilaian atau pengukuran prestasi kerja atau prestasi memberikan informasi yang dapat digunakan pimpinan untuk membuat keputusan tentang promosi jabatan. Penilaian prestasi kerja atau prestasi memberikan kesempatan kepada pimpinan dan orang yang dinilai untuk secara bersama membahas perilaku kerja dari yang dinilai. Pada umumnya setiap orang menginginkan dan mengharapkan umpan balik mengenai prestasi kerjanya. Penilaian memungkinkan bagi penilai dan yang dinilai untuk secara bersama menemukan dan membahas kekurangan yang terjadi dan mengambil langkah perbaikannya.

Menurut Steers (1985) prestasi kerja seseorang merupakan gabungan dari tiga faktor penting yaitu: 1). Kemampuan, perangai, minat; 2). Kejelasan, dan penerimaan atas penjelasan seorang pekerja; 3). Tingkat motivasi. Kemudian hubungan antara kepemimpinan dan prestasi keberhasilan suatu organisasi baik sebagai keseluruhan maupun berbagai-bagai kelompok dalam suatu organisasi tertentu, sangat tergantung pada mutu kepemimpinan yang terdapat dalam organisasi yang bersangkutan. Bahkan kiranya dapat dikatakan bahwa mutu kepemimpinan yang terdapat dalam suatu organisasi memainkan peranan yang sangat dominan dalam keberhasilan organisasi tersebut dalam menyelenggarakan berbagai-bagai kegiatannya terutama terlihat dalam prestasi para pegawainya (Siagian, 1999). Hasil kajian Bantilan (2000) menunjukkan bahwa gaya kepemimpinan, masa kerja dan pendidikan berpengaruh terhadap

prestasi, koefisien korelasi berganda, mengandung erti ada hubungan yang kuat secara bersama-sama terhadap prestasi.

Seterusnya, selain motivasi yang kuat untuk mensejahterakan rakyat perlu pula meningkatkan kepercayaan diri, sebagaimana yang dikatakan oleh Harter bahawa pemimpin yang mempunyai sifat percaya diri yang baik akan memiliki tingkat kepercayaan yang lebih baik. Kepercayaan diri seseorang ini sangat penting dalam meraih prestasi apapun. Menurut teori kompetensi, hubungan kepercayaan diri dengan prestasi (prestasi) itu dijelaskan bahawa 1) orang yang percaya baik akan mempunyai keputusan hidup yang mantap, tidak ragu-ragu, tidak ragu-ragu dan, tidak mundur; 2) orang yang percaya baik akan punya power personal yang kuat, rismatik dan, disegani; 3) orang yang percaya diri baik akan terbebas dari berbagai rasa terancam atau rasa tertekan, baik oleh keadaan atau oleh lingkungan; 4) orang percaya diri baik punya jati diri yang jauh lebih kuat dan jauh lebih lebih jelas; 5) orang yang percaya dirinya baik punya komitmen yang kuat untuk maju atau punya kesedaran tanggung jawab yang lebih tinggi. Ini disokong oleh hasil kajian Spencer (1993) bahawa pemimpin yang baik mempunyai kepercayaan dan keyakinan kuat bertanggungjawab dalam menjalankan tugas. Ini termasuk antaraa lain ekspresi keyakinannya dalam menghadapi tantangan atau masalah, keputusannya dalam merealisasikan ideaa atau gagasan, dan ketangguhannya dalam memenangi kegagalan.

Pemimpin yang telah mengembangkan potensi percaya diri menurut hasil kajian Abraham Maslow (1954) maka ia akan punya sifat-sifat iaitu 1) mereka punya persepsi yang sederhana tentang dunia (orang dan keadaan); 2) dapat menerima sifat dirinya dan orang lain atau memiliki kemampuan mengharmoniskan hubungan kedalam dan keluar; 3) tidak menganut budaya hidup lemah; 4) lebih mementingkan keinginan yang prestasi; 5) punya hak peribadi tetapi tidak merasa kesepian; 6) punya autonomi atas dirinya: boleh memerintah dan melarang dirinya untuk berkembang; 7) punya kemampuan yang baik dalam menghargai kehidupan dan alam; 8) punya pengalaman ketuhanan atau spiritual (mystic experience) yang berkualiti (mencerahkan); 9) boleh menempatkan orang lain menurut tatakrama kesopanan; 10) punya hubungan personal yang unik; 11) punya karakter yang demokratik; 12) boleh membezakan antaraa jalan dan tujuan (means dan ends); 13) suka humor yang tinggi; 14) punya hidup yang baik; 15) punya hidup kreatif; 16) menghormati budaya tetapi tidak kercuan budaya (warisan/tradisi). Menurut A.N Ubaedy dalam kajian dengan tajuk: *Human Learning Specialist* mengatakan bahawa sifat-sifat personal yang baik meliputi: 1) empati iaitu boleh berbagi (seperti pengalaman/makanan) dan peduli pada orang lain; 2) mendukung kemampuan orang lain; 3) berkomunikasi secara efektif; 4) boleh mendengar orang lain; 5) mempunyai komitmen yang tinggi dalam menaati janji atau kesepakatan; 6) boleh menghormati orang lain; 7) boleh melihat sisi positif dan negatif secara objektif.

Sifat sosial pemimpin seperti pemimpin Kepala Daerah yang baik menurut A.N Ubaedy, maka ia akan 1) mereka punya teman yang banyak atau mengenal seseorang yang dapat menyalurkan keunggulan yang dimilikinya; 2) Menjalin hubungan yang baik dengan atasan, orang setingkat, dan orang yang dibawahnya. Untuk mengukur sejauhmana sifat-sifat peribadi tersebut dapat diukur dengan : 1) rendah hati, dapat berteman dengan seorang lain, dapat menyenangkan orang lain dan dapat bercakap-cakap dengan orang lain; 2) menengah iaitu sanggup membangun hubungan secara konstruktif berdasarkan bidang, punya hubungan yang bertahan lama, dan boleh menempatkan orang ditempat yang layak; 3) atas iaitu dapat memberikan toleransi, membangun diplomatik, mencairkan ketegangan, menebarkan kedamaian, dan memperlakukan orang secara sabar dan penuh hormat; 4) tinggi/ahli iaitu sanggup membangun hubungan dengan baik, mengatasi masalah dengan positif, dan menolong masalah orang lain (*trouble maker*) secara efektif dan efisien.

Oleh kerana itu pemimpin Kepala Daerah Kampar perlu memiliki kualiti sosial yang baik sebagaimana dianjurkan dalam hasil kajian yang dilakukan oleh Bethel (1994) bahawa seseorang pemimpin harus mempunyai sifat-sifat diri yang berwawasan, cerdas, berhemah tinggi, berupaya membawa perubahan yang baik, membantu perubahan ke arah yang positif, sedia menghadapi tentangan, berani membuat keputusan, bijak menggunakan kuasa, berkomunikasi dengan berkesan, seorang pembina pasukan, berani bertindak dan beriltizam dalam kerjayanya. Dan begitu juga yang dikatakan oleh Covey (1995) bahawa seorang pemimpin harus sering belajar,

senantiasa memberi khidmat, berfikiran positif, percaya kepada orang lain, memiliki kehidupan yang seimbang, melihat kehidupan sebagai satu pengembaraan dan bersikap bersemangat.

Selari itu menurut hasil kajian Barnard (1938) menyatakan bahawa ciri sifat yang signifikan pada seseorang pemimpin dinilai daripada bentuk fizikal (tubuh badan), kemahiran teknikal, persepsi, ingatan, imaginasi, kecekalan dan keberaniannya. Wald dan Doty (1954) menyatakan bahawa pemimpin yang berjaya mempunyai pendidikan yang tinggi, aktif dalam berolah raga menjaga kesihatan dan berjiwa sosial serta memiliki nilai moral dan etika yang tinggi. Barnard menambahkan bahawa sifat-sifat yang dimaksud meliputi sifat-sifat peribadi iaitu fizikal, kecekapan (*kemahiran*), teknologi (*technology*), daya tanggap (*perception*), daya ingat (*memory*), imaginasi (*imagination*); sifat-sifat peribadi yang mempunyai watak yang lebih subjektif, iaitu keunggulan seorang pemimpin di dalam: keazaman (*determination*), ketekunan (*persistence*), daya tahan (*endurance*), keberanian (*courage*).

6.1.2 Kualiti Sifat Peribadi Keagaamaan

6.1.2.1 Kualiti sifat peribadi sidiq Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Hasil kajian ini mendapati bahawa persepsi rakyat kampar rendah terhadap kualiti sifat peribadi sidiq Kepala Daerah Kampar. Kepala Daerah kurang memiliki tekad yang kuat, tidak punya kesamaan antara ucapan dan tindakan, kurang melakukan

sesuatu dengan sungguh-sungguh, kurang mahu bekerja keras. Dengan kualiti sifat peribadi sidiq rendah tersebut Kepala Daerah tidak mampu menjalankan peranan pimpinannya dalam mewujudkan kesejahteraan rakyat di Kabupaten Kampar. Kualiti sifat peribadi sangat penting dan dapat melicinkan usaha Kepala Daerah untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat. Oleh itu sifat peribadi sidiq yang memuaskan rakyat sangat penting diimplementasi dalam memimpin rakyat, kerana merupakan salah satu sifat akhlak dan etika yang mulia pernah dipraktik oleh Nabi dimasa kepemimpinannya. Menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Trevino (2000), kepemimpinan etika adalah kelakuan memimpin yang bersandarkan nilai-nilai etika dan menghasilkan kebaikan untuk semua pihak berkepentingan (*stakeholders*). Trevino (2000) mencadangkan kepemimpinan etika terdiri daripada dua faktor utama iaitu pemimpin sebagai manusia bermoral (*moralperson*) dan pemimpin sebagai pengurus moral (*moral manager*).

Berdasarkan kajian Trevino (2000), didapati karakter sebagai manusia bermoral dan pengurus moral telah wujud pada diri Rasulullah SAW. Justeru, watak Rasulullah boleh dijadikan model terbaik dalam melaksanakan konsep kepemimpinan etika. Elemen manusia bermoral seperti ciri yang ada pada diri Rasulullah dapat memberi implikasi positif dalam merealisasi kepemimpinan etika. Sifat jujur dan amanah dalam diri seorang pemimpin akan menjadikan sesuatu autoriti dan sumber yang diamanahkan selamat daripada disalah guna atau diselewengkan. Sifat lemah lembut, pemaaf dan tidak pemaarah menjadikan pemimpin senang dideakati, dihormati,

berorientasikan mencari penyelesaian dan bukan mencari salah dalam menangani sesuatu isu berbangkit serta tidak berdendam dengan rakyat. Amalan seperti syura akan meningkatkan komitmen dan rasa penghargaan diri dalam diri pekerja. Justeru, seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan beretika perlu terlebih dahulu menjadikan diri mereka sebagai orang berakhlak dengan mencontohi akhlak Rasulullah yang sempurna. Elemen pengurus moral yang terdapat pada diri Rasulullah dapat dirumuskan sebagai peranan menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar maaruf nahi mungkar). Seorang pemimpin etika perlu berusaha berterusan menggalakkan membina budaya etika di kalangan ahli organisasi melalui program berasaskan pendidikan rohani. Ini kerana melalui iman yang teguh, seseorang akan dapat merasai perkaitan hubungan dengan Pencipta dan mengubah persepsi melakukan sesuatu semata-mata kerana tuntutan pekerjaan. Sebaliknya, pekerja mampu mengaitkan setiap perbuatan dengan hubungan ketuhanan. Sehubungan itu, mekanisme kawalanken diri yang berteraskan sumber dalaman setiap individu dapat direalisasikan. Oleh yang demikian, seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan etika perlu menggalakkan amalan nilai-nilai iaitu (1) Amanah/jujur; (2) Lemah lembut; (3) Merendah diri; (4) Terbuka & syura; (5) Adil (6) Pemaaf
Pengurus Moral - Amar maaruf nahi mungkar (7) Didik melalui teladan (8) Menyampaikan nasihat dan bimbingan (9) Berhikmah dalam mendidik dan mengendalikan pengikut. Hasil kajian Trevino (2000) juga menunjukkan bahawa nilai murni dan menyediakan persekitaran yang merangsang pilihan kelakuan yang beretika dalam kalangan ahli, seperti merangka sistem penilaian prestasi dan imbuhan

yang menggalakkan kelakuan etika ahli, program pendidikan jiwa yang berterusan dan kepimpinan berteladan. Berbeza dengan model Trevino et al. (2000), binaan kepemimpinan etika berteraskan watak Rasulullah SAW telah mewujudkan elemen berkaitan *hablun min Allah* (hubungan dengan Allah). Model Trevino et al. (2000) hanya terhad kepada *hablun min al-nas* (hubungan dengan manusia) yang menuntut seorang pemimpin etika untuk menjadi manusia bermoral dan pengurus moral. Elemen ubudiyah, yang dilambangkan oleh sifat zuhud, tawaduk dan takwa kepada Allah, menjadi faktor utama yang mendorong pemimpin berperanan sebagai manusia bermoral dan pengurus moral secara konsisten. Ini kerana, bagi memotivasikan kemahuan bertindak sebagai manusia bermoral dan pengurus moral, satu penaakulan moral (*moral reasoning*) tertentu diperlukan. Penaakulan moral bermaksud memberi alasan (justifikasi) bagi memandu pilihan tindakan moral individu (Trevino 2000).

Dari segi etika, pemerintahan adalah perbuatan atau kegiatan yang erat kaitannya dengan manusia dan kemanusiaan. Justeru, perbuatan pemerintahan tidak terlepas dari kewajiban etika dan moral serta budaya baik antara pemerintah dengan rakyat, antara lembaga/pejabat pemerintahan dengan pihak ketiga. Perbuatan semacam ini biasanya disebut prinsip kepatutan dalam pemerintahan dengan pendekatan moral sebagai dasar berfikir dan bertindak. Prinsip kepatutan ini menjadi landasan etis bagi pejabat dan lembaga pemerintahan dalam melaksanakan tugas pemerintahan.

Etika pemerintahan tersebut selalu berkaitan dengan nilai-nilai keutamaan yang berhubungan dengan hak-hak dasar warga negara dalam selaku manusia sosial. Nilai-nilai keutamaan yang dikembangkan dalam etika pemerintahan adalah:

- 1) Penghormatan terhadap hidup manusia dan hak asasi manusia lainnya.
- 2) Kejujuran (*honesty*) baik terhadap diri sendiri mahupun terhadap manusia lainnya.
- 3) Keadilan (*justice*) dan kepantasan, merupakan sikap yang terutama harus diperlakukan terhadap orang lain.
- 4) *Fortitude*, iaitu kekuatan moral, ketabahan serta berani kerana benar terhadap godaan dan nasib.
- 5) *Temperance*, iaitu kesederhanaan dan pengendalian diri
- 6) Nilai-nilai agama dan sosial budaya termasuk nilai agama agar umat manusia harus bertindak secara profesional dan bekerja keras.

Oleh kerana pemerintahan itu sendiri menyangkut pencapaian tujuan negara (dimensipolitis), maka dalam perkembangannya etika pemerintahan tersebut berkaitan dengan etika politik. Etika politik subjeknya adalah negara, sedangkan etika pemerintahan subjeknya adalah pejabat dan para pegawai. Etika politik berhubungan dengan dimensi politik kehidupan manusia, iaitu berhubungan dengan pelaksanaan sistem politik seperti sistem politik, legitimasi dan kehidupan berpolitik. Bentuk nilai keutamaannya seperti demokrasi, martabat manusia, kesejahteraan warga negara, dan

kebebasan berpendapat. Etika politik juga mengharuskan sistem politik menjunjung nilai-nilai keutamaan yang harus dapat dipertanggungjawabkan secara etika mahupun normatif. Misalnya legitimasi politik harus dapat dipertanggungjawabkan demikian juga sistem kehidupan politik dalam suatu negara. Etika pemerintahan berhubungan dengan keutamaan-keutamaan yang harus dilaksanakan oleh para pejabat dan pegawai pemerintahan. Kerana itu dalam etika pemerintahan membahas perilaku penyelenggara pemerintahan, terutama penggunaan kekuasaan, kuasa termasuk legitimasi kekuasaan dalam kaitannya dengan tingkah laku yang baik atau buruk. Wujud etika pemerintahan tersebut adalah aturan-aturan penting yang dinyatakan dalam undang-undang dasar baik yang dikatakan oleh dasar negara mahupun dasar-dasar perjuangan negara, serta etika pegawai pemerintahan. Wujudnya di Indonesia adalah Pembukaan Undang-Undang Dasar 1945 sekaligus Pancasila sebagai dasar negara, serta doktrin dan etika Pegawai Negeri Sipil. Doktrin Pegawai Negeri Sipil dinamakan “Bhinneka Karya Abdi Negara” iaitu walaupun anggota-anggota KORPRI melaksanakan tugas di berbagai bidang dan jenis karya yang beraneka ragam, tetapi adalah dalam rangka pelaksanaan pengabdian kepada bangsa, negara dan masyarakat Indonesia. Etika Pegawai Negeri Sipil disebut dengan “Panca Prasetya KORPRI”, iaitu anggota KORPRI beriman kepada Tuhan Yang Maha Esa adalah insan yang:


- 1) Setia dan taat kepada negara kesatuan dan pemerintah Reawam Indonesia yang berlandaskan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945.
- 2) Menjunjung tinggi kehormatan bangsa dan negara serta memegang teguh rahasia jabatan dan rahasia negara.

- 3) Mengutamakan kepentingan negara dan masyarakat di atas kepentingan pribadi dan golongan.
- 4) Bertekad memelihara persatuan dan kesatuan bangsa serta kesetiakawanan KORPRI
- 5) Berjuang menegakkan kejujuran dan keadilan, serta meningkatkan kesejahteraan dan profesionalisme (Dharma Setyawan Salam, 2004: 64-65)

Dalam hasil kajian Widjaja (Dharma Setyawan Salam, 2004) bahawa etika berupa ajaran untuk mencapai tujuan dalam mewujudkan pemerintahan yang stabil dan berwibawa menghendaki keadaan yang baik dari pelaksana-pelaksananya. Dalam rangka menegakkan suatu pemerintahan yang baik, bersih dan berwibawa, maka etika pemerintahan juga harus memperhatikan perkembangan demokrasi dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara sebagai hubungan yang sinergi antaraa negara, swasta dan masyarakat.

Sejarah pemerintahan di Indonesia membuktikan bahawa etika pegawai negeri yang tercantum dalam Panca Prasetya KORPRI mahupun yang diatur secara tersirat dalam peraturan perundang-undangan yang ada belum mampu menjadi pedoman perilaku bagi pejabat dan Pegawai Negeri Sipil di Indonesia. Misalnya, praktik-praktik penyalahgunaan kuasa serta korupsi, kolusi dan nepotisme tetap marak dalam setiap babakan sejarah pemerintahan di Indonesia.

Justeru etika pemerintahan harus diimplementasikan secara tegas dalam bentuk peraturan undang-undang (baik undang-undang mahupun peraturan daerah). Pembuatan undang-undang etika pemerintahan ini didasarkan pada hakikat pemerintahan berdasarkan pandangan etika pemerintahan adalah penerapan suatu kewenangan yang berdaulat secara berkelanjutan berupa penataan, pengaturan, penertiban, pengamanan dan perlindungan terhadap sekelompok manusia untuk mencapai tujuan tertentu baik secara arbiter mahupun berdasar pada peraturan perundang-undangan. Selain itu, pembuatan undang-undang etika pemerintahan ini merupakan salah satu upaya untuk mencapai tujuan etika kepemerintahan, iaitu:

- 
- 1) Menciptakan pemerintahan yang adil, bersih dan berwibawa.
 - 2) Menempatkan segala perkara pada tempatnya sesuai dengan kodrat, harkat, martabat manusia serta sesuai dengan fungsi, peran dan misi pemerintahan.
 - 3) Terciptanya masyarakat demokratis.
 - 4) Terciptanya ketertiban, kedamaian, kesejahteraan dan kepedulian.

Dapat dipasti bahawa pemerintahan pada dasarnya merupakan upaya menjalankan kekuasaan untuk mencapai tujuan tertentu. Namun demikian, dalam menjalankan pemerintahan itu, penguasa (termasuk aparatur pemerintahan daerah) harus bersikap adil, jujur, menjunjung tinggi hukum dan memanusiakan manusia. Kerana itu dalam etika pemerintahan, memerintah bererti menerapkan kekuasaan secara adil (baik secara

hukum alam mahupun hukum positif) dan memanusiakan manusia sesuai dengan harkat dan martabatnya. Implikasinya dalam menerapkan kekuasaan tidak berdasarkan kekuasaan fizikal tetapi berdasar asas kesamaan/kesetaraan, kebebasan, kepedulian/solidaritas, dan menjunjung tinggi hukum. Dengan penerapan asas ini maka diharapkan penyalahgunaan kuasa dapat dihindari. Sebaliknya, penyelenggaraan pemerintahan (pemerintahan daerah) juga memerlukan kekuasaan dalam bentuk kuasa dan autoriti. Dengan kekuasaan ini, pemerintah (pemerintah daerah) memiliki hak untuk menuntut ketaatan dan memberi perintah kepada orang-orang yang diatur atau diperintahnya. Namun demikian, kekuasaan, kuasa, autoriti serta hak-hak yang melekat itu harus memiliki legitimasi (keabsahan) berdasarkan norma tertentu. Di samping itu, sudah menjadi kewajiban moral bagi aparatur pemerintahan untuk mempertanggungjawabkan segala sikap dan perilakunya.

Menurut hasil kajian Dharma Setyawan Salam (2004) bahawa syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh aparatur pemerintahan daerah dalam setiap perbuatan hukumnya agar dapat diterima oleh masyarakat iaitu 1) Efektifiti. Kegiatan harus mengenai sasaran atau tujuan yang telah ditetapkan atau direncanakan; 2) Legitimasi. Kegiatan pemerintah daerah harus dapat diterima masyarakat dan lingkungannya; 3) Perbuatan para aparatur pemerintahan tidak boleh melanggar hokum; 4) Legaliti. Semua perbuatan yang dilakukan oleh pemerintah harus berdasarkan hukum yang jelas; 5) Efisiensi. Kehematan biaya dan produktivitas wajib diusahakan setinggi-tingginya; 6)

Teknik dan teknologi yang setinggi-tingginya wajib dipakai untuk mengembangkan atau mempertahankan mutu prestasi yang sebaik-baiknya; 7) Moraliti. Moral dan etika umum mahupun kedinasan wajib dijunjung tinggi.

Menurut hasil kajian Kohlberg, kualiti moral berkembang seiring dengan tahap pembangunan moral yang dialami individu (Velasquez2002). Individu yang mencapai tahap pembangunan moral yang tinggi akan memilih perlakuan etika secara konsisten. Ini disebabkan pilihan perlakuan tersebut disandarkan kepada ‘alasan’ yang matang dan tinggi kualitinya. Terdapat tiga tahap asas dalam pembangunan moral manusia iaitu (Velasquez 2002):1. Tahap pertama: Prakonvensional. Pada tahap prakonvensional, motif moral individu berada pada tahap yang paling rendah. Pilihan untuk mengamalkan etika adalah semata-mata kerana takutkan hukuman daripada pihak atasan yang lebih berkuasa, contohnya, takutkan ketua dan hukuman. Ia juga meliputi alasan instrumentalis, di mana dengan membuat sesuatu perlakuan etika maka individu dapat mencapai sesuatu yang disukainya. Contoh dengan mematuhi peraturan maka individu berpeluang untuk dinaikkan pangkat. Dalam keadaan tersebut, tindakan etika telah dilakukan semata-mata untuk membolehkan individu dinaikkan pangkat.2. Tahap dua: Konvensional Pada peringkat ini, individu mencapai tahap alasan yang lebih matang. Kelakuan etika dilakukan sebagai menunjukkan kesetiaan dan kepatuhan *Model Kepemimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad S.A.W* kepada norma-norma yang dikehendaki oleh kumpulan.

Contohnya, melakukan sesuatu tindakan etika kerana ia adalah norma yang diterima dalam organisasi.³ Tahap tiga: Pascakonvensional Pada peringkat ini individu mencapai tahap alasan yang paling tinggi nilai kematangan moralnya. Pilihan perlakuan etika dilakukan semata-mata kerana ia adalah prinsip sejagat yang betul untuk dilakukan tanpa bersandar kepada sebarang alasan lain. Elemen ubudiyah adalah alasan yang melangkaui sempadan tahap pasca konvensional. Ini kerana ubudiyah melibatkan perasaan sedar tentang kedudukan diri yang sangat rendah berbanding satu kuasa yang lebih tinggi (Pencipta). Ia tidak hanya berdasarkan alasan sejagat sebaliknya ia adalah alasan berkaitan hubungan manusia dan Tuhannya. Oleh yang demikian, ubudiyah ialah satu alasan yang memiliki kualiti tinggi dan mendorong individu untuk beretika secara konsisten. Ubudiyah menyediakan jawapan sempurna bagi persoalan seperti 'mengapa individu perlu beretika, apa yang individu dapat dengan bertindak etika dan mengapa perlu mendorong orang lain menjadi etika'. Motif tindakan moral individu akan dikaitkan secara langsung kepada tujuan mengekalkan hubungan baik dengan Tuhan. Sehubungan itu, kepemimpinan etika *syumul* yang merangkumi *hablun min Allah* dan *hablun min al-nas* dapat diwujudkan dan dikonsep semula sebagai kepemimpinan amar-makrufnahi-mungkar berasaskan prinsip kehambaan kepada Tuhan. Kepemimpinan amar-makruf nahi-mungkar adalah kepemimpinan: berasaskan rasa ubudiyah yang tinggi 1. terhadap Pencipta; 2. Mendidik manusia menjadi manusia (sama ada pihak yang memimpin atau dipimpin) yang baik. Pihak pemimpin perlu mengekalkan diri sebagai manusia berakhlak dan menjadi contoh pertama kepada setiap amalan mulia dalam

organisasinya. Pemimpin juga perlu mendidik pengikut (ahlinya) secara berterusan untuk menjadi manusia yang baik;3. Menghindari kemungkaran (kejahatan). Pemimpin perlu sentiasa menjauhi diri daripada perkara kejahatan (mungkar) dan mewujudkan persekitaran (keadaan) organisasi yang dapat menghindar pengikut (ahlinya) daripada melakukan kejahatan; dan4. Menghasilkan natijah (output) yang baik untuk semua pihak dan meliputi faedah di dunia dan akhirat. Ertinya Kepala Daerah Kabupaten harus memiliki dan merealisasikan sifat peribadi sidiq yang tinggi yang mampu mencontohkan kepada rakyat Kampar untuk mewujudkan kesejahteraan yang ingin dicapai.

Perkataan dan perbuatan benar oleh Kepala Daerah adalah kualiti yang harus ditingkat dan dilaksanakan dalam membangun kesejahteraan rakyat Kampar. Menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Rizqi Aswaransyah Pratama (2009) bahawa seorang pemimpin harus mempunyai sifat-sifat iaitu 1) *Sidiq* iaitu mempunyai sifat perkataan dan perbuatan yang benar; 2) amanah iaitu seorang dapat dipercaya; 3) Fathonah iaitu seorang pemimpin yang mempunyai kecerdasan, pandai dan pintar; 4) Tabligh iaitu seorang yang mempunyai sifat menyampaikan sesuatu yang benar. Dengan mengamalkan sifat tersebut dimungkinkan Kepala Daerah menjalankan kepemimpinannya dengan baik.

Membangun kualiti sifat peribadi yang baik dalam memimpin seperti Kepala Daerah Kampar memang tidak mudah, namun membangun sifat yang baik merupakan suatu model yang harus dikembangkan untuk mencapai kejayaan dalam kepemimpinan di Kampar, sebagaimana juga yang telah diterapkan dimasa pemerintahan Umar bin Abdul Aziz yang telah membawa rakyat ketarap kejayaan yang sangat cemerlang, sebagaimana yang telah dipapar dalam hasil kajian Muknizar Sabri (2014) bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz, adalah seorang Khalifah Bani Umaiyah yang memiliki sifat-sifat peribadi iaitu (1) *Sidiq* (benar). Seorang pemimpin ia memiliki nilai kebenaran. Benar dari niat, sikap, perkataan dan perbuatan, Niatnya ditujukan untuk kepentingan bangsa dan negara, bukan untuk kepentingan diri sendiri, keluarga atau kelompok; (2) *Fatanah* (cerdas). Seorang pemimpin ia cerdas, memiliki ideaa, gagasan untuk memajukan masyarakat yang dipimpinnya. Ideaa dan gagasannya didukung oleh kompetensi, kerana ideaa dan gagasan secemerlang apapun takkan bermakna apa-apa bila hanya ada di atas kertas, tanpa kemampuan untuk mewujudkan menjadi karya nyata yang dapat dirasakan manfaatnya oleh masyarakat; (3) *Amanah* (terpercaya). Menjadi seorang pemimpin ia dapat dipercaya, tidak ingkar janji dan khianat. Jabatan itu adalah amanah yang mesti ditunaikan. Rakyat sudah menyerahkan hak politiknya, memberikan kuasa kepada pemimpin untuk melakukan yang terbaik untuk mereka. Adalah kewajiban pemimpin untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat dalam bentuk pengambilan dasar dan tindakan yang menguntungkan mereka. Tidak sebaliknya. Memangkas anggaran untuk program pembangunan, yang menyentuh langsung kepentingan rakyat kemudian mengalihkan

untuk meningkatkan tunjangan dengan berbagai istilah adalah pelanggaran serius dari amanah yang diberikan rakyat; (4) *Tabligh* (menyampaikan/transparan). Seorang pemimpin ia mempunyai sifat suka menyampaikan apa yang mestinya disampaikan kepada khalayak. Sifat *tabligh* ini dapat diberi makna pemimpin yang transparan. Ia akan menyampaikan apa yang menjadi hak masyarakat untuk mengetahuinya. Namun tetap merahasiakan apa yang seharusnya dirahasiakan, tentu saja pertimbangannya adalah kepentingan awam, bukan kepentingan peribadi. Sikap suka sembunyi-sembunyi atau menutup-nutupi sesuatu, mengindikasikan adanya niat buruk di balik sikap itu sendiri.

Menurut Muknizar Sabri (2014) keempat-empat sifat tersebut tidak boleh berdiri sendiri-sendiri, tapi merupakan satu kesatuan yang tak terpisahkan. Sifat *Fatanah* (*cardas*) misalnya, harus didukung sifat, *sidiq*, amanah dan *tabligh*. Banyak pemimpin yang cerdas, menyandang sederet gelar akademik ,dari depan hingga belakang namanya justru tidak membawa manfaat bagi masyarakat, sebaliknya ia membawa mudarat. Kepiawan pemimpin melakukan tindak jenayah korupsi adalah contoh penyalahgunaan kecerdasan yang mereka miliki (Muknizar Sabri 2014)

Menurut kajian hasil kajian (Goleman, November-Disember 1998) bahawa salah satu kualiti penting untuk menjadi pemimpin ialah kecerdasan emosional. Goleman

menyatakan bahawa kecerdasan emosional memainkan peranan yang makin penting pada tingkat kepemimpinan yang paling tinggi.

Memang tidak dapat dinapikan lagi seorang pemimpin yang diberikan amanah oleh rakyat Kampar harus memiliki sifat *sidiq* yang tinggi untuk membawa rakyat kegerbang kesejahteraan. Hasil kajian yang dilakukan oleh A.N Ubaedy (2009) menjelaskan bahawa seseorang akan menjadi jaya dalam kepimpinan apabila memiliki sifat-sifat peribadi: *Sidiq* iaitu mempunyai tekad yang kuat, punya kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh, bekerja keras, maka akan dapat membawa rakyat dipimpin kepada kesejahteraan.

6.1.2.2 Kualiti sifat peribadi amanah Kapala Daerah Kabupaten Kampar

Hasil kajian ini mendapati bahawa persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi amanah Kepala Daerah ialah rendah. Dalam hal ini Kepala Daerah Kampar kurang layak untuk dipercayai, kurang mempunyai peribadi yang terpuji, kurang memiliki keahlian yang meyakinkan. Kurangnya sifat peribadi amanah tersebut akan dapat menghambat terwujudnya kesejahteraan rakyat. Itu sebabnya menurut hasil kajian Trevino (2000), memberikan cadangan seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan yang amanah perlu menggalakkan amalan nilai-nilai iaitu (1) Amanah/jujur; (2) Lemah lembut; (3) Merendah diri; (4) Terbuka & syura; (5) Adil (6) Pemaaf Pengurus Moral - Amar maaruf nahi mungkar (7) Didik melalui

teladan (8) Menyampaikan nasihat dan bimbingan (9) Berhikmah dalam mendidik dan mengendalikan pengikut. Kerana menurut hasil kajian Bedjo Santoso (2007) bahawa kepimpinan bersifat amanah; berfungsi membangkitkan dan mencurahkan iman dan hati nurani pengikut melalui kerja keras, cerdas, dan ikhlas; etosnya adalah mendedikasikan kepada Tuhan dan sesama manusia untuk ibadah tanpa mengharapkan imbalan/jasa; pendekatannya adalah agama dan hati nurani; memberikan contoh yang mampu mengilhami dan membangkitkan serta menghidupkan semua elemen bangsa; cara memengaruhi yang dipimpin bukan dengan pendekatan benda/uwang, melainkan menyatukan jiwa, iman, dan kasih sayang dan; tujuannya adalah menghidupkan kasih, menebar kebajikan, dan penyalur Rahmat Tuhan di muka bumi. Bedjo Santoso menambah bahawa sifat amanah yang berkualiti kepemimpinannya berpijak kepada pandangan tentang kesempurnaan manusia sebagai sumber daya insani, berdasarkan etika agama yang mampu membentuk karakter berbuat sesuatu yang luar biasa. Jadi sifat kepemimpinan menurut perspektif Islam seorang pimpinan tidak mencari mencari pangkat, jabatan, dan kekayaan peribadi, melainkan bentuk yang lebih banyak berorientasi kepada cinta Tuhan, menyayangi sesama, dan selamat menyelamatkan untuk kesejahteraan bersama. Pemimpin yang berkualiti amanah memiliki kecerdasan yang holistik, antara lain emosi, intelektual, dan spiritual. Tujuan kepemimpinan adalah etika agama, yakni kejujuran sejati, pengenalan diri sendiri, fokus kepada amal saleh, agama yang tidak dogmatis, bekerja lebih efisien, membangkitkan yang terbaik dalam diri sendiri mahupun orang lain, terbuka dalam menerima perubahan, fokus kepada

persoalan, mengerjakan yang benar, disiplin tetapi fleksibel, ramah, cerdas, dan rendah hati. Menurut teori ini juga bahawa untuk menghidupkan budaya bangsa, perlu melakukan konsolidasi pasti dengan niat yang suci; mengembangkan persaudaraan dan kolaborasi serta semangat; membangun integriti dan; membangkitkan rasa syukur dan kesabaran.

6.1.2.3 Kualiti Sifat Peribadi Fatanah Kepala Daerah Kampar

Hasil kajian ini mendapati bahawa persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi fatanah Kepala Daerah Kampar lemah. Dalam hal ini Kepala Daerah kurang mengasah kecerdasan, kurang menjadi lurus, kurang menerapkan kecerdasan dalam memimpin, kurang membaca keadaan dalam menjalankan peranan pimpinan untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat. Kepala Daerah Kampar mesti menerapkan kualiti sifat peribadi fatanah yang kuat dan baik. Menurut hasil kajian sebelum oleh Goleman, (November-December, 1998) menyatakan bahawa salah satu kualiti penting untuk menjadi pemimpin menurut Daniel Goleman adalah kecerdasan emosional.

Goleman menyatakan bahawa kecerdasan emosional memainkan peranan yang makin penting pada tingkat kepemimpinan yang paling tinggi. Hal ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Muknizar Sabri (2014), Treveno (2000), dan (A.N Ubaedy 2009) bahawa seorang ketua daerah mesti memiliki sifat peribadi yang

fatanah yang baik kerana mengasah kecerdasan seperti belajar, pelatihan, dan membaca situasi keadaan masyarakat akan dapat membawa kejayaan dalam kepemimpinannya membawa rakyat yang sejahtera.

6.1.2.4 Sifat Peribadi Tabligh Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Hasil kajian ini mendapati bahawa persepsi rakyat Kampar terhadap kualiti sifat peribadi tabligh Kepala Daerah Kampar condong rendah. Dalam hal ini Kepala Daerah Kampar kurang mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik, kurang boleh membangun jaringan dengan kukuh, kurang berkemampuan menyampaikan gagasan yang boleh dimengerti orang lain. Dalam hal ini Kepala Daerah tersebut tidak memenuhi syarat sebagai seorang pemimpin sebagaimana hasil kajian yang dilakukan oleh Muknizar Sabri (2014), Treveno (2000), dan (A.N Ubaedy 2009) bahawa seorang pemimpin hendaknya punya kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangun jaringan dengan kukuh, punya kemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami oleh orang lain.

Sebagaimana perbincangan di atas bahawa sifat sidiq, amanah, fatanah, dan tabligh sangat penting dalam kepemimpinan. Dalam perspektif istilah kepemimpinan dikenal dengan kata imamah, sedangkan kata yang berkaitan dengan kepemimpinan dan berkonotasi pemimpin dalam Islam ada tujuh jenis, iaitu Khalifah, Malik, Wali, 'Amir dan Ra'in, Sultan, Rais, dan Ulil 'amri, (Abdurrahman, 2002) .

Menurut Quraish Shihab (2000: 47), imam dan khalifah dua istilah yang digunakan Al-Quran untuk menunjuk pemimpin. Kata imam diambil dari kata *amma-ya'ummu*, yang bererti menuju, menumpu, dan meneladani. Kata khalifah berakar dari kata khalafa yang pada mulanya bererti "di belakang". Kata khalifah sering diertikan "pengganti" kerana yang menggantikan selalu berada di belakang, atau datang sesudah yang digantikannya. Selanjutnya ia menyatakan bahawa Al-Quran menggunakan kedua istilah ini untuk menggambarkan ciri seorang pemimpin, ketika di depan menjadi contoh dan ketika di belakang mendorong, sekaligus mengikuti kehendak dan arah yang dituju oleh yang dipimpinnnya.

4.1. Dasar-dasar kepemimpinan Islam harus dijadikan landasan dalam berorganisasi, di antaranya ialah;

4.1.1. Tidak mengambil orang kafir atau orang yang tidak beriman sebagai pemimpin bagi orang muslim kerana bagaimanapun akan mempengaruhi terhadap kualiti keberagamaan rakyat yang dipimpinnnya, sebagaimana firman Allah dalam Al-Quran; (Surah An-Nisaa: 144); "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mangambil orang-orang kafir menjadi wali (pemimpin) dengan meninggalkan orang-orang mu'min, apakah kamu ingin menjadikan hal itu sebagai alasan bagi Allah untuk menimpakan siksaan yang nyata".

4.1.2. Tidak mengangkat pemimpin dari orang-orang yang mempermainkan Agama Islam, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Maidah: 57; "Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan orang-orang yang memperolok-olokan dan mempermainkan agama kamu dari kaum yang diberi Kitab sebelum kamu dan orang-orang kafir sebagai pemimpin, dan berbaktilah kepada Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman."

4.1.3. Pemimpin harus

mempunyai keahlian di bidangnya, pemberian tugas atau kuasa kepada yang tidak berkopentent akan mengakibatkan rusaknya pekerjaan bahkan organisasi yang menaunginya. Sebagaimana Sabda Rasulullah SAW. "Apabila suatu urusan diserahkan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah masa kehancurannya". (H. R. Bukhori dan Muslim). 4.1.4. Pemimpin harus boleh diterima (*acceptable*), mencintai dan dicintai umatnya, mendoakan dan didoakan oleh umatnya. Sebagaimana Sabda Rasulullah SAW. ; "Sebaik-baiknya pemimpin adalah mereka yang kamu cintai dan mencintai kamu, kamu berdoa untuk mereka dan mereka berdoa untuk kamu. Seburuk-buruk pemimpin adalah mereka yang kamu benci dan mereka membenci kamu, kamu melaknati mereka dan mereka melaknati kamu." (H.R. Muslim). 4.1.5. Pemimpin harus mengutamakan, membela dan mendahulukan kepentingan umat, menegakkan keadilan, melaksanakan syari'at, berjuang menghilangkan segala bentuk kemunkaran, kekufuran, kekacauan, dan fitnah, sebagaimana Firman Allah SWT. Dalam Al-Quran, Surah Al-Maidah: 8: "Hai orang-orang yang beriman hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan". Dari hasil penelaahan para pakar yang dirangkum dari Al-Quran dan Hadits, dikeketemukan ada empat sifat yang harus dipenuhi oleh para Nabi, yang pada hakekatnya adalah pemimpin ummatnya, iaitu; (1) Al-Sidiq, yakni kebenaran dan kesungguhan dalam

bersikap, berucap serta berjuang melaksanakan tugasnya. (2) Al-Amanah, atau kepercayaan yang menjadikan dia memelihara sebaik-baiknya apa yang diserahkan kepadanya, baik dari Allah mahupun dari orang-orang yang dipimpinnya, sehingga tercipta rasa aman bagi semua pihak. (3) Al-Fatanah, iaitu kecerdasan yang melahirkan kemampuan menghadapi dan menanggulangi persoalan yang muncul seketika sekalipun. (4) At-Tabligh, iaitu penyampaian yang jujur dan bertanggung jawab, atau dapat diistilahkan dengan keterbukaan. (Quraish Shihab, 2000: 47-48)

Kualiti sifat peribadi pemimpin seperti Kepala Daerah dengan mengamalkan sifat sidiq, amanah, fatanah, dan tabligh akan mampu membangkitkan semangat dirinya, bahkan kaki tangan/pegawai untuk mencapai tujuan yang diinginkan kerana menurut pendapat Goestch dan Davis bahawa "kepemimpinan merupakan kemampuan untuk membangkitkan semangat orang lain agar bersedia dan memiliki tanggung jawab total terhadap usaha mencapai atau melampaui tujuan organisasi, bererti keberhasilan suatu organisasi itu sangat erat hubungannya dengan kemampuan dan perilaku pimpinan. Dalam path-goal theory dikenal faktor situasional, pada suatu situasi perilaku pimpinan boleh diterima oleh para staff bila menjadi sumber yang akan segera memberikan kepuasan atau sebagai instrumen bagi kepuasan di masa yang akan datang, dan pada situasi lain perilaku pimpinan akan boleh menjadi faktor motivasi terhadap team kerja bila; (1) Perilaku tersebut dapat memuaskan keperluan-keperluan para staff sehingga memungkinkan tercapainya efektivitas dalam pelaksanaan kerja. (2) Perilaku tersebut merupakan komplimen dari lingkungan para staff berupa pemberian latihan, dukungan, dan penghargaan yang diperlukan untuk

mengefektifkan pelaksanaan kerja, dan jika tidak dengan cara ini maka staff lingkungannya akan merasa kekurangan. Seseorang dapat menjadi pemimpin yang baik apabila memiliki kualiti sifat-sifat peribadi yang baik.

Selain memiliki kelebihan pada ratio, rohaniyah dan badaniah, seorang pemimpin hendaknya memiliki sifat-sifat yang positif, misalnya; adil, suka melindungi, penuh percaya diri, penuh inisiatif, mempunyai daya tarik, tenang, persuasif, komunikatif dan kreatif. Seorang pemimpin harus mampu membaca situasi dan keadaan lingkungan kerja serta sehingga dapat terus memotivasi dan menggerakkan tim kerjanya serta mampu meminimalisir kerancuan dalam organisasi dengan gaya situasional kepemimpinannya, kerana keadaan kejiwaan manusia akan selalu mengalami perubahan sebagai konsekuensi dari perubahan pemikiran dan adaptasi lingkungan internal dan eksternal.

Menurut hasil kajian Peter dan Austin yang dikutip Edward Sallis (1993) bahawa pemimpin Kepala Daerah memerlukan perspektif-perspektif sebagai berikut: *Vision and Symbols*, pimpinan Kepala daerah, harus mengkomunikasikan nilai-nilai institusi kepada para staf, para akyatr dan kepada komunitas yang lebih luas. (1) *Pengurusant by walking about* (MBWA), iaitu suatu cara bagi pimpinan untuk memahami, berkomunikasi, dan mendiskusikan proses yang berkembang dalam lembaga dengan tidak hanya duduk di belakang meja kerjanya. (2) *For the Kids*, iaitu perhatian yang sungguh-sungguh kepada semua anggota masyarakat, baik mahupun yang lain. (3)

Autonomy, experimentations, and support for failure, iaitu memiliki autonomi, suka mencuba hal-hal baru, dan memberikan dukungan bagi sikap inisiatif dan inovatif untuk memperbaiki kegagalan. (4) *Create a sense of family*, iaitu cara untuk menumbuhkan rasa kekeluargaan di antara sesama staf pimpinan dan yang lainnya. (5) *Sense of the whole, rhyme, passion, intensity, and enthusias*, iaitu kesabaran, semangat, intensitas, dan antusiasme. Dalam institusi manapun pimpinan merupakan kunci keberhasilan organisas, baik dalam institusi sosial atau institusi perniagaan semacam pabrik kereta atau perbankan terlebih lagi dalam institusi pemerintahan Kepala Daerah. Keberibadian seorang pemimpin benar-benar menjadi perhatian yang dipimpinnya oleh kerananya konsep *maqomat wa al-ahwal* menurut hemat pengkaji akan sangat membantu pengkeadaanan dan membentuk peribadi manusia apakah itu pemimpin atau calon pemimpin. Dengan memahami dan menjiwai Taubah manusia akan menyesali segala perilaku kesalahan yang telah dilakukan dengan sepenuh hati, dan meninggalkannya untuk selama-lamanya kemudian diikuti dengan keyakinan untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama. Seorang yang bertaubat dituntut untuk kembali dari perbuatan yang lebih baik menuju yang terbaik, dalam dirinya ada semangat untuk senantiasa meningkatkan kadar kebaikan dan ketaatan untuk menjadi lebih baik dan lebih taat, setiap aktivitasnya tidak berhenti dengan tercapainya kepuasan tetapi akan menuju pada reda Allah. Wara; seorang yang warak akan senantiasa menjaga kesucian baik jasmani mahupun rohani dengan mengendalikan segala perilaku dan aktivitas kesehariannya. Ia hanya akan melakukan sesuatu jika bermanfaat, baik bagi dirinya mahupun bagi orang lain, dan ia tidak akan

menggunakan sesuatu hal yang belum jelas statusnya sifat demikian boleh bekerja dengan efektif dan efisien dengan tampilan yang *low profil*. Zuhud, seorang pemimpin hendaknya memiliki sifat *Juhud* agar ia tidak terlalu bercita-cita untuk mempertahankan kedudukan dan mencari kekayaan yang berlebihan, kerana seringkali terjadi tidak tercapainya tujuan organisasi disebabkan terobsesinya pimpinan untuk pemilikan kekayaan dan tidak fokus pada tujuan organisasi.

Menurut hasil kajian Jalaluddin Rachmat (1997) membahagi zuhud dalam dua karakter. Pertama, tidak menggantungkan kebahagiaan hidupnya pada apa yang dimilikinya, orang yang berpola hidup memiliki akan merasa bahagia jika ia memiliki rumah megah, kereta mewah, kekayaan banyak, status sosial yang tinggi, dan akan menderita jika kehilangan itu semua. Menurut Jalal orang ini tidak ubahnya seperti anak kecil yang menyuruh temannya membakar kembang api tetapi anak itu menutup telinganya ketika petasan itu meledak, tetapi ia senang kerana petasan itu miliknya. Sebagaiman juga halnya orang kaya yang memiliki ruma megah di perbukitan dengan kemudahan lengkap, seperti kolam renang, lapangan tenis, dan tempat tidur yang mewah, sementara ia sendiri tinggal di kota dan jarang sekali singgah di rumahnya yang megah itu, yang menempati adalah pembantunya yang dibayar untuk menikmati segala kemudahan yang ada di dalamnya, namun ia bahagia kerana rumah itu miliknya, bahaginya yang menjadi persoalan bukan penggunaan, tapi pemilikan. Pola hidup memiliki menjadikan keberadaan manusia ditentukan oleh lingkungan atau benda-benda yang ada di sekelilingnya, bukan oleh dirinya sendiri, hati dan

perasaannya digantungkan pada benda-benda yang dimilikinya. Seorang yang Juhud tidak melepaskan apa yang dimilikinya namun menjadikannya sebagai alat untuk mengembangkan diri. Dalam rangka mencapai kebahagiaan spiritual. Kedua, kebahagiaan seorang yang Juhud tidak lagi tergantung pada hal-hal yang bersifat material tetapi spiritual, yang dalam psikoanalisis merupakan strata tertinggi dari perkembangan keperibadian seseorang. Fakir, dapat difahami bahawa sesungguhnya nilai kefakiran pada esensinya tidak terletak pada ketiadaan harta benda, namun ada pada kesedaran atau perasaan seseorang (*state of mind*). Orang yang fakir meskipun kaya harta namun hatinya tidak bergantung pada kekayaan yang dimilikinya. Harta benda tidak lebih merupakan materi yang diujikan oleh Allah, yang harus dipertanggungjawabkan keberadaannya di hadapan Allah. Sabar, pada dasarnya kesabaran adalah wujud dari konsistensi diri seseorang untuk memegang prinsip yang telah dipegangi sebelumnya. Kesabaran merupakan suatu kekuatan yang membuat diri seseorang dapat bertahan dari segala macam dorongan dan gangguan yang datang dari luar dirinya. Pengaruh yang datang dari luar tersebut dihantarkan oleh nafsunya, jika seseorang berhasil mengekang hawa nafsunya, maka ia akan tetap pada pendiriannya. Tawakal, seseorang yang memiliki sifat tawakal akan merasakan ketenangan dan ketentraman. Ia senantiasa merasa mantap dan optimis dalam bertindak, di samping itu juga ia akan mendapatkan kekuatan spiritual, serta keperkasaan luar biasa yang dapat mengalahkan segala kekuatan yang bersifat material. Dia juga merasakan kerelaan yang penuh atas segala yang diterimanya, dan selanjutnya ia kan senantiasa memiliki harapan atas segala yang dikehendaki dan

dicita-citakannya. *Reda*, adalah keadaan kejiwaan atau sikap mental yang senantiasa menerima dengan lapang dada atas segala karunia yang diberikan atau bala yang ditimpakan kepadanya. Ia akan senantiasa merasa senang dalam setiap situasi yang meliputinya. *Muraqabah*, hal penting dari orang yang *muraqabah* adalah konsistensi diri terhadap perilaku yang baik atau seharusnya dilakukan. Konsistensi ini dapat diupayakan dengan senantiasa mawas diri, sehingga tidak terjerumus atau terlena terhadap keinginan-keinginan sesaat. Seorang yang *muraqabah* berarti menjaga diri untuk senantiasa melakukan yang terbaik sesuai dengan kudrat dan eksistensinya. Oleh kerananya seorang yang melakukan *muraqabah* diperlukan kedisiplinan yang tinggi. *Mahabbah* (cinta), mengandung erti keteguhan dan kemantapan. Seseorang yang sedang dilanda cinta pada sesuatu tidak akan beralih atau berpaling pada sesuatu yang lain. Ia senantiasa teguh dan mantap, dan senantiasa mengingat dan memikirkan yang dicintai. Lebih jauh lagi sebenarnya kesedaran cinta mengimplikasikan sikap pecinta yang senantiasa konsisten dan penuh konsentrasi terhadap apa yang dituju dan diusahakan, dengan tanpa merasa berat dan sulit untuk mencapainya. Justeru segala sesuatunya dilakukan dengan penuh kesenangan dan kegembiraan, tanpa ada perasaan terpaksa atau tertekan. Kesedaran cinta juga berimplikasi terhadap diri seorang pecinta dengan sikap penerimaannya terhadap segala apa yang terjadi di alam semesta. Sehingga segala sesuatu, baik yang bersifat positif yang berwujud kebaikan mahupun negatif yang berbentuk kejahatan, kelebihan dan kekurangan, semua diterima dengan lapang dada. *Khauf*, adalah perasaan takut akan akibat yang ditimbulkan dari perbuatan yang dilakukan. Sehingga perasaan ini akan secara

automatik memberikan dorongan untuk melakukan yang terbaik, sehingga pada masa mendatang ia akan menerima akibat yang baik pula. Seorang diliputi oleh perasaan takut (*khauf*), hanya akan melakukan tindakan yang seharusnya ia lakukan untuk kebaikan dalam jangka panjang, bukan sekedar keinginan-keinginan nafsunya atau kepentingan sesaat. Dengan kata lain, seorang yang *khauf* adalah yang berfikiran luas dan dalam jangkauan jauh ke depan, bukan sosok yang berfikiran sempit dan untuk kepuasan sementara. Pemimpin yang dijiwai *khauf* pada dirinya akan melaksanakan kepemimpinannya dengan penuh tanggungjawab bukan saja terhadap manusia tetapi juga terhadap Allah pencipta Alam semesta Raja (harapan), jika perasaan takut dilengkapi dengan harapan, akan menimbulkan keberanian yang dapat menghancurkan segala penyakit yang ada dalam diri seseorang pada. Raja (harapan) akan membawa seseorang pada perasaan optimis dalam menjalankan segala aktivitasnya, serta menghilangkan segala keraguan yang menyelimutinya. Dengan demikian ia akan melakukan segala aktivitas terbaiknya dengan penuh keyakinan. Pemimpin yang memiliki sifat semacam ini akan mampu menggerakkan tim kerjanya untuk meningkatkan produktivitas, serta membuat inovasi-inovasi baru untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik bahkan yang terbaik. *Zhauq* (rindu), secara psikologis seseorang yang dilanda perasaan rindu, adalah orang yang segala aktivitasnya baik, perilaku mahupun gagasannya tertuju pada satu titik tertentu, sesuai dengan apa yang dianggapnya sebagai kebenaran yang hakiki, dan tidak tergoyahkan dengan segala keinginan yang semu yang dapat mengalihkan perhatian dan konsentrasinya, sehingga ia akan senantiasa terjaga dari segala hal yang tidak

seharusnya ia lakukan atau ia fikirkan. Ia akan melakukan segala tindakan terbaiknya dengan penuh kesenangan dan kegembiraan, tanpa rasa keraguan ataupun kecemasan. *Uns* (perasaan sukacita) merupakan keadaan kejiwaan, dimana seseorang merasakan kedekatannya dengan Tuhan, atau dalam pengertian lain disebut sebagai pencerahan dalam kebenaran. Seseorang yang ada pada kedudukan keadaan yang baik akan merasakan kebahagiaan, kesenangan, kegembiraan serta sukacita yang meluap-luap, hati dan perasaannya diliputi oleh rasa cinta kelembutan, keindahan serta kasih sayang yang luar biasa. *Tuma'ninah*, jika difahami secara lebih luas dan mendalam, apa yang terjadi dalam fenomena fana pada dasarnya adalah sebuah perasaan terpesona yang luar biasa sebagai implikasi kesegaran apresiasinya terhadap fenomena keindahan alam semesta termasuk lingkungan kerja dengan segala keteraturan dan hiruk-pikuknya. Dalam keadaan tertentu akan dapat melupakan terhadap sesuatu yang lain, termasuk keinginan-keinginan semu, serta perasaan sakit dan segala macam hal yang berkaitan dengan kekuarangan yang ada pada dirinya. Pemimpin yang memiliki sifat *tuma'ninah* akan berkonsentrasi penuh pada program kerja, mengontrol tim kerja dengan baik dan memberikan contoh yang baik. *Musyahadah*, secara psikologis, seorang yang *musyahadah* senantiasa penuh kecerahceriaan dalam setiap ruang dan waktu. Dalam situasi dan keadaan apapun, baik yang langka ditemui dan dialami, akan senantiasa ditangkap sama, dengan penuh kesegaran apresiasi. Keadaan semacam ini didasarkan oleh perasaan menyatu dengan alam semesta, ia merasa tidak lagi berada di luar alam, kemudian menyaksikan alam, tetapi ia telah menjadi bahagian dari alam. Pemimpin yang dijiwai oleh *musyahadah*

tidak memandang staf sebagai bawahan yang harus dibebani perintahnya tetapi ia menganggap stafnya sebagai bahagian dari dirinya dan akan dengan senang hati memotivasi serta menghilangkan hambatan yang dihadapi para stafnya. *Yaqin*, adalah sebuah kepercayaan yang kuat dan tak tergoyahkan tentang kebenaran pengetahuan yang dimiliki, kerana penyaksiannya dengan segenap jiwanya dan dirasakan oleh seluruh ekspresinya, serta disaksikan oleh segenap eksistensinya. Seorang pemimpin yang menjalankan konsep ini akan membuat program yang benar-benar diyakini manfaatnya untuk anggotanya dan masyarakat luas dilakukan atas dasar penelitian dengan data yang *valid* dan selalu memonitoring hasil prestasi peribadi dan tim kerjanya secara yakin. Konsep *al-maqomat wa al-ahwal* jika diterapkan dalam kepengurusan, apakah itu kepengurusan perniagaan atau sosial dengan izin Allah akan melahirkan sesuatu yang positif dan lebih baik. Barangkali tidak berlebihan bahawa tasawuf bukanlah konsep yang manafikan dunia, tetapi justru menyempurnakan fungsi dunia. Menurut hemat pengkaji kepengurusan yang berasas keislaman ini barangkali telah dilakukan oleh Riawan Amin dalam melihat keadaan bank muamalat yang pada waktu itu dalam keadaan hampir tenggelam, setelah konsep tersebut diterapkan, bank itu bangkit kembali bahkan melebihi yang ditargetkan, dengan konsepnya *Zikr-Pikr-Mikr*, yang dalam erti katanya *Zikr* adalah ingat atau sedar, dengan zikir dalam setiap aktiviti akan selalu sedar dan dapat mengontrol diri. *Mikr* bererti menggunakan akal fikiran untuk selalu membuat inovasi baru dan selalu berkreasi, dan berikutnya *Pikr* merupakan buah dari *Mikr* iaitu berupa hasil pemikiran atau inovasi dan kreativiti yang berupa program-program dan

pelaksanaannya. Kata tersebut sesungguhnya merupakan akronim sebagaimana akan dijelaskan di bawah ini. Zikir merupakan akronim dari *zero base*: bersih, jernih setiap saat, Iman: Keyakinan pada janji-janji Allah, Konsisten: *Istiqamah* dan *Kaffah*, *Result Oriented*: Mengutamakan Pencapaian Sasaran. Pikr merupakan akronim dari *Power Sharing*, *Information sharing*, *Knowledge sharing*, dan *Result oriented*. *Power sharing* sama dengan berbagi kekuatan yang akan melahirkan aksi sebagai berikut:

1. Kesiap siagaan (*readiness*) daripada pihak yang akan diberi tugas mencakup; kompetensi, penguasaan kemahiran, kerelaan (*willingness*).
2. Frekuensi tugas, semakin rutin sebuah tugas pimpinan mencadangkan tugas itu secara penuh.

Menurut hasil kajian Agus Ruslan bahawa seberapa besar risikonya, semakin tinggi risiko semakin dituntut berhati-hati dalam mengambil keputusan *information sharing* dalam praktiknya dapat dilakukan misalnya membuka transparansi data sebesar-besarnya untuk menghindari rekayasa laporan. *Knowledge sharing* dapat dilakukan misalnya dengan membentuk knowledge dengan menggali pengalaman dari kru dengan manfaat: 1. Boleh membetulkan bila praktik yang dijalankan salah, 2. Bila sudah benar, pengalaman itu akan makin mengakar dalam dirinya. Penghargaan *sharing* Selain bonus, kru juga akan mendapatkan penghargaan secara individual yang didasarkan pada unjuk kerja dan prestasi masing-masing, penerimaan penghargaan tergantung dari penilaian yang dilakukan secara keseluruhan dari unit masing-masing, dan perlu difahami bahawa penghargaan tidak hanya berupa materi tapi juga dapat berupa non materi misalnya pujian ucapan terima kasih dan lain sebagainya. *Mikr*

merupakan akronim dari Militan: berani dan terlatih, Intelek: berakal dan menghargai perbezaan, Kompetitif: Efisien dan Berdaya saing, Regeneratif: Patah tumbuh hilang berganti. Pimpinan yang baik adalah pimpinan yang dapat mengkader dan melahirkan generasi penerus yang lebih baik secara berkesinambungan.

Menurut hasil kajian dari mujahidin (2011) bahawa sekarang ini mencari seorang pemimpin yang tepat memang tidak mudah. Hal tersebut disebabkan kebanyakan tenaga profesional yang tersedia cenderung kurang siap untuk menjadi pemimpin yang matang. Kebanyakan para profesional kita, kalau pun punya pendidikan sangat tinggi sayangnya tidak didukung oleh pengalaman yang cukup atau banyak pengalaman namun kurang didukung oleh pendidikan dan wawasan yang luas. Ketempangan tersebut bahagi seorang pemimpin seperti pemimpin Kepala Daerah memiliki dampak yang sangat signifikan terhadap keharmonian dan prestasi dari organisasi awam. Ramai pemimpin *instant* hasil kolusi dan nepotisme di lembaga pemerintahan di Indonesia yang sangat minimum kesiapan namun tetap diambil demi kepentingan politik. Akibatnya, seperti terlihat di negara ini, ramai pemimpin yang tidak berkualiti. Meskipun demikian, tetap saja mereka memperkaya diri tanpa merasa bersalah. Fenomena apakah yang terjadi atas para pemimpin atau pun profesional kita? Apa yang kurang atau belum dimiliki oleh para pemimpin atau pun organisasi kita sekarang ini? Apa rahsia keberhasilan para pemimpin yang berjaya dalam erti sebenarnya?. 1. Kecerdasan Emosional. Ada kalimat yang sangat menarik yang dikemukakan oleh Patricia Patton, seorang konsultan profesional sekaligus

penulis buku, sebagai berikut: *It took a heart, soul and brains to lead a people.....* Dari kalimat tersebut terlihat dengan jelas bahawa seorang pemimpin haruslah memiliki perasaan, keutuhan jiwa dan kemampuan intelektual. Dengan perkataan lain, “modal” yang harus dimiliki oleh seorang pemimpin tidak hanya intelektualitas semata, namun harus didukung oleh kecerdasan emosional (*emotional intelligence*), komitmen peribadi dan integriti yang sangat diperlukan untuk mengatasi berbagai tantangan. Seringkali kegagalan dialami kerana secara emosional seorang pemimpin tidak mahu atau tidak dapat memahami dirinya sendiri dan orang lain. Sehingga keputusan yang diambil bukanlah *a heartfelt decision*, yang mempertimbangkan martabat manusia dan menguntungkan rakyat, melainkan cenderung egois, *self-centered* yang berorientasi pada kepentingan peribadi dan kelompok/ golongannya sehingga akibatnya adalah seperti yang dialami oleh kebanyakan pemimpin di Indonesia yang *high profile but low profit*. Patton sekali lagi mengemukakan pendapatnya bahawa di masa kini masyarakat tidak hanya memerlukan pemimpin yang punya kapasiti intelektual kerana yang membuat berjaya organisasi seperti Kepala Daerah adalah pemimpin yang boleh mendapatkan komitmen daripada rakyat, serta pengurusannya. Pemimpin seperti itu adalah mereka yang memahami rakyat sepenuh hati dan sanggup memacu langkah dan masyarakatnya memenuhi persaingan global. Justeru, pemimpin hendaklah memiliki kecerdasan intelektual dan emosional.

Oleh kerana itu, Johanes Papu (2011) menyarankan bahawa anda yang saat ini menjadi pemimpin atau minimal memiliki bawahan cuba untuk mempelajari seperti apa jenis

kepemimpinan anda. Selain itu cubalah untuk membuka diri untuk mahu mempelajari jenis-jenis kepemimpinan yang lain. Namun sebelum itu, Anda harus terlebih dahulu memahami kelebihan dan kekurangan anda sehubungan dengan gaya atau jenis kepemimpinan yang anda terapkan. Jangan menyombongkan diri dahulu bahawa Anda seorang pemimpin yang baik. Bukalah mata hati anda lebar-lebar untuk mendengarkan idea, saran, keluhan atau pun pujian dari pekerja, konsumen dan pihak pengurusan, sehingga apapun keputusan yang akan anda ambil dapat difahami oleh semua pihak dan bersifat objektif. Lakukan juga penilaian terhadap prestasi anda sendiri. Apakah penilaian terhadap diri anda itu benar-benar objektif ? Untuk lebih mengetahui objektivitinya, bertanyalah pula pada anak buah yang bukan “anak emas” anda.

6.1.2.5 Kualiti Teknikal Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Hasil kajian ini mendapati bahawa rakyat Kampar punya persepsi kualiti teknik pengurusan Kepala Daerah tidak memuaskan. Dalam hal ini Kepala Daerah Kampar kurang punya kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, kurang punya kemampuan dalam mengambil keputusan, kurang memiliki kemampuan melimpahkan kuasa, kurang memiliki kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan.

Semesti seorang Kepala Daerah memiliki teknik yang lebih baik dan mampu melihat organisasi secara keseluruhan, mengambil keputusan, membahagi tugas/kuasa, dan cerdas dalam bidang pemerintahan. Hasil kajian yang dilakukan Ordway Tead (1935), Keith Davis, Nur Afifuddin (2009), Barnard (1926), Bingham (1927), Tead (1929), dan Kilbourne (1935), Ngalem Purwanto (1984), dan John D. Millet bahawa sifat dari seorang pimpinan meliputi kemampuan melihat organisasi satu keseluruhan (*the ability to see an enterprise as a whole*); kemampuan mengambil keputusan-keputusan (*the to make decisions*); kemampuan membahagi tugas atau mendelegasikan kuasa, dan kemampuan kecerdasan dalam pemerintahan. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa Kepala Daerah Kampar tidak memiliki sifat peribadi teknik/kepengurusan kerana tidak punyai kemampuan yang memuaskan (1) melihat organisasi sebagai satu keseluruhan; (2) melimpahkan kuasa (3) mengambil keputusan dengan baik; (4) tidak kecerdasan dalam bidang pemerintahan sehingga tidak dapat membawa kejayaan dalam kepemimpinannya, dan mendatangkan kesejahteraan untuk rakyatnya. Suatu persyaranan penting bahagi keberkesanan atau keberjayaan pemimpin (kepemimpinan) dan pengurus (pengurusan) dalam mengemban peran, tugas, fungsi, atau pun tanggung jawabnya masing-masing adalah kompetensi, sebagaimana dalam pandangan Boyatzis (1982) bahawa “kemampuan yang dimiliki seseorang yang nampak pada sikapnya yang sesuai dengan keperluan kerja dalam parameter lingkungan organisasi dan memberikan hasil yang diinginkan”. Sebagaimana juga dikatakan oleh Burgoyne (1988), Woodruffe (1990), Spencer dan kawan-kawan (1990), Furnham (1990) dan Murphy (1993).

Dalam kajian Rotwell, disimpulkan bahawa kompetensi adalah *an area of knowledge or skill that is critical for production to outputs*. Lebih lanjut Rotwell menuliskan bahawa *competencies area internal capabilities that people brings to their job; capabilities which may be expressed in a broad, even infinite array of on the job behaviour*. Spencer (1993) berpendapat, kompetensi adalah “... *an undderlyingcharacteristicof an individual that is causally related to criterion referenced effective and/or superior performance in ajob or situation*”. Selari dengan itu Zwell (2000) berpendapat “*Competencies can be defined as the enduring traits and characteristics that determine performance. Examples of competencies are initiative, influence, teamwork, innovat ion, and strategic thinking.*”

Kompetensi merupakan karakteristik atau keperibadian (*traits*) individual yang bersifat kekal yang dapat mempengaruhi prestasi seseorang. Selain *traits* dari Spencer dan Zwell tersebut, terdapat karakteristik kompetensi lainnya, iaitu berupa *motives*, *self koncept* (Spencer, 1993), *knowledge*, dan *kemahiran* (Spencer, 1993; Rothwell and Kazanas, 1993). Menurut *review* Asropi (2002), berbagai kompetensi tersebut mengandung makna sebagai berikut : *Traits* merunjuk pada ciri bawaan yang bersifat fizikal dan tanggapan yang konsisten terhadap berbagai situasi atau informasi. *Motives* adalah sesuatu yang selalu difikirkan atau diinginkan seseorang, yang dapat mengarahkan, mendorong, atau menyebabkan orang melakukan suatu tindakan. Motivasi dapat mengarahkan seseorang untuk menetapkan tindakan-tindakan yang memastikan dirinya mencapai tujuan yang diharapkan (Amstrong, 1990). *Self*

concept adalah sikap, nilai, atau citra yang dimiliki seseorang tentang dirinya sendiri; yang memberikan keyakinan pada seseorang siapa dirinya. *Knowledge* adalah informasi yang dimiliki seseorang dalam suatu bidang tertentu. Kemahiran adalah kemampuan untuk melaksanakan tugas tertentu, baik mental atau pun fizikal, selain itu karakteristik kompetensi lainnya yang bersifat *intention* dalam diri individu, kemahiran bersifat *action*. Menurut Spencer (1993), kemahiran menjelma sebagai perilaku yang di dalamnya terdapat *motives, traits, self concept*, dan *knowledge*.

Dalam pada itu, menurut Spencer (1993) dan Kazanas (1993) terdapat kompetensi kepemimpinan secara umum yang dapat berlaku atau dipilih menurut jenjang, fungsi, atau bidang, yaitu kompetensi berupa : *result orientation, influence, initiative, flexibility, concern for quality, technical expertise, analytical thinking, conceptual thinking, team work, service orientation, interpersonal awareness, relationship building, cross cultural sensitivity, strategic thinking, entrepreneurial orientation, building organizational commitment*, dan *empowering others, developing others*. Pada umumnya Kompetensi jabatan pengurus yang diperlukan hampir dalam semua kedudukan pengurusan. kompetensi yang diidentifikasi Spencer dan Kazanas tersebut dapat diturunkan ke dalam jenjang kepemimpinan berikut : pimpinan puncak, pimpinan menengah, dan pimpinan pengendali operasi teknikal (*supervisor*). Kompetensi pada pimpinan puncak adalah *result(achievement) orientation, relationship building, influence, strategic thinking, building organizational commitment, entrepreneurial orientation, empowering others, developing others*, dan

flexibility. Sedangkan pada tingkatan supervisor kompetensi kepengimpinannya lebih befokus pada *technical expertise, developing others, empowering others, interpersonal understanding, service orientation, building organizational commitment, concern for order, influence, flexibility, relationship building, result (achievement) orientation, team work* , dan *cross cultural sensitivity*.

Menurut hasil kajian Kouzes dan Posner (1995) meyakini bahawa suatu prestasi yang memiliki kualiti unggul berupa barang atau pun jasa, hanya dapat dihasilkan oleh para pemimpin yang memiliki kualiti prima. Dikemukakan kualiti kepemimpinan pengurus adalah suatu cara hidup yang dihasilkan dari "*mutu peribadi total*" ditambah "*kendali mutu total*" ditambah "*mutu kepengimpinan*". Adapun ciri khas pengurus yang dikagumi sehingga para bawahan bersedia mengikuti perilakunya adalah, apabila pengurus memiliki sifat jujur, memandang masa depan, memberikan inspirasi, dan memiliki kecekapan teknikal mahupun kepengurusan.

Sedangkan Burwash (1996) dalam hubungannya dengan kualiti kepengimpinan pengurus mengemukakan, kunci dari kualiti kepengimpinan yang unggul adalah kepengimpinan yang memiliki paling tidak 8 sampai dengan 9 dari 25 kualiti kepengimpinan yang terbaik. Dinyatakan bahawa pemimpin yang berkualiti tidak puas dengan *status quo* dan memiliki keinginan untuk terus mengembangkan dirinya. Beberapa kriteria kualiti kepengimpinan pengurus yang baik antaraa lain, memiliki komitmen organisasional yang kuat, *visionary*, disiplin diri yang tinggi, tidak

melakukan kesalahan yang sama, antusias, berwawasan luas, kemampuan komunikasi yang tinggi, pengurusan waktu, mampu menangani setiap tekanan, mampu sebagai pendidik atau guru bahagi bawahannya, empati, berfikir positif, memiliki dasar spiritual yang kuat, dan selalu siap melayani. Dalam pada itu, Warren Bennis (1991) juga mengemukakan bahawa peranan kepemimpinan adalah “*empowering the collective effort of the organization toward meaningful goals*” dengan penentu keberhasilan sebagai berikut : *People feel important; Learning and competence are reinforced; People feel they part of the organization; dan Work is viewed as exciting, stimulating, and enjoyable.*

Sementara itu, dalam kajian Soetjipto Wirosardjono (1993) menandai kualifikasi kepemimpinan berikut, “kepemimpinan yang kita kehendaki adalah kepemimpinan yang secara sejati memancarkan wibawa kerana memiliki komitmen, kredibiliti, dan integriti”. Sebelum itu, Bennis bersama Burt Nanus (1985) mengidentifikasi bentuk kompetensi kepemimpinan berupa “*the ability to manage*” dalam empat hal : *attention (= vision), meaning(= communication), trust (= emotional glue), and self (= commitment, willingness to take risk).*

Kemudian pada tahun 1997, keempat-empat konsep tersebut diubah menjadi *the new rules of leadership* berupa (a) *Provide a direction and meaning, (a) sense of purpose; (b) Generate and sustain trust, creating authentic relationships; (c) Display a bias towards action, risk taking and curiosity; dan (d) Are purveyors of hope,*

optimism and a psychological resilience that expects success (lihat Karol Kennedy, 1998; p.32). Bahagi Rossbeth Moss Kanter (1994), dalam menghadapi tantangan masa depan yang semakin terasa kompleks dan akan berkembang semakin dinamik, diperlukan kompetensi kepemimpinan berupa *conception* yang tepat, *competency* yang cukup, *connection* yang luas, dan *confideance*.

Kemudian kajian Ken Shelton (ed, 1997) mengidentikasi kompetensi dalam nuansa lain menurut hubungan pemimpin dan pengikut, dan jiwa kepemimpinan. Dalam hubungan pemimpin dan pengikut, ia menekankan cara kedua-duanya sebaiknya berinteraksi. Fenomena ini menurut Pace memerlukan kualiti kepemimpinan yang tidak mementingkan diri sendiri. Selain itu, menurut Carleff pemimpin dan pengikut merupakan dua sudut dari proses yang sama. Dalam hubungan jiwa kepemimpinan, sejumlah pengamat memasuki wilayah “spiritual”. Rangkaian kualiti lain yang mewarnainya antara lain adalah hati, jiwa, dan moral. Bardwick menyatakan bahawa kepemimpinan bukanlah masalah intelektual atau pengenalan, melainkan masalah emosional. Sedangkan Bell berfikiran bahawa pembimbing yang benar tidak selamanya merupakan makhluk rasional. Mereka seringkali adalah pencari nyala api.

6.2 Kualiti Sifat Peribadi Kepala Daerah dalam Pencapaian Kesejahteraan Rakyat

Terdapat lima kualiti sifat peribadi pencapaian kesejahteraan rakyat iaitu (1) Pendapatan rakyat meningkat; (2) Pendidikan rakyat tercapai; (3) terjaminnya

makanan dan perkhidmatan kesihatan rakyat; (4) Terjaminnya perumahan rakyat; dan (5) Menurun angka kemiskinan dan pengangguran. Jika sekiranya Kepala Daerah tidak mencapai tersebut maka kesannya Kepala Daerah tidak berperanan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Hasil kajian ini mendapati bahawa kualiti sifat peribadi Kepala Daerah dalam pencapaian kesejahteraan rakyat belum tercapai sebagaimana yang diinginkan oleh rakyat Kampar pada tahap peratusan: tidak tercapai pendapatan rakyat meningkat seramai 290 (56.86%), pendidikan rakyat tidak tercapai seramai 300 (58.82%), tidak tercapai terjaminnya kesihatan dan perkhidmatan kesihatan rakyat seramai 240 (47.05%), terjaminnya perumahan rakyat seramai 320 (62.75%), tidak tercapai penurunan dan terentasnya angka kemiskinan dan pengangguran seramai 310 (60.78%) – lihat Jadual 6.1.

Jadual 6.1: Pencapaian Kesejahteraan Rakyat oleh Kepala Daerah Kabupaten Kampar

Pencapaian kesejahteraan rakyat oleh Ketua Daerah Kampar	Tidak tercapai %	Kurang tercapai %	Sangat tidak Tercapai %	Tercapai %
Pendapatan rakyat meningkat	290 (56.86)	100 (19.60)	40 (0.78)	80 (15.68)
Pendidikan rakyat tercapai	300 (58.82)	150 (29.4)	30 (5.88)	30 (5.88)

Terjaminnya makanan dan perkhidmatan kesihatan rakyat	240 (47.05)	190 (37.25)	30 (5.88)	50 (9.80)
Terjaminnya perumahan rakyat	320 (62.75)	100 (19.60)	30 (5.88)	60 (11.76)
Menurun dan terentasnya angka kemiskinan dan pengangguran	310 (60.78)	150 (29.4)	10 (0.19)	40 (7.84)

Hasil kajian ini mendapati bahawa rakyat Kampar ditiga kecamatan iaitu kecamatan Kampar kiri hulu, kecamatan Kampar kiri hilir, dan kecamatan Bangkinang Barat Kabupaten Kampar menilai kualiti Kepala Daerah Kampar tidak dapat mewujudkan kesejahteraan rakyat, sebagai mana juga hasil kajian yang dilakukan Badan Penelitian dan pengembangan Kabupaten Kampar bahawa jumlah rumah tangga miskin sebanyak 30.626 rumah tangga atau 26,53% dan jumlah penduduk miskin iaitu 122.504 jiwa atau 22,64%, dan tidak mengalami perubahan secara signifikan meski berbagai-bagai usaha telah dilakukan. Hal ini bermaksud visi yang dicanangkan oleh Pemerintah Kabupaten Kampar adalah : "*Kabupaten Kampar Negeri Berbudaya, Berdaya Dalam Lingkungan Masyarakat Agamis Tahun 2020.*" Dan misi iaitu (1) Mewujudkan pembangunan nilai budaya masyarakat Kampar yang menjamin sistem bermasyarakat dan bernegara untuk menghadapi tantangan global; (2) Meningkatkan pengurusan dan kemampuan aparatur dalam mengelola aset daerah dan pelayanan masyarakat; (3) Meningkatkan kualiti Sumber Daya Manusia yang Sehat, menguasai Ilmu Pengetahuan dan Teknologi serta, Berwawasan ke depan; (4) Mengembangkan

ekonomi rakyat yang berasas sumber daya tempatan dengan orientasi pada agroperniagaan, agroindustri dan pariwisata serta mendorong pertumbuhan investasi secara terpadu dan terkait antara swasta, masyarakat dan pemerintah baik berskala tempatan, regional, nasional mahupun internasional; (5) Mewujudkan pembangunan kawasan seimbang yang dapat menjamin kualiti hidup secara berkesinambungan; dan (6) Mewujudkan sumber daya manusia yang beriman dan bertakwa, serta taat terhadap aturan yang berlaku, menuju masyarakat beragama yang tercermin dalam kerukunan hidup beragama. Visi dan misi yang dibuat oleh Kepala Daerah belum tercapai sebagaimana mestinya.

Menurut hasil kajian yang dilakukan Kirckpatrick dan Locke (1991) Sifat-sifat kunci seorang pemimpin adalah drive suatu istilah yang mencakup prestasi, motivasi, bercita-cita, tenaga, keteguhan, dan inisiatif), motivasi untuk memimpin, kejujuran, integriti, percaya diri, kemampuan kognitif dan pengetahuan tentang memimpin. Semua sifat kunci ini membantu seorang pemimpin untuk memperoleh keterampilan lainnya iaitu untuk merumuskan visi organisasi dan rencana yang efektif untuk mencapainya serta mengambil langkah konkrit untuk mewujudkan visi itu.

6.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tidak Tercapai Kesejahteraan Rakyat di Kabupaten Kampar

Tidak tercapainya kesejahteraan rakyat di Kabupaten Kampar dipengaruhi oleh rendahnya kualiti sifat peribadi sosial Kepala Daerah Kabupaten Kampar. Hasil kajian ini menunjukkan rendahnya kualiti sosial menyebabkan Kepala Daerah: tidak memiliki sesuatu (keinginan, matlamat) yang diperjuangkan secara sungguh-sungguh; tidak memiliki keputusan yang tegas dalam melakukan tindakan; mudah putus asa ketika menghadapi masalah atau kesulitan; kurang termotivasi untuk maju, malas-malasan atau kurang serius; sering gagal dalam menyempurnakan tugas-tugas atau tanggung jawab; ragu-ragu dalam menghadapi orang; tidak dapat menyampaikan kemampuan berbicara dan kemampuan mendengarkan yang meyakinkan; sering memiliki kemampuan yang tidak realiti; terlalu sensitive (perasa). Apabila kualiti peribadi Kepala Daerah lemah, tugas dan tanggungjawabnya tidak dapat diselesaikan sesuai dengan rencanan. Bahkan tugas yang diamanahkan tidak berjalan dengan sempurna, dan kewangan tidak terkelola dengan baik.

Hasil kajian sebelum ini yang pernah dilakukan oleh Ordway Tead (1935) juga menyarankan agar seorang pemimpin memiliki sifat peribadi: tenaga jasmani dan rohani (*physical and nervous energy*); kepastian maksud dan arah tujuan (*acense of purpose and direction*); antusiasme atau perhatian yang besar (*anthusiasme*); ramah tamah, penuh rasa persahabatan dan ketulusan hati (*friendlieness and effectif*); integriti atau peribadi yang bulat (*integrity*); kecekapan teknikal (*technical mastery*);

mudah mengambil keputusan (*decisioness*); cerdas (*intelligence*); cekap mengajar (*teaching kemahiran*) dan; kesetiaan (*faith*).

Hasil kajian ini juga memastikan tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kabupaten Kampar juga dipengaruhi oleh lemahnya kualiti sifat peribadi sidiq Kepala Daerah Kampar iaitu lemahnya peribadi tekad yang kuat, tidak punya kesamaan antara ucapan dan tindakan, tidak melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh, dan tidak mahu bekerja keras. Kualiti sifat peribadi sidiq sangat penting dan mesti dimiliki oleh Kepala Daerah Kampar, sebagai sesuatu kelebihan dari yang dipimpin. Hal ini sejalan dengan apa yang dikatakan oleh Ruslan Abdulgani bahawa seorang pemimpin agar berhasil dengan baik harus mempunyai kelebihan dari yang dipimpin. Sebab dengan kelebihan, kewibawaan seseorang akan selalu dapat dipertahankan, sehingga ketaatan dari bawahan dapat terpelihara. Kelebihan tersebut meliputi moral dan akhlak, jiwa dan semangat, ketajaman intelek, tanggap dan ketekunan serta kekuatan jasmaniah.

Begitu juga hasil kajian sebelumnya yang dilakukan oleh Trevino (2000), Aunur Rahim, (dk., 2001), Muknizar Sabri (2014), Rizqi Aswaransyah, dan A.N Ubaedy (2009) bahawa seorang akan dapat mencapai kesejahteraan/jaya dalam memimpin apabila memiliki sifat-sifat peribadi *Sidiq* yang mempunyai tekad yang kuat, punya kesamaan antara ucapan dan tindakan, melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh,

bekerja keras. Ertinya dengan kualiti sifat peribadi sidiq yang baik akan dapat melicinkan usaha untuk mensejahterakan rakyat yang dipimpin.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kampar dipengaruhi oleh faktor lemahnya kualiti sifat peribadi amanah Kepala Daerah Kabupaten Kampar. Kerana Kepala Daerah Kampar kurang dapat dipercayai, kurang mempunyai peribadi yang terpuji, kurang memiliki keahlian yang meyakinkan. Oleh kerana itu menurut hasil kajian Muknizar Sabri (2014), (A.N Ubaedy 2009), dan Trevino (2000), seorang pemimpin mesti memiliki kualiti sifat peribadi yang amanah, kerana jabatan itu adalah amanah yang mesti ditunaikan, untuk kesejahteraan rakyat.

Hasil kajian ini mendapati bahawa tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kampar dikeranakan lemahnya kualiti sifat peribadi fatanah Kepala Daerah Kampar. Kurang mengasah kecerdasan, kurang lurus, kurang menerapkan kecerdasan, kurang membaca keadaan. Hal ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Muknizar Sabri (2014), Treveno (2000), dan (A.N Ubaedy 2009) bahawa seorang Kepala daerah mesti memiliki sifat peribadi yang fatanah yang baik seperti belajar, latihan, dan membaca situasi keadaan masyarakat, sehingga akan dapat memudahkan tercapainya kejayaan.

Hasil kajian ini mendapati bahawa tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kampar seperti tidak meningkatnya pendapatan rakyat meningkat; tidak tercapainya pendidikan rakyat; tidak terjaminnya kesihatan dan perkhidmatan kesihatan rakyat; tidak terjaminnya perumahan rakyat; dan tidak menurunnya angka kemiskinan dan pengangguran, juga dipengaruhi oleh rendahnya kualiti sifat peribadi tabligh Kepala Daerah Kampar. Kualiti sifat peribadi tabligh mesti dimiliki dan dijalankan oleh seseorang pemimpin, agar dapat melicinkan tercapainya kesejahteraan rakyat yang dipimpin. Hasil kajian sebelumnya sebagaimana dilakukan oleh Muknizar Sabri (2014), Treveno (2000), dan (A.N Ubaedy 2009) bahawa seorang pemimpin hendaknya mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangun jaringan dengan kukuh, dan mempunyai kemampuan menyampaikan gagasan yang boleh dimengerti oleh orang lain.

Hasil kajian ini mendapati bahawa tidak tercapainya kesejahteraan rakyat Kampar dipengaruhi oleh kualiti peribadi Kepala Daerah Kampar yang tidak memuaskan seperti lemahnya kemampuan melihat organisasi secara keseluruhan, lemahnya kemampuan mengambil keputusan, kurangnya melimpahkan kuasa, lemahnya kemampuan kecerdasan dalam bidang pemerintahan. Kelemahannya kualiti Kepala Daerah Kampar akan menyebabkan tidak tercapainya kesejahteraan yang diinginkan.

Hasil kajian sebelumnya yang dilakukan Ordway Tead (1935), Keith Davis (1979), Nur Afifuddin (2009), Barnard (1926), Bingham (1927), Tead (1929), dan Kilbourne (1935), Ngalem Purwanto (1984), dan John D. Millet (1979) juga mendapati bahawa seseorang pimpinan untuk mencapai kejayaan harus memiliki kualiti peribadi sosial iaitu mampu melihat organisasi satu keseluruhan (*the ability to see an enterprise as a whole*); kemampuan mengambil keputusan-keputusan (*the to make decisions*); kemampuan membahagi tugas atau mendelegasikan kekuasaan, dan kemampuan kecerdasan dalam pemerintahan. Kemampuan/kompetensi teknik/kepengurusan ini sangat penting bagi efektiviti atau keberhasilan seseorang pemimpin dalam mengembangkan peranan, tugas, fungsi, atau pun tanggung jawab. Begitu juga hasil kajian yang dilakukan oleh Boyatzis (1982) bahawa kemampuan yang dimiliki seseorang akan nampak pada sikapnya yang sesuai dengan keperluan kerja dalam parameter lingkungan organisasi dan memberikan hasil yang diinginkan. Menurut Rotwell, kompetensi adalah *an area of knowledge or skill that is critical for productionke outputs*. Lebih lanjut Rotwell menulis bahawa *competencies area internal capabilities that people brings to their job; capabilities which may be expressed in a broad, even infinite array of on the job behaviour*. Spencer (1993) berpendapat, kompetensi adalah “... *an undderlyingcharacteristicof an individual that is causally related to criterion referenced effective and/or superior performance in ajob or situation*”. Senada dengan itu Zwell (2000) berpendapat “*Competencies can be defined as the enduring traits and characteristics that determine performance. Examples of competencies are initiative, influence, teamwork, innovat ion, and*

strategic thinking. "Kemampuan-kemampuan/kompetensi tersebut merupakan karakteristik atau keperibadian (*traits*) individual yang bersifat kekal yang dapat mempengaruhi prestasi seseorang dalam memimpin.

Menurut Muknizar Sabri (2014) keempat-empat sifat ini tidak boleh berdiri sendiri-sendiri, tetapi merupakan satu kesatuan yang tak terpisahkan. Sifat fatanah (cardas) misalnya, harus didukung sifat, sidiq, amanah dan tabligh. Banyak pemimpin yang cerdas, menyandang sederet gelar akademik, dari depan hingga belakang namanya justru tidak membawa manfaat bahagi masyarakat, sebaliknya justru membawa mudharat. Kepiawan pemimpin melakukan tindakan jenayah korupsi adalah contoh penyalahgunaan kecerdasan yang mereka miliki (Muknizar Sabri 2014)

6.4 Rumusan

Berdasarkan hasil perbincangan yang telah huraikan di atas bahawa Kepala Daerah yang tidak memiliki dan mengamalkan kualiti sifat peribadi sosial, menurut Spencer (1993) tidak memiliki sesuatu (keinginan, matlamat) yang diperjuangkan secara sungguh-sungguh; tidak memiliki keputusan yang tegas dalam melakukan tindakan; mudah putus asa ketika menghadapi masalah atau kesulitan; kurang termotivasi untuk maju, malas atau kurang serius; sering gagal dalam menyempurnakan tugas atau tanggung jawab; ragu-ragu dalam menghadapi orang; tidak dapat menyampaikan kemampuan berbicara dan kemampuan mendengarkan yang meyakinkan; sering

memiliki kemampuan yang tidak realiti;terlalu sensitif (perasa). Oelh itu menurut Riwokaho (1988), seorang Kepala Daerah mesti disokong sifat peribadi yang berkualiti, disokong kualiti sosial.

Kualiti sosial, sebagaimana dikatakan oleh Empu Prapanca dan Ruslan Abdulgani (seperti dipetik oleh Nur Afifuddin 2009), bahawa pemimpin-peminpin sesungguhnya harus mengamalkan nilai- nilai sosial dan moral yang tidak terpisahkan dari kehidupan berbangsa dan bernegara iaitu a) nilai-nilai moral yang mencerminkan berbagai petunjuk, nasihat, pengendalian diri, dan kewajiban yang telah diamanah, b) pemimpin harus dapat dicontoh perkataan, perilaku dan tindakannya, sebagai daya penggerak bagi bawahan dan lingkungannya. Nilai-nilai sosial dan moral lebih rinci menurut hasil kajian Empu Prapanca dan Ruslan Abdulgani iaitu 1) *wijnana* iaitu sikap bijaksana; 2) *mantrawira* iaitu sebagai pembela sejati berkeberanian mutlak dalam kebenaran dan kesetiaan tanpa reserve dalam menjunjung cita-cita negara; 3) *wicaksanang naya* iaitu bijaksana, kemampuan menganalisa dan mengambil keputusan; 4) *matanggawa* iaitu mendapat kepercayaan dari bawah; 5) *satya bakti haprabhu* iaitu mengikuti perintah atasan, taat setia dan bakti kepada pemimpin, atasan, terutama kepada negara dan pimpinannya dapat menghindarkan dari pengkhianatan terhadap negara dan rakyatnya kerana nasib negara itu adalah nasib juga nasib dari dirinya sendiri; 6) *wakjnana* iaitu pandai berpidato dan berdiplomasi; 7) *sajjawopasama* iaitu tidak sombong, rendah diri dan manusiawi, 8) *dhirottsaha* iaitu bersifat rajin dan kreatif; 9) *tan lalana* iaitu bersifat gembira dan periang; 10)

disyacitta iaitu jujur dan terbuka; 11) *tan satrisna* iaitu tidak egois; 12) *masihi samastha bhuwana* iaitu bersifat penyayang dan cinta alam; 13) *ginong pratidina* iaitu tekun menegakkan kebenaran; 14) *sumantri* iaitu sebagai abdi negara yang baik; 15) *anayakan musuh* iaitu mampu membinasakan lawan.

Selari itu, menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Keith Davis (1979) bahawa seorang pemimpin seperti pemimpin Kepala Daerah di Kabupaten Kampar akan berhasil membawa kejayaan apabila memiliki kualiti sifat peribadi sosial kepemimpinan iaitu memiliki kecerdasan yang lebih tinggi daripada bawahannya; kematangan dan keluasan pandangan sosial (*social maturity and breadth*). Dalam hal ini pemimpin mempunyai kematangan dan lebih luas dalam hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan sehingga mudah mengendalikan keadaan, kerjasama sosial, serta mempunyai keyakinan dan kepercayaan pada diri sendiri; mempunyai motivasi dan keinginan berprestasi yang datang dari dalam (*inner motivation and achievement desires*), yang mempunyai dorongan yang besar untuk dapat menyelesaikan sesuatu; mempunyai kemampuan mengadakan hubungan antara manusia (*human relations attitudes*).

Faktor motivasi sebagaimana hasil kajian Muhamad Ali bin Embi (2001) bahawa faktor motivasi sangat penting sebagai pendorong untuk melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh, efisien dan efektif. Motivasi seseorang akan dapat diwujudkan sekiranya wujud tiga aspek iaitu (1) timbul keinginan atau naluri dalaman untuk

mendapatkan sesuatu kepuasan; (2) terbentuk matlamat yang ingin dicapai oleh individu berkenaan; (3) wujud desakan yang mendorong kepada wujudnya tindakan bagi memenuhi keinginan, seperti keinginan untuk mensejahterakan rakyat. Manakala hasil kajian Hill dan Carroll (1997) menunjukkan bahawa kepemimpinan mesti dapat mendorong sejumlah orang (dua orang atau lebih) agar bekerja sama dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan yang terarah pada tujuan bersama. Struktur organisasi adalah kerangka atau susunan unit atau satuan kerja atau fungsi-fungsi yang dijabarkan dari tugas atau kegiatan pokok suatu organisasi, dalam usaha mencapai tujuannya. Setiap unit mempunyai kedudukan masing-masing, sehingga ada unit yang berbeza jenjang atau tingkatannya dan ada pula yang sama jenjang atau tingkatannya antara yang satu dengan yang lain. a. Fungsi dan jenis kepemimpinan Dalam gaya dan jenis kepemimpinan yang tidak sama, bahkan juga bervariasi, dapat dianalisa pula fungsi-fungsi kepemimpinan. Kepemimpinan akan berlangsung efektif bilamana mampu memenuhi fungsinya, meskipun dalam kenyataannya tidak semua jenis kepemimpinan memberikan peluang yang sama untuk mewujudkannya. Dalam hubungan itu sukar untuk dibantah bahawa setiap proses kepemimpinan juga akan menghasilkan situasi sosial yang berlangsung dalam kelompok atau organisasi masing-masing. Untuk itu setiap pemimpin harus mampu menganalisa situasi sosial kelompok atau organisasinya yang dapat dimanfaatkan dalam mewujudkan fungsi kepemimpinan dengan kerjasama dan bantuan orang yang dipimpinnya.

Oleh kerana itu pemimpin Kepala Daerah Kampar perlu memiliki kualiti sosial yang baik sebagaimana dianjurkan dalam hasil kajian yang dilakukan oleh Bethel (1994) bahawa seseorang pemimpin harus mempunyai sifat-sifat diri yang berwawasan, cerdas, berhemah tinggi, berupaya membawa perubahan yang baik, membantu perubahan ke arah yang positif, sedia menghadapi tentangan, berani membuat keputusan, bijak menggunakan kuasa, berkomunikasi dengan berkesan, seorang pembina pasukan, berani bertindak dan beriltizam dalam kerjayanya. Dan begitu juga yang dikatakan oleh Covey (1995) bahawa seorang pemimpin harus sering belajar, senantiasa memberi khidmat, berfikiran positif, percaya kepada orang lain, memiliki kehidupan yang seimbang, melihat kehidupan sebagai satu pengembaraan dan bersikap bersemangat.

Selain itu Kepala Daerah juga harus memiliki dan mengamalkan kualiti sifat peribadi keagaamaan seperti sidiq iaitu (a) tekad yang kuat, punya kesamaan antara ucapan dan tindakan, kurang melakukan sesuatu dengan sungguh-sungguh, kurang mahu bekerja keras. Sifat peribadi sidiq yang memuaskan rakyat sangat penting diimplementasi dalam memimpin rakyat, kerana merupakan salah satu sifat akhlak dan etika yang mulia pernah dipraktik oleh Nabi dimasa kepemimpinannya. Menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Trevino (2000), kepemimpinan etika adalah kelakuan memimpin yang bersandarkan nilai-nilai etika dan menghasilkan kebaikan untuk semua pihak berkepentingan (*stakeholders*). Trevino (2000) mencadangkan kepemimpinan etika terdiri daripada dua faktor utama iaitu pemimpin sebagai

manusia bermoral (*moralperson*) dan pemimpin sebagai pengurus moral (*moral manager*). Oleh yang demikian, seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan etika perlu menggalakkan amalan nilai-nilai iaitu (1) Amanah/jujur; (2) Lemah lembut; (3) Merendah diri; (4) Terbuka & syura; (5) Adil (6) Pemaaf
Pengurus Moral - Amar maaruf nahi mungkar (7) Didik melalui teladan (8) Menyampaikan nasihat dan bimbingan (9) Berhikmah dalam mendidik dan mengendali pengikut.

Dari segi etika, pemerintahan adalah perbuatan atau kegiatan yang erat kaitannya dengan manusia dan kemanusiaan. Justeru, perbuatan pemerintahan tidak terlepas dari kewajiban etika dan moral serta budaya baik antara pemerintah dengan rakyat, antara lembaga/pejabat pemerintahan dengan pihak ketiga. Perbuatan semacam ini biasanya disebut prinsip kepatutan dalam pemerintahan dengan pendekatan moral sebagai dasar berfikir dan bertindak. Prinsip kepatutan ini menjadi landasan etis bagi pejabat dan lembaga pemerintahan dalam melaksanakan tugas pemerintahan; (b) Amanah, menurut Bedjo Santoso (2007) bahawa kepimpinan bersifat amanah; berfungsi membangkitkan dan mencurahkan iman dan hati nurani pengikut melalui kerja keras, cerdas, dan ikhlas; etosnya adalah mendedikasikan kepada Tuhan dan sesama manusia untuk ibadah tanpa mengharapkan imbalan/jasa; pendekatannya adalah agama dan hati nurani; memberikan contoh yang mampu mengilhami dan membangkitkan serta menghidupkan semua elemen bangsa; cara memengaruhi yang dipimpin bukan dengan pendekatan benda/uang, melainkan menyatukan jiwa, iman,

dan kasih sayang dan; tujuannya adalah menghidupkan kasih, menebar kebajikan, dan penyalur Rahmat Tuhan di muka bumi; (c) fatanah, menurut Goleman, (November-December, 1998) menyatakan bahawa salah satu kualiti penting untuk menjadi pemimpin menurut Daniel Goleman adalah kecerdasan emosional. Muknizar Sabri (2014), Treveno (2000), dan (A.N Ubaedy 2009) bahawa seorang ketua daerah mesti memiliki sifat peribadi yang fatanah yang baik kerana mengasah kecerdasan seperti belajar, pelatihan, dan membaca situasi keadaan masyarakat akan dapat membawa kejayaan dalam kepemimpinannya membawa rakyat yang sejahtera; (d) Tabligh, menurut Muknizar Sabri (2014), Treveno (2000), dan (A.N Ubaedy 2009) bahawa seorang pemimpin hendaknya punya kemampuan berkomunikasi dengan baik, boleh membangun jaringan dengan kukuh, punya kemampuan menyampaikan gagasan yang boleh difahami oleh orang lain; (d) Kualiti teknikal, memiliki teknik yang lebih baik dan mampu melihat organisasi secara keseluruhan, mengambil keputusan, membahagi tugas/kuasa, dan cerdas dalam bidang pemerintahan. Hasil kajian yang dilakukan Ordway Tead (1935), Keith Davis, Nur Afifuddin (2009), Barnard (1926), Bingham (1927), Tead (1929), dan Kilbourne (1935), Ngalem Purwanto (1984), dan John D. Millet bahawa sifat dari seorang pimpinan meliputi kemampuan melihat organisasi satu keseluruhan (*the ability to see an enterprise as a whole*); kemampuan mengambil keputusan-keputusan (*the to make decisions*); kemampuan membahagi tugas atau mendelegasikan kuasa, dan kemampuan kecerdasan dalam pemerintahan.

Dengan demikian, pengamalan kualiti sifat peribadi sosial, keagamaan, dan teknikal sangat dimungkinkan Kepala Daerah akan mendapat persepsi yang baik dari masyarakat yang dipimpinnya.



BAB VII

KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

7.1 Kesimpulan Kajian

Secara keseluruhan, berdasarkan hasil kajian dan perbincangan yang diberikan pada bahagian sebelum ini, apa yang menjadi objek kajian ini telah tercapai dan persoalan kajian juga dapat diselesaikan. Masyarakat berpersepsi atau menilai bahawa kualiti Kepala Daerah Kampar rendah/kurang memuaskan menyebabkan tidak tercapainya kesejahteraan rakyat di Kabupaten Kampar. Antara kualiti sifat peribadi Kepala Daerah ialah kualiti sosial, keagamaan, dan teknikal. Rakyat kampar menilai kualiti sifat peribadi sosial seperti ramah tamah, menanamkan kesetiaan terhadap bawahan dan rakyat, kematangan dan keluasan pandangan, mempunyai hubungan antara manusia, bijaksana dalam menghadapi kesukaran, dan dapat menerima pendapat orang lain. Rakyat Kampar juga menilai rendahnya terhadap kualiti keagamaan seperti sidiq, amanah, fatanah, dan tabligh Kepala Daerah Kampar. Rakyat juga menilai kurang memuaskan/rendah terhadap kualiti teknik/kepengurusan Kepala Daerah Kampar. Rendah kualiti sosial, keagamaan, dan teknikal pemerintahan menjadi punca tidak tercapainya kesejahteraan rakyat seperti tidak tercapainya pendidikan rakyat, tidak terjaminnya kesihatan rakyat, tidak terjaminnya perumahan rakyat, dan tidak terentasnya kemiskinan dan masih ramainya penganguran ditengah rakyat Kampar. Oleh kerana itu Kepala Daerah sebagai seorang pemimpin mesti berkualiti

sebagaimana hasil kajian yang dilakukan oleh Ordway Tead (1935) bahawa seorang pemimpin mesti memiliki kualiti sifat peribadi: tenaga jasmani dan rohani (*physical and nervous energy*); kepastian maksud dan arah tujuan (*acense of purpose and direction*); antusiasme atau perhatian yang besar (*anthusiasm*); ramah tamah, penuh rasa persahabatan dan ketulusan hati (*friendlieness and effectif*); integriti atau peribadi yang bulat (*integrity*); kecakapan teknikal (*technical mastery*); mudah mengambil keputusan (*decisioness*); cerdas (*intelligence*); cekap mengajar (*teaching kemahiran*) dan; kesetiaan (*faith*).Kemudian Ordway menambah bahawa sifat-sifat tersebut dalam praktiknya tidak mesti bersama-sama dimiliki oleh seorang pemimpin melainkan sangat bergantung pada tingkat keadaan dari pengikutnya. Menurut John D. Millet bahawa sifat dari seorang pimpinan meliputi kemampuan melihat organisasi satu keseluruhan (*the ability to see an enterprise as a whole*); kemampuan mengambil keputusan-keputusan (*the to make decisions*); kemampuan membahagi tugas atau mendelegasikan kuasa (*the ability to delegate authority*) dan; kemampuan menanamkan kesetiaan (*the ability to command loyalty*). Menurut Keith Davis bahawa sifat-sifat kepemimpinan tersebut terdiri dari kecerdasan (*intelligence*) iaitu memiliki kecerdasan yang lebih tinggi daripada bawahannya; kematangan dan keluasan pandangan sosial (*social maturity and breadth*). Dalam hal ini, pimpinan mempunyai kematangan dan lebih luas dalam hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan sehingga mudah mengendalikan keadaan, kerjasama sosial, serta mempunyai keyakinan dan kepercayaan kepada diri sendiri; mempunyai motivasi dan keinginan berprestasi yang datang dari dalam (*inner motivation and avhiement*

